LARANGAN

di dalam Al-Quran dan Sunnah

IMRAN N. HOSEIN

Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba yang masih ada pada orang yang berhutang itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu jika kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai riba itu), maka ketahuilah kamu akan ada peperangan dari Allah dan RasulNya ...

AL-QURAN, AL-BAQARAH 2: 278-279

Buku-buku oleh Imran N. Hosein patut dibaca dalam susunan berikut

1. Jerusalem in the Qur'an (English / Malay)
2. An Islamic View of Gog and Magog in the Modern World
3. Surah al-Kahf: Text Translation and Modern Commentary
4. Surah al-Kahf and the Modern Age
5. The Gold Dinar and Silver Dirham – Islam and the Future of Money (English / Malay)
6. Signs of the Last Day in the Modern Age
7. Iqbal and Pakistan's Moment of Truth
8. Explaining Israel's Mysterious Imperial Agenda
9. The Religion of Abraham and the State of Israel – A View from the Qur'an
10. The Caliphate the Hejaz and the Saudi-Wahhabi Nation-State
11. A Muslim Response to the Attack on America
12. One Jamaat One Ameer: The Organization of a Muslim Community in the Age of Fitan
13. The Importance of the Prohibition of Riba in Islam (English / Malay)
14. The Prohibition of Riba in the Qur'an and Sunnah
15. Dreams in Islam: A Window to Truth and to the Heart
16. Fasting and Power: The Strategic Importance of the Fast of Ramadan
17. Islam and Buddhism in the Modern World
18. The Islamic Travelogue: Travelling through the South in the Mission of Islam
19. The Quranic Method of Curing Alcoholism and Drug Addiction
20. George Bernard Shaw and the Islamic Scholar

LARANGAN RIBA DIDALAM AL-QURAN DAN SUNNAH

Siri-Siri Memorial Ansari

Larangan RIBA

didalam Al-Quran dan Sunnah

Diterjemahkan oleh
Helmis

IMRAN N. HOSEIN
Masjid Jāmi'ah, City of San Fernando, Trinidad and Tobago

Email: inhosein@hotmail.com
Website: www.imranhosein.org

ISBN 983-9541-20-X

Edisis dalam Bahasa Inggeris 1997
Edisis ini 2013

SŪRAH AL-KAHF: *Quartet of Books*

Volume 1: Sūrah al-Kahf: Text Translation and Modern Commentary;
Volume 2: Sūrah al-Kahf and the Modern Age;
Volume 3: An Islamic View of Gog and Magog in the Modern Age;
Volume 4: Dajjāl the False Messiah or Antichrist.

Diterbitkan oleh
Masjid Jāmi'ah, City of San Fernando.
70, Mucurapo Street,
San Fernando.
Trinidad and Tobago

Diterjemahkan oleh
Helmis
http://syurgadidunia.blogspot.com

Dicetak di

Kuala Lumpur, Malaysia

Ditujukan kepada ayahandaku

Ibrahim N. Hosein

Seorang guru besar kampung di kepulauan Caribbean Trinidad,
yang telah mengajarku untuk mencintai Islam.

Moga Allah mengasihani akan rohnya

Ameen!

Larangan *Riba* didalam Al-Quran Dan Sunnah

Sebagai penjelasan kepada larangan Islam berkenaan *riba* (sebagai contohnya memberi dan membuat pinjaman dengan faedah dan lain-lain lagi), dan usaha:

- **Untuk mengingatkan** golongan Muslim mengenai ajaran *Quran* dan *Sunnah* berkenaan larangan *riba,* dan terutamanya bahawa melanggari larangan ini merupakan sebahagian dari dosa yang amat besar;
- **Untuk mendedahkan** akan rancangan besar kuasa zalim yang sudah pun berjaya meneruskan agendanya, melalui *riba,* untuk memperolehi kuasa keatas seluruh umat manusia. Sasaran mereka adalah untuk mendapatkan kawalan penuh, dan menggunakan kuasa tersebut untuk menghapuskan keimanan kepada *Allah;*
- **Untuk membantu** umat Islam untuk keluar dari penglibatan secara langsung didalam *riba,* dan dengan itu dapat mengekalkan keimanan mereka, dan dalam masa

yang sama kami menyedari bahawa pada hari ini ianya agak mustahil untuk hidup dengan bebas sepenuhnya dari *riba*;

- **Untuk menjelaskan** ekonomi berasaskan *Sunnah* (iaitu *Sunnah* berkaitan dengan perihal ekonomi) dan, terutamanya sekali, hakikat sebenar pasaran ekonomi yang bebas dan adil dan pelbagai cara bagaimana pasaran ekonomi pada hari ini telah dicemari sepenuhnya;
- **Untuk memberi amaran** kepada orang Islam akan kemusnahan yang tidak dapat dielakkan lagi, yang akan berlaku pada ekonomi yang berasaskan wang palsu yang tidak boleh ditebus, iaitu wang kertas, plastik dan wang elektronik; dan untuk menggalakkan mereka untuk kembali kepada penggunaan wang sebenar ciptaan *Allah* (swt) iaitu emas dan perak dan lain-lain lagi wang yang sebenar.
- **Untuk menyumbang** kepada pengembalian pasaran yang bebas dan adil (dengan etika bisnes yang berlainan berbanding dengan kapitalisme yang berlandaskan *riba*) dengan menggalakkan *ba'i* (perniagaan) dan bukan *riba,* dan mengumpulkan modal melalui pelaburan *mudarabah* dan *musharaqa* berbanding pinjaman bank dengan faedah.

Masanya itu telah tiba!

Siri-Siri Memorial Ansari

Siri memorial Ansari diterbitkan dalam usaha untuk menghormati Sarjana Islam tersohor, *Shaik Sufi,* dan bekas Shaik Al-Islam kepada komuniti Muslim di Trinidad dan Tobago, Maulana Dr. Muhammad Fadhlur Rahman Ansari (1914-1974), dan ulang tahun ke 25 kewafatannya. Setakat ini terdapat tujuh buah buku, iaitu (dalam bahasa Inggeris);

1. Dreams in Islam – A Window to Truth and to the Heart;
2. The Religion of Abraham and the State of Israel – A View from the Qur'an;
3. The Importance of the Prohibition of *Riba* in Islam;
4. The Prohibition of *Riba* in the Qur'an and Sunnah;
5. The Chaliphate the Hejaz and the Saudi-Wahhabi Nation-State;
6. One Jama'at – One Ameer: The Organization of a Muslim Community in the Age of Fitan;

7. The Strategic Significance of The Fast of Ramadhan and Isra' and Mi'raj.

Buku-buku ini semuanya telah ditulis oleh Imran N. Hosein, anak murid kepada Maulana Ansari, dan telah diterbitkan oleh Masjid Dar Al-Qur'an, Long Island, New York, Amerika Syarikat, Masjid Al-Ansari, Montrose, Chaguanas, Trinidad dan Tobago.

Maulana Ansari adalah seorang lulusan Aligarh Muslim University, India, dimana beliau telah mempelajari bidang Falsafah dan Keagamaan. Pemikiran falsafah Islamik dan kerohanian beliau datangnya dari tokoh sarjana terhebat pada zaman ini iaitu *Allama* Dr. Muhammad Iqbal yang mana merupakan pengarang karya agung kesarjanaan Islam: *'The Reconstruction of Religious Thought in Islam'*. Karya hebat kesarjanaan Maulana Ansari, dalam dua jilid: *'Qur'anic Foundations and Structure of Muslim Society'* yang mana adalah thesis Phd beliau untuk kedoktoran didalam Falsafah. Ianya merupakan sumbangan cemerlang kepada kesarjanaan Islam dari salah seorang pelajar Dr. Muhammad Iqbal.

Maulana Ansari menerima latihan kerohanian beliau dari *Maulana* Muhammad Aleem Siddiqui, sarjana Islam termasyur, *Shaik Sufi*, dan juga seorang mubaligh Islam yang sering merantau. Beliau menerima epistemologi sufi dari *Allama* Iqbal dan juga *Maulana* Siddiqui, dan kemudian menyampaikannya

pula kepada anak-anak muridnya sendiri. Epistemologi *sufi* menegaskan bahawa proses ilmu itu bermula dengan usaha mencari kebenaran melalui pembelajaran ilmu melalui tulisan dan juga pemerhatian kritikal akan dunia luar. Allah (swt) adalah kebenaran (*al-Haq*), dan kebenaran datangnya dari Allah. Kebenaran yang tidak tercemar hanya wujud didalam dunia Islam sekarang. Apabila kebenaran telah ditemui, ianya hendaklah diterima dengan keikhlasan, dan perlu digunakan dengan sepenuhnya didalam kehidupan. Kebenaran itu kemudiannya akan meresap kedalam jiwa iaitu ianya akan masuk kedalam hati. Allah (swt) meletakkan sendiriNya kedalam hati, dan Allah telah menyatakannya didalam hadis al-Qudsi:

> *LangitKu dan bumiKu terlalu kecil untuk menampung diriKu, akan tetapi hati hambaKu yang soleh dapat menampung diriKu.*

Apabila kebenaran menembusi hati, maka hati kemudiannya diberi cahaya dari Allah (*nurullah*), yang memberikan kuasa untuk memperhati dan juga gerakan hati dalaman untuk menembusi *sifat luaran* dan menjangkau *hakikat dalaman*. Hanya dengan cahaya dalaman hamba yang soleh itulah *hakikat sebenar dunia ini dapat dilihat dengan tepat*. Siri-siri Memorial Ansari didedikasikan untuk menumpukan usaha-usaha untuk memahami keadaan dunia hari ini, menjelaskannya dengan tepat dan mampu bertindak balas keatas cabaran-cabaran baru itu

dengan sebaiknya. Dan usaha tersebut, sudah tentulah senantiasa dikaji dengan penilaian yang kritikal.

Allah (swt) telah memberikan medium atau cara yang mana hamba-hambaNya dapat mengesahkan yang mereka telah dikurniakan keupayaan ilmu dalaman (intuitif – iaitu ilmu yang mana hati dapat melihat). Syariatnya adalah 'mimpi-mimpi yang baik dan mimpi-mimpi yang benar' dan visi (pandangan hadapan yang berkaitan dengan kerohanian), yang mana merupakan bahagian terakhir kenabian yang masih tinggal didunia ini selepas kewafatan Nabi (saw). Oleh sebab itu Siri Memorial Ansari juga mempelopori usaha dalam cabang ilmu tersebut yang kini semakin dilupakan, sebagai contohnya buku *Dreams in Islam*. Ilmu intuitif dalaman ini juga amat perlu untuk mendalami subjek-subjek strategik pada masa kini seperti: '*The Prohibition of Riba in Islam*' dan '*The Religion of Abraham and the State of Israel – A View from the Qur'an*', oleh sebab itu subjek ini mendapat perhatian didalam siri ini.

Hanya dengan ilmu pengetahuan dalaman (*firasat*) ini sahajalah seseorang akan yakin bahawa kita sekarang ini hidup di dalam era *fitan*, peringkat terakhir didalam proses sejarah. Ilmu dan pemikiran berdasarkan kajian dan penulisan hanya boleh mengesyorkan, akan tetapi tidak boleh secara langsungnya melihat keadaan sebenar era atau zaman yang mana kita hidup sekarang ini. Implikasi kepada kesedaran ini (bahawa kita hidup

dizaman *fitan*) adalah *jama'ah* yang sebenar dengan mempunyai *Imam/Ameer* yang sebenar perlu di tubuhkan dan dikekalkan dengan usaha yang lebih gigih dan segera dari dulu, dan semua mereka yang beriman perlulah berpegang kepada padanya dengan *as-sam'tu wa-ta'atu* (mendengar dan mematuhi), kerana itulah yang telah diperintahkan oleh Nabi (saw). *One Jama'at – One Ameer: The Organization of a Muslim Community in the Age of Fitan* membawa perhatian kepada perkara penting ini.

Ianya suatu yang amat bermakna apabila *Maulana* Ansari menjadi *Shaik al-Islam* kepada komuniti Muslim di Trinidad dan Tobago dari tahun 1964 sehinggalah beliau kembali kerahmatullah pada tahun 1974, malahan kepimpinan *Dar al-Islam* yang merupakan gerakan Muslim Afrikan-Amerikan di Amerika Utara telah melafazkan *bai'ah* (ikrar kepatuhan) mereka kepada beliau pada tahun 1969 dan juga menerima beliau sebagai pemimpin. *Dar al-Islam* telah ditubuhkan di Brooklyn, New York pada tahun 1962 dan telah diketuai oleh *Imam* Yahya Abd al-Kareem. Ianya sekarang diketuai oleh *Imam* Jameel al-Amin (sebelum ini dikenali sebagai H. Rapp Brown).

Dua buku seterusnya yang akan diterbitkan didalam siri ini, masih lagi belum ditulis. Buku-buku ini, *Insha Allah* akan bertemakan kepada topik-topik: *The return of Jesus – A View from Islam*; dan *Surah al-Kahf and the Modern Age.*

Maulana Dr. Ansari menghargai *Shaik*nya, *Maulana* Abdul Aleem Siddiqui dengan menubuhkan Aleemiyah Instiute of Islamic Studies di Pakistan dan dengan menerbitkan Siri-siri Memorial Aleemiyah. Siri-siri ini mewakili usaha yang tidak seberapa dalam mengikuti tradisi mulia beliau.

Mengenai Penulis

Imran N. Hosein telah dilahirkan di Trinidad, West Indies pada tahun 1942. Beliau telah mempelajari Islam dibawah tunjuk ajar sarjana tersohor dan juga seorang Shaik Sufi, Maulana Dr. Fadhlur Raḥman Ansari (Al-Qaderi), di Aleemiyah Institute of Islamic Studies, Karachi, Pakistan. Beliau juga adalah lepasan ijazah kajian Falsafah di Universiti Karachi dan juga dalam *International Relations* (Hubungan Antarabangsa) di Universiti West Indies, Trinidad dan di Graduate Institute of International Studies, Geneva, Switzerland.

Bekas Pegawai Hubungan Luar di Trinidad dan Tobago, beliau meletakkan jawatannya pada tahun 1985 untuk mengabdikan kehidupannya untuk perjuangan Islam. Beliau telah dilantik sebagai Pengetua kepada Aleemiyah Institute of Islamic Studies, Pakistan, jawatan yang dipegangnya sehingga tahun 1988. Pada tahun 1989 beliau berhijrah ke Amerika Syarikat dan telah dilantik sebagai Pengarah kepada Institute for Islamic Education and Research di Miami, Florida. Dari tahun 1991 beliau bekerja di New York sebagai Pengarah kepada

Islamic Studies for Joint Comittee of Muslim Organization of Greater New York. Ini termasuklah Islamic Community of the United Nation di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Manhattan, New York, dimana beliau mengetuai solat Jumaat sekali didalam setiap bulan selama enam tahun. Pada Disember 1996 beliau telah dilantik oleh Dr. Israr Ahmad sebagai Pengarah Da'wah kepada Tanzeem-e-Islami Amerika Utara.

Demi perjuangan Islam beliau telah banyak menjelajah, sebagai contoh ia melawat Asia Tenggara, sebanyak tujuh kali dari tahun 1988 dalam program ceramah Islam. Beliau baru-baru ini telah menamatkan setahun penuh khidmat untuk Islam di Caribbean Island of Grenada, Trinidad and Tobago.

Sebagai pengarang dalam subjek perbandingan agama beliau telah menghasilkan karya penting dalam '*Islam dan Buddhism in the Modern World*', diterbitkan di Pakistan pada tahun 1972. Karya-karya beliau mengenai Islam dan Perhubungan Antarabangsa termasuklah '*Diplomacy in Islam – An Analysis of the Treaty of Hudaibiyah*'. Koleksi tulisan-tulisan beliau telah diterbitkan di Singapura pada tahun 1991 dibawah tajuk '*Islam and the Changing World Order*'.

Karya-karya terkini beliau telah diterbitkan pada tahun 1997 dibawah Siri-siri Memorial Ansari (sempena ulang tahun ke 25 kematian Dr. Ansari), ianya adalah:

- 'The Importance of the Prohibition of *Riba* in Islam',
- 'The Prohibition of *Riba* in the Qur'an and Sunnah',
- 'The Religion of Abraham and the State of Israel - A View from the Qur'an',
- 'The Chaliphate, the Hejaz and the Saudi-Wahhabi Nation-State', dan
- 'One Jama'at at One Ameer - The Organization of a Muslim Community in the Age of Fitan'.

Beliau berharap untuk menghasilkan dua lagi buku didalam Siri Memorial Ansari berkenaan topik:

- 'Suratul Kahf and the Modern Age', dan
- 'An Islamic View of the Return of Jesus'.

Kandungan

Prakata

Buku ini, berkenaan: *'Larangan Riba didalam Qur'an dan Sunnah'*, adalah terbitan kedua didalam Siri-siri Memorial Ansari, diterbitkan untuk menghargai guru saya dan juga *Shaikh* yang diingati, *Maulana* Dr. Fadhlur Rahman Ansari (1914-1974). Terbitan pertama adalah buku kecil bertajuk: *'Pentingnya Larangan Riba didalam Islam'*. Oleh kerana bahaya besar yang diajukan oleh *riba,* dan amat kritikal pentingnya akan subjek ini, sebanyak 60,000 ribu naskah buku kecil itu telah dicetak untuk edaran percuma di Amerika Syarikat, di Malaysia dan juga di Singapura.

Hasil dari usaha saya melakukan kajian perkenaan *riba,* saya amat menyedari bahawa sebenarnya kebanyakan umat Islam tidak mempunyai ilmu dan maklumat yang cukup mengenai perkara tersebut. Sesetengahnya tidak mampu memahami perkara tersebut disebabkan oleh tirai-tirai yang telah menutupi mata mereka. Yang lainnya lebih memilih untuk tidak mempelajari langsung mengenainya kerana hidup mereka akan menjadi sukar jika mereka melakukan usaha ikhlas untuk

menjauhkan diri dari *riba.* Itulah dia masaalah sebenar pada masa kini.

> *Anas berkata yang dia telah mendengar Pesuruh Allah bersabda: Antara tanda-tanda kiamat adalah hilangnya ilmu pengetahuan dan banyaknya kejahilan ... [Bukhari, Muslim].*

Di seluruh dunia Islam pada hari ini, umat Islam teramat memerlukan buku-buku berkenaan *riba,* yang mampu menjelaskan perkara tersebut dengan mudah dan jelas, dan buku tersebut perlulah disebarkan secara meluas. Tujuan usaha kecil kami menulis buku ini, termasuklah buku kecil sebelum ini didalam Siri-siri Memorial Ansari: *Pentingnya Larangan Riba didalam Islam,* adalah untuk cuba mengisi kekosongan yang merbahaya ini (ketiadaan buku berkenaan *riba*). Jika kami gagal, ianya adalah kerana kekurangan kami dan kami amat mengalu-alukan komen-komen, bantuan-bantuan dan nasihat dari pembaca-pembaca kami. Jika kami berjaya, ianya adalah kerana rahmat dari Allah (swt).

Ciri-ciri asas gaya yang kami gunakan untuk berhadapan dengan subjek yang sukar ini adalah dengan membawakan *Al-Quran* dan *hadis* kepada para pembaca sebanyak yang mungkin dan menghadkan komen-komen oleh penulis. Fungsi asas kami adalah untuk menyusun bahan-bahan dan mempersembahkan-nya dengan cara yang sistematik. Beberapa ayat *Al-Quran* dan

hadis diulangi beberapa kali didalam buku ini. Ini adalah kerana ayat-ayat yang diulangi itu mempunyai pelbagai aplikasi. Singkatan (saw) selepas nama-nama Nabi bermaksud 'Salam dan sejahtera Allah keatasnya" dan (ra) selepas nama-nama para sahabat Nabi (saw) adalah bermaksud "Allah merahmati mereka".

Pendedahan subjek *riba* ini telah mendedahkan penipuan besar yang mana melaluinya *al-Masih al-Dajjal* berusaha untuk merendahkan umat Islam sejagat, melalui penipuan, kepada kepapaan dan, akibat dari itu kepada *kekufuran* (tidak lagi beriman). Kami berharap ilmu pengetahuan berkenaan *riba* akan membawa para pembaca kepada tindakan yang sewajarnya yang mana dapat bertindakbalas terhadap kuasa jahat ini. *Insyaallah.*

Beberapa orang sahabat dan rakan telah menyemak manuskrip buku ini dan telah memberi beberapa saranan yang amat bernilai. Antara mereka adalah Siddiq Ahmad Nasir, Ali Mustafa, AlFahime Jobe, Kem Kamaluddeen dan Dr. Shujuat Ali Khan. Sesetengah yang menyemak manuskrip dengan khususnya meminta nama-nama mereka tidak disebut didalam bab pengenalan ini, - ini mungkin, sebagai tanda kesulitan yang dialami olem meraka yang perusaha dengan berani menegakkan larangan *riba* didalam *Islam.* Lima puluh tahun dari sekarang mungkin menjadi amat mustahil untuk umat *Islam* walaupun untuk sekadar mengajar berkenaan subjek ini, - pada masa itu

kejahilan terhadap *Islam* akan meluas, dan sungguh ketara pengaruh fahaman salah perkenaan *riba* diminda manuasia sejagat.

Kami doakan belas kasihan dan rahmat Allah (swt) keatas Abu Sulaiman Asghar Hassan dan Umm Mahboob Fatima, dan juga Saudara Abdul Rasheed, semuanya dari Singapura, yang mana dengan kebaikan dan kemurahan hati mereka membolehkan kami melakukan kajian dan menulis buku ini. Kemurahan hati Haji Muhammad Saleem memberikan dana, yang didermakan atas nama ibu-bapanya, cukup untuk menampung kos mencetak buku ini[1], ianya juga amat dihargai dengan ucapan terima kasih. Semoga Allah merahmati, memberi keampunan dan belas kasihan kepada ibu-bapanya, Marhoom Zafar Ali dan Ashraf Jan dari Rawalpindi, Pakistan. *Ameen*!

Ucapan terimakasih khas kamu kepada Saudara Aftabuddin dan Shakeel (dari Sanatech Printers) untuk usaha murni mereka dalam menyediakan muka surat dan juga mencetak ini, dan kepada Muhammad Yar yang telah mencipta kulit muka buku ini. Irfan Quraishi telah membekalkan saya komputer dan pencetak yang saya gunakan untuk penyediaan buku ini, dan Nabeel al-Masry yang telah memperkenalkan saya kepada Word Perfect Windows. Moga *Allah* merahmati mereka semua. *Ameen*!

Imran N. Hosein

Masjid Dar al-Qur'an, Long Island, New York.

Shawwal 1417 / February 1997

Nota-nota

1. Cetakan pertama diterbitkan oleh Masjid Darul Qur'an, Long Island, New York.

1

Pengenalan

Nahmaduhu wa nusalli ala Rasoolihi al-Kareem
Aoozubillahi min ash-Shaitan ar-Rajeem
Bismilla ar-Rahman ar-Raheem

Apabila yang miskin kekal miskin dan yang kaya, semakin kaya, itu adalah penindasan! Diseluruh dunia hari ini, ekonomi penindasan ini wujud, dan ianya semakin bertambah – yang miskin semakin miskin dan yang kaya semakin kaya. *Riba* lah penyebabnya! Penindas elit global yang berpusat dibarat, dan yang juga terdapat diseluruh dunia, kekal berterusan menghisap kekayaan umat manusia dan memiskinkan manusia sejagat melalui *riba*. Objektif utama mereka adalah memperhambakan semua umat manusia melalui perhambaan baru yang rumit dan halus. Sistem politik, penggubal undang- undang, penghakiman, perundangan, media dan sebagainya, kesemuanya telah dicipta

oleh penindas ini, dan kesemuanya berfungsi untuk mengekalkan sistem ekonomi yang menindas ini. Televisyen pula digunakan untuk membawa manusia sejagat ke alam fantasi supaya mereka leka dan alpa sementara *riba* digunakan untuk memperhambakan mereka.

Riba adalah faedah (bunga), ianya selalu diertikan sebagai meminjamkan wang dengan kadar faedah tinggi yang tidak sepatutnya. Tetapi *riba,* atau faedah didalam Islam adalah meminjamkan wang dengan faedah, tanpa mengambil kira berapa kadar faedah itu! Apabila wang dipinjamkan dengan faedah, maka wang itu sendiri, tanpa sebarang kerja ataupun usaha, ataupun tanpa apa jua risiko, bertambah dengan masa. Pertambahan jumlah wang ini berlaku menerusi eksploitasi tenaga kerja, barangan ataupun harta benda sedangkan Allah (swt) dengan jelasnya mengishtiharkan bahawa tiada apa yang boleh dimiliki tanpa usaha ataupun kerja (*Al-Quran* 53:39). Pengeksploitasian tenaga kerja, barangan dan juga harta benda ini berlaku menerusi pengurangan nilai tenaga kerja atau barangan tersebut, - sesuatu yang Allah yang Maha Agung secara khusus melarangnya didalam beberapa ayat didalam *Al-Quran* (6:85, 11:85, 26:183, dll).

Riba juga berlaku apabila kekayaan disedut dari manusia sejagat melalui muslihat dan juga pelbagai bentuk penipuan yang lain. Sebagai contohnya seperti yang berlaku dengan wang

kertas, plastik ataupun elektronik. *Riba* juga terdapat didalam transaksi yang bersifat spekulatif. Lebih dari 60% dari kesemua perpindahan wang didalam dunia ekonomi hari ini adalah dalam bentuk transaksi spekulatif.

Allah (swt) amat melarang keras akan *riba.* Akan tetapi dunia hari ini, termasuklah dunia Islam, sudah tepu dengan *riba.* Ini telah mengesahkan ramalan Nabi Muhammad (saw) yang telah meramalkan musibah, didalam hadis yang diterima dari Abu Hurairah (ra) berikut:

> *Akan tiba masanya, baginda bersabda, apabila kamu tidak akan dapat menjumpai seorang pun didunia ini yang tidak akan memakan riba. Dan sekalipun jika seseorang menyatakan yang dia tidak memakan riba, wap riba (dalam ayat yang lain debu riba) akan tetap kena kepadanya.* [*Abu Daud, Mishkat*]

Apa yang patut kita lakukan dalam keadaan sebegini?

Golongan yang benar-benar beriman, bukan sahaja perlu berusaha sedaya upayanya untuk mengelakkan diri dan juga keluarganya daripada *riba,* dia juga perlu berusaha untuk membantu (*ma'oun*) umat manusia yang mengalami kesengsaraan. Untuk ini ia memerlukan revolusi perjuangan dimulakan dengan membebaskan dunia *Islam* dari cengkaman darah *riba* yang beracun ini. Jika golongan yang beriman itu

tidak berusaha untuk menjaga dirinya daripada *riba* dan juga jika dia tidak bertindakbalas dengan sepatutnya terhadap penindasan didunia ini (yang mana termasuklah penindasan disebabkan oleh *riba*), maka imannya adalah kosong! *Al-Quran* telah memberikan amaran ini dengan tepatnya didalam *Surah Al-Ma'oun* (*Al-Quran 107*).

> Untuk mengekalkan keimanan didalam era *riba,* dan untuk bertindakbalas sebaik-baiknya kepada penindasan didunia ini, mereka yang beriman perlulah memastikan yang mereka terdiri daripada jemaah yang berusaha menentang *riba.* Jemaah tersebut perlu berfungsi dibawah kepimpinan seorang Ameer yang berwibawa dan yang juga mempunyai ilmu pengetahuan yang secukupnya mengenai perkara tersebut. Mereka yang beriman perlulah menyatakan kesetiaan mereka untuk mendengar dan patuh kepada Ameer tersebut. Tiada jalan lain untuk umat *Islam* untuk mengekalkan keimanan mereka dizaman *riba* ini!

Didalam ekonomi yang berlandaskan *riba,* mereka yang mempunyai wang dan modal bukan sahaja akan kekal kaya, disebabkan mereka telah menghapuskan kebarangkalian untuk mengalami kerugian, malah mereka akan berterusan menjadi semakin kaya kerana meraka akan menyedut kekayaan daripada orang lain. Mereka akan menjadi semakin kaya atas penat lelah

manusia lain, manusia yang kalaupun belum miskin, tetap mengalami kemiskinan melalui sistem 'pelaburan tanpa risiko'. *Pelaburan tanpa risiko adalah rompakan yang dihalalkan dari sisi undang-undang.* Jumlah mereka yang miskin akan semakin bertambah dan tahap kemiskinan akan semakin menurun dan menurun hinggalah ketahap kepapaan. Nabi Muhammad (saw) telah bersabda bahawa mereka yang hidup dalam kepapaan mungkin akan hilang keimanan mereka terhadap Allah (swt). Kapitalisme yang berlandaskan *riba* hari ini telah membuatkan majoriti umat manusia menjadi miskin. Ia merupakan sebahagian dari strategi besar tamadun yang tidak bertuhan yang dominan pada hari ini, dalam usaha membawa seluruh umat manusia untuk tidak lagi beriman kepada tuhan!

Oleh sebab itu, jika golongan beriman tidak bertindakbalas dengan sebaiknya terhadap cabaran *riba,* sejumlah besar majoriti umat Islam diseluruh dunia akan hilang keimanan mereka.

Apabila *Islam* menjalankan fungsinya sebagai kuasa untuk membebaskan mereka yang telah dieksploitasi dan ditindas, *Islam* itu sendiri menjadi sasaran berterusan kekecaman yang hebat. Sebabnya ini berlaku amat jelas. Media telah dikawal oleh mereka yang telah menubuh dan mengekalkan ekonomi dunia hari ini yang berlandaskan *riba,* dan merekalah yang menindas umat manusia! Merekalah yang mengambarkan Islam sebenar sebagai "*fundamentalism*". Tetapi versi *Islam* yang cemar ini,

yang tidak menyatakan faedah atau bunga daripada bank sebagai *riba,* dan juga tidak mempersoalkan golongan penindas elit terhadap ekonomi mereka yang menindas, lalu Islam ini diterima dengan mesranya oleh pihak media sebagai versi agama *Islam* yang sebenar.

Jika mereka yang zalim menggunakan *riba* untuk tujuan menyedut kekayaan umat manusia, mereka akan mendapat lebih daripada itu selain dari mengumpulkan kekayaan yang banyak. Mereka sebenarnya telah berjaya memperhambakan seluruh umat manusia. Ini dimana *Rib*a digunakan sebagai senjata peperangan ekonomi. Buku ini akan berusaha untuk menunjukkan, dengan menggunakan kitab Taurat, bahawa inilah matlamat utama mereka yang telah mengubah kitab Taurat, untuk membenarkan *riba* digunakan oleh mereka keatas umat manusia yang lain.

Ini adalah kerana *riba,* yang pada hakikatnya adalah satu peperangan, dimana Allah (swt) telah mengisytiharkan terhadap mereka yang memakan *riba* itu:

> *... dan jika kamu tidak melakukannya (iaitu tidak berhenti dari meminta faedah yang telah dikenakan oleh kamu) maka ketahuilah (pengisytiharan) akan peperangan dari Allah dan RasulNya ... [Al-Quran, al-Baqarah 2:279]*

Jika kita tidak patuh kepada amaran-amaran *Al-Quran* dan *hadis*, maka hanya akan menunggu masa sahajalah sebelum kita semua akan diperhambakan oleh kerajaan dunia yang dikawal oleh golongan elit penindas. Kita akan menjadi tidak mampu untuk menentang perhambaan tersebut kerana *riba* akan menyedut hingga kering akan kekayaan yang kita miliki. Kemiskinan dan kedaifan kita ini akan dieksploitasikan oleh "tuan" kita ini untuk memusnahkan iman kita kepada *Islam*. Sesetengah pihak sudah pun berpendapat bahawa kita telah pun diperhambakan.

Tujuan kami menulis buku ini adalah untuk memberi amaran kepada mereka yang beriman bahawa sebenarnya golongan elit penindas ini telah pun berjaya dalam perancangan besar jahat mereka memerangi umat manusia. Ramalan Nabi Muhammad (saw) mengenai berleluasanya *riba* diseluruh dunia telah pun jelas terbukti. Nabi Muhammad (saw) telah banyak kali menyatakan dengan jelas bahawa bahaya besar kepada keutuhan ummah dan juga keimanan golongan beriman adalah datangnya daripada *riba*. Ini mengesahkan amaran dari Allah (swt) sendiri yang mana Allah (swt) telah memilih subjek *riba* ini sebagai subjek wahyuNya yang terakhir.

Bukan sahaja ramalan Nabi (saw) mengenai berleluasanya *riba* ini telah terbukti, malah ianya telah teramat jelas kelihatan didalam kehidupan kita yang sengsara ini!, terutamanya sejak 70

tahun lepas dimana *Khalifat* Ottoman dihapuskan pada 1924. Sehingga 1924, kapitalis Eropah yang berlandaskan *riba* ini hanya berjaya mempengaruhi rejim-regim yang mengendali hal-ehwal umat Islam. *Khalifa* Ottoman sebagai contoh, telah meminjam wang dengan faedah daripada Eropah hingga ke satu tahap yang dimana ia terpaksa, pada tahun 1857, untuk tunduk kepada peras-ugutan kewangan Eropah, dan akibatnya terpaksa menghapuskan *jizyah* dan *adh-dhimmah* didalam semua kawasan dibawah Empayar Ottoman sebagai '*quid-pro-quo*' (benda yang perlu diberi sebagai balasan) untuk kelonggaran dalam membayar balik pinjaman dan faedah tersebut. Ini adalah contoh yang baik, untuk jajahan kewangan yang sudah banyak berlaku pada hari ini. Akan tetapi ianya juga adalah proses permulaan dalam usaha menghapuskan model mulia aturan kemasyarakatan (negara) didalam dunia *Islam* (*dar al-Islam*), dan kemudian menggantikannya dengan model sekular Eropah yang mana kedaulatan Allah (swt) telah diambil dan diberikan kepada negara itu sendiri. Dan ini adalah satu tindakan *syirik*! Walau bagaimana pun, bermula dari tahun 1924, *riba* telah pun berjaya menembusi sepenuhnya kehidupan ekonomi masyarakat *Islam* diseluruh dunia. Jajahan kewangan bercirikan *riba* ini telah membawa pisau yang tajam ke leher kesemua dunia *Islam* untuk disembelih oleh pihak musuh. *Malah kesemua umat manusia sekarang ini telah pun terperangkap didalam dunia riba.*

Jika kita berusaha untuk memahami kebenaran didalam *Al-Quran* dan *Sunnah,* terutamanya yang berkenaan dengan larangan *riba,* dan mematuhinya walau apa pun harga yang perlu dibayar, mungkin masih mampu untuk kita melindungi diri kita dari pihak musuh yang berperang secara ekonomi dengan bersenjatakan *riba* itu. Bukankah Nabi (saw) kita telah memberi kita amaran mengenai tujuh dosa-dosa besar yang kita patut elakkan:

> *"Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi (saw) telah bersabda: Elakkan tujuh dosa besar yang memusnahkan. Mereka bertanya: Wahai pesuruh Allah, apakah ianya? Baginda berkata: Untuk menyekutukan Allah; untuk mengamalkan sihir; untuk membunuh mereka yang dilarang oleh Allah kecuali atas sebab yang dibenarkan (mengikut undang-undang Islam);* ***untuk memakan riba****; untuk memakan harta anak yatim; untuk mengalah kepada pihak musuh dan lari meninggalkan medan perang dimasa peperangan dan untuk menuduh gadis suci yang tidak pernah berniat melanggari kesuciannya dan dia juga adalah seorang yang amat beriman"* [*Bukhari*].

Kita hidup hari ini dalam dunia dimana amalan *riba* telah membawa kepada penindasan ekonomi secara besar-besaran terhadap manusia sejagat, yang tidak menyedarinya. Dan

penindasan ini menjadi semakin teruk setiap hari. Dua puluh lima tahun telah berlalu dari tahun 1971, sejak Perjanjian Bretton Woods terbatal, yang mana telah menyaksikan apa yang dikatakan perhambaan oleh penindas elit global didalam sempadan dunia ekonomi yang berlandaskan riba. Amaran didalam buku ini yang telah diterbitkan di New York pada tahun 1997, dan ditulis mengikut perspektif *Al-Quran,* ialah dua puluh lima tahun yang akan datang akan mengesahkan perhambaan ekonomi keatas seluruh umat manusia oleh golongan pen elit ini.

Buku ini bertujuan untuk menegaskan bahawa hanya *Islam* sahajalah yang boleh membebaskan umat manusia dari perhambaan ekonomi yang disebabkan oleh *riba* ini.

Orang-orang Afrikan-Amerikan, lebih dari manusia lain, sepatutnya amat berminat dalam subjek larangan *riba* ini, mereka sudah pun berulang kali menunjukkan tentangan mereka terhadap penindasan ekonomi. Akan tetapi penindasan terhadap golongan Afrikan-Amerikan di Amerika Utara ini masih berkekalan malah bertambah teruk. Penindasan kaum, agama dan politik keatas segolongan manuasia hanya atas sebab warna kulit mereka yang hitam itu masih tidak berubah. Akan tetapi penindasan ekonomilah yang memberikan bahaya yang sebenar.

Dr. Martin Luther King telah mengetuai perarakannya yang masyur ke Washington D.C. untuk golongan yang ditindas pada tahun 1963, dan beliau berucap dengan petahnya mengenai

impian beliau terhadap dunia yang bebas dari penindasan. Beliau telah bercakap secara terbuka mengenai penentangan secara aman terhadap penindasan sebagai falsafah asas beliau untuk pembebasan golongan yang telah ditindas. Falsafah tersebut sebenarnya telah dipinjam dari pemimpin Hindu dari India iaitu Gandhi. Malcolm X juga telah pergi ke Washingon D.C. tetapi tidak turut menyertai perarakan pada tahun 1963 itu. Beliau meragui bahawa satu perarakan dan falsafah asas penentangan secara aman terhadap penindasan, akan membawa perubahan yang positif kepada keadaan mereka yang telah ditindas. Tepat sekali jangkaan beliau! Malah pada malam sebelum perarakan tersebut beliau mempersendakan keseluruhan tindakan itu.

> Scotch dan bourbon berpercikan; Malcolm melihat, tersenyum dan mengingatkan semua orang bahawa akibat pertama dari perarakan tersebut bukanlah pembebasan orang-orang kulit hitam akan tetapi penutupan kedai-kedai minuman keras. Tiada lagi minumam (arak) untuk orang-orang Indian hari esok, lawak beliau.[1]

Impian Dr. King hanyalah tinggal impian! Ekonomi masyarakat Afrikan-Amerikan hari ini semakin teruk berbanding pada masa perarakan tersebut. Dr. King telah dibunuh, dan begitu juga dengan Malcolm, dan penindasan telah pun bertambah. Tali pencerut dikeliling leher masyarakat yang

ditindas menjadi semakin ketat! Bukan sahaja keadaan ekonomi mereka yang telah ditindas di Amerika Utara semakin buruk, malah keupayaan mereka untuk menentangnya semakin lemah. Dan runtuhan nilai moral yang teruk didalam masyarakat moden sekular menunjukkan bahawa mereka yang telah ditindas pada hari ini tidak lagi mempunyai keupayaan untuk melihat, mempunyai semangat, moral dan integriti untuk menolak penindasan tersebut.

Lebih dua puluh lima tahun yang lalu, pada tahun 1970, masyarakat bukan Eropah telah bercakap dan impikan akan pembentukan New International Economic Order (NIEO) yang mana mungkin boleh membawa kepada keadilan ekonomi yang besar kepada umat manusia berbanding keadaan pada masa tersebut. Akan tetapi harapan tersebut, untuk NIEO (yang adil) itu hanyalah impian semata-mata. Ianya tidak menjadi kenyataan! Pertubuhan Bangsa-bangsa bersatu (UN) telah digunakan sebagai forum dimana usaha perjuangan boleh dijalankan. Usaha itu telah gagal. Forum itu juga telah gagal. Sekarang, dua puluh lima tahun kemudiannya, yang kaya menjadi semakin kaya sementara yang miskin menjadi semakin miskin. Masyarakat dan negara-negara miskin pada hari ini telah berhutang hingga ke tahap, pada hakikatnya, mereka telah dipenjarakan oleh golongan yang memberi hutang kepada mereka.

Hakikatnya adalah keadaan mereka yang ditindas menjadi semakin teruk dan pemimpin mereka, termasuklah Louis Farrakhan, tidak mempunyai petunjuk langsung akan cara yang patut mereka lakukan untuk membebaskan golongan yang ditindas ini dari penindasan ekonomi. Dan pada masa buku ini ditulis, telah datang dan perginya ulang tahun perarakan jutaan orang, akan tetapi tiada berubahan untuk golongan yang telah ditindas ini.

Adalah pendapat kami bahawa segala usaha untuk mencapai keadilan ekonomi akan gagal sehinggalah umat manusia itu berpaling kepada panduan daripada suatu yang tidak cemar atau telah diubah-ubah iaitu *Al-Quran*. Hanya *Al-Quran* sahaja dapat mengembalikan kepada umat manusia, satu dunia yang adil dan aman kerana hanya didalam *Al-Quran* sahajalah umat manusia dapat mempelajari kebenaran mengenai *riba*! Buku ini mendedahkan bahawa *riba* adalah senjata rahsia yang telah digunakan oleh penindas untuk mengketatkan tali penindasan dileher umat manusia! Dan para pemimpin golongan yang ditindas ini pula hanya mempunyai sedikit sahaja atau pun tiada langsung ilmu mengenai subjek ini. Ilmu yang mereka perlukan ada didalam *Islam*. Ilmu mengenai subjek *riba* boleh didapati didalam *Al-Quran* yang benar dan tidak diubah-ubah dan juga dari *Sunnah* Pesuruh Allah yang terakhir, Muhammad (saw).

Ianya suatu perkara yang teramat penting, sebagai contohnya, *Al-Quran* telah menyeru umat Islam untuk berperang, apabila segala usaha secara damai untuk membebaskan golongan yang ditindas dari penindasan ekonomi iaitu *rib*a itu telah gagal (*Al-Quran 2:279*). Seruan *Al-Quran* untuk berperang ini telah muncul dalam konteks dimana Allah (swt) amat murka terhadap penindasan. Perkara penting dan juga asas kepada *Islam*, cara hidup yang penuh kebenaran, adalah untuk menentang penindasan. Umat *Islam* yang ikhlas yang melibatkan diri mereka dengan gerakan fahaman *Islam* seperti *tableeghi jamaat* dan juga *salafi moden* perlu mengambil perhatian bahawa *Al-Quran* sendiri (*Surah 107*) telah mengisytiharkan bahawa keengganan untuk berusaha membantu mereka yang lemah dan mudah teraniaya, adalah seperti mereka menafikan atau tidak mengakui akan *Islam* (*kazb al-Din*).

Al-Quran bukan sahaja melarang akan *riba* malah telah mengisytiharkan bahawa larangan keatas *riba* didalam kitab Taurat dan Injil telah pun diubah. Akibatnya *riba* telah berkekalan dan disebabkan oleh *riba*, dan juga oleh kerana unsur-unsur yang lain juga, kita hidup pada hari ini dalam dunia yang semakin runtuh akan nilai moralnya. Kejujuran, integriti, kebenaran, akhlak dan keimanan semakin pantas hilang dari dunia ini. Nabi Muhammad (saw) telah bersabda mengenai

keadaan ini sebagai tanda-tanda semakin hampirnya kiamat. Baginda telah bersabda:

> *... Seorang lelaki akan tidur dan kejujuran (atau keimanan) akan diambil dari hatinya dan hanya kesannya sahaja yang akan tinggal kekal dihatinya seperti kesan titik hitam; kemudian lelaki itu akan kembali tidur yang mana kejujurannya itu akan menjadi semakin berkurangan lagi, hinggakan kesannya itu menyerupai lepuhan apabila ketulan arang yang kecil jatuh keatas kaki seseorang yang menyebabkan ianya mengelembung, dan seseorang boleh melihat gelembungan itu tetapi tiada apa yang ada didalamnya. Manusia akan melakukan dagangan mereka akan tetapi amat sukar menjumpai orang yang boleh dipercayai. Akan dikatakan: Didalam puak-puak tertentu ini terdapat seorang yang jujur, dan kemudian akan di perkatakan mengenai lelaki tertentu: 'Betapa bijak, sopan dan kuatnya lelaki ini'; – sedangkan dia tidak mempunyai iman dihatinya walaupun sebesar biji sawi ...* [*Bukhari*]

Terdapat ramai pada hari ini yang akan bersetuju bahawa keadaan yang disebutkan didalam *hadis* ini telah pun menjadi kenyataan. Dan juga, *riba* yang berleluasa itu sendiri telah menjadi bukti akan tanda kedatangan hari kiamat! *Riba* telah memusnahkan nilai-nilai moral. Tiada siapa lagi yang boleh

dipercayai! Manusia yang telah cemar, dicemari oleh sifat tamak yang tidak dapat dipuaskan, dia pada hari ini akan mencuri walau harta anak yatim sekalipun.

Muhammad Asad telah nampak akan ketamakan masyarakat Eropah moden seperti yang telah digambarkan didalam Surah Al-Kahf (*Surah 18*) dan dibeberapa surah yang lain lagi. Terdapat petikan yang hebat didalam buku "*The Road to Mecca*" yang mana beliau telah mencatatkan apa yang telah dilihat olehnya:

> Manusia sentiasa mengenali ketamakan: akan tetapi tidak pernah sebelum ini dimana ketamakan telah mengatasi keinginan biasa untuk mendapatkan sesuatu dan berubah menjadi satu obsesi yang mengaburkan pandangan pada yang lain: perasaan idam yang tidak terkawal untuk mendapat, untuk melakukan, untuk menhasilkan lebih lagi dan lagi – lebih banyak pada hari ini berbanding semalam, dan lebih lagi pada hari esok daripada hari ini: Syaitan menunggang di leher manusia dan memukul hati mereka dengan cemeti untuk maju kehadapan, kearah yang dari jauh nampak berkilau akan tetapi lenyap menjadi kekosongan yang hina sebaik sahaja mereka sampai kesitu dan mereka sentiasa mengejar pencapaian baru dihadapan – pencapaian yang semakin hebat, semakin mengoda selagi ia berada

> di ufuk, dan menjadi layu lalu menghilang sebaik sahaja mereka dapat dicapainya: dan kelaparan, kelaparan yang tidak dapat dipuaskan untuk pencapaian-pencapaian baru yang sentaiasa mengusik roh manusia: *Jangan, kalaulah kamu tahu kamu akan lihat neraka dimana kamu berada ...* [2].

Inilah dunia yang telah dicipta oleh *riba,* ia mengcemari dan memusnahkan. Oleh itu, sekarang ini, lebih dari sebelum ini, teramat penting untuk umat manusia mendapatkan pedoman dari kebenaran tulin, – Kebenaran yang sebelum ini, pernah dikatakan didalam kitab Taurat Nabi Musa (as), didalam kitab Zabur Nabi Daud (as) dan didalam kitab Injil Nabi Isa (as), tapi kini telah dicemarkan (diubah), – kebenaran yang telah dikembalikan, yang mana sekarang akan kekal selama-lamanya didalam *Al-Quran* yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad (saw).

Fungsi terpenting pengetahuan *Al-Quran* dizaman kita hari ini, – iaitu peringkat terakhir didalam sejarah umat manusia, adalah untuk mengekalkan keimanan kepada Allah (swt), dan juga kepada kebenaran yang datang dariNya (*iman*). Untuk mengekalkan keimanan dizaman ini, manusia disyorkan untuk menunjukkan *ketahanan.* Ini adalah nasihat Nabi (saw). Kuasa yang paling memusnahkan didunia hari ini, memusnahkan setiap asas keimanan, adalah *riba*! Tiada perkara lain lagi yang mana

perlunya umat Islam untuk menunjukkan ketahanan mereka selain dari ketahanan untuk menolak akan *riba*!

Pada pandangan kami subjek larangan *riba* ini merupakan "ujian litmus", untuk mengenal pasti cikgu yang benar untuk umat manusia, cikgu yang benar-benar tahu akan kebenaran, dan tahu bagaimana untuk mengajar dan juga melindungi "biri-biri" (anak muridnya) dari serigala zaman ini.

> *Sabda Nabi Muhammad (saw); seorang beriman yang berilmu, adalah lebih sukar kepada syaitan dari seribu penyembah yang jahil (jahil kepada kebenaran yang telah diturunkan)* - Umar (ra), sahabat baginda yang berilmu, baginda telah bersabda mengenai beliau: *Apabila Umar berjalan dibelah sini, syaitan mengambil belah yang lain.*

Terdapat segelintir mereka yang mana pada hari ini mengaku sebagai pengembala biri-biri akan tetapi tidak pula kenal akan serigala. Yang lainnya, masih menerima gaji dari serigala-serigala ini dan berbaik-baik dengan mereka. Akibatnya mereka membawa biri-biri ini terus kepada mulut serigala-serigala ini. Malah kerajaan-kerajaan pada hari ini yang mengawal dunia *Islam* dengan tidak segan silu telah mengkhianati *Islam* dan terjerumus kedalam *riba,* hingga ketahap dimana kebanyakan negara-negara *Islam* sekarang ini mempunyai hutang *riba* yang membuatkan mereka menjadi

hamba kepada peminjam mereka! Hanya jika umat manusia kembali kepada cikgu yang benar yang mempunyai kemahiran didalam subjek larangan *riba,* cigku yang setia mengajar pedoman yang terdapat didalam *Al-Quran* dan *Sunnah,* umat manusia bukan sahaja akan kekal didalam keadaan sesat, tetapi juga akan jatuh ketahap kemiskinan yang besar, kepapaan, penindasan, penderitaan, keganasan dan juga pertumpahan darah! Malahan perhambaan baru akan mendatangi umat manusia. Mereka dari golongan pengikut Nabi Muhammad (saw) yang berilmu, yang perlu mengambil tanggungjawab untuk mendedahkan kepada umat manusia sumpahan besar *riba* yang telah mendatangi dunia hari ini, oleh mereka yang telah mengubah kitab Taurat, Zabur dan Injil. Merekalah yang patut mengetuai perjuangan keatas *riba.* (Untuk mengelakkan salah faham, penulis tidaklah mencadangkan bahawa beliaulah guru yang berwibawa itu).

Kaedah Pengkajian

Kajian yang betul mengenai subjek larangan *riba* didalam Islam memerlukan untuk kita, pertamanya, kembali kepada ayat-ayat berkenaan subjek ini yang terdapat didalam Kitab yang tidak dicemari dari Tuhan yang Satu. Ianya hanya wujud didalam *Al-Quran* yang telah diturunkan 1400 tahun yang lalu kepada Nabi Muhammad (saw) dan masih kekal hingga kehari ini sama

seperti keadaan semasa ianya diturunkan, tanpa pengubahan walau satu perkataan atau pun huruf. Dan kami telah cuba untuk melakukan analisis larangan *riba* didalam *Al-Quran*. Kami bukan sahaja menganalisa ayat-ayat *Al-Quran* yang berkaitan dengan subjek berkenaan, tetapi kami juga memeriksa turutan ianya diturunkan dan juga sejarah kenapa ayat itu diturunkan. Ini sebaliknya, telah mendedahkan tiga peringkat yang mana Allah, yang Maha Bijaksana, Maha Agung, menangani subjek berkenaan dan akhirnya menghapuskan *riba* ini sepenuhnya dari ekonomi masyarakat yang mula-mula mengunakan ayat-ayat *Al-Quran* dalam kehidupan.

Selepas *Al-Quran*, sumber kedua yang paling utama dan diketahui akan kebenarannya yang mana daripadanya umat manusia boleh mendapatkan ilmu berkenaan subjek *riba* ini adalah dari ajaran-ajaran dan contoh yang telah diberikan oleh Nabi Muhammad (saw) (iaitu *Sunnah* Nabi). Disebabkan oleh itulah kami juga cuba untuk mengkaji larangan *riba* ini didalam *Sunnah*. Sipelajar perlu sentiasa bekerja keras, secara berterusan untuk mengkaji subjek ini, untuk mengenal pasti sistem makna yang mengaitkan semua bahan itu sehingga menjadi satu dan harmoni secara keseluruhannya. Hanya dengan kaedah tersebut, boleh ianya membawa kefahaman sepenuhnya pada subjek ini dan membolehkan kemungkinan untuk mendapat ilmu dalaman yang dapat menembusi hingga ke terasnya. Larangan *riba*

didalam *Islam* perlu dikaji dengan menggunakan kaedah tersebut.

Kami dengan sengajanya tidak memasukkan kedalam buku ini rujukan terperinci lagi mendalam yang sukar difahami, oleh pakar-pakar *Islam* berkenaan *riba* atas dua sebab:

Pertamanya, ianya tidak mempunyai makna yang berkaitan dengan dilemma ekonomi masa kini yang telah disebabkan oleh *riba,* dan keduanya, kerana kesan negatif dan kesukaran yang disebabkan olehnya adakala telah menimbulkan kekeliruan yang kompleks terhadap bahan rujukan itu sendiri dan juga konflik undang-undang yang tidak henti-henti.

> Kami juga tidak berusaha untuk membina model ekonomi alternatif kepada ekonomi kapitalis berlandaskan *riba* yang mana sekarang ini mengawal dunia. Pandangan kami adalah, matlamat Islam hanyalah untuk mengembalikan pasaran yang bebas dan adil. Dengan penghapusan *riba,* penekanan terhadap etika bisnes Islam dan penguatkuasaan sistem undang-undang jenayah yang terdapat di*Al-Quran,* ia akan memberikan kesan untuk mengembalikan pasaran yang bebas dan adil!

Apa yang telah kami lakukan adalah untuk mencadangkan kepada umat Islam yang sekarang ini melaburkan simpanan

mereka kedalam pelaburan *riba*, alternatif lain yang mana mereka boleh gunakan sebagai pelaburan. Keduanya, kami cadangkan kepada umat *Islam* yang sekarang ini membeli rumah, kereta dan sebagainya dengan pinjaman bank, kaedah alternatif untuk membeli rumah tanpa terjerumus kedalam *riba.*

Buku ini juga membincangkan subjek *riba* dan *Dar al-Harb* kerana terdapatnya pendapat oleh beberapa sarjana bahawa Amerika Syarikat, sebagai contohnya adalah *Dar al-Harb,* oleh kerana itu larangan *riba* tidak diterima pakai dinegara itu. Kami membuktikan bahawa adalah salah untuk mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai *Dar al-Harb* bilamana tidak terdapat *Dar al-Islam* didunia hari ini! Iran dan Sudan boleh dikenali sebagai *Dar al-Islam* jika mereka membebaskan diri mereka dari peruntukan perlembagaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang memerlukan mereka untuk tunduk kepada kuasa agung Suruhanjaya Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Apa juga tuntutan sebagai kuasa paling agung selain dari Allah (swt), ianya adalah perbuatan *syirik.* Menerima kuasa agung tersebut juga adalah perbuatan *syirik*!

Ini adalah buku yang mana mencuba untuk memberikan panduan kepada umat Islam sejagat. Ianya tidak merangkumi dalam skop panduannya, untuk mereka yang telah mengumpulkan kekayaan mahupun dengan cara yang jujur atau tidak, dan kini ingin menujukan keimanan mereka dengan mengikuti hanya

hukum-hukum tertentu, mereka kini mahu melaburkan wang mereka dalam cara pelaburan Wall Street yang *halal* (iaitu yang dibenarkan oleh syarak). Terdapat ramai jurutera kewangan Islam yang berminat untuk menawarkan bantuan kepakaran mereka yang mahal itu.

Akhir sekali terdapat bahagian didalam buku ini yang mana mungkin tidak dapat difahami dengan mudah. Kami dengan ikhlas berharap agar itu tidak akan menyebabkan penolakan mentah-mentah terhadap kenyataan yang telah dibuat, atau hujah-hujah yang dikemukakan didalam buku ini. Apabila solat disertakan dengan pertimbangan, renungan dan siasatan yang ikhlas, maka Allah yang Maha Agung, yang Maha Mengasihi, pastinya akan mengurniakan pemahaman kritikal yang akan membawa yang benar-benar ikhlas kefahaman yang dicarinya.

Sekarang mari kita pergi kepada subjek kita ini dalam usaha untuk mengenal pasti akan definasi *riba*.

Nota-nota

1. Goldman, Peter, *The Death adn Life of Malcolm X*. Harper & Row. New York. 1973. P. 104

2. Muhammad Asad, 'Road to Mecca'. Islamic Book Trust. Kuala Lumpur. 1996. p. 310. Ayat: *'Ingatlah, demi sesungguhnya! Kamu akan melihat neraka mana yang akan kamu masuki'* merujuk kepada Surah 102 *Al-Quran* yang mengishtiharkan:

   "Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak pangkat dan pengaruh),

   Sehingga kamu masuk kubur.

   Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk semasa hendak mati)!

   Sekali lagi (diingatkan): jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak akibatnya yang buruk pada hari kiamat)!

   Demi sesungguhnya! Kalaulah kamu mengetahui – (apa yang kamu akan hadapi) – dengan pengetahuan yang yakin, (tentulah kamu akan mengerjakan perkara-perkara yang menjadi bekalan kamu untuk hari akhirat).

   (Ingatlah) demi sesungguhnya! – Kamu akan melihat neraka yang marak menjulang.

Selepas itu – demi sesungguhnya! – kamu (wahai orang-orang yang derhaka) akan melihatnya dengan penglihatan yang yakin (semasa kamu dilemparkan ke dalamnya)!

Selain dari itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu, tentang segala nikmat (yang kamu telah menikmatinya)"

2

Definasi *Riba*

Barangkali tiada sarjana moden *Islam* yang telah memahami sifat dan kandungan *riba* dengan lebih tepat berbanding dengan seorang Yahudi dari Austria bernama Leopold Weiss yang telah memeluk *Islam* pada tahun 1926 dan mengambil nama *Islam*nya, Muhammad Asad. Riwayat perjalanan hidup beliau kearah *Islam,* dan didalam *Islam,* diceritakan dengan menarik didalam bukunya '*The Road to Mecca*'[1]. Beliau menyiasat dengan menggunakan pemikiran yang kreatif dan asli untuk menemui intipati sesuatu perkara itu. Beliau telah menulis terjemahan dan huraian *Al-Quran* (*tafseer*) didalam bahasa Inggeris, didalamnya beliau telah memberikan ulasan-ulasan mengenai ayat-ayat *Al-Quran* berkenaan *riba.* Ulasan-ulasan tersebut itu sungguh penting kerana ianya menerangkan intipati definasi *riba* dengan cara yang mana tidak dapat ditandingi oleh

karya tafseer yang lain, klasik mahupun yang moden. Kejayaan beliau menembusi intipati subjek ini tidak dapat dinafikan berkait rapat dengan latar belakang beliau sendiri sebagai seorang Yahudi dan juga pengetahuan beliau mengenai *riba* didalam *Judaism* (agama Yahudi).

Kami sertakan disini ungkapan beliau:

> Secara amnya, dari segi bahasa, perkataan *riba* merujuk kepada suatu 'tambahan', atau 'peningkatan' sesuatu itu dari saiz asal ataupun jumlah; dalam peristilahan *Al-Quran* pula ia bermaksud apa jua penambahan secara haram, melalui faedah, keatas sejumlah wang atau barangan oleh seseorang ataupun segolongan tertentu kepada yang lain.
>
> Memandang kepada masalah dari segi keadaan ekonomi yang berlaku secara amnya pada atau sebelum zaman mereka, kebanyakan pakar undang-undang umat Islam yang awal mengenalpasti 'penambahan secara haram' ini sebagai keuntungan yang diperolehi menerusi apa jua pinjaman-pinjaman yang dikenakan faedah tanpa mengambil kira berapa kadar faedah tersebut ataupun motivasi ekonomi yang terlibat.
>
> Dengan kesemua ini, dan sebagai bukti dengan adanya banyak hasil kerja perundangan mengenai subjek ini,

sarjana-sarjana Islam masih belum dapat untuk mencapai satu persetujuan muktamad mengenai definasi *riba*: definasi yang mana, akan merangkumi kesemua keadaan perundangan yang mampu difikirkan dan dapat memberikan maklum balas yang positif kepada semua keperluan didalam pelbagai keadaan ekonomi. Dalam tulisan Ibn Kathir (berkenaan ulasan beliau untuk ayat 2:275), 'subjek *riba* ini adalah subjek yang paling sukar sekali bagi kebanyakan sarjana-sarjana (*ahl al-'ilm*)'. Perlu diingatkan bahawa ayat yang mengutuk dan melarang *riba* dari sudut perundangan-nya (2:275-281) adalah wahyu terakhir sekali yang diterima oleh Nabi (saw), dimana baginda telah wafat beberapa hari kemudiannya (cf. Note 268 on 2:281); disebabkan oleh itu para sahabat tidak mempunyai peluang untuk bertanya kepada baginda berkenaan implikasi shariah akan perintah tersebut, hinggakan 'Umar ibn al-Khattab dengan sahihnya telah dilapurkan berkata:

'Ayat terakhir (Quran) yang diturunkan adalah ayat berkenaan riba; dan ketahuilah, Pesuruh Allah telah wafat tanpa (sebelum) menjelaskan kepada kita akan maksudnya [*Ibn Hanbal, diriwayatkan oleh Sa'id ibn al-Musayyab*].

Walaubagaimanapun, ketegasan dengan mana Al-Quran mengutuk akan *riba* dan juga mereka-mereka yang mengamalkannya - terutamanya apabila dilihat dari latarbelakang pengalaman ekonomi umat manusia sepanjang abad-abad selepasnya - cukup sebagai petunjuk yang jelas akan hakikat dan implikasi *riba* dari segi sosial dan juga moral. Secara amnya, hinanya *riba* ini (dari segi mana ianya telah digunakan didalam Al-Quran dan juga hadis-hadis Nabi) terikat kepada keuntungan yang diperolehi melalui pinjaman yang bersandarkan faedah yang melibatkan eksploitasi keatas golongan yang lemah dari segi ekonomi oleh mereka-mereka yang kuat dan berupaya: eksploitasi yang mempunyai ciri dimana pemberi pinjaman, sambil masih mempunyai hak sepenuhnya keatas wang yang dipinjamkan, tidak tertakluk dari segi undang-undang terhadap tujuan wang itu digunakan ataupun cara mana ianya digunakan, secara perjanjian ia kekal terjamin akan keuntungannya tanpa mengambil kira apa jua kerugian yang mungkin dialami oleh peminjam akibat dari transaksi itu.

Dengan mengambil kira definasi ini, kita akan menyedari bahawa persoalan, apakah jenis-jenis transaksi kewangan yang termasuk didalam kategori

> *riba,* secara moralnya menjurus kepada kaitan rapat motivasi yang wujud dari segi sosio-ekonomi didalam hubungan baik antara peminjam dan yang memberi pinjaman; dan dinyatakan sepenuhnya dari sudut ekonomi, ianya adalah persoalan tentang bagaimana keuntungan dan risiko mungkin boleh dikongsi secara adil dan saksama oleh kedua belah pihak didalam transaksi pinjaman tersebut. Ianya, sudah tentu, mustahil untuk menjawab dua persoalan ini dengan satu jawapan yang padat dan meliputi segala persoalan; jawapan kita perlu mengambil kira peredahan sosial dan pembangunan teknologi manusia itu – iaitu persekitaran ekonominya – tertakluk. Oleh kerana itu, sementara kecaman *Al-Quran* terhadap konsep dan amalan *riba* adalah jelas dan mutakhir, setiap generasi umat Islam yang datang, sentiasa berhadapan dengan cabaran untuk memberikan dimensi baru dan juga makna baru dari segi ekonomi kepada perkara ini, yang kita panggil sebagai '*riba*'.[2]

Apabila kita meneliti cara mana perbankan moden yang berlandaskan *riba* berfungsi, kita akan dapati hanya masa sahaja yang diperlukan sebelum kekayaan akan terkumpul ditangan segolongan kecil, mengakibatkan penderitaan segolongan besar. Penderitaan itu ditambah lagi dengan hakikat bahawa kekayaan

tersebut hanya berkitar dikalangan mereka yang kaya. Dan oleh sebab itu, yang miskin sekarang ini akan kekal miskin. Tidak perlu lebih dari kewarasan praktikal yang diperolehi dari pengalaman hidup untuk mengenali bahawa keadaan itu sebagai penindasan ekonomi.

Mari sekarang kita pergi kepada definasi asas *Al-Quran* berkenaan *riba*. Ianya menjadi petunjuk berguna apabila definasi itu datangnya dari ayat *Al-Quran* yang pertama berkenaan subjek ini:

> *Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan (iaitu laburkan) dengan riba, supaya bertambah (iaitu keuntungan) kembangnya dalam pusingan harta manusia (iaitu dari penat lelah orang lain) maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (jadi Allah tidak bersetuju dengannya); – dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka ini akan dirahmati dan memperolehi pahala berganda.* [*Al-Quran 30:39*]

Pada masa ayat *Al-Quran* ini diturunkan, *riba* dikenali sebagai pinjaman yang menambahkan modal asal melalui 'faedah' (bunga). Ayat tersebut telah mengisytiharkan bahawa pertambahan yang diperolehi ini adalah dari pengurangan kekayaan orang lain. Dalam kata lain jika bertambahnya harta

'ku' menerusi transaksi *riba* (dalam bentuk pinjaman berfaedah) yang aku lakukan dengan seseorang, maka 'keuntungan aku itu' adalah 'kerugian dirinya'. Transaksi sebegitu tidak layak dikira sebagai 'perniagaan', malah ianya adalah satu penipuan. Islam memerintahkan persetujuan bersama didalam perniagaan (yang mana memberikan kepuasaan) bagi kesemua pihak (*Al-Quran 4:29*).

Definasi *riba* dan tafsiran ayat ini (30:39) telah disahkan lagi dalam wahyu kedua berkenaan subjek ini dimana Allah (swt) telah mengutuk orang-orang Yahudi atas penindasan, kezaliman, kekejaman atau perbuatan buruk (zulm) mereka. Antara perbuatan menindas mereka adalah mengambil *riba,* walaupun ianya telah dilarang keatas mereka, dan akibat dari tindakan mereka mengambil *riba* itu, Allah (swt) telah mengisytiharkan yang mereka:

> *... memakan harta orang dengan jalan yang salah (bathil)...* [*Al-Quran 4:161*]

Dengan ayat ini ianya jelas bahawa definasi Al-Quran berkenaan *riba* adalah *pertambahan harta, atas penat lelah usaha kekayaan orang lain, dengan cara menipu dan salah.* Maka *riba* adalah satu bentuk eksploitasi ekonomi!

Didalam wahyu yang ketiga dan keempat berkenaan *riba,* Allah (swt), telah mengenal pasti satu bentuk *riba,* iaitu

pinjaman, dengan syarat yang mana jumlah yang dipinjamkan perlu dipulangkan dengan sejumlah tambahan tertentu (hari ini dipanggil faedah). (Al-Quran 3:130, 2:279). *Riba* menyebabkan perpindahan kekayaan secara tidak adil.

Adakalanya sukar untuk mengenali *riba* kerana ianya tersembunyi sebagai sistem rompakan yang dihalalkan disegi undang-undang. (*Al-Quran 4:161*). Professor Richard Falk dari Universiti Princeton telah menggunakan terma 'rompakan yang dihalalkan' untuk menggambarkan perpindahan kekayaan secara tidak adil didalam 'kapitalisme bersifat menindas'[3]. Pandangan kami pula adalah semua kapitalisme adalah bersifat menindas.

Bagaimanakah rompakan yang dihalalkan ini berlaku? *Al-Quran* membawa perhatian kita kepada satu bentuk *riba* yang telah disebutkan diatas, iaitu pinjam meminjam dengan 'faedah', iaitu transaksi yang mana jumlah asal yang 'dipinjamkan' bertambah melalui pembayaran balik dengan jumlah tertentu yang telah dipersetujui yang mana hari ini dikenali sebagai 'faedah', tanpa mengambil kira jumlah 'faedah' yang terlibat. Ini amat jelas dari wahyu yang terakhir didalam *Al-Quran* (2:278-281) kepada Nabi (saw) yang memerintahkan mereka yang beriman untuk melepaskan apa jua baki (tuntutan) *riba* mereka. Ia kemudian menjelaskan bahawa mereka yang beriman yang patuh kepada perintah Allah ini, dia berhak untuk mendapatkan

hanya jumlah asal yang telah dipinjamkan (iaitu tanpa faedah sama sekali). (*Al-Quran 2:78*).

Malah *Al-Quran* telah menolak pandangan bahawa transaksi sedemikian yang 'meminjamkan wang dengan faedah' ini sebagai transaksi perniagaan. Ianya bukan transaksi perniagaan! Allah (swt), telah menjadikan perniagaan suatu yang dibenarkan (*halal*) dan menjadikan *riba* suatu yang terlarang (*haram*). *Riba* bukanlah perniagaan. Mengapakah ianya sedemikian? Dari perspektif Islam, semua perniagaan perlulah dilakukan didalam pasaran yang bebas dan adil, yang mana terdapatnya risiko, dan terdapatnya keuntungan atau kerugian. Didalam *riba,* sebaliknya, pasaran tidak lagi dipedulikan, dielak atau telah dicemari. Semua ini bertujuan untuk mengelakkan risiko dan akibatnya terhapusnya sebarang kebarangkalian untuk rugi! Tetapi ini tidak adil! Pasaran yang sedemikian tidak lagi menjadi pasaran yang bebas dan adil.

> Jika A dilindungi daripada kerugian, sementara B pula terpaksa menanggung risiko kerugian bagi pihak dirinya sendiri dan juga A, maka jelaslah bahawa akan terdapat perpindahan sehala dan lama akan kekayaan dari B kepada A. B akan, pada hakikatnya, - menanggung kesemua kerugian dirinya dan juga bagi pihak A. Dan itu adalah eksploitasi ekonomi.

Persaingan kadar faedah diantara bank dan agensi pinjaman yang lainnya tidak memberikan bukti akan pasaran yang bebas dan adil. Malah perumpamaan ini adalah seperti persaingan kadar upah antara pembunuh upahan. Pihak bank sentiasa lari dari kawasan dimana orang miskin menetap, dan bank tidak berminat untuk meminjamkan wang kepada golongan miskin. Pinjaman sedemikian memaksa pihak bank untuk mengambil risiko! Dan pihak *bank tidak mahu menanggung risiko* kerana mereka mahu menghapuskan sebarang kemungkinan untuk rugi.

Sekarang mari kita berpaling kepada Nabi Muhammad (saw) dalam pencarian kita akan definasi *riba.* Apabila kita lakukannya, kita dapati terdapat pelbagai bentuk *riba,* yang mana meminjam dan memberikan pinjaman dengan faedah adalah salah satunya. Malah Nabi (saw) telah bersabda bahawa terdapat tujuh puluh jenis bentuk *riba,* dan jelas kebanyakannya telah muncul didalam ekonomi hari ini!

Pelbagai Bentuk *Riba*

Beberapa bentuk *riba* adalah:

- meminjamkan wang dengan faedah; Ini dikenali sebagai *riba al-fadl*; transaksi kredit (*ba'i muajjal*);

- bertambahnya harga jualan keatas barangan sebagai balasan kepada bayaran yang ditangguh. Transaksi kredit ini dikenali sebagai *riba al-nasi'ah*;

- menggunakan tupi muslihat sebagai asas untuk mendapatkan keuntungan yang tidak adil, lantas mencemarkan pasaran yang bebas; ini dipanggil *gharar* dan ianya terdapat didalam pelbagai bentuk: seperti transaksi spekulatif - yang mana golongan kebanyakan bekerja untuk mendapatkan *rezeki* mereka dan *rezeki* ini kemudiannya disedut lari oleh penindas elit menerusi satu bentuk perjudian yang canggih.

- menyuruh seseorang membida secara palsu didalam lelongan, lantas mencemarkan pasaran yang bebas dan adil;

- menyorok barangan untuk mendapatkan keuntungan dari kenaikan harga barangan yang wujud akibat kekurangan yang disengajakan ini, lantas mencemarkan pasaran bebas;

- monopoli yang membolehkan kawalan keatas harga barangan. Situasi tersebut akan menyebabkan harga barangan kekal mengikut perancangan golongan yang memonopolinya dan bukanlah oleh pasaran yang bebas;

- jualan suatu barangan dengan syarat bayaran akan ditangguh tapi harga jualan dinaikkan. Hutang ini kemudiannya dijual kepada pihak ketiga secara tunai dengan harga yang membolehkan kedua-dua pihak berkongsi kenaikan harga dari bayaran yang ditangguh itu tadi., *dll.*!

Bentuk *Riba* Yang Manakah Paling Merbahaya?

Oleh kerana Allah yang Maha Bijaksana telah memilih untuk memberi perhatian kepada salah satu bentuk *riba* dengan menyatakannya didalam *Al-Quran*, maka amat jelas itulah bentuk *riba* yang paling merbahaya dimana ia mempunyai keupayaan untuk menyebabkan kerosakan maksimum kepada umat manusia.

Bentuk *riba* tersebut adalah 'pinjaman dengan faedah'. Dan amat tepatnya itulah bentuk *riba* yang telah diterima dengan senang hatinya oleh seluruh umat manusia hari ini. Barangkali ianya adalah bentuk *riba* yang paling merbahaya sekali kerana ia telah di-'halal'-kan. Maka ia merupakan salah satu bentuk dari rompakan yang dihalalkan. Sudah tentu, terdapat juga lain bentuk rompakan yang dihalalkan.

Riba Dan Pasaran Bebas

Ianya akan kelihatan bahawa definasi *riba* akan merangkumi semua transaksi yang lari dari apa yang dikatakan pasaran yang bebas, atau yang mengubah, mencemar atau dengan cara lain yang bercanggahan dengan pasaran yang bebas dan adil. Apa jua bentuk pasaran yang tidak bebas dan adil akan membawa kerosakan dan akhirnya akan memusnahkan perdagangan dan perniagaan. Transaksi *riba* sedemikian, yang mana mengubah dan merosakkan pasaran yang bebas dan adil, membuka pintu kepada eksploitasi dan penindasan ekonomi yang akan membawa kepada kemiskinan, kepapaan dan malah perhambaan.

Ianya agak luar biasa sekali kepada pihak kapitalis barat, yang mana dengan bijaknya menyatakan ketiadaan pasaran bebas didalam komunisme adalah penyebab kepada kejatuhannya, mereka sendiri juga tidak mampu untuk mengekalkan pasaran yang bebas dan adil. Malah ekonomi kapitalis yang sebenarnya telah menghasilkan sarang pencuri-pencuri yang mengawal sistem rompakan halal yang amat dibencikan ini, yang mana ianya adalah musibah yang disaksikan oleh umat manusia sejak William Shakespeare menghasilkan Shylock, - ceti Yahudi (dalam karyanya: *Merchant of Venice*).

Kami telah gunakan bahasa yang amat keras untuk mengutuk ekonomi kapitalis berlandaskan *riba* yang ada pada

hari ini. Akan tetapi tidak lama lagi kita akan melihat bahawa Allah (swt) dan Nabi Muhammad (saw) telah gunakan bahasa yang lebih keras lagi! Dan malahan kami telah menggunakan kata-kata yang digunakan oleh Nabi Isa (as) untuk mengecam *riba*:

> *Dan Jesus telah pergi ke rumah Tuhan (iaitu masjid al-Aqsa) dan menghalau semua mereka yang berjual beli didalam rumah tuhan itu, menerbalikkan meja-meja penukar wang (yang menipu orang ramai melalui riba) ... dan berkata kepada mereka: Ianya telah tertulis, Rumahku seharusnya dipanggil rumah sembahyang; tetapi kamu telah menjadikannya sarang pencuri-pencuri.* [*Gospel of St. Mathew 21:12-13*]

Untuk membolehkan pasaran yang bebas dan adil diwujudkan, apa yang dinyatakan dibawah ini amatlah diperlukan:

- kebebasan untuk memasuki pasaran;
- kekebasan untuk bersaing dipasaran;
- kekebasan untuk pasaran menentukan harganya sendiri (iaitu tiada harga tetap);
- kebebasan untuk memilih medium pertukaran, (iaitu tiada paksaan untuk menerima wang palsu dalam bentuk matawang kertas sebagai contohnya, sebagai medium

pertukaran. Malah wang palsu perlu dilarang jika pasaran yang bebas dan adil mahu dikembalikan);

- kebebasan untuk menghasilkan apa jua (untuk pasaran);
- kebebasan untuk menjual apa jua dipasaran;
- kebebasan untuk membeli apa juga dipasaran dll. (Didalam pasaran yang dikawal oleh umat Islam, kebebasan untuk menghasilkan, membeli, atau menjual akan mengecualikan apa-apa yang haram, iaitu yang dilarang oleh Allah (swt));
- larangan untuk menjual pada harga yang rendah dari harga pasaran (dan, dengan menaikkannya, lebih dari harga pasaran);
- larangan terhadap penipuan didalam transaksi-transaksi bisnes;
- larangan terhadap mengelak dari pasaran (seperti dalam pinjaman dengan faedah);
- larangan terhadap menipu dan mencuri.

Lihat sahajalah contoh seperti General Agreement of Trade and Tariffs (GATT) yang mengawal pasaran dunia, sistem kewangan antarabangsa yang berdasarkan wang palsu dalam bentuk kertas yang tidak boleh ditebus, dan perbankan sejagat yang berlandaskan faedah, ianya sudah cukup untuk menjadi

bukti bahawa pasaran yang bebas dan adil tidak lagi wujud dimana-mana pun didunia pada hari ini.

Sebuah pasaran yang bebas dan adil tidak boleh diwujudkan apatah lagi untuk bertahan tanpa ada kanun undang-undang ketat yang melarang *riba* dalam apa jua bentuk, penguatkuasaan undang-undang tanpa diskriminasi, dan juga undang-undang jenayah (atau sistem hukuman) yang berfungsi sebagai penghalang yang efektif dari pencabulan undang-undang tersebut. *Islam,* dan hanya *Islam* sahaja yang memiliki kesemuanya!

Malah pemahaman asas akan subjek larangan *riba* didalam *Islam* menunjukkan bahawa objektif dan tujuan *Islam* sebenarnya adalah untuk membentuk dan mempertahankan pasaran yang bebas dan adil dalam bentuk yang paling baik sekali. Didalam konteks inilah dunia perlu memahami hukuman mencuri didalam *Islam,* dan applikasi tanpa diskiriminasi sepenuhnya hukuman keras itu yang sungguh efektif untuk mencapai tujuan tersebut:

> *Aisha berkata bahawa apabila pencuri dibawa kepada Pesuruh Allah, baginda menghukum tangannya dipotong, mereka yang membawa pencuri itu kepadanya berkata: Kami tidak terfikir yang kamu akan bertindak sebegini terhadapnya. Baginda membalas: Jika Fatima (anak*

perempuannya) yang melakukannya, aku juga akan perintah untuk memotong tangannya. [*Nasa'i*]

Hukuman memotong tangan didalam *Islam* ini akan membuatkan ramai orang di Wall Street, tidak bertangan. Ianya sebenarnya akan bertindak sebagai hukuman yang paling berkesan untuk menghalang penindas-penindas ini dari menipu harta kekayaan umat manusia.

Satu dari hujah utama yang diperkatakan didalam buku ini adalah umat *Islam* tidak akan berjaya untuk mengembalikan pasaran yang bebas dan adil tanpa berusaha dengan gigih untuk mengembalikan *Dar al-Islam*. Hanya setelah umat *Islam* berjaya menguasai sesuatu kawasan diatas nama *Islam*, dan kedaulatan *Allah* (swt) dikembalikan dikawasan tersebut, maka barulah adanya kemungkinan untuk mengembalikan pasaran yang bebas dan adil dikawasan tersebut yang mana kemudiannya akan menyaksikan penghapusan *riba* dikawasan tersebut.

Pembayaran Balik Pinjaman Dengan Jumlah Tambahan Dibenarkan

Bayaran tambahan boleh diberikan oleh peminjam, kepada jumlah asal pinjaman, pada masa peminjam membayar balik pinjaman tersebut. Jumlah tambahan itu walau bagaimana pun perlulah diberikan tanpa paksaan, iaitu ianya mestilah tidak

ditetapkan sebagai syarat keatas pinjaman tersebut, disitu ianya tidak dikira sebagai 'faedah' atau *riba*. Kita mengetahuinya apabila Nabi (saw) sendiri telah melakukan sedemikian apabila membayar balik hutangnya:

> *Jabir berkata: Aku datang kepada Nabi semasa baginda didalam masjid, dan baginda bersabda: Solat dua rakaat. Kemudian, oleh kerana baginda berhutang kepadaku, baginda membayar balik, malah memberi lebih lagi (dari jumlah hutang) kepadaku.* [*Bukhari*]

Untuk sebarang pertambahan keatas jumlah yang dipinjamkan itu dikenali sebagai *riba*, pertambahan itu perlulah menjadi sebagai syarat keatas perjanjian tersebut.

Berapa Banyak Faedah Dikira *Riba*?

Didalam ayat *Al-Quran* yang terakhir diturunkan (2:278), Allah (swt) telah menyeru kepada semua yang masih mempunyai *riba* terhutang kepada mereka (dari pinjaman yang telah diberikan sebelum datangnya larangan keatas *riba*), dan mengarahkan mereka untuk tidak menuntut (atau menghapuskan) *riba* tersebut. Dan apabila mereka patuh kepada perintah Allah tersebut dan melakukan taubat, Allah (swt) kemudiannya mengisytiharkan bahawa mereka hanya berhak untuk mendapatkan kembali jumlah asal yang telah dipinjamkan. Allah

(swt) tidak menyatakan yang mereka berhak mendapatkan kembali jumlah asal yang telah dipinjamkan tersebut berserta dengan yuran perkhidmatan, atau apa jua jumlah faedah yang dianggap berpatutan.

Jadi tidak kiralah samada faedah itu kecil atau besar (1% atau 25%), ia tetap juga *riba,* dan tetap dilarang. Dari segi ini, *riba* sama juga seperti minuman keras. Samada segelas kecil *wiski* atau kamu ditawarkan dengan jumlah yang banyak, itu tiada perbezaannya, ia tetap dilarang didalam *Islam.*

Umat *Islam* walaubagaimana pun berhadapan dengan fenomena ganjil didalam dunia *Islam* pada hari ini, iaitu mereka yang dipanggil sarjana *Islam* tetapi tidak dapat memahami sepenuhnya sesuatu yang mudah iaitu 'faedah' didalam perbankan moden adalah *riba*! Orang Kristian sudah pastilah sudah biasa dengannya. Sepatutnya ia adalah suatu yang amat mudah untuk dilihat oleh sesiapa sahaja yang telah mempelajari penjelasan hadis-hadis Nabi (saw). Dan sarjana-sarjana sebegitu sepatutnya sedar bahawa Allah (swt) telah menghantar Nabi Muhammad (saw) dan bukan mereka, ataupun Saudi Arabian Monetary Agency (SAMA) untuk mengajar akan maksud *Al-Quran.* - SAMA telah melaburkan semua petrodollar (wang Dollar Amerika yang bersandarkan kepada minyak) Saudi didalam pelaburan *riba* didalam bank-bank barat yang dikawal oleh kuasa-kuasa yang bencikan *Islam.*

Abdullah Yusuf Ali, yang mana jika bukan kerana ini adalah seorang penterjemah dan pengulas *Al-Quran* yang amat dikagumi dan telah mendapat populariti menyeluruh, secara terbukanya mengaku bahawa beliau tidak bersetuju dengan para ulamak (iaitu sarjana-sarjana Islam), *lama atau moden,* berkenaan definasi mereka keatas *riba*:

> Definasi yang akan saya terima adalah: Keuntungan lebih dari sewajarnya yang diperolehi bukan menerusi perdagangan yang sah, daripada pinjaman-pinjaman emas atau perak, dan barang-barang keperluan makanan seperti gandum, barli, tamar dan garam (berdasarkan kepada senarai yang disebut oleh Nabi sendiri). Definasi saya adalah termasuk keuntungan dalam apa jua bentuk, tetapi tidak termasuk kredit ekonomi, hasil ciptaan perbankan dan kewangan moden.[4]

Abdullah Yusuf Ali (moga *Allah* mengasihani beliau) pastinya didalam kesilapan yang besar. *Al-Quran* telah pun menjelaskan salah satu bentuk *riba* sebagai pertambahan yang lebih dari sewajarnya, iaitu apabila kadar faedah menyebabkan pembayaran faedah berganda dua atau tiga kali dari jumlah asal yang telah dipinjam. (*Al-Quran 3:130*). *Akan tetapi riba tidak pernah ditakrifkan sebagai keuntungan yang lebih dari apa yang sewajarnya,* baik oleh Al-Quran ataupun oleh Nabi (saw). Malah *riba* termasuk juga apa jua bentuk keuntungan, lebih dari jumlah

yang dipinjamkan, yang mana boleh diperolehi oleh pemberi pinjaman dari si peminjam. Bank tidak memberi pinjaman untuk mendapatkan pahala, ataupun mengenakan faedah dengan tujuan untuk menampung kerugian yang dialami disebabkan oleh inflasi. Mereka melakukannya untuk mendapatkan keuntungan! Dan betapa besarnya keuntungan yang diperolehi oleh mereka! Jadi kredit ekonomi, "hasil ciptaan perbankan moden" susah pastinya adalah *riba,* tidak kira samada kadar faedahnya tinggi atau rendah atau berganda ataupun mudah! Demikianlah sabda Nabi:

> *Anas ibn Malik telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah telah bersabda: Jika kamu memberi pinjam kepada seseorang dan dia menawarkan kepada kamu makanan, jangan memakannya kerana itu adalah riba! – kecualilah jika dia sebelum ini pernah mengajak kamu makan sebelum pinjaman tersebut, yang mana kamu boleh memakannya. Dan lagi sabda baginda: Jika kamu memberi pinjaman kepada seseorang dan dia menawarkan kamu menunggang binatang tunggangannya, jangan terima, kerana itu adalah riba! – kecualilah jika dia pernah menawarkan kepada kamu menunggang binatang tunggangannya sebelum pinjaman itu, jika begitu kamu boleh menerimanya.* [*Sunan al-Bayhaqi*]

Anas bin Malik juga melapurkan bahawa Nabi telah bersabda: Jika seorang lelaki memberikan pinjaman kepada seseorang, dia tidak boleh menerima sebarang hadiah (iaitu tidak boleh menerima hadiah dari sipenghutang selagi pinjaman itu belum diselesaikan, tetapi boleh menerimanya selepas pinjaman itu selesai dibayarkan kepadanya). [*Bukhari*]

Abu Burdah ibn Abi Musa telah berkata: Aku telah datang ke Madinah dan bertemu dengan Abdullah ibn Salaam (rabbi Yahudi yang telah memeluk Islam) yang telah berkata: Kamu (sekarang) tinggal didalam negeri yang mana riba amat berleluasa; oleh kerana itu jika ada sesiapa yang berhutang kepada kamu dan memberikan kamu satu muatan rumput kering atau satu muatan barli atau seikat jerami, jangan menerimanya kerana ia adalah riba. [*Bukhari*]

Fadalah ibn Ubayd berkata bahawa Pesuruh Allah telah bersabda: Faedah diperolehi yang datangnya dari apa jua pinjaman adalah salah satu dari pelbagai ciri riba. [*Sunan al-Bayhaqi*]

Abu Umamah telah berkata yang Nabi (saw) telah bersabda: Sesiapa yang mengesyorkan bagi pihak saudaranya dan menerima hadiah yang ditawarkan

kepadanya telah memasuki riba menerusi salah satu dari pintu-pintu besarnya. [*Abu Daud dan Ahmad*]

Untuk membuat keadaan lebih teruk lagi, kita juga mempunyai kesilapan sangat luar biasa yang telah dilakukan oleh Syaikh Muhammad Abduh, rektor Universiti *Al-Azhar*, Kaherah, yang telah menjelajah Eropah pada akhir kurun ke 19 dan kembali ke Mesir dan mengisytiharkan di Eropah ia telah menemui *Islam* tetapi tiada orang-orang *Islam*, sementara di Mesir dia menemui orang-orang *Islam* tetapi tiada *Islam*, Malcolm X tidak sekali-kali akan membuat kesilapan sedemikian!

Eropah yang telah dilawati Abduh adalah Eropah yang baru mengalami Revolusi Peranchis. Kejadian tersebut membentuk titik peralihan perubahan tamadun Eropah Barat dari yang berlandaskan agama Kristian, kepada satu tamadun yang tidak bertuhan.

Malahan Eropah yang di lihat oleh Abduh sebagai suatu yang berlandaskan *Islam*, adalah Eropah yang telah menjadi sasaran utama kuasa jahat yang telah diciptakan oleh Allah (swt) (*Al-Quran 113:2*) dan telah dilepaskan oleh Allah (swt), di zaman fitan. Nabi (saw) telah menceritakan bahawa akhir zaman sebelum hari kiamat sebagai zaman *fitan*. *Fitan* adalah kata jamak untuk *fitnah*, yang bermaksud: cubaan, dugaan, mempersonakan, menarik minat, mengkagumkan, memegunkan, memujuk, menggoda, membuat seseorang tergila-gilakan, bermuslihat

rahsia, menghasut, kekacauan, perkelahian, permusuhan, konflik awam. Kuasa jahat tersebut adalag *Ya'juj Ma'juj*, dan *al-Masih al-Dajjal.* Tembok yang telah dibina oleh Dhul Qarnain untuk menghalang kuasa jahat itu telah pun dimusnahkan oleh Allah (swt), dan kuasa-kuasa jahat itu telah pun bebas. Fungsi utama mereka adalah untuk menggunakan pernindasan dan muslihat untuk memusnahkan apa jua yang tidak berlandaskan ajaran agama yang sebenarnya. (Rujuk buku saya: *One Jama'ah – One Ameer: The Organization of a Muslim Community in the Age of Fitan*).

Politik Eropah perubah menjadi sekular, yang mana telah mencipta negara demokrasi sekular, menyebabkan peng-isytiharan yang mana kedaulatan sekarang ini terletak pada negara dan bukan lagi pada Allah (swt). Dan itu adalah *syirik*! Malah *syirik* itu lebih berasaskan kepada dasar falsafah baru ketamadunan, iaitu materialisme. Definasi materialisme adalah suatu yang menafikan kewujudan sesuatu realiti selain daripada realiti materialistik atau kebendaan. *Shaik*h Muhammad Abduh, sarjana Mesir berpendidikan klasik, telah gagal untuk melihat asas falsafah baru kemodenan Eropah ini. Beliau telah ditipu oleh *Dajjal* lantas beliau melihat jalan keneraka sebagai jalan kesyurga. Berbeza dengan Dr. Muhammad Iqbal, sarjana *Islam* India yang mendapat pendidikan moden, beliau tidak dapat ditipu.

Abduh nampaknya telah disesatkan oleh apa yang sekali imbas kelihatan sebagai kebenaran (iaitu *Islam*), sebagai asas masyarakat moden sekular Eropah. Beliau tidak dapat melihat bahawa ekonomi Eropah telah banyak diubah jauh dari arah kebenaran akibat dari Revolusi Peranchis. Gereja Katholik terutamanya, yang mana telah berjuang selama lima ratus tahun memerangi *riba* di Eropah akhirnya kalah didalam peperangan tersebut kepada sekularisme, dan *riba* sekarang mula muncul sebagai asas ekonomi kapitalis Eropah[5]. Abduh telah gagal untuk melihat *eksploitasi* yang disebabkan oleh *faedah pinjaman* yang membentuk asas kepada sistem perbankan Eropah. Disebabkan beliau tidak perasan akan kewujudan *riba* atau faedah itu, maka beliau merumuskan bahawa ianya tiada. Itulah kelalaiannya yang sangat luar biasa! Beliau kembali ke Mesir dan memberikan fatwa masyurnya (atau tidak masyur) berkenaan faedah dari akaun simpanan yang dibuka di Pejabat Pos Mesir. Beliau telah mengisytiharkan bahawa 'faedah' dari akaun-akaun tersebut bukanlah *riba*!

Iqbal tidak disesatkan oleh *Dajjal*. Beliau telah mengenal pasti bahawa ketamadunan *Islam* telah menyimpang jauh dari jalan *Islam*; akan tetapi *Islam* itu sendiri, – iaitu Kebenaran, masih wujud dan boleh dikembalikan. Apabila beliau melihat tamadun Eropah, perbezaannya, pandangan beliau menusuk lebih jauh dari sekadar bentuk luaran 'watak' masyarakat Eropah

itu, 'kejujuran', 'ketulusan', 'kesediaan untuk bekerja keras untuk kebaikan tertentu', 'akhlak baik terhadap manusia lain', 'boleh dipercayai', dll. Ini adalah pendapat beliau mengenai Eropah baru:

> Idea-idea Eropah ini (watak luaran) tidak akan menjadi faktor didalam kehidupan mereka, akibatnya adalah perasaan ego yang telah diputarbelit, yang mencari dirinya sendiri melalui semangat demokrasi yang tidak bertoleransi, yang mana fungsi khususnya adalah untuk mengeksploit mereka yang miskin bagi pihak yang kaya. (Itu adalah *riba*) Percayalah kepada saya, Eropah hari ini adalah penghalang terbesar kepada jalan untuk kemajuan etika manusia.[6]

Ketidakupayaan untuk melihat sifat penindas sebenar akan ekonomi kapitalis yang berlandaskan *riba,* dan untuk mengenali *riba* sebagai asas sebenar ekonomi tersebut, nampaknya telah diturunkan dari satu generasi sarjana *Islam* Mesir kepada generasi yang lain. *Shaikh Tantawi,* bekas *Mufti* Mesir yang dilantik oleh kerajaan yang mana sekarang ini adalah *Shaikh al-Azhar*, begitu juga dengan *Shaikh* al-Ghazzali (*moga Allah mengasihani beliau*), kedua-duanya baru melawat New York, nampaknya sama juga telah melakukan kesilapan. Mereka berdua telah memberikan pendapat bahawa faedah bank itu bukanlah *riba*!

Walaubagaimana pun, janganlah kita lupakan bahawa terdapat ramai lagi sarjana *Islam* Mesir terkenal yang telah mengisytiharkan bahawa 'faedah' bank itu adalah *riba* dan teramat lantang menentangnya! Salah satunya adalah, *Shaikh* Omar Abdul Rahman yang buta dan tidak bersalah, terpaksa membayar harga keatas kelantangannya mengecam penindasan di Mesir. Beliau sedang menjalani hukuman penjara seumur hidup di penjara Amerika. Jenayah yang mana beliau telah didapati bersalah adalah beliau telah mengajar *Islam* dengan cara yang mana mendorong orang ramai untuk mencabar golongan yang menindas mereka.

Pendidikan tinggi klasik *Islam* didalam zaman *fitan* ini nampaknya mempunyai beberapa kekurangan yang pelik dan membuatkan sukar untuk ramai sarjana-sarjana *Islam* yang dilatih secara klasik ini untuk melihat realiti dengan sebenarnya. Apa yang tidak dilihat oleh Abduh, yang dilatih dengan pendidikan *Islam* klasik ini, Iqbal dapat melihatnya dengan jelas. Iqbal tidak pernah mendapat pendidikan *Islam* klasik. Pada pendapat kami, terdapat kekurangan yang banyak dalam kaedah tafsiran *Al-Quran* klasik (*usul al-tafseer*).

> Pengertian ayat-ayat *Al-Quran* itu tidak mungkin telah terhenti dari zaman umat Islam yang awal (*salaf*). Karya-karya klasik tafseer, tidak boleh dikatakan telah memberikan kata-kata terakhir kepada maksud sebenar

Al-Quran. Sebaliknya, maksud *Al-Quran* itu masih berterusan memberi pengertian baru dengan setiap perubahan realiti nyata. Dengan adanya asas pemerhatian yang tajam terhadap perubahan realiti ini, seseorang itu dapat melihat dengan jelas maksud baru ayat-ayat *Al-Quran*, – makna atau maksud yang tidak dapat difahami sehinggalah realiti baru muncul. Inilah sebenarnya cara bagaimana *Al-Quran* bertindak di zaman *fitan*. Malah, dengan asas pemerhatian dan gerak hati dalaman itulah, seseorang itu akan sampai kepada maksud-maksud *Al-Quran* yang mana ianya berkaitan secara langsung dengan zaman ini.

Abduh telah dipengaruhi oleh ketua penyokong nasionalisme, Syed Jamaluddin Afghani. Abduh kemudiannya, telah mempengaruhi pengikutnya *Shaikh* Rashid Rida. Ianya kelihatan seolah-olah mereka dengan secara tidak sengajanya telah membuka pintu *riba* kepada Mesir. Dan semenjak hari itu hinggalah kehari ini, orang-orang Mesir telah berterusan membayar harga yang paling teruk untuk racun yang mana pada mulanya melemahkan, akan tetapi kemudiannya telah menghancurkan ekonomi Mesir itu sendiri. Untuk membuat keadaan menjadi semakin teruk, dunia *Islam* yang lain juga menurut sahaja jejak langkah Mesir kedalam *riba*.

Sesetengah sarjana merasakan ianya perlu untuk menasihatkan umat-umat *Islam* yang hidup dinegara bukan *Islam* untuk tidak membiarkan pendapatan *riba* mereka itu ditangan bukan *Islam*. Mereka menyatakan bahawa wang *riba* itu sepatutnya diambil dan kemudiannya disedekahkan. Terminologi yang mereka gunakan amatlah diragui! *Shariah* (undang-undang Islam) tidak menyebut mengenai "kawasan bukan *Islam*". Ia hanya mengenali *Dar al-Islam* (iaitu kawasan yang mana umat Islam mempunyai kawalan keatasnya, dan didalamnya mereka bebas untuk tunduk kepada kuasa mutlak Allah (swt)) dan *Dar al-Harb* (kawasan yang melakukan perbuatan keganasan dan penindasan). *Imam* Shafe'i telah mengenal pasti kawasan yang mempunyai persefahaman dan tidak melakukan serangan terhadap *Dar al-Islam* sebagai *Dar al-Ahd*. Sarjana-sarjana tersebut sepatutnya menggunakan terminologi klasik dan bukannya memperkenalkan terminologi yang diragui ini – '*kawasan bukan Islam*' – yang mana mempunyai semua ciri-ciri mengesahkan sistem kenegaraan masa kini yang mana telah menggantikan *Dar al-Islam*.

Jika kawasan bukan *Islam* itu dilabelkan sebagai *Dar al-Harb*, maka bolehlah untuk seseorang itu menyatakan bahawa tidak terdapat *riba* di kawasan tersebut. Akan tetapi, sehingga kini, tiada siapa pun telah menamakan Amerika Syarikat sebagai *Dar al-Harb*.[7]

Oleh sebab itu, hujah membolehkan *riba* itu diberi sebagai sedekah di kawasan bukan *Islam* adalah suatu yang memberikan pemasalahan, kerana apa yang diharamkan (dilarang) untuk digunakan oleh orang *Islam*, ianya juga *haram* untuk digunakan oleh saudaranya!

Dr. Jamal Badawi, sarjana terpelajar *Islam*, telah menolak pendapat mengenai dimana dibolehkan faedah untuk perumahan, sebagai contohnya di Amerika Syarikat digunakan atas asas doktrin keperluan. Pendapatnya adalah 'keperluan' tidak boleh diguna pakai didalam keadaan am masa kini. Ianya hanya boleh diguna pakai didalam keadaan-keadaan tertentu.[8] Subjek '*Riba* dan *Dar al-Harb*' dan '*Riba* dan *Doktrin Keperluan*' ini akan ditangani didalam bab lima dan enam buku ini.

Nota-Nota

1. Cetakan semula oleh Islamic Book Trust, Kuala Lumpur, 1996.
2. '*The Message of The Qur'an*'. Dar al-Andalus, Gibraltar. 1980. Nota kaki no 35 kepada *Al-Quran, al-Rum* 30:39.
3. Semasa panel perbincangan didalam persidangan Hak Manusia yang telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia, Disember 1994. Prof. Folk telah menggunakan perkataan

'rompakan yang dihalalkan' untuk menggambarkan kapitalisme yang bersifat penindas.

4. Terjemahan dan ulasan Holy Qur'an oleh Abdullah Yusuf Ali. Nota 324 kepada ayat 2:275.

5. Cf. R. H. Tawny. '*Religion and the Rise of Capitalism*', Penguin 1926.

6. Muhammad Iqbal, *Reconstruction of Religious Thought in Islam*. Oxford University Press. London 1934. p. 170.

7. *Shaikh* Mesir yang buta, Omar Abdul Rahman telah dibicara dan didapati bersalah kerana melakukan *jihad* terhadap Amerika Syarikat. Akan tetapi, seorang yang buta tidak mungkin menjadi seorang *amir* yang mana secara bersendirian boleh mengisytiharkan *jihad* (pengishtiharan perang).

   Keduanya, apabila *jihad* di isytiharkan maka kawasan yang diperangi itu dikenali sebagai *Dar al-Harb* (iaitu kawasan perang). Shaikh Omar tidak pernah membuat pengumuman yang mana Amerika Syarikat adalah *Dar al-Harb*. Ketiganya, umat *Islam* adalah dilarang untuk menetap di *Dar al-Harb*. Mereka mesti keluar darinya. Akan tetapi *Shaikh* Omar telah memohon kepada pihak Imigresen Amerika Syarikat dan telah diberikan Visa (Green Card), lantas menjadi residen dinegara tersebut. Keempat, atas sebab-sebab keselamatan,

sembahyang Jumaat tiada di *Dar al-Harb*. Hakikatnya bahawa *Shaikh* tidak mengenali Amerika Syarikat sebagai *Dar al-Harb* adalah jelas! Beliau sendiri mengimamkan sembahyang Jumaat di Amerika Syarikat setiap Jumaat hinggalah beliau dipenjarakan. Beliau sebenarnya tidak bersalah diatas tuduhan yang dikenakan kepadanya! Akan tetapi penjelasan ringkas didalam nota kaki ini tidak mungkin akan sampai kepihak juri yang telah mendapati beliau bersalah terhadap tuduhan yang telah dikenakan kepada beliau kerana hakim telah memutuskan bahawa tiada pakar *Islam* yang boleh memberikan keterangan! Ianya suatu persendaan kepada keadilan!

8. Saya telah bertanyakan kepada beliau soalan ini didalam mesyuarat yang kami hadiri atas jemputan oleh ISNA (Islamic Society of North America) yang telah berlangsung di Indianapolis pada bulan Jun 1995.

3

Larangan *Riba* Didalam Al-Quran

Kitab suci Allah (swt) ini telah memberikan, melalui proses beransur-ansur penurunan wahyu, peringkat demi peringkat didalam menangani subjek larangan *riba* ini. Ia mengandungi tiga peringkat yang berbeza:

Peringkat 1 – Pendidikan mengenai buruknya akan *riba,* tetapi tiada undang-undang melarang *riba;* bahasa yang digunakan adalah lembut, tidak menakutkan, dan tujuan asasnya adalah untuk mengajar;

Peringkat 2 – Undang-undang larangan *riba* disampaikan akan tetapi masih lagi tidak memberikan penguat-kuasaan sepenuhnya terhadap undang-undang tersebut; – proses pendidikan berterusan; bahasa yang digunakan sekarang lebih kepada gambaran,

dan orang yang beriman dijangkakan dapat mengenali penipuan yang mana adalah *riba*;

Peringkat 3 – Penguatkuasaan sepenuhnya larangan terhadap *riba*;

- keizinan untuk berperang bagi menghapuskan *riba*;
- menghapuskan hutang;
- proses pendidikan berterusan.

Malahan, terdapat persamaan diantara larangan *riba* ini dan juga larangan Allah (swt) yang telah digunakan terhadap minuman keras, perjudian, dan juga dalam berhadapan dengan amalan perhambaan. Oleh kerana itu, kajian mengenai kaedah yang telah digunakan didalam Al-Quran untuk larangan terhadap minuman keras dan perjudian, dan juga untuk berhadapan dengan perhambaan akan memberikan maklumat yang berguna untuk memahami kaedah yang telah digunakan oleh Al-Quran dalam larangan dan penghapusan *riba*.

> Teramat penting bagi Gerakan Islam untuk memberi perhatian serius kepada peringkat demi peringkat kaedah menangani *riba* didalam *Al-Quran* ini. Jika Pakistan mahu menggerakkan usaha untuk menghapuskan *riba* daripada ekonominya, usaha itu dengan mudahnya akan berakhir dengan kegagalan jika ianya

tidak dimulakan dengan kempen besar-besaran pendidikan awam yang teratur dan teliti.

Kaedah Al-Quran Dalam Menangani *Riba*

Aspek yang penting dalam peralihan, dari satu peringkat kepada peringkat yang lain, dalam proses menangani *riba* ini ialah, sementara peringkat pertama dan kedua telah telah dimulakan atau disebarkan oleh wahyu *Al-Quran* itu sendiri, peringkat ketiga pula telah dilancarkan oleh Nabi (saw) didalam *Khutbah al-Wida* (khutbah didalam haji selamat tinggal), yang telah disampaikan oleh baginda di *Arafa*t. Ianya selepas khutbah itu disampaikan, Allah (swt) menurunkan wahyu yang mengumumkan akan kesempurnaan *Islam* itu. Tindakan yang diambil oleh baginda mengenai *rib*a didalam khutbah itu kemudiannya disahkan oleh Allah (swt) didalam wahyuNya yang terakhir yang disampaikan kepada baginda tidak lama sebelum kewafatannya!

Dari riwayat *hadi*s yang keduanya diterima dari Ibn Abbas (ra) dan dari Umar (ra), kita mengetahui bahawa wahyu terakhir yang diterima oleh Nabi (saw), tidak lama sebelum kewafatan baginda adalah ayat didalam Surah *al-Baqarah* (*Al-Quran 2:278-281*) yang mana adalah berkaitan dengan *riba*:

> *Umar bin al-Khattab berkata: Ayat terakhir yang diturunkan adalah berkenaan riba, tetapi Pesuruh Allah*

telah diambil tanpa memberikan penjelasannya kepada kita; jadi tinggalkanlah bukan sahaja riba (faedah) tetapi juga reebah (apa sahaja yang menimbulkan keraguan mengenai kehalalannya). [*Ibn Majah, Darimi*]

Wahai manusia yang beriman! Takutlah Allah dan tinggalkan (yang perlu dibayar balik kepada kamu) saki-baki riba (mulai sekarang) jika kamu benar-benar orang yang beriman ... (sehinggalah ke ayat) sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikit pun. (Al-Quran 2:278-281) Ibn Abbas berkata: ini adalah ayat terakhir diturunkan kepada Nabi. [*Bukhari*]

Ianya jelas kepada kita bahawa wahyu terakhir tersebut yang datangnya selepas pengumuman telah sempurnanya akan agama dan telah dicukupkan nikmatNya keatas umat manusia ini, sebagai suatu yang boleh digunakan untuk menyatakan dasar *Al-Quran* itu sendiri. Ataupun sebaliknya, ianya boleh digunakan untuk membawa perhatian kita kepada satu bahagian didalam *Al-Quran* itu sendiri yang mana keimanan umat Islam amat mudah untuk diserangi pada masa hadapan oleh pihak musuh-musuh *Islam*.

Pilihan subjek *riba* sebagai wahyu yang terakhir, dan hakikat bahawa Allah (swt) kembali kepada subjek *riba* selepas pengumuman sempurnanya akan agama *Islam* itu sendiri, dan tambahan pula bahawa Allah (swt) telah menurunkan wahyuNya

tidak lama sebelum kewafatan Nabi (saw), – semua ini menunjukkan kepada kita akan teramat dasyatnya amaran yang mana *riba itu akan memberikan ancaman yang paling besar berbanding ancaman-ancaman yang lain terhadap keimanan, kebebasan dan juga kuasa umat Islam itu sendiri.* Inilah subjek yang amat penting, *yang mana didalamnya terdapat keupayaan serangan yang amat merbahaya, memusnah dan merosakkan akan keimanan umat Islam dan juga terhadap keutuhan dan kuasa umat Nabi (saw).*

Mengapa Allah (swt) memilih untuk membiarkan Nabi (saw) melaksanakan peringkat ketiga dalam proses penghapusan *riba* ini? Pemahaman kami berkenaan keadaan ini yang mana telah berlaku di akhir misi Nabi (saw) adalah bermaksud untuk menunjukkan kepada umat Islam, menerusi cara yang sedramatik mungkin, bahawa kepatuhan kepada Nabi (saw) adalah sama dengan kepatuhan kepada Allah yang Maha Agung! Dan Allah (swt) lebih mengetahuinya. Oleh itu dalam semua perkara secara amnya, terutamanya berkaitan dengan subjek *riba* ini, kalimat Nabi adalah yang paling penting untuk dipatuhi oleh umat *Islam* sepenuhnya.

Kajian mengenai rawatan didalam *Al-Quran* mengenai subjek *riba* menunjukkan bahawa pentingnya *tazkiyah* (penyucian diri) dan *zikrullah* (ingatan terhadap Allah (swt)) melalui *fikr* (pemikiran mendalam). Hati mestilah dibersihkan

sebelum *nur* (cahaya Allah) dapat meneranginya lantas memberikan pemahaman yang mana, jika tidak, tidak akan dapat memahami. Oleh sebab itulah perkataan '*riba*' tidak muncul dalam kronologikal turutan ayat-ayat *Al-Quran* ini, sehinggalah kira-kira 6-7 tahun selepas ayat pertama diturunkan. Pertama kali perkataan *riba* muncul didalam *Al-Quran* adalah didalam ayat ke 39, *Surah al-Rum* (Surah ke 30).

Riba, didalam *Al-Quran,* pada asasnya adalah meminjam wang dengan faedah, dan serangan keatas *riba* yang akan dilancarkan adalah untuk memasti dan memelihara akan keadilan dan kestabilan ekonomi, dan juga perpaduan dan persaudaraan masyarakat. Pelajaran yang kita perolehi dari lewatnya *Al-Quran* memberikan perhatian terus kepada subjek larangan keatas *riba* ini adalah kerana *riba* yang mana adalah satu sistem ketidak adilan ekonomi (ataupun politik), eksploitasi dan penindasan yang mana mungkin masih belum dapat dilihat, mahupun oleh para sarjana, ahli perniagaan dan mereka yang didalam hubungan kemasyarakatan sekalipun, apatah lagi oleh manusia kebanyakan, kecualilah jika kesedaran awal dari segi moral dan kerohanian individu dan juga masyarakat telah pun dilakukan, - sehinggalah seseorang itu mencapai kesucian (rohani) maka barulah kain penutup matanya akan hilang. Apabila kain penutup (*ghishawa*) tersebut telah hilang maka barulah cahaya kebenaran (*nur*) dapat memasuki, dan dengan cahaya itu barulah mungkin untuk dia

melihat dan memahami apa yang jika tidak, mungkin tidak akan dapat difahami.

Kita sekarang ini hidup didalam zaman yang mana telah digambarkan oleh Nabi (saw) sebagai zaman yang akan menyaksikan kejahatan yang paling buruk sejak dari zaman Nabi Adam (as) hinggalah ke hari kiamat. Serangan yang paling hebat dan paling merbahaya telah pun dilancarkan kepada umat manusia. Pelepasan *Yakjuj* dan *Makjuj* telah berlaku tanpa pengetahuan akal manusia (iaitu didalam al-ghaib), dan merekalah yang telah memimpin serangan tersebut. *Al-Masih al-Dajjal* juga telah dilepaskan tanpa pengetahuan akal manusia, dan berleluasanya *riba* didunia hari ini telah menggambarkan kejayaan akan serangannya itu. Ianya adalah serangan yang dilakukan dengan tipu muslihat dan bukan dengan suatu yang jelas dan mudah untuk dilihat. Syarat untuk menembusi muslihat *Dajjal* adalah pencahayaan kerohanian (*baseerah*) yang mana merupakan hadiah dari Allah (swt). Tanpa anugerah cahaya kerohanian itu, pemahaman hanya terhad sekadar kepada apa yang kelihatan semata-mata. Musa (as) telah diajar dengan pengajaran yang teramat penting oleh Khidr (as) didalam *surah al-Kahf*. Sehinggalah seseorang itu dapat menembusi hakikat suatu kebendaan itu, penilaiannya akan sentiasa silap. Dan hakikat sebenar itu adalah kerohanian.

Riba adalah bentuk eksploitasi dan penindasan yang adakalanya tertutup dengan muslihat yang amat hebat. Ianya beroperasi dengan muslihat yang mungkin tidak tersedia secara jelas dan mudah untuk dilihat, walaupun kepada mereka yang menganggap diri mereka pakar. Maka, hanya setelah masyarakat umat Islam terawal melengkapi kira-kira tujuh tahun perjuangan atas jalan kebenaran, dan telah mengalami kesedaran moral dan kerohanian dan juga berupaya melaksanakannya, maka barulah wahyu pertama mengenai *riba* itu diturunkan.

Terdapat pengajaran yang amat mendalam dari maklumat diatas kepada umat *Islam* hari ini. Pelajarannya adalah akan terdapat ramai umat *Islam* berfikiran sekular – iaitu golongan professional berpendidikan yang memegang jawatan berprestij didalam masyarakat *Islam* masa kini, yang tidak dapat mengenali kehadiran *riba* yang amat buruk didalam dunia pada hari ini. Ramai diantara mereka akan menyatakan, sebagai mana yang telah dilakukan oleh Abdullah Yusuf Ali, bahawa faedah bank bukanlah *riba*. Malah akan terdapat sebilangan mereka yang akan menyatakan bahawa perbankan yang berlandaskan *riba* ini adalah rahsia kekuatan ekonomi kapitalis Eropah dan yang mana adalah satu pencapaiannya yang amat hebat. Apabila pemahaman sampai ke tahap ini, golongan sebegini memperlihatkan ketidak upayaan mereka untuk menyedari hakikat bahawa ekonomi kapitalis Eropah, yang mana

berlandaskan *riba,* telah terlibat dalam eksploitasi besar-besaran keatas semua umat manusia hingga ketahap yang mana mereka seolah-olah menghisap darah umat manusia itu sendiri.

Pengajaran kepada umat *Islam* hari ini adalah, tidak mungkin golongan umat *Islam* yang telah tersesat itu untuk mampu melihat kehadiran *riba* yang berleluasa pada hari ini, kecuali dan sehinggalah kesedaran moral dan rohani dapat ditembusi. Apabila kain penutup dibuangkan, maka barulah golongan yang sesat ini akhirnya akan dapat melihat apa yang jika tidak, mungkin tidak akan kelihatan.

Untuk mencapai kesedaran moral dan kerohanian ini adalah satu perkara yang amat sukar untuk dilakukan. Ianya memerlukan latihan khas – intelek dan juga kerohanian. Ianya juga memerlukan rahmat daripada Allah (swt). *Sufi Shaikh* tulen terdahulu adalah pakar didalam bidang ini. Dimana sahaja kita menemuinya, dia masih kekal sebagai pakar yang sebenar. Institusi-insitusi pengajian tinggi *Islam* pada hari ini tidak dapat memberikan cetusan kerohanian, latihan dan pendidikan yang dapat memberikan pemahaman sedemikian.

Ayat Al-Quran Sebelum Kedatangan Larangan Mengenai *Riba* Didalamnya

Barangkali wahyu pertama yang menyentuh subjek *riba* dengan tidak secara langsung adalah surah *Makkan* (ayat-ayat yang diturunkan di Mekah) yang terawal bertajuk Pencaci (*al-Humaza*)

> *Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji, (iaitu semua dan setiap seorang dari mereka, dan juga dalam apa jua bentuk cacian dan kejian); (Antara jenis pencaci dan pengeji adalah) Yang mengumpulkan harta dan berulang-ulang menghitung kekayaannya; (sentiasa bertambah dan tidak berkurangan); (atau mereka yang mengambil kekayaan mereka sebagai penjaga keselamatan mereka); Ia menyangka bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya (dalam dunia ini)! (Iaitu yang dia akan kekal kaya selama mana dia hidup. Dalam ertikata lain dia merasakan yang dia telah berjaya menghalang melalui apa jalan sekalipun yang mana seseorang, termasuklah Allah, boleh mengurangkan kekayaannya, atau menyebabkan dia miskin. Dan itulah matlamat utama mereka yang menubuh dan mengekalkan sistem riba). (Terjemahan lainnya adalah: Dia percaya yang kekayaannya akan membuatkan dia hidup selama-lamanya).*

Tidak! (Akan hartanya menyelamatkannya) Sesungguhnya dia akan dicampakkan ke dalam "Al-Hutamah". (Iaitu dia akan dihancurkan menjadi kepingan kecil). Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui, apa dia "Al-Hutamah" itu? Ialah api (kemarahan) Allah yang dinyalakan (dengan perintahNya). (Api) yang naik menjulang ke hati; Sesungguhnya api neraka itu ditutup rapat atas mereka. (Mereka terikat di situ) pada batang-batang palang yang melintang panjang. (Mereka akan tidak dapat bernafas dan tercekik didalam api yang dasyat itu). [*Al-Quran, al-Humazah 104:1-8*]

Surah *Al-Quran* ini mendedahkan bentuk kelakuan memalukan dan berdosa yang mana menyebabkan kemarahan Allah (swt). Allah (swt) adalah *Al-Razzaq* (Yang Menyediakan), dan Dialah yang telah memberikan secukupnya keperluan untuk semua hamba-hambaNya:

Dan Kami jadikan untuk kamu pada bumi ini segala keperluan hidup, juga Kami jadikan makhluk-makhluk lain yang mana kamu bukanlah pemberi rezekinya. [*Al-Quran, al-Hijr 15:20*]

Dan Dia menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya (tersergam tinggi) di atasnya, serta Dia melimpahkan berkat padanya, dan Dia menentukan padaNya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya,

sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka; (semuanya itu berlaku) dalam empat masa. [Al-Quran, al-Fussilat 41:10]

Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh mahfuz) yang nyata. [Al-Quran, Hud 11:6]

Allah (swt) telah memperuntukkan kekayaan dunia ini kepada semua umat manusia akan tetapi telah menetapkan bahawa setiap manusia itu perlulah bekerja untuk mendapatkan apa yang telah disediakan untuknya:

Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya; [Al-Quran, an-Najm 53:39]

Dan bahawa sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan (kepadanya, pada hari kiamat kelak); Kemudian usahanya itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna; [Al-Quran, an-Najm 53:40-41]

Tidak kurang dari sepuluh ayat *Al-Quran*, yang mana Allah (swt) telah mengishtiharkan keupayaanNya untuk menambah,

atau menyempitkan, dari segi kekayaan dan juga makan minum yang cukup pada pandanganNya untuk umat manusia:

> *Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Dia juga yang menyempitkannya ... [Al-Quran, ar-Ra'ad 13:26. Lihat juga 2:240, 17:30, 28:82, 29:62, 30:37, 34:36, 34:39, 39:52, 42:12]*

Jika kita bersedekah sebagai contohnya, Allah (swt) bukan sahaja akan mengembalikan kepada kita apa yang telah kita berikan, malah Allah juga akan menggandakannya (*Al-Quran, ar-Rum 30-39*).

Akan tetapi sesetengah orang tidak bersedia untuk menerima hakikat bahawa *rizq* (rezeki) telah diperuntukkan oleh Allah (swt). Sungguh besar cinta mereka terhadap kekayaan. Mereka mendedikasikan kehidupan dan penat lelah mereka hanya untuk mengumpulkan kekayaan dan berterusan menambahkannya. Mereka menjadi kaya dan kemudian berterusan menjadi semakin kaya. Mereka menjadi kaya dengan cara yang mana meyakinkan mereka bahawa mereka akan kekal kaya. Oleh itu, cara mereka menambahkan kekayaan itu adalah cubaan mereka untuk mengambil alih fungsi Allah (swt) sebagai pemberi *rizq*, dan menafikan keupayaanNya untuk mengagihkan kekayaan. Mereka bukan sahaja mencari dan berjaya mendapatkan kekayaan yang mana Allah (swt) telah peruntukkan untuk mereka, tetapi termasuklah juga yang telah diperuntukkan

untuk orang lain. Oleh kerana itu mereka telah mendapat lebih bahagian kekayaan dari yang telah diperuntukkan kepada mereka oleh Allah (swt), implikasinya adalah tentulah ianya telah diperolehi dengan cara yang salah. Samada ianya diperolehi secara mencuri, rompakan yang dihalalkan atau tipu muslihat, atau dengan cara apa sekalipun, ianya diperolehi secara haram! Dan itu adalah *riba* – mengumpulkan kekayaan secara haram.

Allah (swt) menolak golongan sebegini dan juga kekayaan yang mereka perolehi dengan cara yang keji ini. Akibat perbuatan buruk mereka ini adalah azab Allah yang amat dasyat iaitu api yang naik menjulang ke hati-hati mereka. Secara luarannya kelihatan mereka ini, disebabkan oleh kekayaan mereka, hidup didalam syurga itu sendiri. Tetapi sebenarnya kehidupan mereka itu adalah didalam neraka.

Didalam surah *Makkan* terawal yang lain, *Surah al-Mutaffifeen* (tentang orang yang curang dalam jual-beli), Allah (swt) telah mendedahkan *riba* yang mana berlaku dalam satu bentuk yang biasa dilakukan dalam usaha untuk mengumpulkan kekayaan dengan cara yang salah, iaitu mencuri dengan menggunakan muslihat:

> *Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan). Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup. Dan (sebaliknya)*

apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi ... Tidakkah mereka terfikir yang mereka akan dipertanggungjawabkan (atas perbuatan mencuri itu?) [Al-Quran, al-Mutaffifeen 83:1-4]

Apa yang telah dilakukan oleh ayat ini adalah untuk serentak mendidik dan memberikan amaran kepada golongan sebegini! Kaedah *Al-Quran* ini telah memberikan pengajaran bahawa, tanpa ilmu dan pengetahuan mengenai apa yang keji, maka tidak mungkin apa yang keji itu dapat dihapuskan. Dalam ertikata lain, jika manusia sudah tenggelam dengan perbuatan keji, maka cara untuk membebaskan mereka dari kekejian itu adalah dengan memulakan proses mengajarkan kepada mereka bahawa itu adalah satu perbuatan yang keji, dan kemudian memberi amaran kepada mereka akan beratnya hukuman Allah (swt) kepada mereka yang melakukan perkara yang keji itu. Allah (swt) berulang kali memberikan amaran sebegini didalam *Al-Quran*:

Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) untuk (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya. [Al-Quran, al-Baqarah 2:195]

Dan berapa banyak Kami binasakan negeri-negeri yang penduduknya telah berlaku sombong dan tidak bersyukur dalam kehidupannya (yang serba mewah dan senang lenang). Kini tempat-tempat tinggal mereka terbiar tidak didiami orang sesudah mereka (dibinasakan), kecuali sedikit sahaja dan sesungguhnya Kamilah yang mewarisi mereka. [Al-Quran, al-Qasas 28:58]

Al-Quran telah membuat rujukan yang khusus kepada *Qarun* (Korah) yang sangat buruk tingkahlakunya disebabkan kekayaannya. Allah (swt) telah menghukumnya dengan membuatkan bumi menelan dirinya bersama-sama dengan kekayaannya:

Sesungguhnya Qarun adalah dia dari kaum Nabi Musa, kemudian dia berlaku sombong dan zalim terhadap mereka dan Kami telah mengurniakannya dari berbagai jenis kekayaan yang anak-anak kuncinya menjadi beban yang sungguh berat untuk dipikul oleh sebilangan orang yang kuat sasa. (Dia berlaku sombong) ketika kaumnya berkata kepadanya: Janganlah engkau bermegah-megah (dengan kekayaanmu), sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang bermegah-megah. (seperti lagakmu itu). Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau

melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan. Qarun menjawab (dengan sombongnya): Aku diberikan harta kekayaan ini hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada padaku. (Kalaulah Qàrun bijak pandai) tidakkah dia mengetahui dan pandai memahami, bahawa Allah telah membinasakan sebelumnya, dari umat-umat yang telah lalu, orang-orang yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak mengumpulkan harta kekayaan? Dan (ingatlah) orang-orang yang berdosa (apabila mereka diseksa) tidak lagi ditanya tentang dosa-dosa mereka, (kerana Allah sedia mengetahuinya). Kemudian Qarun keluar kepada kaumnya dengan memakai perhiasannya. (Pada saat itu) berkatalah orang-orang yang semata-mata inginkan kesenangan kehidupan dunia: Alangkah baiknya kalau kita ada kekayaan seperti yang didapati oleh Qarun! Sesungguhnya dia adalah seorang yang bernasib baik. Dan berkata pula orang-orang yang diberi ilmu (di antara mereka): Janganlah kamu berkata demikian, pahala dari Allah lebih baik bagi orang yang

beriman dan beramal soleh dan tidak akan dapat menerima (pahala yang demikian) itu melainkan orang-orang yang sabar. Lalu Kami timbuskan dia bersama-sama dengan rumahnya di dalam tanah, maka tidaklah dia mendapat sebarang golongan yang boleh menolong-nya dari azab Allah dan ia pula tidak dapat menolong dirinya sendiri. [Al-Quran, al-Qasas 28:-76-81]

Al-Quran secara khususnya menyatakan orang-orang Yahudi sebagai golongan yang telah melakukan dosa ini:

Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (mendapatkan-nya secara mengeksploitasi orang lain) ... [Al-Quran, al-Maidah 5:42]

Dan engkau lihat kebanyakan dari mereka (Orang-orang Yahudi) berlumba-lumba pada melakukan dosa dan pencerobohan serta memakan yang haram (mendapat-kannya melalui eksploitasi orang lain). Demi sesungguh-nya amatlah buruk apa yang mereka telah lakukan. [Al-Quran, al-Maidah 5:62]

Sampai kepada satu persoalan: mengapakah *rabbi-rabbi* (paderi Yahudi) tidak melakukan sesuatu mengenainya?

Alangkah baiknya kalau ketua-ketua agama dan pendita-pendita mereka melarang mereka dari mengeluarkan

perkataan-perkataan yang dusta dan dari memakan yang haram (mendapatkannya melalui eksploitasi orang lain)? Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah kerjakan. [*Al-Quran, al-Maidah 5:63*]

Wahyu Pertama Mengenai *Riba*

Hanya setelah keburukan disebabkan oleh *riba* yang berlaku melalui eskploitasi ekonomi ditunjukkan, maka barulah *Al-Quran* menyebutkan, buat pertama kali, *riba* sebagai satu bentuk eksploitasi ekonomi:

Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan didalam riba (pelaburan, pinjaman riba dengan faedah), supaya bertambah kembangnya (melalui keuntungan, faedah dari pinjaman riba tersebut) dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). (Allah menolak ianya sebagai satu bentuk perniagaan yang sah. Ianya bukan bisnes. Ianya adalah eksploitasi ekonomi) dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah (qard hasana) yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda. [*Al-Quran, al-Rum 30:9*]

Apabila wang dengan sendirinya, tanpa memerlukan apa jua usaha atau kudrat manusia itu berubah menjadi hasil pendapatan melalui pelaburan dengan faedah, bertambahnya modal (wang asal) itu tadi diperolehi dari penat lelah orang lain. Itu adalah satu rompakan. Itu adalah suatu yang tidak disenangi oleh Allah (swt). Ianya tidak diberkati. Walaubagaimanapun, wang disedekahkan ianya akan mendapat keberkatan Allah. Disebabkan oleh itulah, Allah (swt) memerintahkan golongan beriman didalam *Surah ar-Rum* didalam ayat sebelum ayat berkenaan *riba* itu supaya lebih bersikap pemurah:

> *Maka (bagi menyatakan sikap syukur) berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; pemberian yang demikian adalah baik bagi orang-orang yang bertujuan memperoleh keredaan Allah dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.* [*Al-Quran, al-Rum 30:38*]

Telah kita perhatikan sebelum ini bahawa *riba* digambarkan sebagai "penambahan wang melalui penat lelah orang lain". Dalam kata lain, *riba* adalah "kerugian" seseorang itu menjadi "keuntungan" orang lain. Transaksi sedemikian tidak layak dikira sebagai "perniagaan", sebaliknya ianya adalah berlawan kepada "perniagaan"! Allah (swt) telah meng*halal*kan "perniagaan" dan meng*haram*kan *riba*! Islam memerintahkan persefahaman

bersama yang mana akan memuaskan hati semua pihak didalam transaksi perniagaan tersebut. [*Al-Quran, al-Nisa 4:29*]

Muhammad Asad, pada pandangan kami, adalah pengulas *Al-Quran* yang paling bejaya melihat dengan luas, dari kalangan pengulas klasik atau moden, dari segi ulasannya kepada ayat-ayat *Al-Quran* yang berkaitan dengan *riba.* Dan disebabkan oleh itulah kami dengan sukacitanya memberikan keistimewaan kepada beliau, pada permulaan bab satu, dengan meletakkan petikan ulasan-ulasan beliau kepada ayat-ayat *Al-Quran* yang berkaitan dengan *riba.* Sekarang ini kami akan meletakkan pula ulasan-ulasan beliau mengenai ayat *Al-Quran* diatas (*Al-Quran, al-Rum 30:9*). Sebagai permulaan, inilah cara bagaimana ayat-ayat itu diterjemahkan oleh beliau:

> *Dan (ingatlah) apa jua yang kami berikan didalam riba supaya ianya bertambah melalui harta manusia (yang lain) tidak akan memberikan (kepada kamu) apa jua pertambahan dari pandangan Tuhan – sebaliknya apa jua yang kamu berikan untuk kebajikan, untuk mendapatkan keredaan Allah, (akan dirahmati oleh-Nya) kerana hanya untuk merekalah (yang mencari keredaan Nya) akan digandakan ganjarannya!*[1]

Asad kemudiannya membuat ulasan berikut mengenai ayat diatas yang mana beliau mengenalpasti *riba* dengan 'faedah':

> Ini adalah istilah dan konsep *riba* terawal disebutkan didalam kronologi penurunan ayat-ayat Al-Quran. Dalam secara amnya, dari segi bahasa, istilah ini bermaksud 'penambahan' kepada, atau satu 'peningkatan' sesuatu benda itu melebihi dari saiz atau jumlah asal; didalam terminologi Al-Quran, ianya bermaksud apa jua penambahan yang tidak sah, melalui faedah, kepada jumlah wang atau barangan yang telah dipinjamkan oleh seseorang atau satu badan itu kepada yang lain. Melihat kepada masalah ini dari sudut keadaan ekonomi yang berlaku pada masa atau sebelum zaman mereka, kebanyakan pakar undang-undang umat Muslim terawal mengenalpasti ini adalah "penambahan yang tidak sah" melalui keuntungan yang diperolehi menerusi apa jua pinjaman berfaedah tanpa mengambil kira berapa kadar faedah tersebut atau pun motivasi ekonomi yang diperolehi.[2]

Asad dengan berhati-hatinya menunjukkan bahawa telah sentiasa terdapat perbezaan pendapat mengenai berapakah sebenarnya jumlah yang dianggap *riba*:

> Para sarjana Islam masih belum lagi dapat mencapai persetujuan muktamad mengenai definasi *riba*: definasi yang mana, akan dapat merangkumi kesemua situasi perundangan yang dialami dan dengan positifnya

> bertindak balas kepada kesemua desakan situasi ekonomi yang pelbagai itu.[3]

Tetapi beliau telah menempa untuk dirinya definasi yang kreatif mengenai *riba* dalam mana fokus utama beliau telah diarahkan kepada implikasi sosial dan moral akan transaksi ekonomi. Disebabkan oleh itu beliau telah berjaya, yang mana sebelum ini tidak dilakukan oleh pengulas-pengulas lain, untuk sampai kepada asas sebenar larangan *riba* didalam *Al-Quran*, iaitu *riba* sebagai jentera untuk eksploitasi ekonomi.[4]

Jika kita bandingkan terjemahan dan ulasan ayat ini oleh Asad dengan pengulas moden lain yang masyur, seperti *Maulana* Abul 'Ala Maududi, kita akan menghargai, sedalam mana beliau menembusi subjek tersebut. Disini, sebagai contohnya, terjemahan *Maulana* Maududi bagi ayat *Al-Quran* ke 39 *surah al-Rum* (30:39):

> Faedah yang kamu berikan untuk menambah kekayaan manusia, tidak bertambah pada pandangan Allah, dan zakat yang kamu bayar untuk mendapatkan keredaan Allah, yang membayar itu akan bertambah kekayaannya.[5]
>
> Maulana Maududi memahami ayat ini seperti berikut:
>
> Ini adalah ayat pertama diturunkan didalam Al-Quran yang mengutuk faedah. Ianya hanya mengatakan

> sebegini: Kamu membayar faedah dan menyangkakan itu akan meningkatkan kekayaan si peminjam wang. Tetapi sebenarnya, pada pandangan Allah, faedah itu tidak meningkatkan kekayaan, tetapi kekayaan meningkat menerusi pembayaran zakat.[6]

Pengulas moden yang lain, *Maulana* Abd al-Majid Daryabadi, menterjemahkan *Surah al-Rum* (30:39) yang sama itu sebegini:

> Dan apa jua yang kamu berikan sebagai hadiah untuk membuatkan ianya menambah kekayaan manusia tidak bertambah disisi Allah: dan apa jua yang kamu berikan kepada yang miskin untuk mendapat keredaan Allah – maka merekalah, akan bertambah (kekayaan) mereka dengan berganda.[7]

Ulasan oleh *Maulana* Daryabadi keatas ayat tersebut adalah lebih menghairankan. Ulasan-ulasan beliau telah diletakkan dalam cetakan yang kecil ditengah-tengah terjemahan beliau mengenai ayat tersebut; *Dan apa jua yang kamu berikan sebagai hadiah* [*Riba* secara tepatnya adalah 'lebihan atau penambahan'. Disini ianya bermaksud apa jua yang dibelanjakan, bukan dijalan Tuhan, akan tetapi hanya untuk amalan kebiasaan, seperti amalan yang dilakukan didalam upacara-upacara tertentu, dan dengan niat untuk mendapat pulangan yang lebih lagi] *supaya ia bertambah dikalangan harta milik manusia* [dan kembali semula

kepada diri kamu dengan jumlah yang lebih banyak] *tidak bertambah dengan Allah* [iaitu walaupun bentuk pemberian ini tidak dilarang sepenuhnya, akan tetapi ia tidak akan terdapat balasan dari Tuhan ataupun dirahmatiNya]; *dan apa jua zakat yang kamu berikan dan mengharapkan keredaan Allah - maka merekalah* [iaitu mereka yang membayar zakat], *bagi mereka pertambahan yang berganda.*[8]

Terjemahan Asad dan ulasan beliau kepada ayat *Al-Quran* yang mana Allah (swt) buat pertama kalinya berfirman mengenai *riba* (*Al-Quran 30:39*) adalah amat baik sekali. Definasi beliau mengenai *riba* dan ulasan-ulasan beliau mengenainya telah disahkan oleh wahyu-wahyu yang datang kemudiannya berkenaan subjek yang mana Allah (swt) mengutuk orang-orang Yahudi keatas penindasan, kezaliman dan kekejaman atau tindakan jahat (*zulm*) mereka. Antara tindakan-tindakan mereka yang menindas adalah pengambilan *riba, walaupun ianya telah diharamkan kepada mereka,* dan, akibat dari perbuatan mereka mengambil *riba* itu, Allah (swt) kemudiannya mengisytiharkan yang mereka:

> *... memakan kekayaan umat manusia menerusi cara yang salah (batil) ...* [*Al-Quran, al-Nisa 4:161*]

Oleh itu, *riba* yang dinyatakan salah oleh *Al-Quran* disini adalah pertambahan wang asal yang telah dipinjamkan, yang

mana memperolehi hasil dari penat lelah orang lain dengan melalui cara yang salah.

Pelajaran pertama yang telah disampaikan oleh *Al-Quran*, berkaitan dengan keburukan *riba* ini, adalah tepat jika ianya dirujuk sebagai cabang ilmu yang dipanggil sosiologi ekonomi, iaitu implikasi pemikiran dan tingkah laku didalam struktur masyarakat. Pinjam-meminjam adalah sebahagian dari institusi kemanusian. Ia sepatutnya digunakan untuk membantu mereka yang memerlukan. Memberikan pinjaman itu sepatutnya dijadikan suatu yang bersifat kerohanian. Diantara pemberi pinjaman (yang memiliki) dengan si peminjam (yang tidak memiliki) sepatutnya terdapat hubungan kemanusiaan, persaudaraan dan kerohanian. Apabila pinjam-meminjam menjadi perniagaan, maka nilai-nilai kebajikan akan lenyap. Si pemberi pinjaman akan menjadi penindas memburu umat manusia yang memerlukan dan juga yang tidak bernasib baik, dengan tujuan untuk mengumpulkan kekayaan mereka dengan cara yang tidak adil. Ini akan menyebabkan bahaya yang teramat besar kepada struktur masyarakat yang sihat dan stabil. Pinjaman yang bersifat kebajikan berfungsi dengan cara dimana dapat menyaksikan kekayaan bekerja dalam mengembali dan menyatukan perhubungan persaudaraan dikalangan umat manusia dan juga untuk kestabilan keharmonian masyarakat. Pinjaman yang bersifat penindasan (iaitu *riba*), sebaliknya pula, menyaksikan

kekayaan bekerja untuk memusnahkan hubungan persaudaraan tersebut dan juga memporak-porandakan keharmonian masyarakat.

Inilah sebenarnya yang telah berlaku kepada tamadun Judeo-Kristian barat akibat tindakan mereka mengambil sistem ekonomi yang berlandaskan *riba.* Sungguh teruk hancurnya akan idea 'masyarakat sebagai sebuah keluarga', iaitu keperluan menjaga etika persefahaman diantara individu-individu sama seperti yang terdapat didalam hubungan kekeluargaan, hinggakan bekas presiden Amerika Syarikat, Ronald Reagan memberikan pinjaman kepada anak perempuannya dan mengenakan faedah (*riba*) keatas pinjaman tersebut. *Riba* telah memusnahkan konsep masyarakat sebagai sebuah keluarga. Sebelum ini komuniti masyarakat bertindak sebagai penjaga yang mana menjamin keselamatan individu didalam masyarakat tersebut, akan tetapi sekarang ini individu terpaksa menjaga diri masing-masing. Dan oleh kerana individu sekarang ini terpaksa menjaga diri masing-masing maka sebab itulah wujudnya satu institusi pelik didalam ekonomi kapitalis moden iaitu syarikat insuran. Insuran nampaknya amat berkait rapat dengan *riba.* Malah ekonomi yang berlandaskan *riba* mungkin tidak dapat muncul sepenuhnya tanpa insuran.[9]

Ini bukanlah satu-satunya sebab mengapa *riba* amat dimurkai Allah (swt). Terdapat banyak lagi sebab disebaliknya.

Tetapi Allah (swt) telah memilih untuk menghadkan diriNya, didalam ayat yang pertama ini untuk sekadar menunjukkan kesan yang teramat buruk yang akan melanda masyarakat jika institusi kebajikan (pinjam-meminjam tanpa *riba*) ini dilemahkan. Masyarakat akan terdedah kepada bahaya jika individu didalam masyarakat itu terbiar sendirian untuk menjaga diri sendiri, jerung-jerung *riba* kemudiannya akan mempunyai peluang untuk menyusup dan dengan lahapnya menikmati kekayaan masyarakat.

Malah, bukan sahaja kebajikan akan dilemahkan apabila 'pinjam-meminjam' menjadi perniagaan, akan tetapi apa yang mengambil alih tempat kebajikan itu sendiri agak membahaya-kan.

Ianya amat menujuk-ajar bilamana Allah (swt), didalam ayat yang pertama mengenai *riba* didalam *Al-Quran* ini membanding-kannya dengan kebajikan. Ianya dengan perbandingan antara kedua inilah kita dapat menembusi kain penutup dan melihat hakikat sebenar *riba*. Didalam *riba*, seseorang itu hanya akan mengambil dan tidak akan memberi sebaliknya. Dalam kebajikan yang sebenar, seseorang itu hanya memberi dan tidak mengambil apa pun sebagai balasannya. Didalam kebajikan contohnya bersedekah, kita memberi kepada yang memerlukan, – dan tidak meminta sebarang balasan! Didalam *riba*, si pemberi pinjaman

mengambil dari peminjam dan tidak memberi apa-apa pun sebagai balasannya.[10]

Terdapat perbezaan yang amat besar diantara 'mengambil' dan 'memberi', terutamanya berkaitan dengan mereka yang memerlukan pertolongan. Menerusi sedekah kebajikan, kedua-dua penerima dan pemberi mendapat balasannya. Juga, didalam 'memberi', yang mana adalah kebajikan, ia merapat dan menyatukan masyarakat sebagai satu keluarga. Didalam *riba,* 'keuntungan' si pemberi pinjaman adalah 'kerugian' kepada si peminjam. *Riba,* yang mana 'mengambil' dengan cara bertentangan dengan prinsip keadilan, memusnahkan keluarga dan memecahkan masyarakat kepada mereka yang meng-eksploitasi golongan yang memerlukan untuk kepentingan mereka dan kepada golongan mereka yang memerlukan. Dan mereka yang amat memerlukan ini akan terdedah kepada ketidak adilan dan juga eksploitasi. Oleh sebab itu *riba* merosakkan struktur masyarakat.

Inilah yang sebenarnya telah dilakukan oleh ekonomi kapitalis yang berlandaskan *riba.* Ianya merosakkan perpaduan masyarakat, malah, telah mencipta perang darjat, – mencipta masyarakat dan dunia 'jerung' dan 'sardin' – iaitu mereka yang mengeksploitasi dan mereka yang dieksploitasi. Ahli politik Amerika Latin, Juan Domingo Alvorado adalah yang pertama menggunakan ungkapan 'jerung' dan 'sardin' untuk meng-

gambarkan ekonomi yang dihasilkan oleh kapitalisme yang berlandaskan faedah (*riba*). Inilah sebab utama, melebihi daripada sebab-sebab yang lain yang mana telah menaikkan kemarahan Karl Marx dan menghasilkan komunisme. Walaubagaimanapun, Marx, juga telah melakukan kesilapan melalui jalan alternatif yang telah diambil dan dikenakan olehnya sebagai menggantikan sistem ekonomi kapitalis yang berlandaskan *riba*. Dengan memusnahkan pasaran bebas dan adil menerusi cara yang mana kerajaan mengawal pasaran itu sendiri, Marx telah menggantikan satu bentuk *riba* dengan bentuk *riba* yang lain. Ianya membawa kepada fasad (*kecemaran, huru-hara, kekacauan*).

Saya masih mempunyai ingatan yang jelas terhadap salah seorang guru saya disekolah ekonomi antarabangsa, Bernard Coard yang membuat analisa yang amat tepat kepada kemusnahan ekonomi Amerika Latin dan membawakan perhatian kepada eksploitasi ekonomi yang sedang berlaku. Ianya adalah *riba,* akan tetapi beliau tidak dapat mengenalinya sebagai *riba*. Guru ekonomi kewangan saya yang lain, Mrs. Patricia Robinson, telah banyak menghabiskan masa dengan sabarnya berhadapan dengan pelbagai pertanyaan saya didalam kelas, akan tetapi tidak dapat mengenali apa jua eksploitasi atau ketidak adilan dalam memberikan pinjaman dengan faedah.

Riba Membawa Kepada *Fasad*

Surah ar-Rum kemudiannya menunjukkan hubungan antara *riba* dan *fasad*. *Riba* membawa kepada *fasad* adalah istilah yang secara keseluruhannya merangkumi kesemua ini: buruk dari segi akhlak, merosakkan, mencemar, busuk, reput, pereputan, meloyakan, rosak akhlak, kejam, berniat jahat, ketidakadilan, tidak ber-akhlak, kelemahan, luar tabii, salah, tidak betul, dll. Kita telah maklum sebelum ini bahawa *riba* telah disebut didalam *Al-Quran* buat pertama kalinya didalam ayat ke 39 *Surah al-Rum* (telah dinyatakan diatas). Sejurus selepas itu, didalam ayat ke 41, Allah (swt) telah memberikan amaran (akan perkara buruk yang akan berlaku) seperti berikut:

> *Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia; (puncanya adalah) kerana Allah hendak mereka merasa sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).* [*Al-Quran, al-Rum 30:41*]

Implikasi ayat ini amat jelas. Ia memberi amaran akan akibatnya mengamalkan *riba*. Kerosakan, huru-hara, keganasan, dll akan membawa malapetaka kepada masyarakat tersebut. Bandar-bandar seperti Karachi di Pakistan, dan Harlem di Upper

Manhattan, adalah contoh klasik keganasan yang telah dibela oleh *riba*!

Larangan *Riba* Didalam Torah

Selepas turunnya ayat didalam *Surah ar-Rum*, ayat seterusnya didalam *Al-Quran* yang mana perkataan *riba* disebut, terletak didalam *Surah an-Nisa* (*Al-Quran 4:161*). Didalamnya *Al-Quran* telah mengutuk orang-orang Yahudi kerana memakan *riba*. Sekali lagi, seperti didalam ayat pertama mengenai subjek ini, *riba* dirujuk kepada pelaburan-pelaburan berfaedah, atau pinjaman dengan faedah. Ayat ini turun sejurus selepas penghijrahan Nabi ke Madinah apabila baginda hidup dikalangan orang-orang Yahudi di Madinah.

Masyarakat Madinah nampaknya sudah biasa dan tepu dengan *riba*, dan orang-orang Yahudi Madinah nampaknya telah mendominasi pasaran pinjaman dengan faedah. Mekah adalah pusat komersial yang makmur dan *riba* dikalangan masyarakat Mekah lebih kepada pinjaman perniagaan yang mana puak-puak, sebagai entiti korporat, akan mengambilnya atas tujuan mendapatkan modal bagi meningkatkan perniagaan. Puak itu kemudiannya, akan menjaga keperluan orang-orangnya yang memerlukan bantuan. Ekonomi Madinah pula lebih rendah dari itu dan lebih tertumpu kepada pertanian dan kehidupan kampung. *Riba* di Madinah tidak hanya kepada pinjaman

perniagaan tetapi menjangkau hingga kepada pinjaman untuk mendapatkan bahan makanan, iaitu pinjaman yang diperlukan oleh golongan miskin.

Tahap dimana *riba* telah menembusi ekonomi sebelum kedatangan *Islam* di Madinah telah digambarkan oleh seorang Yahudi yang telah memeluk *Islam*, Rabbi Abdullah bin Salaam:

> *Abu Burda telah berkata: Saya telah berjumpa Abdullah bin Salaam. Dia berkata ... Kamu didalam kawasan (iaitu Madinah) dimana amalan riba amat meluas; jika seseorang berhutang kepada kamu dan dia menghadiahkan kepada kamu sejumlah jerami, atau sejumlah barli, atau sejumlah rumput ternakan, jangan mengambilnya, kerana ia adalah riba.* [*Bukhari*]

Ianya akan kelihatan bahawa penurunan ayat mengenai *riba* didalam *Surah al-Nisa* telah memainkan peranan penting dalam penolakan orang-orang Yahudi kepada kenabian Nabi Muhammad (saw), dan Allah (swt) lebih mengetahui! Ayat tersebut telah mengutuk orang-orang Yahudi kerana telah mengambil *riba*: walaupun *ianya telah dilarang keatas mereka* (oleh Allah (swt)). Perbuatan demikian telah dihukum sebagai tidak beriman (*kufr*). Dan telah diberi amaran akan balasan dasyat yang akan mendatangi mereka diatas perbuatan mereka melakukan perkara *kufr* tersebut:

Maka disebabkan kezaliman yang amat besar dari perbuatan orang-orang Yahudi, Kami haramkan atas mereka (didalam kitab Taurat) makanan yang baik-baik yang pernah dihalalkan bagi mereka dan (Kami melakukannya) disebabkan mereka banyak menghalang manusia dari jalan Allah.

Dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba (faedah) padahal mereka telah dilarang melakukannya, dan (disebabkan mereka mengambil riba), mereka memperolehi kekayaan orang lain dengan cara yang salah (ia sebenarnya merupakan penipuan, dan rompakan harta orang lain) dan (ingatlah) Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang kafir di antara mereka, azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Tetapi orang-orang yang teguh serta mendalami ilmu pengetahuannya di antara mereka (orang-orang Yahudi) dan orang-orang yang beriman (orang-orang yang mengikut Nabi Muhammad), yang beriman dengan apa yang telah diturunkan (iaitu Al-Quran) kepadamu (Muhammad) dan kepada apa yang telah diturunkan sebelum daripadamu (keduanya melarang riba) ... [*Al-Quran, al-Nisa 4:160-163*]

Pengajaran yang telah diberikan didalam ayat ini agak memeranjatkan. Ia menyatakan bahawa keuntungan yang

diperolehi dari pelaburan berlandaskan *riba* sebagai yang mengambil kekayaan orang lain dengan cara yang salah. Tuduhan sebegitu sudah pun terdapat didalam ayat yang pertama [*iaitu ... supaya bertambah kembangnya (melalui keuntungan, faedah dari pinjaman riba tersebut) dalam pusingan harta manusia*]. Ini adalah penipuan. Ini adalah rompakan. *Riba* oleh itu adalah suatu yang tidak bermoral. Ianya menyalahi keadilan. Akibatnya, didalam ekonomi yang berdasarkan *riba,* mereka yang membayar *riba* akan menjadi miskin dan semakin miskin. Sebaliknya pula, apa yang digunakan untuk tujuan kebajikan akan dikembalikan oleh Allah (swt). Ianya Allah (swt) yang memperuntukkan *rizq* (rezeki yang diberikan oleh Allah (swt)). Apabila yang meminjam membelanjakan *rizq* itu untuk membayar *riba* (seperti faedah keatas pinjaman) ianya tidak akan digantikan oleh Allah (swt). Keuntungan yang diperolehi oleh mereka yang memberikan pinjaman adalah kerugian kepada yang meminjam.

Tetapi ayat itu bukan sahaja mendedahkan ketidakadilan *riba,* ia juga membawakan perhatian kepada orang-orang Yahudi dan mendedahkan bahawa mereka telah dilarang dari mengambil *riba,* dan mereka telah melanggari akan larangan tersebut. Malah, didalam ayat yang lebih awal iaitu pada permulaan *Surah al-Baqarah,* Allah (swt), menyatakan bahawa orang-orang

Yahudi ini telah bersalah kerana menukar kalimah Allah (swt), untuk memperolehi faedah kewangan darinya:

> *Wahai Bani Israil! Kenangkanlah kamu akan segala nikmat yang telah Kuberikan kepada kamu dan sempurnakanlah perjanjian (kamu) denganKu, supaya Aku sempurnakan perjanjianKu dengan kamu dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun takut, (bukan kepada sesuatu yang lain). Dan berimanlah kamu dengan apa yang Aku turunkan (Al-Quran) yang mengesahkan benarnya Kitab yang ada pada kamu dan janganlah kamu menjadi orang-orang yang mula-mula kafir (ingkar) akan ia dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-ayatKu (sebagai harga untuk) membeli kelebihan-kelebihan yang sedikit faedahnya dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu bertakwa.* [*Al-Quran, al-Baqarah 2:40-43*]

Apabila kita menyelidik kitab Taurat, kita akan nampak pengubahsuaian itu:

Didalam Buku Leviticus, Kitab Taurat menyentuh berkenaan subjek *riba*:

> *Jika saudara Israel kamu berdepan dengan kesusahan dan kamu memberikannya perlindungan dan tempat tinggal walaupun dia asing bagi kamu, biarlah dia tinggal*

bersama kamu dan jangan meminta darinya apa jua faedah (riba) atas apa yang kamu telah belanjakan kepadanya. Takutkan lah kepada kemarahan Tuhanmu. Pastikan saudara kamu itu mempunyai kebebasan untuk hidup bersama dengan kamu. Tidak dibenarkan untuk kamu menerima faedah (riba) atas apa yang kamu belanjakan, atau apa jua makanan yang kamu berikan kepadanya. [*Leviticus 25:35-37*]

Sekali lagi didalam Buku Exodus, kitab Taurat memberi tumpuan kepada *riba*:

Dan jika kamu meminjamkan wang kepada jiran kamu yang miskin dari kalangan orang-orangKu, jangan memberi kesusahan kepada mereka seperti apa yang dilakukan oleh pemeras ugut, dan jangan memberatkan mereka dengan faedah (riba). [*Exodus 22:24*]

Dan akhir sekali kitab Taurat membentangkan pula masaalah *riba* didalam buku bertajuk Deutronomy:

Jangan kenakan faedah (riba) kepada saudara Israel kamu apabila kamu meminjamkan wang atau bijirin atau apa pun kepadanya. Kamu boleh kenakan faedah (riba) apabila kamu meminjamkannya kepada orang asing (bukan Yahudi). Kepada saudaramu kamu pinjamkan kepadanya tanpa faedah (riba) untuk apa

yang diperlukannya supaya Tuhan, iaitu Tuhan kamu, akan merahmati kamu ... [Deutronomy 23:19-20]

Membandingkannya dengan ayat-ayat *Al-Quran* yang dengan hebatnya mengecam orang-orang Yahudi kerana memakan *riba* dengan ayat-ayat didalam kitab Taurat yang membenarkan mereka mengenakan *riba* kepada yang bukan Yahudi membawa kita kepada satu rumusan iaitu ayat-ayat kitab Taurat ini telah di ubah.

Al-Quran telah mengesahkan perkara ini.

Kemudian orang-orang yang zalim (penderhaka) itu mengubah perkataan (perintah kami) yang dikatakan kepada mereka ... [Al-Quran, al-Baqarah 2:59]

Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: "Ini ialah dari sisi Allah", supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu. [Al-Quran, al-Baqarah 2:79]

Hukuman keatas kesalahan mengubah ayat-ayat Allah ini amatlah berat:

Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan (meminda atau mengubah) apa-apa keterangan Kitab Suci yang telah diturunkan oleh Allah (dan ini termasuklah menyembunyikan larangan riba dengan meminda ayat-ayat Allah itu), dan membeli dengannya keuntungan dunia yang sedikit faedahnya, mereka itu tidak mengisi dalam perut mereka selain dari api neraka, dan Allah tidak akan berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat, dan Ia tidak membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. [*Al-Quran, al-Baqarah 2:174*]

Kita disini boleh mengingatkan kembali bahawa Al-Quran dengan tidak secara langsung telah bercakap mengenai subjek *riba* ini di surah Makkan terawal bertajuk Pencaci (*al-Humaza*), dan surah tersebut mengecam *riba* sebagai satu bentuk perbuatan yang memalukan dan berdosa yang mana menyebabkan kemarahan Allah:

Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji, (iaitu semua dan setiap seorang dari mereka, dan juga dalam apa jua bentuk cacian dan kejian); (Antara jenis pencaci dan pengeji adalah) Yang mengumpulkan harta dan berulang-ulang menghitung kekayaannya; (sentiasa bertambah dan tidak berkurangan); (atau mereka yang mengambil kekayaan mereka sebagai penjaga keselamat-

an mereka); Dia menyangka bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya (dalam dunia ini)! (Iaitu yang dia akan kekal kaya selama mana dia hidup. Dalam ertikata lain dia merasakan yang dia telah berjaya menghalang melalui apa jalan sekalipun yang mana seseorang, termasuklah Allah, boleh mengurangkan kekayaannya, atau menyebabkan dia miskin. Dan itulah matlamat utama mereka yang menubuh dan mengekalkan sistem riba). (Terjemahan lainnya adalah: Dia percaya yang kekayaannya akan membuatkan dia hidup selama-lama-nya).

Tidak! (Akan hartanya menyelamatkannya) Sesungguh-nya dia akan dicampakkan ke dalam "Al-Hutamah". (Iaitu dia akan dihancurkan menjadi kepingan kecil). Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui, apa dia "Al-Hutamah" itu? (Al-Hutamah) ialah api (kemarah-an) Allah yang dinyalakan (dengan perintahNya). (Api) Yang naik menjulang ke hati; Sesungguhnnya api neraka itu ditutup rapat atas mereka. (Mereka terikat di situ) pada batang-batang palang yang melintang panjang. (Mereka akan sesak nafas dan tercekik didalam api yang dasyat itu). [*Al-Quran, al-Humazah 104:1-8*]

Dan apabila *Al-Quran* telah mengenal pasti orang-orang Yahudi itu dengan menamakan mereka dan mengecam kesalahan

riba mereka, dan juga kesalahan mengubah ayat-ayat Allah supaya membenarkan mereka mengamal (*riba*), ianya pasti telah memberikan kesan yang mendalam kepada sikap degil mereka itu. Perlu kita ingatkan bahawa kecaman *Al-Quran* terhadap salah-laku orang-orang Yahudi ini amatlah hebat:

> *Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (mendapatkannya secara mengeksploitasi orang lain) ...* [*Al-Quran, al-Maidah* 5:42]

> *Dan engkau lihat kebanyakan dari mereka (Orang-orang Yahudi) berlumba-lumba melakukan dosa dan pencerobohan serta memakan yang haram (mendapatkannya melalui eksploitasi orang lain). Demi sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah lakukan.* [*Al-Quran, al-Maidah* 5:62]

Dan perlu juga kita ingatkan bahawa *Al-Quran* juga telah memperingatkan rabbi-rabbi mereka dan telah bertanyakan kepada mereka mengapa mereka tidak melakukan sesuatu untuk membenteras perbuatan yang memalukan itu:

> *Alangkah baiknya kalau ketua-ketua agama dan pendita-pendita mereka melarang mereka dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang dusta dan dari memakan yang haram (mendapatkannya melalui eksploitasi orang lain)?*

Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah kerjakan. [*Al-Quran, al-Maidah 5:63*]

Apabila ayat-ayat Al-Quran mengecam orang-orang Yahudi kerana *memakan riba walapun ianya telah dilarang kepada mereka* (*4:161*), rujukan *Al-Quran* ini tidak hanya terhad kepada kitab Taurat. Nabi-nabi Allah (swt) yang lain, selain daripada Nabi Musa (as) juga telah melarang kaum Yahudi dari memakan *riba*. Oleh itu kaum Yahudi telah melanggari perintah-perintah nabi-nabi itu juga. Antaranya adalah seperti yang berikut.

Larangan *Riba* Didalam Kitab Zabur Nabi Daud

Bukan sahaja telah datang kepada *Bani Israel* ramai nabi-nabi Allah (swt), mereka juga telah menerima beberapa kitab-kitab Allah. Antaranya adalah kitab Taurat yang telah diturunkan kepada Nabi Musa (as), dan juga kitab Zabur (Psalm) yang telah diturunkan kepada Nabi Daud (as). Kita baru melihat larangan *riba* didalam kitab Taurat, sekarang mari kita lihat pula subjek ini didalam kitab Zabur Nabi Daud. Akan kita dapati bahawa kitab Zabur menganggap ianya adalah satu sifat yang mulia untuk seseorang itu menahan diri dari meminjamkan wang dengan faedah:

Psalm 15:

Tuhan, siapakah yang akan kekal didalam khemah perlindunganMu?

Siapakah yang boleh tinggal dipergunungan suciMu?

Sesiapa yang berjalan tanpa dipersalahkan, yang melakukan perkara yang betul, bercakap benar dari hatinya;

Yang tidak memfitnah jirannya, tidak menyakiti sesiapa, tidak menyatakan hal-hal yang tidak baik mengenai rakannya;

Yang membenci kejahatan, tetapi menghormati mereka yang takut kepada Tuhan;

Yang memegang janjinya biar apa juga harga yang perlu dibayar, yang tidak meminjamkan wangnya dengan faedah, dan tidak menerima rasuah menentang yang tidak bersalah.

Sesiapa yang bertindak sebegini tidak akan boleh digoyahkan (iaitu keimanannya tidak akan goyah).

Dhul Kifl dan *Riba*

Allah (swt) telah menghantar kepada *Bani Israel* seorang Nabi bernama *Dhul Kifl*. Dia dikenali oleh mereka sebagai Ezekiel. Dia

juga telah mengajar mereka kanun moral yang mana mengaitkan menahan diri dari *riba* sebagai satu sifat yang mulia:

> *Jika seseorang itu berakhlak mulia, jika dia melakukan apa yang betul dan adil, jika dia tidak makan dari meja kaum jahiliyah, juga tidak melihat kepada berhala-berhala di rumah Israel, jika dia tidak menodai isteri jirannya, juga tidak melakukan hubungan dengan wanita yang sedang datang bulan; jika dia tidak menindas sesiapa, mengembalikan cagaran yang diterima untuk sesuatu pinjaman, tidak mencuri; jika dia memberi makan kepada yang lapar dan memberi pakaian kepada yang telanjang; jika dia tidak memberi pinjaman dengan faedah atau menuntut faedah; jika dia menahan dirinya dari melakukan kejahatan, mengadili seadilnya seorang lelaki dengan musuhnya; jika dia hidup dengan hukum-hukumKu dan dia berhati-hati menjaga perintahKu, orang itu seorang yang berakhlak mulia – dia pastinya hidup kata Tuhan.* [*Ezekiel 18:5-9*]

Larangan *Riba* Didalam Gospel Jesus

Orang-orang Kristian perlu berhati-hati dalam tindakan mereka mengecam orang-orang Yahudi yang meminjamkan wang dengan faedah kerana 'orang yang tinggal didalam rumah kaca tidak sepatutnya membaling batu'! Didalam Gospel Jesus (Nabi

Isa (as)) seperti yang disebut oleh St. Mathew mengandungi bukti jelas lagi nyata perkara yang sama iaitu pengubahan kalimah Tuhan berkenaan dengan larangan keatas *riba.* Sedangkan Jesus dengan jelas mempertikaikan buku Deutronomy dan telah mengarahkan orang-orang Yahudi supaya kembali kepada kehidupan tanpa *riba* apabila baginda mengisytiharkan:

> *Tidak, kamu perlu menyayangi musuh-musuh kamu dan membantu mereka, dan kamu mesti memberi pinjaman kepada mereka tanpa mengharapkan apa jua balasan (iaitu dari pelaburan kamu); dan balasan kepada kamu amatlah besar, dan kamu akan menjadi anak Tuhan: kerana Dia amat baik walaupun kepada yang tidak berterimakasih dan juga yang jahat.* [*Gospel St. Luke 6:35*]

Sekarang ini pula adalah kisah yang dicipta oleh mereka yang jahat dan meletakkannya didalam Gospel Jesus (Nabi Isa (as)):

> *Kisahnya adalah seorang lelaki yang keluar mengembara, yang telah memanggil hamba-hambanya dan menyerah-kan hartanya kepada mereka: kepada seorang diberikan-nya lima talen (matawang zaman dahulu), seorang lagi dua dan seorang lagi satu; semuanya mendapat*

berdasarkan keupayaan mereka. Kemudian lelaki itu pun keluar mengembara.

Hambanya yang mendapat lima talen telah berdagang dengannya dan mendapat lima talen lagi. Begitu juga yang mendapat dua talen berjaya memperolehi lagi dua. Tetapi hamba yang mendapat satu talen pergi mengorek lubang diatas tanah dan menyorokkan wang tuannya.

Setelah beberapa lama selepas itu, tuan kepada hamba-hamba itu pun kembali dan membuat perhitungan dengan mereka. Maka hamba yang telah menerima lima talen mara kehadapan dan membawa lima talen lagi lalu berkata, 'Tuan telah memberikan saya lima talen dan saya telah menambahkan lima lagi'. Tuannya berkata kepadanya, 'Bagus, kamu hamba yang sangat baik dan boleh dipercayai! Kamu telah diamanahkan dengan sejumlah yang kecil: Aku akan amanahkan kamu dengan jumlah yang lebih besar. Kemari dan berkongsi juadah tuanmu'. Kemudian hamba yang telah menerima dua talen mara kehadapan lalu berkata, 'Tuan telah memberikan saya dua talen dan saya telah menambahakn dua lagi'. Tuannya berkata kepadanya, 'Bagus, kamu hamba yang sangat baik dan boleh dipercayai! Kamu telah diamanahkan dengan sejumlah yang kecil: Aku akan amanahkan kamu dengan jumlah

yang lebih besar. Kemari dan berkongsi juadah tuanmu'. Kemudian hamba yang mendapat satu talen mara dan berkata, 'Saya tahu tuan seorang yang tidak berperasaan, menuai walaupun tuan tidak pernah menanam dan mengumpul walaupun tuan tidak pernah menampi. Jadi saya teramat takut; Saya pergi menanam talen tuan ini didalam tanah. Ini dia wang tuan! Tuannya menjawab dan berkata kepadanya, 'Kamu bangsat, hamba yang pemalas! Kamu tahu bukan, yang aku menuai apa yang aku tak tanam dan mengumpul apa yang aku tak tampi! Oleh itu sepatutnya kamu berikan wang aku kepada penukar wang (pihak bank), dan aku akan dapat menambahkan wang ku dengan faedah (iaitu riba) apabila aku kembali ... [*Gospel Mathew 25:14-27*]

Dan tetapi didalam Gospel St. Mathew ini juga menceritakan kejadian dimana Jesus (Nabi Isa (as)) memberikan reaksi kemarahan yang amat sangat terhadap *riba*. Walaupun ianya bukan *riba* didalam bentuk faedah seperti yang diatas, ianya masih tetap *riba* kerana ia adalah 'perniagaan dengan tipu muslihat' yang mana menerusinya harta orang ramai telah ditipu:

Dan Jesus pergi ke kuil Tuhan (iaitu Masjid al-aqsa) dan menghalau semua mereka yang berjual beli didalam kuil, dan menerbalikkan meja penukar wang (yang menipu manusia melalui riba) ... dan berkata kepada mereka:

Telah pun ditulis, rumahku sepatutnya dipanggil rumah untuk sembahyang; tetapi kamu telah menjadikannya sebagai sarang pencuri. [*Gospel Mathew 21:12-13*]

Terdapat dua jenis wang syiling yang digunakan pada ketika itu. Yang pertama syiling sekular Roman, tidak boleh digunakan di Kuil kerana terdapat imej ukiran Emperor Roman pada syiling tersebut; Keduanya, syiling kuil yang boleh digunakan kerana ianya dikeluarkan tanpa apa-apa imej ukiran. Penukar-penukar wang telah menipu orang ramai dalam penukaran wang sekular dengan wang kuil dan sebaliknya, dan ini adalah *riba*!

Kalaulah orang-orang Yahudi menerima *Al-Quran* sebagai kalimah Allah (swt), mereka pasti akan dapat memperbetulkan diri mereka dan berhenti dari meminjamkan wang dengan faedah. Tetapi mereka tidak berbuat demikian. Selama mereka hidup dibawah pemerintahan Islam, iaitu *Dar al-Islam,* tiada langsung peluang untuk mereka melibatkan diri dengan *riba* dan kesemua aktivitinya yang merosakkan. Tetapi apabila berakhir-nya pemerintahan *Islam* di Sepanyol, orang-orang Yahudi melarikan diri untuk mengelakkan diri dari disiksa. Kebanyakan mereka lari ke bahagian Eropah yang lain dan hidup dikalangan orang-orang Kristian. Dalam keadaan inilah pinjaman dengan faedah oleh orang-orang Yahudi ini muncul, digalakkan pula oleh orang Kristian. Dan ini telah menyebabkan masaalah etika yang serius hinggakan sasterawan ulung William Shakespeare

mengadakan pementasan, *'Merchant of Venice'* yang mana keseluruhannya menceritakan keburukan *riba* oleh orang-orang Yahudi (yang mana Shakespeare sendiri yang menulis cerita *'Merchant of Venice'*).

Perlu diberikan perhatian bahawa kuasa dominan yang memainkan peranan dibalik tabir Revolusi Peranchis adalah kuasa yang mahu menghapuskan apa jua halangan yang menghalang kemunculan sepenuhnya ekonomi yang berdasarkan *riba* di Eropah. Walaupun cerita diatas telah dimasukkan didalam Gospel oleh tangan-tangan yang keji untuk membenarkan *riba,* halangan paling besar dari semua halangan itu adalah Gereja Roman Katholik - maka sebab itulah sifat-sifat dominan revolusi tersebut adalah anti-gereja dan militan sekular. Kemenangan keatas gereja telah menyebabkan tersebar luasnya *riba* keseluruh Eropah.

Revolusi Peranchis dan Revolusi Amerika yang menyusul kemudiannya adalah kejadian yang paling penting didalam sejarah keagamaan, politik dan ekonomi, ia seolah tabir besi (yang telah dibina oleh *Dhul Qarnain*) telah terbuka dan dua kuasa yang paling jahat (*Yakjuj* dan *Makjuj*) telah terlepas keluar didunia. Kejahatan yang di bawa oleh *Yakjuj* dan *Makjuj* adalah kejahatan yang paling besar. Pertama sekali mereka mencipta negara sekular dengan kedaulatan yang dituntutnya, itu adalah

syirik! Dan keduanya adalah *riba*. Dan selepas syirik, *riba* adalah kejahatan yang paling besar didunia ini!

Orang-orang Yahudi telah mengumpulkan kekayaan dari setiap peluang untuk meminjamkan wang dengan faedah dan terlibat didalam bentuk *riba* yang lain di Eropah. Tetapi ini telah menyebabkan, sekali lagi, mereka telah dihalau dari hampir kesemua negara diEropah. Revousi Peranchis telah menamatkan serangan yang berterusan kepada orang-orang Yahudi kerana jenayah ekonomi mereka itu. Sekarang mereka mempunyai kebebasan yang tidak pernah wujud sebelumnya. Tetapi ini telah menyebabkan jenayah ekonomi yang tidak pernah wujud sebelum ini keatas rakyat Jerman, dan disebabkan oleh itulah terjadinya pembunuhan beramai-ramai rakyat Yahudi (holocaust) oleh Hitler di bumi Eropah. Ia juga telah membuka jalan kepada kemunculan ekonomi kapitalis barat yang berlandaskan *riba* pada hari ini. *Riba* kemudiannya menghasilkan tatacara kehidupan dunia yang berasaskan kepada eksploitasi ekonomi keatas umat manusia dengan sebuah sistem politik antarabangsanya yang menyokong dan melindungi sistem eksploitasi ekonomi itu.

Didalam wahyu yang terletak sejurus selepas wahyu yang telah mengisytiharkan puasa dibulan *Ramadhan,* yang mana telah turun pada bulan *Shaban* pada tahun ke 2 hijrah, Allah (swt) telah memberi amaran kepada umat *Islam* terhadap

tingkah laku ekonomi yang mana Allah (swt) telah mengecam orang-orang Yahudi:

> *Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah (melalui riba atau bentuk transaksi penipuan yang lain), dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).* [*Al-Quran, al-Baqarah 2:188*]

Inilah sebenarnya yang telah dilakukan oleh orang-orang Yahudi, dan telah melakukannya semenjak kitab Taurat telah diubah. Malah situasi telah menjadi semakin teruk apabila orang Yahudi sendiri mengenakan faedah kepada orang Yahudi yang lain juga. Didalam *Modern Commentary* (ulasan moden) kitab Taurat, diedit oleh W. Gunther Plaut[11], pihak penyunting telah memberi komen dari segi subjek larangan *riba* ini:

> Sentimen yang menentang pengambilan faedah dari seseorang wujud hingga ke era pos-biblikal (era selepas kitab Injil diturunkan) dan malah telah diperkembangkan oleh rabbi-rabbi. Seorang yang menahan dari mengenakannya telah dipuji seperti seorang yang telah menerima kayu pengandar dari kerajaan Tuhan. Walaubagaimana pun akhirnya, alasan-alasan perund-

angan (sebagai alasan untuk membenarkannya) telah diluluskan, dimana telah membolehkan pengambilan faedah, dengan tujuan untuk menyelaraskannya dengan perubahan keadaan ekonomi.[12]

Akibat dari perubahan yang telah berlaku itu, muncul situasi yang mana, menurut Gunther Plaut:

> ... (adalah) suatu yang berlawanan sepenuhnya dari tujuan asal kitab Taurat... [13]

Lagi didalam *Surah an-Nisa,* surah yang sama dimana Allah (swt), telah mendedahkan kejahatan orang-orang Yahudi yang telah membuat perubahan kepada kitab Taurat dengan mengubahsuai larangan keatas *riba,* Allah (swt), sekali lagi memberi amaran kepada umat Islam:

> *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.*
>
> *Dan sesiapa berbuat demikian dengan menceroboh dan aniaya, maka kami akan masukkan dia ke dalam api neraka, dan balasan yang sedemikian itu adalah mudah*

> *bagi Allah, (tidak ada sesiapapun yang dapat menghalangnya).* [*Al-Quran, al-Nisa 4:29-30*]

Pengajaran dari ayat-ayat ini banyak memberikan maklumat berguna. Alternatif kepada *riba* adalah perniagaan yang dilakukan dengan dasar hubungan kerjasama. Perniagaan tidak akan menghasilkan hubungan kerjasama apabila ianya bersifat eksploitasi – apabila ianya selalu satu penipuan! Masyarakat yang mengambil *riba* didalam ekonominya akan hilang akan budaya perniagaan dengan hubungan kerjasama, dan akan sebaliknya, menyaksikan kerosakan kehidupan ekonomi yang akan menyebabkan runtuhnya nilai-nilai moral dan kemunculan penyakit-penyakit sosial yang amat merbahaya.

Penyakit sosial yang merbahaya ini akan membawa kepada keganasan dan masyarakat dan tamadun akan memusnahkan diri sendiri. Allah (swt) telah memberi amaran tentang kejadian seperti ini didalam firmanNya:

> *... maka kami akan masukkan dia ke dalam api neraka, dan balasan yang sedemikian itu adalah mudah bagi Allah, (tidak ada sesiapapun yang dapat menghalangnya).* [*Al-Quran, al-Nisa 4:30*]

Penolakan Orang-Orang Yahudi Terhadap Nabi Muhammad dan Larangan *Al-Quran* Yang Membawa Kepada Penciptaan *Umat* Baru (Masyarakat Beragama) oleh Allah

Susunan turutan ayat-ayat *Al-Quran* berkenaan dengan pertukaran *qibla* (arah menunaikan solat), pengisytiharan kewajipan *saum* (berpuasa), pengisytiharan *qital* (jihad), kecaman terhadap orang-orang Yahudi kerana memakan *riba,* dan penurunan ayat *Al-Quran* yang melarang *riba,* kelihatan semuanya berturutan dengan reaksi orang-orang Yahudi kepada Nabi (saw) dan juga mesej baginda.

Semasa tiba di Madinah, selepas hijrah, Nabi (saw) telah melakukan dua pekara yang teramat serupa dengan orang-orang Kristian dan Yahudi. Pertamanya baginda melakukan solat dengan mengadap Jerusalem, dan mengarahkan semua pengikut-pengikutnya melakukan sedemikian juga. Orang-orang Yahudi menganggap Jerusalem sebagai ibu negeri keagamaan mereka (dan qiblah). Kecintaan golongan Kristian terhadap Jerusalem amat mendalam hingga mana dizaman pertengahan (1100-1400 Masehi) beberapa perang Salib telah dilakukan oleh Kristianiti-Eropah dalam usaha untuk mengambil kawalan bandar itu dari tangan umat Islam. Dengan mengambil Jerusalem sebagai kiblah pertama umat Islam, Nabi Muhammad (saw) secara

dramatiknya telah menyakinkan orang-orang Yahudi dan Kristian tentang hubungan beliau dengan perkara-perkara ini:

- David (Nabi Daud (as)) dan Solomon (Nabi Sulaiman (as)), yang mana adalah nabi-nabi dan juga raja-raja, yang telah membina bandar suci Jerusalem,
- Kuilnya (*Masjid al-Aqsa*) telah dibina oleh Solomon,
- The Rock (*sakhrah*) yang mana orang-orang Yahudi dan Kristian menganggapnya sebagai keramat kerana kepercayaan (yang salah) mereka bahawa ianya mempunyai kaitan dengan peristiwa korban yang penting oleh Abraham (Nabi Ibrahim (as)) (Sebab asal yang menyebabkan ianya dianggap keramat adalah kerana ia telah dipilih oleh Allah (swt) untuk berfungsi sama dengan batu hitam (Hajar Aswad) di *kaaba*),
- Kebenaran yang dibawakan oleh Abraham, David, Solomon, Moses, Jesus (as) dan selaginya.

Keduanya, Nabi (saw) telah berpuasa bersama-sama dengan orang-orang Yahudi pada hari-hari yang mana mereka berpuasa. Dan baginda juga berpuasa mengikut peraturan didalam Torah (kitab Taurat), iaitu puasa itu bermula selepas sembahyang malam dan berterusan hingga ke malam seterusnya. Dan didalam tempoh puasa tersebut, makanan, minuman dan hubungan jenis adalah dilarang.

Peraturan Yahudi tersebut masih terdapat pada hari ini didalam Leviticus (23:26-32) dimana, sempena Day of Atonement (*youm kippur* iaitu hari menebus dosa), Torah menyatakan sebegini:

> *Ianya akan menjadi sabbath (hari berehat) untuk kamu, dan kamu akan berlatih untuk menahan diri (iaitu berpuasa); pada hari ke sembilan bulan tersebut disebelah malam, dari malam ke malam, kamu akan menjaga sabbath kamu ini.*

Keputusan Nabi (saw) untuk berpuasa bersama-sama dengan orang-orang Yahudi berfungsi untuk menguatkan keputusannya sebelumnya (untuk sembahyang mengadap Jerusalem) untuk menekankan kepada orang-orang Yahudi di Madinah (dan orang-orang Kristian di Palestin, Syria, Selatan Tanah Arab dan Abyssinia) yang baginda mengiktiraf Torah sebagai kalimah Tuhan.

Penilaian kami adalah tindakan-tindakan Nabi (saw) ini sepatutnya adalah untuk memudahkan penilaian dan penerimaan pengakuan baginda yang dirinya adalah Nabi Allah (swt), yang mana kedatangannya telah diramalkan oleh Moses (Nabi Musa (as)). Dan Allah (swt) lebih maha mengetahui.

Sejurus selepas ketibaan Nabi (saw) di Madinah, penolakan orang-orang Yahudi terhadap kenabian baginda menjadi

kenyataan. Peristiwa yang mana mencetuskan penentangan secara terbuka mereka, dan juga yang mana mendedahkan kepada umum apa yang sebenarnya berada didalam hati mereka sebelum itu adalah peristiwa yang mana rabbi terpelajar mereka memeluk agama *Islam,* Husain ibn Salman, rabbi Yahudi dari suku *Banu Qainuqa.*

Husain Ibn Salaam, yang diberikan nama baru Abdullah ibn Salaam oleh Nabi (saw), telah datang bersama keluarganya kepada Nabi (saw) dan mengambil *shahadah,* lantas mengiktiraf Nabi Muhammad sebagai Perutusan Allah (swt) yang dinanti-nantikan oleh orang-orang Yahudi. Dengan melakukan sedemikian beliau mengesahkan bahawa yang Allah (swt) telah memilih, sebagai perutusannya yang terakhir, seorang yang bukan dari kalangan orang Yahudi. Implikasinya adalah Allah (swt), didalam bab terakhir dalam menurunkan kebenaran, iaitu perlantikan Nabi yang terakhir dan penurunan kitab yang terakhir, telah berpaling dari orang-orang Yahudi disebabkan oleh perbuatan-perbuatan jahat mereka. Dengan penerimaan akan kenabian Muhammad (saw), seorang Arab, oleh seorang Rabbi mereka yang terpelajar, detik kebenaran telah sampai kepada kaum Israel ini. Dan ini adalah kebenaran yang pahit. Allah (swt) telah memenuhi janjiNya kepada Nabi Ibrahim (as) – *Aku akan jadikan kamu seorang Imam (pemimpin) kepada umat manusia.* Nabi Ibrahim (as) kemudiannya membalas

dengan bertanya samada janji itu akan juga termasuk keturunannya. Dan untuk soalan itu Allah (swt) menjawab dengan kenyataan berikut:

> *JanjiKu sudah tentu tidak kepada mereka yang zalim (dari keturunanmu).* [*Al-Quran, al-Baqarah 2:124*]

Allah (swt) telah berpaling dari kaum Yahudi dalam melantik Nabi terakhirNya, dan inilah yang paling tidak menyenangkan, iaitu amaran yang telah dipenuhi:

> *JanjiKu tidak akan merangkumi mereka yang zalim (dari keturunan kamu).* [*2:124*]

Kebanyakan orang-orang Yahudi telah banyak melakukan kezaliman. Allah (swt) telah menceritakan beberapa perilaku kezaliman tersebut:

> *Kami juga perintahkan mereka: Janganlah kamu melanggar perintah larangan yang ditentukan pada hari Sabtu dan Kami telah mengambil daripada mereka perjanjian setia yang teguh (yang mewajibkan mereka mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya). Maka (Kami laknatkan mereka) dengan sebab mereka mencabuli perjanjian setia mereka dan mereka kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah dan mereka pula membunuh Nabi-Nabi Allah dengan tiada sesuatu alasan yang benar dan mereka juga mengatakan:*

Hati kami tertutup (tidak dapat menerima ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad). (Sebenarnya hati mereka tidak tertutup), bahkan Allah telah memeterai-kan hati mereka disebabkan kekufuran mereka. Oleh itu mereka tidak beriman kecuali sedikit sahaja (di antara-nya).

Demikian juga (Kami laknatkan mereka) dengan sebab kekufuran mereka dan tuduhan mereka terhadap Mariam (dengan tuduhan yang amat dustanya. Iaitu bahawa beliau telah berzina dan oleh sebab itu Nabi Isa adalah anak haram).

Dan juga (disebabkan) dakwaan mereka dengan mengatakan: Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih Isa Ibni Mariam, Rasul Allah ... (iaitu anak haram Mariam seorang penzina, yang berani mengaku bahawa dia adalah Al-Masih).

Maka disebabkan kezaliman yang amat besar akan perbuatan orang-orang Yahudi, Kami haramkan atas mereka banyak perkara baik yang pernah dihalalkan bagi mereka. Ini disebabkan juga kerana mereka banyak menghalang (dan menyesatkan) manusia dari jalan Allah.

Dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba padahal mereka telah dilarang melakukannya, dan (disebabkan) mereka memakan harta orang dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya) (melalui sistem rompakan yang dihalalkan) ... [*Al-Quran, an-Nisa 4:154-161*]

Apabila Abdullah ibn Salaam mengiktiraf Nabi Muhammad (saw) sebagai Nabi Allah (swt), dia telah mampu "menelan kebanggaan kaumnya" dan menerima keputusan Allah mengenai tuduhan terhadap kaum Yahudi. *Al-Quran* telah mengesahkan bahawa orang-orang Yahudi juga mampu untuk mengenali dan mengiktiraf apa yang telah disahkan oleh Rabbi mereka:

Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang Kami berikan Kitab itu mengetahui serta mengenalinya (Nabi Muhammad dan kebenarannya) sebagaimana mereka mengenal anak-anak mereka sendiri. [*Al-Quran, al-Baqarah 2:146*]

Orang-orang Yahudi tidak dapat menerima hakikat bahawa Nabi yang mereka nantikan selama ini bukannya seorang Yahudi dari *Banu Israel,* sebaliknya adalah seorang Arab. Apa yang benar-benar telah memeranjatkan mereka adalah kenyataan bahawa kezaliman mereka adalah penyebab ianya berlaku sedemikian. **Dan Al-Quran telah mengisytiharkan bahawa amalan *riba* mereka adalah salah satu daripada perbuatan zalim yang telah mereka lakukan.**

Apabila Abdullah ibn Salaam mengucap *shahadah* (pengakuan menerima *Islam*) dan menerima Nabi Muhammad (saw) sebagai Nabi Allah (swt), beliau telah menyatakan kebimbangannya kepada Nabi (saw) yang orang-orang Yahudi akan menuduhnya sebagai pembohong jika mereka mengetahui yang dia telah memeluk Islam. Nabi (saw) kemudiannya menantikan sehingga beberapa orang Yahudi datang kepada baginda dan bertanya kepada mereka mengenai Rabbi mereka. Mereka menjawab: *Dia adalah yang terbaik dikalangan kami, dia adalah ketua kami dan anak kepada ketua kami.* Nabi (saw) kemudiannya bertanya: *Apa fikiran kami jika Abdullah Ibn Salaam memeluk Islam?.* Mereka membalas: *Moga Allah (swt) melindungi dirinya dari perkara itu!.* Kemudian Abdullah pun keluar mengadap mereka dan mengucapkan: *Aku mengaku bahawa tiada yang berhak disembah melainkan Allah (swt), dan Muhammad adalah Pesuruh Allah (swt).* Orang Yahudi itu kemudiannya berkata: *Abdullah adalah yang paling buruk sekali dikalangan kami dan anak orang yang paling buruk dikalangan kami.* Mereka mengutuk Rabbi mereka, menghinanya, memfitnahnya dan dengan melakukan sedemikian mereka telah meluahkan dan mendedahkan kebencian mereka terhadap Nabi Muhammad (saw) dan juga *Al-Quran.*[14]

Orang-orang Yahudi bukan sahaja telah memperlihatkan penolakan mereka terhadap Nabi Muhammad (saw), dan juga

kalimah Allah (swt) iaitu Al-Quran, bahkan tentangan mereka itu juga telah membuatkan mereka merancang sesuatu untuk kemusnahan *Islam*. Allah (swt) bertindak balas terhadap penolakan orang Yahudi ini, dan tentangan mereka terhadap Nabi (saw) dengan ayat *Al-Quran* yang amat penuh makna ini. Pertamanya Allah (swt) mengutuk mereka dengan bahasa yang amat keras:

> *Maka patutkah, tiap-tiap kali datang kepada kamu seorang Rasul* ***membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu,*** *kamu (dengan) sombong takbur (menolaknya), sehingga sebahagian dari Rasul-rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya? Dan mereka (kaum Yahudi) berkata pula: "Hati kami tertutup (tidak dapat menerima Islam)". (Sebenarnya hati mereka tidak tertutup) bahkan Allah telah melaknatkan mereka disebabkan kekufuran mereka, oleh itu maka sedikit saja mereka yang beriman. Dan ketika datang kepada mereka sebuah Kitab dari Allah (Al-Quran), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka (Kitab Taurat), sedang mereka sebelum itu sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas kaum kafir musyrik (dengan kedatangan seorang Nabi pembawa Kitab itu). Setelah datang kepada mereka apa yang mereka sedia mengetahui kebenarannya (Nabi*

> *Muhammad dan Al-Quran), mereka mengingkarinya; maka (dengan yang demikian), laknat Allah menimpa orang-orang yang kafir ingkar itu.* [*Al-Quran, al-Baqarah 2:87-89*]

Ianya tidak lama selepas kejadian ini, didalam bulan *Shaban* dalam tahun kedua hijrah selepas umat *Islam* bersolat dengan mengadap ke Jerusalem selama tujuh-belas bulan, Allah (swt) telah menurunkan wahyu memerintahkan umat *Islam* untuk bersolat kearah *ka'aba* di Mekah. Allah (swt) telah menjelaskan tujuan pertukaran *kiblat* itu:

> *... dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan sebagai ujian bagi mengasingkan siapa yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya) ...* [*Al-Quran, al-Baqarah 2:143*]

Maka lahirlah satu umat yang baru, dan ia tidak termasuk golongan mereka yang menolak Nabi Muhammad (saw) dan masih berpegang kepada Jerusalem sebagai *qiblah* mereka. Pada masa itu juga Allah (swt) memerintahkan kewajipan untuk berjihad (*al-qital*). Dan kemudian untuk memberikan pelajaran bahawa kekuatan mestilah dimiliki dari dalam diri sendiri sebelum ianya boleh ditonjolkan secara luaran di medan perang, Allah (swt) memerintahkan kewajipan untuk berpuasa dibulan

Ramadhan. Dan kemudian, didalam ayat sejurus selepas ayat yang mewajibkan puasa di bulan Ramadhan, yang mana telah diturunkan didalam bulan Shaban pada tahun kedua hijrah, Allah (swt) telah mengulangi amaranNya kepada umat *Islam* berkenaan dengan penindasan ekonomi yang disebabkan oleh *riba* yang mana Allah baru sahaja mengecam orang-orang Yahudi:

> *Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).* [*Al-Quran, al-Baqarah 2:188*]

Jadi rumusan kami adalah penolakan orang-orang Yahudi kepada larangan *riba* oleh *Al-Quran* dan kedegilan mereka untuk terus mengamalkan *riba* telah memainkan peranan penting didalam penolakan mereka kepada kenabian Nabi Muhammad (saw). Dan akibat langsung kepada penolakan itu adalah Allah (swt) bertindakbalas dengan mencipta komuniti (*ummah*) terakhir dengan agama yang baru, yang akan, antaranya, akan menjadi model bebas *riba* kepada umat manusia. Allah (swt) juga telah memberi amaran kepada Nabi (saw) dan juga umat *Islam* mengenai orang-orang Yahudi ini dan kemungkinan besar

mereka akan menggoda umat *Islam* untuk menyimpang dari kebenaran, seperti dari larangan *riba* didalam *Al-Quran*:

> *... dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, hanyasanya Allah mahu menyeksa mereka dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka; dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik.* [*Al-Quran, al-Maidah 5:49*]

Oleh itu amat perlu diketahui bahawa mengamalkan *riba* oleh *ummah* masa kini adalah merupakan pengkhianatan terbesar terhadap *Islam*.

Peringkat Kedua Larangan *Riba* Didalam Al-Quran

Peringkat kedua didalam proses penurunan wahyu berkenaan dengan *riba* ini telah diisytiharkan didalam ayat *Al-Quran* yang terletak didalam *Surah Al-Imran* (Surah ke 3) dan telah diturunkan sejurus selepas peperangan *Uhud* (tahun ke 3 hijrah). Ia telah meneruskan proses pendidikan dengan mengembangkan lagi subjek tersebut melalui tumpuan langsung kepada salah satu ketidak adilan yang paling menyerlah yang berlaku didalam *riba*:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya. Dan peliharalah diri kamu dari api neraka, yang disediakan bagi orang-orang kafir. Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, supaya kamu diberi rahmat. [*Al-Quran, Al-Imran 3:130*]

Ianya teramat nyata merupakan satu perbuatan yang tidak bermoral dan ketidakadilan ekonomi yang serius, malah satu bentuk peras ugutan, yang mana siberhutang perlu membayar faedah dua, tiga atau lebih kali ganda lagi dari jumlah yang dipinjam untuk membolehkan pinjaman itu dilunaskan. Oleh itu *Al-Quran* menunjukkan ketidakadilan serius yang telah dikenakan kepada si peminjam melalui pinjaman berfaedah atau *riba* itu.

Peringkat kedua proses menangani *riba* ini juga telah dapat dicapai dengan penurunan ayat ini kerana ianya telah mengisytiharkan undang-undangnya. Undang-undangnya sekarang melarang transaksi *riba*. Jika sesiapa melakukan transaksi *riba* selepas ayat ini diturunkan, ianya tidak mempunyai kesahihan dari segi undang-undang.

Ianya teramat penting untuk kita memberi perhatian bahawa, biarpun undang-undang melarang *riba* ini telah diisytiharkan, tidak terdapat tarikh dimana ianya berkuatkuasa.

Oleh sebab itu semua pinjaman *riba* yang telah berlaku sebelum undang-undang larangan *riba* ini dikemukakan, ianya masih lagi sah. Yang berhutang masih tetap perlu membayar faedahnya. Ianya hanya kepada pinjaman yang dilakukan selepas larangan ini diisytiharkan sahaja, yang mana memerlukan siberhutang membayar hutangnya dengan faedah, telah dimansuhkan.

Sebabnya mengapa tarikh kuatkuasa undang-undang larangan *riba* ini di lengahkan adalah kerana gangguan yang amat besar akan berlaku terhadap kehidupan ekonomi masyarakat bilamana polisi sedemikian dikenakan. Kuasa-kuasa penindas akan dengan tamaknya mengambil kesempatan keadaan tersebut untuk mendapatkan kelebihan kepada mereka untuk mendapatkan sokongan masyarakat menentang larangan *riba* tersebut. Keduanya, ianya kelihatan bahawa penghapusan *riba* dari ekonomi tidak boleh dilakukan hanya atas sebab larangan tersebut sahaja. *Perlunya juga serentak dengan revolusi spiritual (keagamaan) yang akan membawa kesedaran masyarakat untuk menyokong akan tujuan larangan tersebut.*

Atas sebab inilah, mungkin, peringkat kedua proses *Al-Quran* menghapuskan *riba* ini berlangsung selama enam tahun. Dalam tempoh ini, seperti yang telah kita perhatikan, *riba* yang lama masih sah. Hanya pinjaman baru yang tidak sah. Strateginya pada peringkat ini adalah untuk tidak memberikan tekanan moral dan spiritual kepada mereka yang masih

menuntut *riba* mereka. Tujuannya adalah untuk menembusi hati dan kesedaran mereka, membangkitkan sifat-sifat kemanusian dan memujuk mereka dengan sukarelanya untuk tidak menuntut akan *riba* mereka.

Ianya suatu yang amat menakjubkan untuk melihat William Shakespeare didalam karya termasyurnya *Merchant of Venice* dengan tepatnya menembusi hakikat sebenar perkara ini, peringkat kedua kaedah *Al-Quran* menyerang dan menghapuskan *riba*. Shylock, seorang pemberi pinjaman Yahudi telah menjadi kaya raya di Venice dengan melakukan pekerjaannya sebagai pemberi pinjaman wang untuk faedah. Peminjam selalunya perlu menjanjikan cagaran (iaitu barangannya yang mempunyai nilai yang lebih dari jumlah yang dipinjamkan) dan Shylock selalu mendapat "durian runtuh" keuntungan dari mengambil cagaran untuk pinjaman-pinjaman yang tidak dapat dibayar.

Lawan beliau adalah seorang pedagang Kristian bernama Antonio yang menentangnya dikhalayak ramai dan menceritakan amalan buruk yang dilakukan olehnya yang mana dilarang oleh Tuhan, iaitu meminjamkan wang dengan faedah.

Antonio pada satu hari terpaksa berjumpa dengan Shylock untuk mendapatkan pinjaman supaya dia boleh membantu rakannya yang didalam kesusahan. Shylock telah melihat peluangnya untuk mengajar lawannya itu, Antonio. Dia telah

bersetuju mengikat perjanjian untuk meminjam wang dengan syarat ianya akan dibayar pada jangka masa tertentu. Dia mengenepikan syarat untuk mengenakan faedah kepada pinjaman tersebut. Pinjaman tersebut bagaimanapun tiada jaminan. Semua harta Antonio berada diatas kapal dagang dilautan. Si peminjam tidak mempunyai harta untuk dijadikan cagaran. Shylock melihat peluangnya dan telah mencadangkan pinjaman itu dicagarkan dengan sepaun daging peminjam yang paling dekat dengan jantungnya. Antonio menyangkakan itu hanyalah satu gurauan dan lantas bersetuju. Maka perjanjian itu pun menyatakan bahawa jika pinjaman itu tidak dapat dibayar, Shylock berhak untuk mengambil sepaun daging Antonio.

Tidak lama kemudian, Antonio menerima berita bahawa semua kapalnya telah hilang dilautan. Apabila pinjaman itu tidak dapat dibayar, Shylock pergi ke mahkamah untuk menuntut sepaun dagingya. Pemberi pinjaman Yahudi itu tidak boleh membiarkan pinjaman sebegitu tanpa dibayar dan untuk tidak mengambil kesempatan ini untuk membalas dan juga menghukum peminjam yang telah mengganggu didalam kerjaya yang dipilihnya. Antonio sungguh terkejut besar dan kecewa apabila sedar bahawa pemberi pinjam wang Yahudi ini tidak bergurau. Dia benar-benar mahukan sepaun dagingnya.

Shakespeare telah melantik seorang peguambela, Portia, yang telah merayu kepada Shylock dengan kepetahan etika yang

hebat, cuba untuk membangkitkan sifat kemanusiaannya dan memujuknya untuk menunjukkan kebaikan, belas kasihan dan simpati. Shylock sudah tentulah secara sahnya berhak menuntut *riba*nya yang mana Shakespeare, dengan hebatnya menunjukkan kefahamannya kepada subjek itu, menunjukannya dengan **sepaun daging manusia.** Tetapi Portia telah menghujahkan bahawa perbuatan mengejar tuntutan sah sebegitu akan membentuk "kebusukan" moral dan spiritual.

Kepetahan rayuan Portia kepada nilai moral yang tinggi itu agak sama hakikatnya dengan peringkat kedua didalam proses yang mana ayat *Al-Quran* menangani subjek *riba* ini. Ianya seolah-olah Shakespeare sendiri (atau sesiapa sahaja pengarang sebenar karya ini) telah mempelajari *Al-Quran* dan telah dapat memahami panduan yang perlu.

Portia mula-mula sekali bersetuju bahawa pinjaman itu tidak dapat dibayar dan perjanjian tersebut membenarkan Shylock untuk mengambil sepaun daging. Dia kemudiannya merayu kepada Shylock untuk menunjukkan belas kasihan. Dia juga menyatakan bahawa rakan-rakan Antonio juga bersedia untuk membayar 20 kali ganda dari jumlah yang telah dipinjamkan. Disebalik rayuan Portia itu Shylock tetap jua tidak berganjak menuntut sepaun daging tersebut. Hati Shylock telah menjadi keras seperti batu. *Al-Quran* secara tepatnya telah menggambarkan keadaan hati orang-orang Yahudi:

Kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi. Padahal di antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya; dan ada pula di antaranya yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya; dan ada juga di antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah; sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu kerjakan. [*Al-Quran, al-Baqarah 2:74*]

Shylock telah hilang sifat kemanusiaannya, tidak lagi sedar akan keadaan sebenar dirinya. Ia seperti syaitan telah merasuknya menjadi gila dengan sentuhan syaitan itu! *Al-Quran* dengan tepatnya menceritakan keadaan tersebut:

Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan). [*Al-Quran, al-Baqarah 2:275*]

Portia (yang kemudiannya menyamar sebagai hakim) memberikan penghakimannya kepada perbicaraan tersebut dan mengisytiharkan yang Shylock berhak untuk mendapatkan sepaun daging Antonio tersebut. Dia telah menyuruh Shylock untuk mengambil daging yang paling dekat dengan hati sipeminjam seperti yang termaktub didalam perjanjian. Dengan tamak dan tanpa perikemanusiaan Shylock telah mara untuk

memotong dengan pisaunya yang tajam bilamana secara tiba-tiba Portia memberikan amaran kepadanya bahawa walaupun perjanjian tersebut membenarkan dia mengambil sepaun daging, tiada apa dinyatakan mengenai penumpahan darah. Jika Shylock menumpahkan walau setitik darah orang Kristian, sebagai seorang Yahudi, kesemua hartanya akan dirampas oleh kerajaan Venice. Portia juga membawakan perhatian kepadanya bahawa dia hanya berhak untuk hanya sepaun daging, - tidak seaun pun lebih atau kurang. Jika Shylock gagal untuk mengambil jumlah yang tepat dari segi berat maka undang-undang membolehkan separuh hartanya dirampas oleh pihak kerajaan dan separuh lagi akan diberikan kepada orang yang dituduh didalam kes tersebut.

Shylock segera berundur dan memilih untuk menerima pembayaran balik pinjaman tersebut seperti yang telah ditawarkan. Portia menolaknya. Peluang tersebut telah diberikan tetapi dia telah menolaknya. Jadi dia tidak boleh lagi menerima tawaran tersebut.

Shakespeare kemudiannya meletakkan Antonio yang beragama Kristian itu sebagai seorang yang menunjukkan sifat belas ihsan, lantas menghantar mesej kepada dunia Yahudi bahawa mereka sepatutnya meneladani belas ihsan orang Kristian. Antonio merayu agar nyawa Shylock tidak diletakkan didalam bahaya. Dia juga mengenepikan haknya untuk mendapatkan separuh dari harta Shylock. Tetapi semua ini

dengan syarat Shylock menjadi seorang Kristian (dan lantas meninggalkan *riba*) dan juga anak perempuannya (yang melarikan diri dengan kekasih beragama Kristiannya dan memeluk agama Kristian) dibenarkan untuk mewarisi hartanya. Shylock menerima semua syarat-syarat tersebut.

Shakespeare boleh mengarang cerita dengan kesudahan yang menggembirakan buat mereka yang berhutang didalam *Merchant of Venice*, realiti kehidupan itu sendiri agak berbeza pada hari ini. Shylock dan dunia yang penuh dengan Shylock adalah kehidupan sebenar pada hari ini, mereka mengawal ekonomi dunia dan berterusan menoreh daging dari mayat-mayat manusia yang bukan Yahudi. Shylock terbesar pada hari ini adalah ahli-ahli perbankan, yang mana amat dibanggakan oleh ahli-ahli perbankan Yahudi, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan juga Bank Dunia, yang mana pengaruh Yahudi amat jelas sekali, dan juga kerajaan-kerajaan dunia barat yang mana pada hari ini mengawal ekonomi global, dan yang mana didalamnya orang-orang Yahudi memegang pengaruh yang kuat.

Sekarang, kembali kepada subjek kita, peringkat kedua larangan *riba* didalam *Al-Quran* yang mana menyaksikan undang-undang yang melarang *riba*. Allah (swt), didalam kebijaksanaanNya, telah memilih tempoh selama tujuh tahun berlalu sebelum memerintahkan Nabi (saw) mengisytiharkan peringkat ketiga dan yang terakhir dalam proses menghapuskan

riba. Dan dalam jangkamasa tujuh tahun itu usaha-usaha telah dilakukan, menerusi pujukan moral dan juga kerohanian, untuk membuatkan mereka yang memberikan pinjaman untuk mengenepikan "faedah" yang mereka kenakan, dan lantas menolak *riba.*

Akhir sekali, ianya didalam peringkat proses inilah dimana Nabi (saw) telah bersabda dengan amat banyaknya mengenai keburukan *riba* dan juga mengenai pelbagai bentuk *riba.* Subjek ini akan ditangani didalam bab Larangan *Riba* didalam *Sunnah.*

Peringkat Ketiga Wahyu-Wahyu *Al-Quran* Untuk Larangan *Riba*: Penghapusan Sepenuhnya *Riba* Dari Ekonomi

Ianya adalah suatu detik yang hebat bilamana Nabi (saw) memilih khutbah didalam haji selamat tinggalnya, tiga bulan sebelum kewafatan baginda, untuk melancarkan usaha terakhir dan penghapusan sepenuhnya *riba* dari masyarakat *Islam.*

> *Wahai manusia, dengarlah baik-baik apa yang hendak kukatakan, Aku tidak mengetahui apakah aku dapat bertemu lagi dengan kamu semua selepas tahun ini ...*
>
> *Segala urusan yang melibatkan riba dibatalkan mulai sekarang. Jumlah asal yang kamu pinjamkan walau bagaimana pun adalah hak kamu untuk menyimpannya.*

Janganlah kamu menyakiti sesiapa, dan janganlah pula kamu teraniaya. Allah telah menetapkan bahawa tidak akan ada lagi riba dan semua riba yang berhak kepada Abbas bin Abdul Muttalib terbatal dari sekarang ... [15]

Apa yang Nabi (saw) telah lakukan adalah menguat-kuasakan undang-undang larangan *riba* (diturunkan didalam *Surah Al-Imran*). Dengan cara demikian, peringkat ketiga proses menangani *riba* adalah satu yang menyaksikan penghapusan menyeluruh *riba* dari masyarakat.

Lebih kurang dua bulan kemudian turun ayat *Al-Quran* yang terakhir mengenai *riba,* yang mana juga adalah ayat *Al-Quran* yang terakhir dan telah melengkapkan keseluruhan ayat-ayat *Al-Quran.* Ia telah diturunkan sejurus sebelum kewafatan Nabi (saw) dan telah mengesahkan bahawa peringkat ketiga yang mana telah pun diumumkan oleh Nabi (saw) di Arafat. Larangan *riba* dikuatkuasakan dari ketika itu untuk penghapusan sepenuhnya *riba* dari ekonomi. Ia membatalkan semua transaksi *riba* yang masih berjalan, dan dengan cara demikian memberi kesan kepada penghapusan *riba* sepenuhnya dari ekonomi. Ianya menyuruh umat Islam untuk mendapatkan semula hanya jumlah asal pinjaman yang diberikan, dan dengan cara demikian menghapuskan walaupun jumlah kecil pembayaran faedah ataupun yuran perkhidmatan. Ia juga menggalakkan pemberi pinjaman untuk melepaskan walaupun jumlah asal yang

dipinjamkan jika si pemimjam didalam kesusahan yang mana memberikan kelegaan kepada si peminjam. Ayat itu juga menegur dengan kerasnya akan *riba,* tetapi kali ini ia bertindak balas kepada mereka yang menyatakan *riba* adalah satu bentuk perdagangan. *Al-Quran* menolak hujah tersebut dan menyatakan dengan jelas perbezaan antara perdagangan dan *riba*:

> *Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berdukacita.*
>
> *Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Ini disebabkan kerana mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan*

sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa. (Jadi jangan berdegil dan tetap didalam riba selepas ayat ini sampai kepada kamu.)

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman.

Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak akan selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah

pokok asal harta kamu (yang mana telah kamu pinjamkan dengan riba) (iaitu kamu hanya boleh mendapatkan balik jumlah asal sahaja dan bukannya jumlah asal beserta jumlah faedah yang berpatutan.)

(Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa. (Ini mungkin lebih difahami seperti berikut: Dengan menerima kembali hanya jumlah asal yang dipinjamkan, kamu tidak akan menyebabkan ketidak-adilan kepada peminjam dan dengan tidak mengambil faedah yang kamu kenakan, kamu sendiri, tidak akan menyebabkan ketidakadilan berlaku keatas kamu.)

Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).

Dan peliharalah diri kamu dari huru-hara hari (kiamat) yang padanya kamu akan dikembalikan kepada Allah. Kemudian akan disempurnakan balasan tiap-tiap seorang menurut apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun. [*Al-Quran, al-Baqarah 2:274-281*]

Tanda-tanda yang menunjukkan betapa pentingnya Allah (swt) memberikan tumpuan kepada penghapusan *riba* ini boleh dilihat dengan jelas dari hakikat yang mana, seperti yang telah kita perhatikan, bahawa ini adalah ayat *Al-Quran* terakhir yang telah diturunkan (ayat terakhir yang diturunkan adalah 179-181, jadi ayat 174-178 tentunya sudah diturunkan sebelum itu). Pengishtiharan perang oleh Allah (swt) dan juga PesuruhNya kepada mereka yang memakan *riba* setakat ini adalah bahasa yang paling keras pernah digunakan didalam *Al-Quran* terhadap mereka yang melakukan dosa.

Maka sekarang ini pengisytiharan perang oleh Allah (swt) dan PesuruhNya sudah tentu membabitkan golongan yang beriman. Implikasinya adalah mereka yang ditindas telah diberikan keizinan oleh Allah (swt) untuk berperang, untuk membunuh dan juga terbunuh, dalam usaha untuk membebaskan mereka dari penindasan yang disebabkan oleh *riba*. Mereka yang beriman juga perlu mengisytiharkan perang untuk menghapuskan *riba* dari masyarakat dan dari mana-mana jua kawasan dimana golongan yang ditindas meminta pertolongan. Guru saya yang diingati, *Maulana* Dr. Fadhlur Rahman Ansari (*moga Allah mengasihaninya*) menekankan perlunya penggunaan kekerasan mengikut pandangannya yang mana *Al-Quran* menyatakan:

> ... memerintahkah langkah-langkah aktif, melalui kuasa ancaman, untuk menamatkan eksploitasi.[16]

Beliau telah menyebut, berhubung dengan perkara ini, ayat yang berikut:

> *Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah (kesemua kamu) puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah. [Al-Quran, al-Hujurat 49:9]*

Beliau kemudiannya menjelaskan bahawa ayat tersebut, secara amnya bermaksud:

> ... juga memberikan prinsip bahawa jika terdapat golongan Islam yang cuba mengeksploit kumpulan yang lain, ianya adalah tanggungjawab kerajaan Islam untuk bertindak mengawal golongan tersebut dengan ke-kerasan. [17]

Dan beliau juga merumuskan dengan menunjukkan bahawa:

> Larangan keatas bunga dan faedah (*riba*), yang mana golongan kaya mengeksplotasi golongan miskin, adalah sebahagian dari undang-undang Al-Quran (memerlukan penggunaan kekerasan untuk menghapuskannya) ...[18]

Akhir sekali, ayat wahyu terakhir yang diturunkan mengenai *riba* meneruskan proses pendidikan yang mana telah menghuraikan kesemua ayat sebelumnya berkenaan subjek tersebut. Didalam ayat yang terakhir ini Allah (swt), sekali lagi menunjukkan perbezaan antara 'sedekah' dan '*riba*', dan antara 'apa yang dibelanjakan' dengan '*riba*'. Sudah tentulah 'apa yang dibelanjakan' itu tidak sepatutnya difahamkan dalam bentuk perbelanjaan yang membazir, membeli barangan mewah dan sebagainya.

Apabila manusia membelanjakan kekayaan mereka, kekayaan itu akan berkitar didalam ekonomi. Semua orang akan mendapat manafaat darinya. Apabila perbelanjaan itu mengelak dari pasaran, yang mana berlaku didalam transaksi *riba,* maka hanya segolongan sahaja yang akan mendapat faedahnya. Disebabkan oleh itu, apabila ekonomi tersebut berasaskan *riba,* ianya teramat jelas bahawa yang kaya akan senantiasa kaya dan yang miskin akan senantiasa miskin. Malah ianya lebih dari itu, yang kaya akan bertambah kaya dan yang miskin akan menjadi bertambah miskin. Dan itu adalah resepi kepada perpecahan didalam hubungan masyarakat. Dan inilah yang telah disaksikan oleh dunia sekurang-kurangnya hampir 100 tahun kebelakangan ini.

Dengan demikian, peringkat terakhir penurunan ayat *Al-Quran* berkaitan dengan *riba* telah dilakukan dengan cara berikut:

Pengishtiharan penguatkuasaan undang-undang melarang *riba*:

- Dibenarkan untuk berperang bagi menghapuskan *riba*;
- Menggalakkan penghapusan hutang;
- Proses pendidikan berterusan.

Jesus (Nabi Isa (as)), Imam Al-Mahdi Dan Berakhirnya *Riba*

Bahagian yang paling penting didalam subjek ini, yang mana memberitahu kita mengenai ramalan-ramalan Nabi Muhammad (saw) yang mana baginda telah meramalkan keruntuhan ekonomi dunia yang berlandaskan *riba,* bukan sahaja sepatutnya memberikan kelegaan kepada golongan yang beriman, akan tetapi juga, menguatkan diri mereka untuk menahan diri daripada *riba*.

Mula-mula sekali Nabi (saw) telah meramalkan runtuhnya wang palsu (kertas, plastik dan elektronik) melalui *hadis* yang berikut:

Miqdam bin Ma'dikarib berkata yang dia telah mendengar Pesuruh Allah bersabda: Masanya akan tiba kepada umat manusia apabila hanya dinar (iaitu syiling emas) dan dirham (iaitu syiling perak) yang akan digunakan. [*Ahmad*]

Kejadian yang berkemungkinan akan membawa kepada kemusnahan wang palsu, mungkin akan disebabkan oleh kemunculan secara tiba-tiba dengan banyaknya wang yang sebenar didalam pasaran. Kedatangan mengejut wang sebenar itu boleh berlaku jika terjadi penemuan sejumlah besar emas diluar dari kawalan tamadun yang berkuasa. Jika emas itu dihasilkan dan digunakan dengan cara yang berlainan dari sistem yang diguna pakai sekarang ini, iaitu digunakan untuk mengimbangkan pasaran, wang kertas akan musnah. Nabi (saw) dengan tepatnya telah meramalkan kejadian tersebut didalam *hadis* berikut:

Abu Huraira telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah telah bersabda: Sungai Euphrates tidak lama lagi akan mengeluarkan harta emas, tetapi mereka yang ada pada ketika itu mestilah jangan mengambilnya. [*Bukhari, Muslim*]

(Sila ambil perhatian bahawa hadis ini adalah *mutafaqqun alaihi*, iaitu hadis yang paling sahih.)

Abu Huraira juga melapurkan bahawa Pesuruh Allah telah bersabda: Hari kiamat tidak akan datang sehinggalah sungai Euphrates mengeluarkan segunung emas yang mana manusia akan merebutnya, sembilan puluh sembilan dari seratus mereka itu akan terbunuh, akan tetapi setiap dari mereka akan berkata bahawa mungkin dia yang akan terselamat. [*Muslim*]

Abu Huraira juga melapurkan bahawa Pesuruh Allah telah bersabda: Bumi akan memuntahkan dari hatinya seperti persegi bujur tiang-tiang emas dan perak ... [*Muslim*]

Kini, adalah sifat *riba* itu yang amat merosakkan ekonomi yang mana akan akhirnya membawa kepada kemiskinan kepada masyarakat. Inilah yang tepatnya telah dinyatakan oleh Nabi (saw):

Ibn Mas'ud telah melapurkan yang Pesuruh Allah bersabda: Walaupun riba sebanyak mana, ia akan membawa akhirnya kepada kepapaan (iaitu kekurangan wang, kemiskinan yang teruk dan kefakiran). [*Ibn Majah, Baihaqi, Ahmad*]

Dan inilah yang sekarang ini telah berlaku kepada kebanyakan manusia diseluruh dunia yang tinggal didalam lingkungan ekonomi yang berlandaskan *riba*. Maka perubahan

yang akan membawa kepada banyaknya kekayaan ditangan orang ramai akan menandakan keruntuhan *riba*. Inilah yang telah diramalkan oleh Nabi Muhammad (saw):

> *Abu Said al-Khudri telah melapurkan bahawa Nabi berkata dalam cerita mengenai Mahdi, bahawa lelaki akan datang kepadanya dan berkata: Berikan kepadaku, berikan kepadaku, Mahdi; dan dia akan menuang dari pakaiannya sebanyak mana yang boleh dibawanya. [Tirmidhi]*

> *Abu Huraira telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Hari kiamat tidak akan datang sehingga kekayaan menjadi cukup banyak dan melimpah-ruah, (dan) sebelum lelaki membawakan zakat dari hartanya dan dia tidak dapat menemui sesiapa yang mahu menerima zakat itu daripadanya ...* [*Muslim*]

> *Jabir telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Pada hari hampir kiamat akan terdapat seorang kalifa yang akan mengagihkan kekayaan tanpa berkira akan jumlahnya. Didalam versi lain hadis ini baginda bersabda: Antara umatku yang terakhir akan terdapat khalifa yang akan memberikan kekayaan tanpa mengiranya.* [*Muslim*]

Abu Huraira telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Demi Allah yang mana ditangannya berada nyawaku, anak Maryam akan turun kepada kamu sebagai hakim. Dia akan mematahkan salib, membunuh babi-babi dan menghapuskan jizyah (kerana Kristian, iaitu mematahkan salib, dan Judaisme, iaitu membunuh babi, akan tidak lagi wujud sebagai agama apabila kembalinya Nabi Isa), dan kekayaan akan melimpah-ruah hinggakan tiada siapa yang akan menerimanya, dan satu sajda (sujud) adalah lebih baik dari dunia dan apa jua isi kandungannya. [*Bukhari, Muslim*]

(Hadis ini juga, adalah *muttaffaqqun alaihi* dan oleh itu adalah yang paling sahih.)

Abu Huraira telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Aku bersumpah kepada Allah yang anak Maryam akan turun kembali sebagai hakim yang adil, dan akan mematahkan salib, membunuh babi, menghapuskan jizyah dan meninggalkan anak unta betina supaya pemungut zakat tidak akan diambil berkerja untuk mereka. Busuk hati, kebencian dan iri hati sesama manusia pastinya akan hilang, dan apabila dia menyuruh manusia untuk menerima kekayaan tiada siapa yang mahu menerimanya (kerana telah terdapat banyaknya

> *kekayaan dan tiada siapa yang memerlukannya).* [*Muslim*]

Kedatangan *Imam Mahdi* tidak lama kemudian akan diikuti pula oleh kedatangan Nabi Isa (as). Ini akan berlaku kerana *al-Masih al-Dajjal* akan mencuba untuk menghapuskan *Mahdi* dan Allah (swt) akan bertindak dengan menghantar Nabi Isa kembali ke dunia untuk membunuh *Dajja*l. Oleh itu *Mahdi* akan terselamat apabila Nabi Isa (as) muncul dan membunuh *Dajjal.* Matinya *Dajjal* dengan segeranya akan diikuti oleh pembebasan (gelombang akhir) *Yakjuj* dan *Makjuj.* Mereka kemudiannya akan dibunuh oleh Allah (swt) sendiri.

Sekarang Ibn Abbas telah bercakap mengenai hubungan antara *riba* dan *Dajjal.* Sudah tentulah dia tidak dapat melakukannya jika dia tidak diberitahu oleh Nabi (saw):

> *Ibn Abbas telah berkata: Orang pertama yang akan mengikut Dajjal adalah tujuh puluh ribu orang Yahudi ... Dan antara tanda-tanda pembebasan (iaitu keluar-nya) Dajjal adalah ... pengamalan riba.* [*Ishaq ibn Basheer dan Ibn Asakir dalam Kanz al-Ummal*]

Ianya akan kelihatan bahawa pembunuhan *Dajjal* oleh Nabi Isa (as) dan kemusnahan *Yakjuj* dan *Makjuj* oleh Allah (swt) akan menyebabkan tulang belakang tamadun tidak bertuhan yang mendominasi dunia hari ini akan musnah. Tentangan *Imam*

al-Mahdi dan Nabi Isa (as) terhadap tamadun yang berkuasa itu akan kemudiannya menyaksikan kemusnahan keseluruhan empayar *riba,* kemusnahan sepenuhnya corak kehidupan dunia yang dicipta oleh barat dan kebangkitan Islam mengatasi semua saingannya. Ianya didalam konteks ini kita dapat membayangkan berakhirnya *riba.* Dan Allah (swt) lebih Maha Mengetahui!

Kejahatan *Yakjuj, Makjuj* dan *Dajjal* akan diikuti dengan kebangkitan *Islam* dan kemudian akan datang *youm al-qiyamah,* hari kiamat. Walau bagaimana pun, kepada mereka yang hidup dizaman yang penuh kejahatan dan terpaksa berdepan dengan cabaran *riba,* hanya sedikit sahaja akan memasuki syurga. Hadis berikut patut dikaji dengan ketakutan dan berhati-hati oleh mereka yang masih kekal terpedaya dengan bahaya besar *riba*:

> *Abu Said telah meriwayatkan bahawa Nabi (saw) bersabda: Allah akan berkata: Wahai Adam! Adam akan menjawab: labbaik dan sa'daik (Aku menyahut seruanMu, aku patuh kepada perintahMu, wal khair fi yadaik (dan semua kebaikan ada didalam tanganMu). Dan kemudian Allah berkata (kepada Adam): Keluarkan manusia untuk api neraka. Adam berkata: Apakah (berapa banyak) manusia untuk api neraka? Allah akan berkata: Dari setiap seribu (keluarkan) sembilan ratus sembilan puluh sembilan (orang) (iaitu untuk neraka jahanam). Pada ketika itu kanak-kanak*

akan beruban dan setiap perempuan yang mengandung akan keguguran dan kamu akan melihat manusia kelihatan seolah-olah mabuk tetapi mereka tidak mabuk; Tetapi balasan Allah itu amatlah hebat.

Khabar itu amat mendukacitakan sahabat-sahabat Nabi, dan mereka berkata: Wahai Nabi Allah! Siapa dikalangan kami yang terpilih (yang bernasib baik dari seribu yang akan terselamat dari api neraka)? Baginda bersabda: Dengarkan berita gembira bahawa seribu itu adalah dari Yakjuj dan Makjuj, dan seorang (yang akan terselamat adalah) dari kalangan kamu. Nabi kemudiannya menambah: Demi Allah yang mana didalam tanganNya nyawaku, aku berharap kamu (umat Islam) akan menjadi satu pertiga dari ahli syurga. Mendengar itu, kami mengagung dan memuji Allah dan berkata: Allahuakbar. Nabi kemudiannya menambah: Demi Allah yang mana didalam tanganNya nyawaku, aku berharap kamu (umat Islam) akan menjadi separuh dari ahli syurga, kerana contoh kamu (umat Islam) berbanding dengan yang lain (bukan Islam) adalah ibarat rambut putih pada kulit sapi yang hitam, atau tempat bulat tidak berbulu pada kaki depan seekor keldai. [*Bukhari*]

Nota-Nota

1. Muhammad Asad, '*The Message of the Qur'an*'. Darul Andalus, Gibraltar. 1980. ms 622.
2. Ibid. Nota kaki. 35 untuk ayat 30:39.
3. Ibid.
4. Untuk kenyataan penuh Asad dalam mana dia memberi maksud dan menjelaskan *riba,* rujuk ungkapan kata-katanya yang telah kami gunakan sebagai pendahuluan buku ini.
5. Abul 'Ala Maududi, '*The Meaning of the Qur'an*'. Islamic Publications Ltd. Lahore. 11th. Edition. 1994. Vol. 3 ms. 209.
6. Ibid. Vol. 3 ms 216, nota kaki 59 untuk ayat 30:39.
7. Abdul Majid Daryabadi, '*The Holy Qur'an with English Translation and Commentary*'. Taj Company. Karachi. 1st. Edition. 1971. Vol. 2. ms. 399.
8. Ibid. ms. 399-A nota kaki 187-90.
9. Terdapat karya yang menarik oleh Stephen Passamaneck, '*Insurance in Rabbinic Law*' yang mana didalamnya beliau menjelajahi maklumbalas orang-orang Yahudi dari segi keagamaan mereka terhadap insuran dalam konteks larangan *riba.* Edinburgh Univ. Press 1974. Kami sendiri tidak

membuat kajian yang mendalam mengenai subjek insuran ini dari sudut syariah, dan oleh sebab itu kami belum dapat lagi memberikan penilaian status perundangannya (dari segi Islam) dengan secara jelas.

10. Komen Asad adalah secara berikut:

    "Perkara *riba* ini berkait secara logiknya dengan ... perkara sedekah kerana *riba* adalah satu yang bercanggahan dengan sedekah: Pemberian sedekah yang sebenarnya adalah memberi dengan tanpa mengharapkan balasan kebendaan, sementara *riba* adalah berdasarkan kepada mengharapkan pulangan tanpa ada sebarang usaha dari pihak yang memberikan pinjaman."

11. W. Gunther Plaut ed., '*Modern Commentary on the Torah*'. Union of American Hebrew Congregation. New York. 1981.
12. Ibid. ms. 1501.
13. Ibid. ms. 1501.
14. *Imam* al-Bukhari, *Sahih.*, Buku 60 Bab 8.
15. Muhammad Haykal, '*The Life of Muhammad*', terjemahan oleh Isma'il Faruqi. American Trust Pulication. 1976. ms. 486.

16. F. R. Ansari, '*The Quranic Foundation and Structure of Muslim Society*'. World Federation of Islamic Missions, Karachi. 1973. Jilid 2. ms. 372.
17. Ibid.
18. Ibid.

4

Larangan *Riba* Didalam Sunnah

Bahasa Nabi Yang Keras Terhadap *Riba*

Nabi (saw) telah menegaskan bahaya yang dibawa oleh *riba* dengan menggunakan bahasa keras yang mungkin untuk memberi amaran kepada umat manusia dan juga umat *Islam* mengenainya. Baginda telah bersabda:

> *Abu Huraira telah berkata bahawa Pesuruh Allah bersabda: Riba terdiri dari tujuh puluh jenis yang berbeza dan yang paling kurang bahayanya adalah bersamaan dengan seorang lelaki mengahwini (iaitu melakukan hubungan jenis) dengan ibunya sendiri.* [*Ibn Majah, Baihaqi*]

(Saya tahu orang yang telah mengumpulkan kekayaan melalui *riba* akan sebalik dari mempunyai ketakutan dihatinya, amat marah dengan *hadis* diatas).

Abdullah Ibn Hanzala telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Satu dirham (syiling perak) riba, yang mana diterima oleh seseorang sedangkan dia mengetahui (ianya adalah riba), adalah lebih buruk dari melakukan zina sebanyak tiga puluh enam kali. [*Ahmad*] Baihaqi menyampaikannya, dari Ibn Abbas, dengan tambahan bahawa Nabi seterusnya bersabda: *Neraka adalah lebih sesuai bagi mereka yang dagingnya dibesarkan dengan apa yang haram.*

Abu Hurairah telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Pada malam aku dinaikkan ke-langit, aku bertemu dengan manusia yang perutnya seperti rumah yang dipenuhi dengan ular-ular yang mana boleh dilihat dari luar perutnya. Aku bertanya kepada malaikat Jibrail siapakah mereka dan Jibrail menberitahuku bahawa mereka adalah manusia yang telah memakan riba. [*Ahmad, Ibn Majah*]

Abu Huraira telah melapurkan bahawa Nabi bersabda: Allah berlaku adil untuk tidak membenarkan empat manusia (iaitu empat jenis manusia) memasuki syurga atau untuk merasakan nikmatnya: dia yang sifatnya

peminum arak, dia yang mengambil riba, dia yang mengambil harta anak yatim tanpa hak, dan dia yang tidak mempedulikan ibu bapanya. [Mustadrak al-Hakim, Kitab al-Buyu']

Samura bin Jundab telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Malam ini aku telah bermimpi yang mana dua lelaki telah datang dan membawaku ke tanah suci dimana kami tiba ke sungai yang dipenuhi darah yang mana terdapat lelaki berdiri, dan ditebingnya berdiri lelaki lain dengan batu ditangannya. Lelaki ditengah sungai itu cuba untuk keluar tetapi yang seorang lagi melontarkan batu ke mulutnya dan memaksanya kembali ketempat asalnya. Setiap kali dia cuba untuk keluar, lelaki seorang lagi itu akan melontar batu ke mulutnya dan memaksanya untuk kembali. Aku bertanya: Siapakah ini? Aku telah diberitahu: Lelaki didalam sungai adalah yang memakan riba. [Bukhari]

Disini kami teringatkan satu peristiwa yang telah berlaku di tanah perkuburan di Mesir pada akhir tahun tujuh puluhan yang mana telah diceritakan oleh almarhum *Sheikh* Mesir yang buta, Abdul Hameed Kishk, dalam satu daripada ceramah umumnya (sebelum beliau disenyapkan oleh kerajaan Mesir yang tak tahu malu). Inilah ceritanya:

Penggali kubur di Mesir tidaklah selalu perlu menggali lubang kubur. Dia adakalanya hanya perlu membuka liang lahat yang telah digunakan. Ini adalah salah satu bentuk pengkebumian. Apabila jenazah telah dimasukkan kedalam liang lahat, ianya akan ditutup sehinggalah ketibaan jenazah yang baru.

Shaikh Kishk menceritakan kejadian dimana sipenggali kubur menjalankan kerja hariannya membuka semula liang lahat untuk meletakkan jenazah yang baru. Pengkebumian akan dijalankan kemudian pada hari itu, lalu liang lahat perlu disediakan lebih awal. Apabila dia membuka satu pintu liang lahat, dia amat terkejut kerana terdapat ular yang besar didalamnya. Dengan segeranya dia menutup pintu liang lahat tersebut dan lari didalam ketakutan! Selepas dia menjadi tenang dia cuba untuk membuka liang lahat yang lain, ular itu tetap juga ada didalamnya. Sekali lagi dia lari didalam ketakutan. Akan tetapi oleh kerana dia perlu melakukan kerja itu untuk mencari rezeki, dan juga kesuntukan masa untuk menyediakan liang lahat untuk pengkebumian, dia terpaksa kembali dan membuka liang lahat yang ketiga. Apabila dia mendapati ular yang sama juga berada didalam liang lahat yang ketiga, ketakutan yang dialaminya bertukar menjadi kemarahan. Dia bercakap kepada ular tersebut dan meminta supaya dia dibenarkan untuk mengkebumikan mayat tersebut. Ular itu seolah-olah

memahaminya dan meninggalkan liang lahat tersebut. Sebaik sahaja pengkebumian selesai dan sejurus sebelum pintu liang lahat tersebut ditutup, ular itu muncul semula dan meluru masuk kedalam liang lahat tersebut. Dan dalam ketika si penggali kubur menutup liang lahat tersebut, dia mendengar rahang ular tersebut mengunyah setiap tulang-tulang jenazah tersebut.

Si penggali kubur itu pasti ada penjelasan kepada kejadian dasyat yang telah disaksikannya itu. Dia bertanya kepada keluarga simati akan cara hidup dan bagaimana dia mendapatkan sumber rezekinya dan dia telah diberitahu bahawa lelaki yang telah meninggal dunia tersebut adalah seorang pemberi pinjaman wang dan dia meminjamkan wang dengan faedah (*riba*) dan memakan *riba* hasil dari pinjaman *riba* yang telah diberikannya itu. Dengan memberikan pinjaman dengan faedah inilah dia telah dapat mengumpulkan kekayaannya! Atas sebab itu ular dari neraka telah menunggu untuknya didalam kubur, dan balasan Allah (swt) itu amatlah dasyat. Itulah ceritanya!

Hadis Nabi (saw) yang telah kami sebutkan telah menunjukkan sejauh mana kemurkaan Allah (swt) terhadap penindasan yang telah dilakukan oleh *riba.*

Nabi (saw) juga mengesahkan pengisytiharan perang dari Allah (swt) dan Rasulnya berkenaan dengan larangan keatas *riba* didalam hadis yang berikut:

Jabir bin Abdullah telah berkata: Aku mendengar Pesuruh Allah bersabda: Jika sesiapa daripada kamu tidak meninggalkan mukhabarah, ketahuilah dia akan peperangan dengan Allah dan PesuruhNya. Zaid bin Thabit berkata: Aku kemudiannya bertanya: Apakah mukhabarah? Baginda menjawab: Ia adalah yang mana kamu mempunyai tanah untuk penanaman dengan separuh, satu pertiga atau suku (hasilnya untuk kamu) (Bahayanya adalah ia akan membawa, secara muslihat, seseorang bekerja menjadi sebagai hamba). [*Abu Daud*]

Hadis diatas sepatutnya membuka mata para pembaca akan bahaya teramat besar yang terdapat didalam *riba.* Ianya akan membawa kepada perhambaan. Kebanyakan tanah pertanian di Pakistan dimiliki oleh tuan tanah yang kaya raya. Mereka menggaji para petani untuk mengerjakan tanah tersebut dan memastikan bukan sahaja para petani tersebut sentiasa bekerja untuk mereka, tetapi memastikan juga pekerja ini bekerja untuk mereka dengan gaji yang murah. Mereka menggunakan sistem *mukhabarah* ini untuk secara langsungnya memenjara para petani didalam sistem kemiskinan yang kekal. Itu adalah *riba.* Dan ia telah menghasilkan sistem perhambaan di Pakistan. Jikalaulah *Gerakan Islam* berjaya memenangi kuasa di Pakistan, mereka perlu dengan segera dan dengan tegasnya menghapuskan

tuan tanah yang kaya-raya ini daripada hak mereka keatas tanah-tanah pertanian di Pakistan ini.

Ia sepatutnya jelas dari kenyataan Nabi diatas bahawa subjek larangan *riba* ini adalah suatu yang teramat penting. *Riba* memberikan bahaya yang teramat buruk berbanding yang lain kepada ummah Nabi (saw) pada hari ini. Hampir kesemua bahaya yang lain menjadi tidak seberapa jika dibandingkan dengan *riba* ini. •

Nabi dan Pelbagai Bentuk *Riba*

Sementara *Al-Quran* telah mengenal pasti 'memberikan pinjaman dengan faedah' sebagai *riba,* tinggallah kepada Nabi (saw) untuk menerang dan menjelaskan pelbagai bentuk *riba.* Barangkali penjelasan paling penting yang telah diberikan oleh Nabi (saw) adalah *hadis* yang telah dilapurkan oleh Jabir:

> *Pesuruh Allah (swt) menyumpah lelaki yang mengambil (iaitu memakan) riba, yang memberi (iaitu membayar) riba, yang merekodkan transaksi tersebut, dan dua saksi keatasnya. Baginda bersabda: Kesemua mereka sama sahaja bersalah.* [*Muslim*]

Kenyataan yang sama telah dilapurkan oleh Abu Juhaifa:

> *Nabi menyumpah perempuan yang membuat tatu dan yang juga mentatu dirinya sendiri, dan yang memakan*

riba dan juga yang memberinya. Dan baginda melarang mengambil harga seekor anjing dan wang yang diperolehi dari pelacuran, dan baginda menyumpah mereka yang membuat gambar-gambar. [*Bukhari*]

Oleh itu setiap kali seorang Muslim menulis cek untuk membayar ansuran pinjaman *riba*nya (iaitu pinjaman dengan faedah) yang diambilnya dari bank untuk membeli rumah atau kereta dan sebagainya, dia patut sedar yang dia terlibat didalam *riba* dan dengan itu Nabi Muhammad (saw) telah menyumpah dirinya! Jika dia mati tanpa bertaubat dan tanpa melakukan apa-apa usaha untuk mengeluarkan dirinya daripada *riba,* maka dia mungkin akan dimasukkan kedalam api neraka!

Pelbagai Bentuk-Bentuk *Riba*

Nabi (saw) telah mengishtiharkan bahawa terdapat tujuh puluh bentuk *riba* yang berbeza:

Abu Huraira telah melapurkan bahawa Nabi (saw) bersabda: Riba mempunyai tujuh puluh bahagian, yang paling kurang seriusnya adalah sama seperti seorang lelaki mengahwini ibunya sendiri (yang mana adalah bahasa sopan Nabi untuk menggambarkan perbuatan jijik seorang lelaki melakukan hubungan seks dengan ibunya sendiri). [*Sunan, Ibn Majah*]

Tetapi baginda tidak mengenal pasti kesemua tujuh puluh tersebut. Malah baginda hanya telah menjelaskan beberapa bentuk *riba* yang berbeza sahaja. Implikasinya adalah, oleh itu, terdapat atau akan terdapat, bentuk-bentuk *riba* yang wujud didalam dunia yang mana tidak dikenal pasti secara khususnya olah Nabi (saw). Malah Umar (ra) bersedih kerana hakikat bahawa Nabi (saw) telah wafat tanpa dengan khususnya mengenal pasti kesemua bentuk-bentuk *riba* yang berbeza itu:

> *Ibn Umar telah berkata: Umar telah memberikan khutbah diatas mimbar Nabi Allah dan berkata: ... Alangkah baiknya jika Nabi Allah tidak pergi meninggalkan kita sebelum baginda memberikan kepada kita keputusan yang nyata mengenai tiga perkara, iaitu berapa banyak seorang datuk boleh mewarisi harta cucunya, harta peninggalan al-kalala (orang meninggal dunia yang antara pewarisnya tidak terdapat ayah atau anak) dan pelbagai jenis riba.* [*Bukhari*]

Tinggal kepada sarjana-sarjana *Islam* untuk menggunakan kesimpulan dan analogi bagi mengenal pasti bentuk-bentuk *riba* lain yang tidak dinyatakan oleh Nabi (saw) dan yang mana mungkin tidak wujud lagi didunia pada zaman Nabi (saw), tetapi sekarang sudah pun muncul, terutamanya dizaman yang penuh kejahatan yang mana telah menyaksikan pelepasan *Yakjuj, Makjuj* dan *al-Masih al-Dajja*l yang menjangkaui batas

pengetahuan manusia! Muhammad Asad telah membayangkan peranan kreatif sarjana *Islam* berkaitan perkara ini. Beliau telah melihatnya dengan menyatakan:

> ... sementara kutukan Al-Quran terhadap konsep dan amalan *riba* adalah jelas dan muktamad, setiap generasi umat Islam yang berjaya akan berdepan dengan cabaran memberikan dimensi baru dan juga makna ekonomi yang baru kepada istilah ini, kerana tidak ada perkataan yang lebih baik, ia boleh dianggap sebagai faedah (*riba*)[1]

Disini terdapat beberapa bentuk *riba* yang telah dinyatakan oleh Nabi (saw):

1. Transaksi-transaksi Kredit (*bai muajjal*). Terdapat beberapa transaksi kredit (hutang) yang telah dilarang oleh Nabi (saw) kerana ianya melibatkan *riba*:

> *Usama bin Zaid telah melapurkan bahawa Nabi bersabda: Kredit melibatkan riba. Didalam versi yang lain baginda bersabda: Tidak terdapat riba apabila pembayaran dibuat dengan serta-merta.* [*Bukhari, Muslim*]

Antara transaksi kredit sebegitu sebagai contohnya, yang mana haiwan ditukarkan dengan haiwan yang lain:

Samura b. Jundub telah berkata bahawa Nabi melarang penjualan haiwan dengan haiwan apabila pembayaran dilakukan di kemudian hari. [Tirmidhi, Abu Daud, Nasai, Ibn Majah dan Darimi]

Alasan terhadap larangan ini adalah kerana terdapat unsur ketidaktentuan yang mana kematian, sebagai contohnya, mungkin berlaku terhadap haiwan tersebut, atau mungkin jatuh sakit dan sebagainya. Kejadian sebegitu akan menjurus kepada ketidak setujuan dan konflik kepada pihak-pihak didalam perjanjian kredit tersebut. Kredit (hutang) juga tidak digalakkan kerana apabila pembayaran dibuat pada waktu kemudian, seseorang itu mungkin tidak dapat membuat pembayaran dan itu akan membawa kepada akibat yang serius. Di Amerika Latin, tuan tanah kulit putih dengan sengajanya menggalakkan petani-petani Indian mengambil kredit atau hutang dan apabila mereka tidak dapat membayar tepat pada masanya, mereka terpaksa bekerja untuk mereka. Maka *latifundia*, atau ekonomi pertanian Amerika Latin pun terbina diatas perhambaan yang terselindung. Salah satu dari kenyataan hebat yang kami pernah dengar selama lima tahun berada di New York adalah kata-kata dari Tracy Riggs, seorang banduan Afrikan-Amerikan dari penjara Morristown di New Jersey. *Kredi*t, beliau berkata kepada saya, *adalah selangkah kembali semula kepada perhambaan.*

Sistem *riba* telah mencipta alat yang terbina dan terjaga dengan sendirinya dalam bentuk kelayakan kredit bagi individu-individu. Seseorang itu samada mempunyai rekod kredit yang baik atau buruk. Sistem tersebut memaksa setiap individu untuk berusaha mendapat dan mengekalkan rekod kredit yang baik. Jika seseorang tidak pernah meminjam wang dengan faedah yang mana menyebabkan dia tidak mempunyai rekod kredit, dia akan dilihat sebagai seorang yang penuh dengan syak wasangka!

Nota Kepada *Ba'i Muajjal*

Ba'i Muajjal adalah transaksi kredit. Sesuatu barang itu dibeli dengan kredit, iaitu dimana harga barang yang telah dibeli itu akan dibayar pada masa kemudian. Tetapi ini tidak semestinya berunsurkan *riba*. Nabi (saw) sendiri telah membeli makanan bijirin dengan kredit (Lihat hadis yang disebutkan dibawah). Tetapi ianya bukan *riba*! Walaubagaimanapun, amat penting untuk kita perhatikan bahawa transaksi kredit ini (*ba'i muajjal*) agak berbeza dari transaksi kredit yang biasa pada hari ini atas sebab-sebab berikut:

i. *Tidak terdapat kenaikan harga sebagai ganjaran kepada kredit tersebut*. Para pembaca perlu mengambil perhatian bahawa semua pinjaman untuk pembelian kereta atau rumah dan sebagainya pada hari ini adalah yang mana

terdapat pertambahan harga sebagai balasan kepada kredit tersebut. Dan itu adalah *riba*!

ii. *Hutang itu terjamin melalui cagaran,* iaitu harga barangan yang telah dibeli dengan kredit itu terjamin didalam barangan yang dicagarkan. Jika pembeli barangan (dengan kredit) tersebut meninggal dunia sebelum hutang itu dijelaskan, dia akan mati tanpa hutang – kerana barangan yang dicagarkan itu akan dijual untuk mendapatkan semula wang dengan harga yang sama pada masa barangan itu dijual.

iii. Barangan yang dibeli dengan kredit itu bukanlah sesuatu yang boleh menyebabkan berlaku komplikasi atau konflik di masa depan (seperti tanaman mangga yang mana belum bersedia untuk dituai).

Oleh sebab itu, tidak terdapat *riba* didalam transaksi kredit sebegitu (*ba'i muajjal*), maka sebab itulah kita dapati Nabi (saw) sendiri telah terlibat didalam transaksi kredit dan juga perjanjian pinjaman tersebut:

> *Aisha (isteri Nabi) telah berkata bahawa Pesuruh Allah telah membeli makanan bijirin dari orang Yahudi dengan pembayaran ditangguh dan mencagarkan perisainya kepadanya. [Bukhari, Muslim] Beliau (Aisha) telah berkata bahawa apabila Pesuruh Allah wafat, baju*

perisainya telah di gadaikan kepada orang Yahudi sebanyak tiga puluh sa'a barli (sa'a adalah ukuran berat). [*Bukhari*]

Kredit melibatkan hutang. Seorang Muslim tidak sepatutnya terjerumus kedalam hutang yang mana dia tidak mempunyai sandaran untuk membayar balik, kecuali jika terlalu terdesak (iaitu perkara berkenaan keperluan asas biologikal). Hutang yang tidak terjamin adalah suatu yang perlu ditakuti! Keduanya hutang tidak sepatutnya kekal tertunggak selama-lamanya. Jika yang berhutang tidak boleh membayar hutangnya maka yang memberi hutang perlulah menerima apa sahaja yang mampu dibayar oleh siberhutang dan melepaskan bakinya (iaitu menghalalkannya). Cara lain pula adalah hutang perlu dihapuskan selepas beberapa tempoh tertentu yang munasabah. Malahan kitab Torah memerintahkan tempoh tujuh tahun supaya hutang itu dilepaskan.

Walaubagaimana pun, terdapat prinsip teramat jelas yang hanya menyebelahi sebelah pihak didalam saranan yang sepatut dipuji didalam kitab Taurat yang mana memerintahkan:

Setiap tujuh tahun kamu perlu mengamalkan pelepasan hutang-hutang. Ini adalah syarat-syarat pelepasan itu, – setiap pemberi hutang akan melepaskan baki yang dituntut dari jirannya; dia tidak akan meminta-minta (iaitu bertegas meminta dari orang yang berhutang

> *pembayaran balik hutang tersebut, hingga ke tahap memberikan ketidakselesaan) kepada jiran atau saudara lelakinya (iaitu teman Yahudinya), kerana pengisytiharan pelepasan hutang itu adalah dari Tuhan. [Deutronomy 15:1]*

Tetapi yang mana kemudiannya mengisytiharkan sebaliknya kepada golongan bukan Yahudi:

> *Kamu boleh meminta dari orang asing (iaitu mereka yang bukan Yahudi); tetapi kamu mesti lepaskan apa jua hutang dari saudara-saudara kamu. [Deutronomy 15:1]*

Terdapat juga petunjuk yang jelas akan penjajahan ekonomi didalam ayat berikut yang menyatakan:

> *Kerana Dia Tuhan kamu akan merahmati kamu seperti yang telah Dia janjikan kepada kamu: kamu akan meluaskan pemberian hutang-hutang kepada banyak bangsa (iaitu yang bukan Yahudi), tetapi kamu sendiri tidak memerlukannya (iaitu pinjaman dari yang bukan Yahudi); kamu akan (akibat dari itu) akan menguasai banyak bangsa, tetapi mereka tidak akan menguasai kamu. [Deutronomy 15:6]*

Sesiapa sahaja yang telah mengubah kitab Torah seperti ayat diatas pasti mempunyai Syaitan sendiri sebagai panduannya! *Ayat-ayat sebegini adalah Satanic Verse (surah-surah syaitan)*

yang sebenar. Apa yang telah ditulis oleh orang-orang yang melakukannya merupakan resepi untuk umat manusia membenci orang-orang Yahudi, dan juga untuk Judaisme musnah dengan sendirinya. Golongan yang terpelajar dan beriman perlulah bertindak dengan tegas untuk memulihkan kembali agama Nabi Ibrahim yang sebenarnya dan kebenaran yang telah diberikan kepada Nabi Musa. Agama sebenar Nabi Ibrahim dan kebenaran yang telah diberikan kepada Nabi Musa telah cemar dan tidak lagi wujud dimana-mana didunia kecuali didalam *Al-Quran* dan juga ajaran-ajaran Nabi Muhammad (saw).

2. Pertambahan harga barangan sebagai balasan untuk penangguhan pembayaran. Transaksi kredit ini dikenali sebagai *riba al-nasi'ah*;

> *Dari Usama bin Zaid: Nabi telah bersabda: Tidak terdapat riba kecuali dalam nasi'ah (menunggu).* [*Bukhari*]

Ini adalah bentuk *riba* yang paling banyak di Mekah. Prinsip yang terlibat adalah jika kamu perlu menunggu wang kamu maka kamu berhak untuk mendapatkan jumlah tambahan. Yang berhutang telah diberikan tunggakan kerana dia tidak dapat membayar hutangnya pada masa yang ditetapkan. Jumlah yang dihutangnya menjadi bertambah sebagai balasan kepada tunggakan tersebut.

Jika jumlah wang yang asal boleh bertambah dengan masa, maka wang boleh dengan sendirinya menghasilkan lebih banyak wang lagi. Tiada usaha yang diperlukan. Tetapi *Al-Quran* mengajar bahawa itu tidak mungkin (*Al-Quran 53:39*). Wang tidak boleh tertambah tanpa usaha. Apabila undang-undang membenarkan wang dipinjamkan dengan faedah, lantas ia mengiktiraf bahawa masa itu sendiri adalah wang, maka yang memberikan pinjaman akan hidup dengan titik peluh si peminjam dengan cara yang sama bapa ayam hidup dengan penat lelah pelacur. Apabila bentuk *riba* ini tersebar didalam ekonomi maka golongan elit penindas akan hidup dengan penat lelah orang ramai. Wang, didalam ekonomi sebegitu akan sama dengan kuasa. Wang akan menjadi raja! Dan nilai usaha manusia akan berterusan menjadi semakin berkurangan hinggakan usaha manusia itu sendiri akan berada dibawah ihsan mereka yang mempunyai wang! Itulah dunia pada hari ini! *Kebuluran telah mencipta peluang buat mereka yang mempunyai wang untuk memerintah para pekerja lebih dari apa yang diberikan kepada golongan bangsawan oleh kuasa dari raja-raja. Semua manusia telah dirantai untuk bekerja lebih keras disebabkan oleh kemiskinan lebih hebat berbanding dengan dirantai oleh sistem perhambaan.*

Prinsip harga bertambah sebagai balasan bagi pemberian kredit beroperasi diseluruh ekonomi kapitalis barat.

Sesetengah orang mungkin mempersoalkan penentangan kami kepada 'wang bertambah dengan masa' akibat dari persepsi mereka bahawa nilai properti atau barangan juga boleh bertambah dengan masa. Sebenarnya pertambahan harga barangan, melalui inflasi, tidak menunjukkan pertambahan dari segi nilai. Malah dalam keadaan tertentu harga yang tinggi mungkin menutupi nilai yang rendah. Harga meningkat, kerana disebabkan oleh inflasi, adalah petanda bahawa nilai wang itu yang jatuh. Jatuhnya nilai wang kertas itu sendiri adalah satu bentuk *riba* kerana seseorang yang memiliki kekayaan didalam bentuk wang kertas akan serta merta kehilangan sebahagian dari kekayaannya.

Murabaha (Menjual Dengan Keuntungan)

Bank-bank Islamik diseluruh dunia telah mencuba untuk mengelak daripada *riba* melalui proses kejuruteraan kewangan yang amat licik. Kebanyakan alternatif yang mereka tawarkan kepada umat *Islam*, kebanyakan tawaran yang ditawarkan kepada umat *Islam* yang mudah terpedaya ini adalah tidak lain hanyalah satu bentuk *riba* yang terselindung. Sebagai contohnya mereka menggunakan mekanisme kewangan yang mana mereka dengan silapnya menyatakan ianya sebagai *murabah*a. Pihak bank akan membelikan barangan dengan *tunai* dan kemudiannya menjualkannya dengan *kredit* pada harga yang lebih tinggi dari

harga ianya dibeli. Pihak bank berpendapat bahawa oleh kerana terdapat perjanjian dengan harga baru diantara pembeli dan penjual maka transaksi tersebut adalah *halal.*

Jika pihak bank membeli sebuah kereta dengan harga $15,000 secara *tunai,* dan kemudiannya menjual kereta itu dengan harga $25,000 secara *tunai* didalam pasaran yang sama yang mana ianya dibeli, transaksi itu akan diragui kesahihannya kerana jelas ia tidak mengikut harga pasaran. Malahan, siapa akan membayar $25,000 tunai untuk kereta tersebut jika harga pasaran adalah $15,000? Jika pembeli tidak menyedari bahawa harga pasaran adalah $15,000, dan sipenjual mengambil kesempatan atas kejahilan pembeli, maka transaksi tersebut adalah *riba* kerana ianya adalah satu bentuk muslihat.

> *Anas ibn Malik telah berkata bahawa Pesuruh Allah bersabda: Menipu seorang mustarsal (seorang yang tidak mengetahui harga pasaran) adalah riba.* [*Bayhaqi*]

Jika pembeli membeli kereta tersebut dengan harga $25,000 walaupun dia sebenarnya mengetahui harga pasaran, ia menunjukkan wujudnya suatu elemen yang tidak betul di dalam transaksi tersebut. Dia mungkin, seorang yang tidak stabil mentalnya. Itu akan membuatkan transaksi tersebut tidak sah.

Jika, dalam erti kata lain, pihak bank membeli kereta pada harga $15,000 dengan tunai di pasaran dan dan kemudian

menjualkannya didalam pasaran yang sama, dengan harga $25,000 secara *kredit*, tidak terdapat alasan yang munasabah untuk kenaikan harga tersebut selain dari faktor masa (iaitu kredit). Transaksi sebegitu adalah suatu yang mana wang boleh bertambah dengan masa, – atau wang membiak dengan masa! Ianya tiada beza dengan *riba al-nasi'ah* pada masa Nabi (saw). Malah ianya adalah *riba* yang *tulin*.

Golongan umat *Islam* yang telah sesat yang mana berkeras berpegang kepada *murabaha* yang salah ini perlu takut kepada *Allah* (swt) dan berhenti dari menyesatkan umat *Islam* yang lain. Mereka perlu takutkan hukuman dua kali ganda yang akan menunggu mereka yang menyesatkan orang lain:

> *Wahai Tuhan kami, mereka inilah yang telah menyesatkan kami; oleh itu berilah kepada mereka azab seksa yang berlipat ganda dari (azab) neraka.* [*Al-Quran, Al-Araf* 7:38]

Hujah yang menyatakan transaksi tersebut bukanlah *riba* kerana terdapat unsur-unsur risiko didalamnya adalah suatu yang penuh kepalsuan dan tidak berasas sama sekali. Pihak yang menjual dengan kredit ini selalunya mahu untuk menghapuskan risiko sebanyak yang mungkin. Transaksi sebegitu selalunya memerlukan perjanjian yang mana sipenjual akan dapat memperolehi semula wangnya jika berlaku sesuatu kepada

pembeli yang mana menyebabkan dia tidak dapat membayar balik sepertimana yang tercatat didalam kontrak kredit.

> Apabila Gerakan Islam kembali berkuasa di Pakistan, sebagai contohnya, ia bukan sahaja dengan serta merta melarang pinjaman wang dengan faedah, tetapi akan menghalang semua cara yang mana wang dilaburkan didalam pelaburan tanpa risiko dan didalam pelaburan-pelaburan yang mana bertambahnya modal tanpa sebarang usaha dari pihak pemunya modal tersebut.

3. Menyuruh seseorang untuk pura-pura membeli untuk menaikan harga didalam lelongan, lantas merosakkan pasaran yang bebas dan adil; bentuk *riba* begini dikenali sebagai *gharar*:

   Dari Abdullah ibn Abi Awfa: Nabi (saw) telah bersabda: Najish (seorang yang bertindak sebagai agen untuk menaikkan harga pasaran didalam lelongan) adalah pengambil riba yang disumpah. [*Bukhari*]

4. Menggunakan muslihat (*gharar*) didalam teknik pemasaran, yang mana melemahkan pasaran yang bebas;

   Abdullah bin Abu Aufa telah berkata: Seorang lelaki telah memperlihatkan beberapa barangan di pasar dan membuat sumpah palsu yang dia telah ditawarkan dengan harga tertentu untuk barangan tersebut

walaupun dia tidak ditawarkan dengan harga tersebut. Kemudian ayat Al-Quran yang berikut telah diturunkan: Sesungguhnya orang-orang yang mengutamakan keuntungan dunia yang sedikit dengan menolak janji Allah dan mencabuli sumpah mereka ... dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (3:77) Ibn Abu Aufa telah menambah: Orang sebegitu (seperti yang digambarkan diatas) adalah pemakan riba yang berbahaya. [Bukhari]

Anas ibn Malik telah berkata bahawa Pesuruh Allah bersabda: Menipu seorang mustarsal (seorang yang tidak mengetahui harga pasaran) adalah riba. [Bayhaqi]

Abu Hurairah telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah suatu ketika telah menghampiri satu timbunan biji-bijian, dan apabila baginda meletakkan tangannya kedalam timbunan tersebut, jari baginda dapat merasakan sedikit kelembapan, baginda pun bertanya kepada pemilik biji-bijian tersebut bagaimana ini boleh berlaku. Apabila diberitahu bahawa hujan telah turun keatasnya baginda bersabda: Mengapa kamu tidak meletakkan bahagian yang lembap itu diatas supaya orang boleh melihat?. Mereka yang menipu itu tiada kena mengena denganku. [Muslim]

> *Wathila b. al-Aqsa telah berkata bahawa dia mendengar Pesuruh Allah bersabda: Jika seseorang menjual barangan yang rosak tanpa membawakan perhatian kepadanya, dia akan kekal dibawah kemurkaan Allah atau; malaikat-malaikat akan turun untuk menyumpah-nya.* [*Ibn Majah*]

Para pembaca dengan mudahnya akan dapat mengenalpasti muslihat dan rompakan dalam penggantian wang yang sebenar dengan wang palsu diseluruh dunia pada hari ini. Didalam wang yang sebenar, nilai wang tersebut terletak didalam wang itu sendiri. Ianya seperti syiling emas sebagai contohnya. Apabila wang yang sebenar itu digantikan dengan wang kertas palsu maka nilai wang kertas (walaupun jika ianya Dollar Amerika) nilainya berterusan menjadi semakin kurang. Dan semua manusia akan dinafikan kekayaan mereka melalui muslihat. Itu adalah *riba*! (Rujuk *Al-Quran* 7:85, 11:85, 26:183)

Kanser muslihat didalam perdagangan tidak wujud didalam *Dar al-Islam*. Pasaran di dalam Empayar Islamik Ottoman sebagai contohnya, dikawal oleh pegawai-pegawai polis pasaran dan majistret yang dilantik khas untuk sentiasa bertindak sebagai hakim dalam menangani kes-kes penipuan atau muslihat didalam transaksi bisnes dan memberikan hukuman yang adil dengan serta-merta. Pasaran yang bebas dan adil itu akan dikembalikan kedalam dunia *Islam, Insyaallah,* jika dan apabila Gerakan *Islam*

berjaya didalam perjuangan revolusi untuk mengembalikan *Dar Al-Islam.*

5. Menyorokkan barang untuk mendapatkan keuntungan dari kenaikan harga akibat dari kekurangan yang disengajakan didalam pasaran, lantas mengubah pasaran yang bebas;

   Ma'mar telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah berkata: Jika sesiapa menyimpan barangan hingga harganya meningkat, dia adalah seorang yang berdosa. [*Muslim*]

   Umar telah melapurkan bahawa Nabi bersabda: Orang yang membawa barangan untuk dijual dirahmati dengan nasib yang baik, tetapi orang yang menyimpannya hingga meningkat harganya adalah disumpah. [*Ibn Majah, Darimi*]

   Ibn Umar telah melapurkan Pesuruh Allah bersabda: Jika sesiapa menyimpan biji-bijian selama empat puluh hari dan dengan cara itu menghendakkan harga yang tinggi, dia telah menyisihkan Allah dan Allah juga menyisihkan dirinya. [*Razin*]

   Menyorokkan barangan menyebabkan keuntungan yang diperolehi secara tidak adil. Itu adalah *riba*!

6. Monopoli selalunya difahami sebagai kawalan keatas pasaran dengan cara yang mana akan memberikan kebebasan untuk

menetapkan harga. Situasi sebegitu akan menyebabkan harga akan ditetapkan mengikut perancangan golongan yang memonopoli dan bukannya oleh pasaran yang bebas. Oleh sebab itu ianya sama sahaja dengan menyorokkan barangan. Kekayaan akan disedut dari orang ramai melalui muslihat. Itu adalah *riba*! Jika perancangan musuh utama adalah untuk menipu kekayaan kita itu pun sudah cukup buruk, perancangan mereka sebenarnya adalah lebih buruk dari itu. Perancangan musuh adalah untuk mendapatkan *kuasa* menerusi monopoli pasaran. Kuasa tersebut kemudiannya akan digunakan untuk mengistitusikan penindasan tersebut yang mana bersamaan dengan memperhambakan seluruh umat manusia, terutamanya, *umat* Nabi Muhammad (saw).

7. Jualan dengan syarat pembayaran bertangguh tetapi dengan peningkatan harga. Hutang itu kemudiannya dijual kepada pihak ketiga secara tunai yang mana membolehkan kedua-dua pihak berkongsi keuntungan hasil dari pembayaran bertangguh tersebut.

8. Transaksi spekulatif. Ini adalah transaksi-transaksi yang mana seseorang membeli barangan atau saham dll, menjangkakan harga tersebut akan meningkat. Apabila itu berlaku, dia akan menjual dan mendapat keuntungan. Cara lainnya seseorang itu boleh juga menjual barangan, saham dll., menjangkakan harga tersebut akan jatuh. Apabila itu

berlaku, dia kemudiannya akan membeli balik dan mendapat keuntungan! Keuntungan sebegitu adalah tidak adil. Tiada usaha atau keringat terlibat. Ia sebenarnya adalah perjudian!

Tetapi penindas elit penyangak ekonomi, yang menjadi tuan kepada transaksi pasaran spekulatif, melakukan transaksi mereka dengan cara mendapat maklumat dalaman, iaitu seseorang yang mendapat maklumat rahsia yang mana mungkin tidak lama lagi akan terdapat kenaikan atau kejatuhan harga dan kemudiannya mengambil kesempatan dari maklumat yang diperolehi itu untuk membeli atau menjual dan mendapat keuntungan yang besar. Ianya sekarang ini lebih dari transaksi spekulatif. Ianya juga muslihat didalam perdagangan dan mudah untuk dikenali sebagai penipuan. Transaksi spekulatif adalah *haram* kerana ia hanyalah satu bentuk perjudian yang canggih. Tidak terdapat usaha yang produktif didalam transaksi spekulatif. Ianya amat menakjubkan pada hari ini apabila dunia ekonomi kapitalis sedang menyaksikan fenomena yang mana sebanyak enam puluh peratus dari semua pindahan wang didalam kewangan dunia adalah untuk transaksi spekulatif. Dalam erti kata lain, kebanyakan wang didalam dunia ekonomi hari ini telah diperjudikan dengan penuh kegilaan dalam usaha mencari keuntungan. Malah umat *Islam* juga terlibat didalam penyakit perjudian ini.

> Transaksi-transaksi spekulatif yang berdasarkan kepada kelebihan mendapat maklumat dalaman adalah *riba* yang teramat jelas dan nyata!

Apabila perdagangan dan industri dijalankan atas dasar spekulatif, dan apabila tuan kepada *riba* ini mempunyai cara untuk mendapatkan maklumat dalaman, kesannya adalah apa yang dikeluarkan dari muka bumi oleh industri tersebut (dan keringat) akan terlepas dari genggaman dan sampai kepada spekulasi, dan meletakkannya kedalam tangan tuan *riba* bersifat syaitan yang bijak. Kekayaan yang terkumpul dari generasi yang bekerja keras akan terlepas kedalam tangan-tangan mereka dalam satu hari sahaja melalui transaksi spekulatif berdasarkan maklumat dalaman dan manipulasi pasaran.

9. Transaksi '*Options*'. Adakalanya transaksi spekulatif itu akan menyebabkan kekecewaan. Harga dijangkakan naik tetapi ianya tidak. Pihak spekulator tidak mahu wang mereka terikat didalam transaksi yang mungkin menyebabkan kerugian. Jadi apa yang dilakukannya adalah membeli dari tuan punya barangan tersebut '*Option*' untuk membeli barangan tersebut dalam jangka masa tertentu pada harga yang akan dipersetujui. Dia membayar yuran yang tidak akan dipulangkan untuk membeli barangan tersebut didalam '*option*' ini. Jika harga barang tersebut meningkat dalam jangka masa '*option*' itu diambil, dia akan melakukan '*option*'-

nya iaitu membeli barangan tersebut dan menjualnya terus untuk mendapatkan keuntungan. Jika harga barang tersebut tidak naik, apa yang perlu adalah untuk dia tidak mengambil '*option*'-nya itu. Dia kemudiannya hanya akan kehilangan yuran yang telah dibayar untuk membeli '*option*' itu sahaja.

Didalam pasaran yang bebas dan adil, naik dan turunnya barangan akan ditentukan oleh Allah (swt)! Allah akan menggunakannya untuk mengagih dan mengagihkan semula kekayaan. '*Option*' adalah cara yang mana memintas keistimewa-an Allah (swt) untuk menetapkan harga. Dengan demikian ianya adalah *haram*!

10. Rasuah dan korupsi. *Riba* adakalanya terdapat dalam bentuk rasuah, ataupun sokongan yang diberikan untuk memenangi pengaruh atau kawalan keatas individu-individu atau pun institusi-institusi. Ambil contoh hadiah besar lima ratus ribu Dollar Amerika yang dihadiahkan oleh Arab Saudi, kepada sarjana *Islam* yang dipilih oleh mereka. Apabila sarjana *Islam* menerima hadiah tersebut, dia sebenarnya telah dipenjara. Dia dan juga gerakan yang diketuainya akan menjadi lumpuh. Mereka tidak dapat melibatkan diri dalam usaha membebaskan negaranya dari pengaruh dan kawalan musuh-musuh *Islam* dan mengembalikan kebebasannya. Ini telah pun berlaku! Ini adalah kejayaan pihak musuh. Malah mereka membanggakan kejayaan mereka ini:

> Kejayaan kita telah menjadi mudah disebabkan oleh hubungan kita dengan golongan yang kita mahukan ini selalu berfungsi menerusi getaran yang paling sensitif didalam pemikiran manusia, iaitu kepada wang tunai, iaitu kepada ketamakan mereka, kepada nafsu yang tidak pernah puas kepada kebendaan: dan setiap kelemahan-kelemahan manusia ini, walaupun jika hanya satu sahaja yang digunakan, sudah cukup untuk melumpuhkan keupayaan mereka, kerana ia mengalihkan keinginan manusia itu kepada kawalan sesiapa yang telah membeli kegiatan-kegiatan mereka itu!

Theodor Herzl, pengasas kepada Zionism, berkata mengenai orang-orang Yahudi didalam bukunya '*The Jewish State*':

> Apabila kita tenggelam, kita menjadi golongan bawahan secara mendadak, pegawai-pegawai paling rendah didalam parti revolusi: apabila kita bangkit, akan bangkit juga kuasa besar wang yang ada pada kita.[2]

11. Skim piramid. Dua puluh lima tahun kebelakangan ini telah menyaksikan kemunculan skim-skim baru yang mana melaluinya kuasa-kuasa yang teramat jahat telah mengeksploit ketamakan manusia dan merompak akan kekayaan mereka. Ramai manusia, jahil dan mudah terpedaya

atau yang tamak, telah hilang wang mereka dalam skim sebegitu yang panggil skim 'piramid'.

Syarikat kewangan ditubuhkan yang mana menawarkan pelabur kewangan jumlah pulangan yang agak tinggi bagi pelaburan mereka berbanding simpanan tetap didalam bank. Syarikat kewangan tersebut menggunakan deposit-deposit yang telah dilaburkan didalamnya untuk membayar dividen tinggi yang telah dijanjikan kepada pelabur-pelabur. Apabila ia diketahui ramai bahawa syarikat itu benar-benar memberikan pulangan yang tinggi, ketamakan muncul didalam naluri manusia kebanyakan dan mereka menderu untuk melaburkan simpanan mereka. Apabila jumlah yang besar telah berjaya dikumpul, yang mana telah sampai ke puncaknya, mereka terus sahaja menutup syarikat tersebut (samada terus menghilang atau mengisytiharkan sudah muflis), dan para pelabur-pelabur pun telah dirompak akan wang mereka. Ini juga adalah *riba*. Dan inilah yang telah berlaku di Albania, yang mana negara yang majoritinya adalah umat *Islam*!

12. Loteri. Kita hidup sekarang ini dizaman yang mana kerajaan-kerajaan diseluruh dunia menggunakan loteri-loteri negeri atau kebangsaan sebagai cara untuk mengaut wang dari rakyat kebanyakan. Prinsip yang terlibat didalam skim yang dipanggil loteri ini adalah sama dengan skim piramid, – iaitu, untuk mengeksploitasi ketamakan dan fantasi didalam jiwa

manusia. Rakyat kebanyakan akan mencurahkan wang mereka kedalam loteri dengan melihat keningkatan pada jumlah hadiah yang ditawarkan. Fantasi tercapai apabila beberapa golongan miskin atau kelas pertengahan memenangi loteri tersebut dan dengan tiba-tiba menjadi kaya-raya. Semua orang yang sekarang ini membeli loteri tersebut akan berfantasi yang dia juga nanti akan memenangi loteri dan menjadi kaya-raya.

Sebenarnya apa yang berlaku adalah kerajaan, yang menganjurkan loteri tersebut, menipu rakyat kebanyakan untuk mendapatkan pendapatan yang bukan sebenarnya hak mereka melalui tipu muslihat. Ianya adalah penipuan kerana hanya sebahagian sahaja jumlah yang terkumpul akan dibayar sebagai hadiah. Kerajaan selalunya akan cuba untuk menunjukkan ciri-ciri kebajikan kepada loteri tersebut dengan menggunakan wang tersebut untuk projek kebajikan yang glamour seperti untuk pendidikan (membina sekolah sebagai contohnya). Tetapi ini hanyalah untuk melindungi hakikat sifat penidas loteri tersebut. Maka loteri juga beroperasi atas dasar *riba*.

Terdapat banyak lagi bentuk *riba* didalam dunia hari ini yang mana mudah untuk dikenalpasti oleh ahli perniagaan. Sesetengahnya membentuk jenis-jenis *riba* yang baru. Umat *Islam* perlulah menyedari akan bentuk-bentuk *riba* yang berbeza ini dan mestilah berhati-hati untuk mengelakkannya.

Pinjaman Bank Dan *Riba Al-Fadl*

Membeli dan menjual wang pada hari ini adalah dalam bentuk meminjam wang dari bank dengan faedah. Ianya adalah *bentuk riba* yang dikenali sebagai *riba al-fadl* dan ianya teramat dilarang! Nabi (saw) dilapurkan telah menyebut dua logam berharga (emas dan perak) dan empat barangan komoditi (gandum, barli, kurma dan garam) dan telah melarang apa jua transaksi yang mana barangan yang *sama jenisnya* tetapi *tidak sama dari segi jumlah*, dari tangan ke tangan (iaitu bukan secara kredit) sepanjang mana logam-logam dan komoditi-komoditi ini diperdagangkan. Sebarang pencabulan keatas peraturan ini akan melibatkan *riba*:

> *Ubada bin Salmi telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah telah bersabda: Emas perlu dibayar dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, dan garam dengan garam, yang sama dengan yang sama, jumlah yang sama dengan jumlah yang sama, pembayaran mesti dibuat dengan serta merta. Jika ianya dari jenis yang berbeza (iaitu jika ianya bukan barangan yang sama dengan yang sama) juallah ia sesuka hati kamu jika pembayaran dibuat serta merta.* [*Muslim*]

(Lihat dibawah untuk penjelasan hadis tersebut dan juga yang berikutnya)

Abu Said al-Khudri telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Emas perlu dibayar dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, dan garam dengan garam, yang sama dengan yang sama, pembayaran mesti dibuat serta merta. Jika sesiapa memberi lebih atau meminta lebih dia telah melibatkan diri dengan riba. Yang menerima dan yang memberi sama sahaja bersalah. [*Muslim*]

Abu Said dan Abu Huraira telah berkata bahawa Pesuruh Allah telah melantik seseorang sebagai gabenor bagi Khaibar. Apabila lelaki tersebut datang ke Madinah beliau telah membawa bersamanya kurma yang sungguh baik kualitinya yang dipanggil janib. Nabi telah bertanya kepadanya: Adakah semua kurma-kurma di Khaibar seperti ini? Lelaki itu menjawab: Tidak! Wahai Pesuruh Allah kami menukarkan dua sa'a kurma yang kurang baik baik kualitinya untuk satu sa'a kurma jenis ini (iaitu janib), atau menukarkan tiga sa'a dengan dua. Dengan itu, Nabi bersabda: Jangan lakukannya, ianya satu bentuk riba. Tetapi jual kurma yang kurang baik kualitinya untuk mendapatkan wang, dan kemudian beli

janib dengan wang tersebut. Nabi bersabda demikian juga untuk kurma yang telah dijual dengan berat. [*Bukhari*]

Abu Said al-Khudri telah berkata: Satu ketika Bilal membawa barni (iaitu sejenis kurma) kepada Nabi dan Nabi bertanyakan kepadanya: Dari mana kamu kamu mendapatkannya? Bilal menjawab: Saya mempunyai beberapa kurma yang kurang baik kualitinya dan telah menukarkan dua sa'a kurma tersebut dengan satu sa'a kurma barni untuk memberikannya kepada Nabi makan. Dengan segeranya selepas itu Nabi berkata! Jaga-jaga! Jaga-jaga! Ini tentunya adalah riba! Ini tentunya adalah riba! Jangan lakukannya, tetapi jika kamu mahu membeli (kurma yang baik mutunya) jual kurma yang kurang baik mutunya itu untuk mendapatkan wang dan kemudian beli kurma yang baik kualitinya itu dengan wang tersebut. [*Bukhari*]

Abu Saeed telah berkata bahawa Bilal telah membawakan kepada Nabi sejumlah kurma barni, dan apabila baginda bertanya kepadanya dari mana dia mendapatkannya dia menjawab: Saya ada beberapa kurma yang kurang baik jadi saya telah jualkan dua sa'a ianya untuk satu (yang ini). Baginda bersabda: Ah! Pati kepada riba, pati kepada riba! Jangan melakukannya, tetapi apabila

kamu mahu membeli, jual kurma-kurma tersebut didalam transaksi yang berbeza, kemudian beli dengan apa yang kamu perolehi. [Bukhari, Muslim]

Yahya bin Sa'id telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah telah memerintahkan kedua-dua (dari keluarga) Sa'ad untuk menjual semua piring emas dan perak dari rampasan perang. Mereka telah menjual tiga piring untuk empat (atau empat untuk tiga). Baginda bersabda: Kamu telah mengambil riba. Batalkan jualan tersebut. [Muwatta, Imam Malik]

Malik telah melapurkan bahawa telah sampai kepadanya dari Qasim bin Muhammad bahawa Umar bin al-Khattab berkata: Satu dinar untuk satu dinar dan satu dirham untuk satu dirham dan satu sa'a untuk satu sa'a. Jangan menjual wang tunai untuk hutang. [Muwatta, Imam Malik]

Malik bin Aus bin Hadthan al-Nasri telah melapurkan: Aku mempunyai keperluan untuk menukarkan seratus dinar kepada dirham. Dia berkata Talha bin Ubaidullah telah dipanggil untuk berjumpa denganku. Kami bersetuju dengannya (menukarkan emas dan perak dengan emas dan perak). Beliau telah mengambil emas berkenaan dan memegang dengan tangannya dan berkata: Tunggu sehingga juruwang ku sampai dari

Ghabah. Umar bin al-Khattab telah mendengar akan ianya dan mengisytiharkan: Demi Tuhan, jangan tinggalkan dia sehingga kamu mengambil wang darinya. Dia kemudian berkata, Nabi telah bersabda bahawa penukaran emas dengan perak adalah riba kecuali apabila ianya transaksi tunai, jualan gandum untuk gandum adalah riba kecuali apabila ianya adalah transaksi tunai, dan jualan kurma untuk kurma adalah riba kecuali apabila ianya transaksi tunai, jualan barli untuk barli adalah riba kecuali apabila ianya adalah transaksi tunai, dan jualan garam untuk garam adalah riba kecuali apabila ianya adalah transaksi tunai. [*Muwatta, Imam Malik*]

Ibn Shihab telah melapurkan bahawa Malik bin Aus telah berkata: Aku mempunyai keperluan untuk menukar seratus dinar. Talha bin Abdullah telah memanggil ku dan kami telah berbincang hal tersebut, dan dia bersetuju untuk menukar dinarku. Dia memegang emas tersebut tetapi kelihatan gelisah, dan kemudiannya berkata: Tunggu sehingga penjaga stor ku kembali dari hutan. Umar ibn al-Khattab telah mendengarnya dan berkata: Demi Allah kamu jangan berpisah dengan Talha sehingga kamu mendapatkan wang darinya, kerana Nabi telah bersabda: Penjualan emas dengan emas adalah

riba, kecuali jika pertukaran itu dari tangan ke tangan dan sama dari segi jumlah, dan begitu juga, penjualan gandum dengan gandum adalah riba kecuali ianya dari tangan ke tangan dan sama jumlahnya, dan kurma dengan kurma adalah riba kecuali jika ianya dari tangan ke tangan dan sama jumlahnya, dan barli dengan barli adalah riba kecuali jika ianya dari tangan ke tangan dan sama jumlahnya. [Bukhari]

Abu Salih al-Zaiyat telah berkata: Aku mendengar Abu Said al-Khudri berkata: Penjualan dinar untuk dinar, dan dirham untuk dirham (adalah dibenarkan). Aku berkata kepadanya: Ibn Abbas tidak berkata sedemikian. Abu Said membalas: Aku telah bertanya kepada Ibn Abbas samada dia telah mendengarnya dari Nabi atau telah melihatnya didalam kitab suci? Ibn Abbas menjawab: Saya tidak menyatakan sedemikian, dan kamu kenal akan Pesuruh Allah lebih baik dari diriku. Tetapi Usama telah memberitahu kepadaku bahawa Nabi telah bersabda: Tiada riba (didalam pertukaran wang) kecuali apabila ianya tidak dilakukan dari tangan ke tangan (iaitu apabila terdapat kelewatan didalam pembayaran). [Bukhari]

Hadis diatas telah menyebabkan beberapa masaalah untuk memahaminya termasuklah kepada mereka yang mengajarkan

Islam di New York. Sebenarnya implikasinya agak mudah. Jika seseorang memberikan pinjaman satu *dinar* emas kepada seseorang, maka kontrak perjanjian pembayaran balik pinjaman tersebut mestilah tidak melebihi satu *dinar* emas. Keduanya, sama juga jika sekiranya kita perlu membeli francs apabila kita melawat Peranchis, begitu juga, didalam pasaran yang menggunakan wang yang sebenar, orang ramai perlu membeli wang. Sepertimana kita mahu membeli franc Peranchis dengan dollar Amerika, begitu juga didalam pasaran yang menggunakan wang yang sebenar, kita mungkin mahu membeli *dinar* emas dengan *dirham* perak. Atau kita mungkin mahu membeli sedozen syiling emas bersaiz lebih besar dengan berat satu dozen aun, dengan syiling emas yang bersaiz lebih kecil (dan ini seperti kita menukar lima keping 20 dollar Amerika dengan sekeping 100 dollar, - kecuali wang kertas yang mana ianya sendiri adalah *riba*). Transaksi wang sebegitu, iaitu yang mana wang telah ditukarkan dengan wang, perlu memenuhi syarat-syarat iaitu yang sama dengan yang sama dan dari tangan ke tangan untuk mengelakkan daripada *riba*.

Ianya teramat penting kepada kita untuk memberikan perhatian bahawa, sementara kita disyaratkan untuk barangan *yang sama* dengan *yang sama* memerlukan jumlah transaksi pertukaran yang sama yang mana juga perlu transaksi yang *serta*

merta (on-the-spot), apabila emas, perak, kurma dll. dibeli dan dijual, ianya tidak pula bagi unta-unta:

> *Hassan bin Muhammad bin Ali bin Abi Talib telah melapurkan bahawa Ali bin Abi Talib telah menjual untanya, bernama 'Usaifir, dengan 20 ekor unta (secara kredit).* [*Muwatta, Imam Malik*]

> *Nafi' telah melapurkan bahawa Abdullah bin Umar telah membeli seekor unta betina sebagai pertukaran untuk empat ekor unta dan telah mengaturkan supaya empat unta-unta tersebut dihantar kepada pemiliknya di Rabdhah.* [*Muwatta, Imam Malik*]

Mengapa ini boleh dilakukan (pertukaran yang tidak sama) adalah kerana unta-unta tidak digunakan sebagai wang, sementara kurma pula adakalanya digunakan sebagai wang. Jadi empat ekor anak unta boleh ditukarkan dengan seekor unta dewasa, tetapi dua bakul kurma yang kurang baik kualitinya tidak boleh ditukarkan dengan satu bakul kurma yang baik kualitinya.

Apakah implikasinya *hadis* diatas jika seseorang mahu mengambil pinjaman didalam dollar Amerika dan perlu membayar balik pinjaman tersebut didalam dollar Amerika? Ini akan menjadi transaksi *yang sama* dengan *yang sama* melibatkan sesuatu yang mana, sama seperti emas, perak, gandum, dll, yang mana adalah digunakan sebagai *medium pertukaran*. Oleh kerana

ianya transaksi *yang sama* dengan *yang sama,* Nabi (saw) telah memerintahkan supaya ianya dilakukan *jumlah yang sama* dengan *jumlah yang sama.* Oleh kerana itu *hadis* ini melarang faedah yang pihak bank kenakan keatas wang kertas, plastik ataupun elektronik.

Adalah pemahaman saya bahawa emas, perak, gandum, barli, kurma dan garam telah disebut oleh Nabi berkaitan dengan transaksi *riba* kerana semua logam berharga dan barangan komoditi ini telah berfungsi atau boleh berfungsi, sebagai *medium pertukaran.* Akibat dari itu sama juga dengan barangan yang lain yang tidak disebut didalam hadis, yang mana digunakan oleh manusia sebagai *medium pertukaran* (iaitu wang), ianya akan mempunyai syarat-syarat yang sama dikenakan keatasnya.

Pendapat ini nampaknya disokong didalam kata-kata berikut yang terdapat didalam *Muwatta,* Imam Malik:

> *Abu Zinab telah melapurkan bahawa dia mendengar Sa'id bin ak-Musayyib berkata: Tidak terdapat riba kecuali pada emas dan perak atau barangan makanan yang dijual dengan berat atau ukuran.*

Dengan demikian pinjaman wang sebanyak 1,000 dollar Amerika didalam matawang kertas memerlukan pembayaran balik tidak lebih dari 1,000 dollar Amerika yang telah

dipinjamkan itu. Apa jua pembayaran lebih dari 1,000 dollar Amerika sepertimana yang disebut didalam perjanjian pinjaman adalah *riba*. Jika pihak bank memerlukan kamu membayar balik 1,000 dollar dengan tambahan jumlah tertentu (sebagai faedah, katalah 6%), maka itu akan menjadi *yang sama* dengan *yang sama* (jenis) tetapi tidak dengan *jumlah yang sama* dengan *jumlah yang sama*. Maka ia tentunya adalah *riba*. Ianya adalah kerana dollar Amerika digunakan sebagai wang untuk medium pertukaran. Ianya tentulah, perkara lain pula samada ianya *halal* atau tidak untuk kita menggunakan dollar Amerika, atau apa jua wang palsu sebagai medium pertukaran. Jawapannya adalah wang kertas dan kesemua bentuk wang palsu semuanya adalah *riba* yang nyata, maka oleh itu adalah *haram* bagi umat Islam. Kami telah mencuba untuk menjelaskan sebabnya didalam bahagian lain didalam buku ini (rujuk dibawah: *Nabi, wang palsu dan inflasi*).

Apa yang boleh kita lakukan mengenainya? Sudah tentulah kita perlu berusaha untuk kembali kepada wang yang sebenar, dan mengelak dari wang yang palsu. Masaalah yang kita hadapi adalah, emas nampaknya menjadi suatu yang perlu dalam apa jua usaha untuk mengembalikan wang yang sebenar. Akan tetapi pihak musuh pula nampaknya mempunyai kawalan yang besar keatas bekalan emas dunia (mentah mahupun yang telah dilebur).

Faedah Bank Dan *Riba*: Beberapa Pendapat Yang Bercanggah

Shaikh Muhammad al-Ghazzali (*rahimahullah*), sarjana Islam Mesir yang dihormati yang mana telah melawat New York sebelum kematiannya, telah memutuskan bahawa faedah bank adalah tidak *riba* kerana bank-bank melaburkan wang mereka dan membayar faedah daripada keuntungan dari pelaburan-pelaburan mereka. Oleh itu beliau telah menyamakan faedah bank dengan dividen yang dibayar kepada pemegang-pemegang saham syarikat. Sebenarnya bank-bank adalah institusi kewangan yang meminjamkan wang dengan faedah. Mereka tidaklah selalunya melaburkan wang. Prinsipal didalam pelaburan adalah pelabur akan menerima sebahagian dari keuntungan, jika perniagaan tersebut mendapat keuntungan, akan tetapi mereka juga akan berkongsi jika berlaku kerugian. Apa yang bank lakukan adalah meminjam wang dari penyimpan dengan kadar faedah yang rendah dan kemudian meminjamkannya kepada pihak lain pada kadar faedah yang lebih tinggi. Perbezaan antara apa yang dipinjam oleh bank dan faedah pinjaman tersebut akan dikira oleh pihak bank sebagai keuntungan mereka. Adakalanya, walaupun amat jarang sekali, pihak bank terpaksa membayar faedah yang lebih tinggi kepada penyimpan-penyimpan berbanding dengan pinjaman yang diberikan oleh pihak bank.

Ini adalah salah satu sebab mengapa adakalanya bank-bank terpaksa ditutup.

Keputusan yang telah dibuat oleh *Shaikh* Ghazzali, mungkin, berpunca dari fahaman beliau yang salah terhadap cara bank-bank beroperasi. **Jika pihak bank melaburkan wang mereka dan bukannya meminjamkannya, pasti ianya mempunyai kesan baik yang amat besar kepada pasaran.** Harga-harga akan turun dengan serta merta. Sebabnya mengapa bank-bank tidak mahu melaburkan wang mereka adalah kerana pelaburan adalah satu bentuk perniagaan, dan seperti apa jua bentuk perniagaan, ianya melibatkan risiko. Risiko pula membuka kemungkinan untuk mengalami kerugian.

Mufti Mesir yang telah dilantik oleh pihak kerajaan, *Shaik*h Tantawi, yang mana sekarang ini telah dilantik oleh kerajaan Mesir sebagai *Shaikh al-Azhar,* juga mempunyai pandangan yang sama bahawa faedah bank bukanlah *riba.* Beliau telah memberikan *fatwa* sepertimana telah tersiar didalam surat khabar Mesir, *Al-Ahram,* pada 8 September, 1989, telah mengisytiharkan bahawa ianya adalah *halal,* dibawah hukum-hukum *Islam,* faedah keatas simpanan-simpanan dan juga pada sijil-sijil deposit yang telah dikeluarkan oleh pihak bank. Ianya dikenali di Mesir sebagai *sijil-sijil pelaburan.* Pelaburan sebegitu mungkin mempunyai kadar keuntungan yang berbeza, akan tetapi oleh kerana ianya adalah imun atau terselamat dari

kerugian yang mana merupakan pelaburan tanpa risiko, maka oleh itu ianya juga adalah *riba.*

Nabi – Wang Palsu – Inflasi Dan *Riba*

Terdapat mereka-mereka yang kononnya digelar sarjana *Islam* yang berpegang dengan pendirian yang agak luar biasa bahawa 'faedah bank' itu dibolehkan kerana ia dapat menampung kerugian yang dialami disebabkan oleh inflasi. Ini jelas palsu! Pertamanya 'faedah' atau *riba* itu sendiri adalah salah satu punca sumpahan kepada ekonomi moden iaitu yang dipanggil inflasi. Inflasi adalah makhluk ciptaan ekonomi moden yang berlandas faedah. Ianya tidak wujud sebelum munculnya kapitalisme moden yang berlandaskan *riba.*

Keduanya, faedah memberikan kesan yang lebih dari sekadar menampung inflasi yang dijangkakan. Bank-bank memang menjangkakan inflasi tetapi masih beroperasi untuk mendapatkan keuntungan. Bank-bank juga dengan dibantu oleh institusi-institusi seperti Bank Simpanan Persekutuan (Federal Reserve Bank di Amerika Syarikat dan juga Bank Negara dinegara-negara lain) yang mana akan masuk campur untuk memastikan inflasi tidak akan merosakkan industri perbankan itu sendiri. Sebenarnya bank-bank membuat lebih banyak keuntungan berbanding perniagaan yang lain. Dan mereka mendapatkan kebanyakan pendapatan mereka dari pembayaran

faedah yang dibuat oleh peminjam-peminjam pinjaman jangka panjang. Falsafah ekonomi yang membenarkan ini adalah falsafah yang berpendapat bahawa wang itu sendiri mesti mempunyai harga. Oleh sebab itu wang boleh, dengan sendirinya tanpa sebarang usaha atau penat lelah manusia, boleh menjanakan wang yang lain pula. *Al-Quran* telah memberikan falsafah ekonomi yang amat berbeza yang mana menyatakan bahawa ganjaran (ekonomi dan sebaliknya) sentiasa berkait dengan usaha dan penat lelah manusia:

> *Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.* [*Al-Quran, al-Najm 53:39*]

Ketiganya, inflasi berkait secara langsung kepada bekalan wang didalam ekonomi, dan juga kepada permintaan barangan dan perkhidmatan. Yang mana sebelum ini ianya Allah (swt) yang telah menentukan *rizq* (bekalan wang) dan yang memberikan wang yang sebenar sebagai penyimpan nilai (iaitu dinar emas, dirham perak, gandum, barli, kurma, malah garam dll.), didalam ekonomi moden berlandaskan *riba*, ianya pihak bank dan kerajaan yang menentukan bekalan wang. Mereka telah berjaya melakukannya dengn cara *mensekularkan* wang melalui penciptaan wang palsu didalam bentuk wang kertas yang tidak boleh ditukarkan dengan wang yang sebenar, dan kemudiannya meyakinkan umat manusia yang jahil untuk menerima wang

palsu itu sebagai penyimpan nilai yang boleh diterima. Ini adalah tipu muslihat. Ianya *gharar*. Ianya *riba*!

Tetapi mereka sekarang telah terperangkap dengan makhluk yang mereka sendiri ciptakan. Mereka telah mencuba untuk melakukan kerja terbaik sebagai pembekal wang berbanding yang dilakukan oleh Allah (swt) (dan kami meminta perlindungan daripada Allah (swt) daripadanya).

Jika wang boleh dicipta oleh kerajaan (sebagai contohnya) maka jumlah wang yang dicipta secara palsu ini boleh dikawal didalam ekonomi, malah ianya mesti dikawal. Amat jarang ianya, mungkin tidak pernah ianya dikawal pada hari ini sebagai mana ianya sepatutnya dikawal. Disitulah terletaknya permulaan kepada sumpahan inflasi. Milton Friedman, ahli kewangan ekonomi, bersetuju:

> Ianya mengikut ... Bahawa inflasi itu sentiasa dan dimana sahaja terdapat didalam fenomena kewangan dalam ertikata ianya adalah dan boleh dihasilkan hanya dengan penambahan dengan pantasnya jumlah wang berbanding jumlah yang keluar.[3]

Bukan sahaja dollar Amerika tidak lagi mempunyai nilai tertentu kepadanya, malah ianya telah dicetak dengan terlalu banyak hinggakan ianya sekarang ini bergantung sepenuhnya kepada permintaan luar biasa akan matawang tersebut (dari

negara lain) untuk mengelakkan ianya jatuh dalam bentuk inflasi.

Thomas Jefferson, seorang pemimpin Amerika, sarjana dan yang berwawasan, telah mengutuk bank-bank pada tahun 1816 kerana melakukan apa yang kerajaan Amerika telah lakukan sekarang ini:

> Saya dengan ikhlasnya percaya ... bahawa institusi perbankan adalah lebih merbahaya dari barisan tentera-tentera; dan prinsipal menggunakan wang yang mana perlu dibayar oleh generasi akan datang itu, dibawah nama pembiayaan, adalah penipuan masa depan pada skala yang besar.[4]

Beliau telah meminta nilai tertentu diberikan kepada dollar. Beliau telah melakukannya didalam debat mengenai fungsi sebenar kerajaan Amerika dalam segi kewangan:

> Jika kita menentukan bahawa dollar akan menjadi unit (matawang) kita, kita perlulah menyatakan dengan tepat apakah dollar itu.[5]

Sehinggalah ke tahun 1920an kerajaan Amerika telah menghormati desakan untuk menetapkan nilai matawang dollar tersebut. Wang kertas didalam bentuk sijil-sijil emas menyatakan:

> Sijil ini mengesahkan bahawa terdapat simpanan didalam Perbendaharaan Amerika Syarikat dua puluh dollar didalam bentuk syiling emas yang boleh dibayar kepada pembawa atas permintaan.

Sesiapa sahaja boleh pergi ke bank dan menebus wang kertas dengan wang yang sebenar dalam bentuk syiling emas. Kemudiannya inskripsi ini telah ditukar. Ianya menyatakan:

> Boleh ditebus dengan wang yang sah di Perbendaharaan Amerika Syarikat (Treasury of United States), atau di mana-mana Bank Simpanan Persekutuan (Federal Reserve Bank).

Inskripsi baru itu adalah untuk mengurangkan hak pemegang matawang kertas untuk bebas menukarkannya kepada emas dengan tukaran yang tertentu. Pada hari ini pada matawang Amerika itu tertulis:

> Wang ini sah diperlakukan untuk semua hutang-hutang, awam dan juga persendirian.

Ianya mungkin sah, tetapi ianya teramat tidak bermoral, kerana ia tidak boleh ditebus dengan nilai yang sebenar (iaitu emas atau perak dll.). Tiada bank, termasuklah Perbendaharaan Amerika Syarikat atau Bank Simpanan Persekutuan (Federal Reserve) sekalipun yang akan menebus dollar Amerika dengan emas. Jika wang kertas dollar itu mempunyai nilai sebenar, ianya

terletak didalam kertas itu sendiri. Akibatnya, terletaknya nilai itu adalah dengan apa yang dikehendaki oleh pasaran itu sendiri. Ini adalah tipu daya. Ini adalah salah. Ianya penipuan! Ianya adalah *riba*!

Wang palsu samada kertas, plastik ataupun elektronik (iaitu wang *fiat*) tidak dapat dielakkan dari ketidakstabilan kerana, sebagai contohnya, ianya amat terdedah kepada spekulasi. Komuniti Eropah telah mengambil langkah yang berani untuk cuba mewujudkan satu matawang utama untuk keseluruhan komunitinya. Jika ini berjaya, akan membentuk langkah kearah yang betul. Dan ia akan memberi pengajaran kepada umat *Islam* yang hanya sekadar mengaku bahawa mereka pengikut Nabi (saw). Ia akan membentuk asas kepada peringkat kedua yang mana satu matawang yang boleh ditukarkan kepada emas itu dikembalikan. Eropah tidak berjaya, dan mungkin tidak akan berjaya, kerana kuasa transaksi spekulasi didalam dunia pasaran matawang sekarang ini telah melebihi kuasa kerajaan-kerajaan untuk menghentikannya.

Oleh kerana itu, inflasi dan spekulasi, yang mana dengan hebatnya telah memenjarakan umat manusia, adalah makhluk dari dosa-dosa kita sendiri yang telah meninggalkan matawang yang dicipta oleh Allah (swt) itu sendiri. Hanya matawang itu sahaja (yang telah diciptakan oleh Allah (swt)) yang terlindung atau imun dari ketidakstabilan. Oleh itu hujah yang menyatakan

kredit ekonomi moden dibolehkan kerana ia dapat menampung kerugian yang disebabkan oleh inflasi hanya telah menunjukkan betapa bahayanya pemahaman yang cetek mengenai perkara tersebut.

Apa yang perlu dilakukan oleh umat *Islam* jahil yang menggunakan hujah inflasi untuk membolehkan *riba* adalah untuk mengira nilai, dalam bentuk nilai emas, jumlah yang dipinjamkan dari bank, dan kemudian mengira jumlah yang sama, dalam bentuk nilai emas, jumlah yang perlu dibayar balik kepada bank. Jika terdapat perbezaan diantara keduanya yang mana jumlah yang perlu dibayar melebihi jumlah yang telah dipinjam, maka itu adalah bukti *riba* yang mana dilarang oleh Islam.

Kita juga perlu ambil perhatian bahawa apabila Nabi (saw) memerintahkan *emas* dengan *emas* dan *jumlah yang sama* dengan *jumlah yang sama,* implikasinya adalah pemberi pinjaman yang memberikan pinjaman 100 dinar emas pada tahun 1989 berhak mendapatkan kembali, pada tahun 1994, tidak lebih dari jumlah yang sama 100 dinar emas (iaitu jumlah emas yang sama) dari peminjam. Akan tetapi nilai 100 dinar emas yang dipinjamkan itu mungkin berubah pada tahun 1994, sebagai contohnya dengan jumlah gandum yang boleh dibeli dengannya. Harga gandum mungkin naik pada tahun 1994 kerana kekurangan gandum dipasaran. Jumlah 100 dinar emas yang sama itu tidak

lagi boleh membeli jumlah gandum yang sama pada tahun 1994 sebagaimana jumlah yang telah dibeli pada tahun 1989. Disebalik itu, hukumnya tetap sama: '*emas untuk emas – jumlah yang sama dengan jumlah yang sama*'! Akhir sekali ianya masa untuk kita memahami bahawa inflasi itu sendiri adalah satu bentuk *riba*. Malah ia sebenarnya adalah *riba* yang beransur-ansur merompak kekayaan kita tanpa diri kita sendiri menyedari yang kita sebenarnya kita telah dirompak. Mereka 'yang bijak' didalam ekonomi, yang pandai menggunakan sistem itu sendiri untuk kepentingan mereka, mendapat keuntungan yang banyak, melalui inflasi, dengan harga yang terpaksa dibayar oleh golongan jahil yang darahnya dihisap, yang mana sentiasa bekerja keras akan tetapi pulangan mereka semakin lama semakin sedikit apabila wang kertas palsu ini berterusan hilang akan nilainya.

Ianya adalah perkara yang teramat kritikal pentingnya yang mana umat *Islam* perlu berhati-hati mempelajari ramalan Nabi (saw) yang mana baginda telah meramalkan akan kejatuhan wang palsu sekular (iaitu wang kertas, plastik dan wang elektronik, dll.)

> *Abu Bakr bin Abu Maryam telah melapurkan bahawa dia mendengar Pesuruh Allah bersabda: Masanya akan tiba keatas umat manusia dimana tiada apa lagi (yang tinggal) yang boleh digunakan (atau memberi manafaat)*

kecuali dinar dan dirham (syiling-syiling emas dan perak). [*Ahmad*]

Ramalan Nabi Muhammad (saw) sudah hampir menjadi menjadi kenyataan. Sistem kewangan pada hari ini menggunakan kertas untuk menjadikan ianya emas. Ini adalah satu penipuan! Wang kertas adalah *riba*. Biar kami jelaskan.

Katakanlah datuk anda meninggal dunia pada yahun 1971 dan telah meninggalkan harta sebanyak 100 syiling emas yang akan diwarisi oleh anda. Dan katakanlah ayah anda, oleh kerana kamu masih bayi pada masa itu wang itu telah disimpankan untuk anda. Dua puluh tahun kemudian, dalam tahun 1996, anda meminta wang milik anda itu. Kotak yang mana syiling emas itu disimpan pun dibuka dan kamu diberikan 100 syiling emas. Wang kamu tidak bertambah atau pun berkurang. Ia tetap sama. Emas telah berfungsi dengan jayanya sebagai wang! Ia telah berjaya menjalankan satu tugas wang yang paling penting iaitu sebagai penyimpan nilai! Ia dengan setianya telah menjalankan fungsi ini dalam semua catatan sejarah manusia.

Dan sekarang, mari kita katakan pula pada tahun 1971, mereka yang diamanahkan dengan 100 syiling emas itu telah memilih untuk menukar dari *wang sebenar* kepada *wang palsu*. Mereka merasakan bahawa wang dalam bentuk kertas adalah lebih baik dan lebih boleh diharapkan berbanding emas. Mereka amat kagum dengan kekuatan dollar Amerika. Dan mereka

mempercayainya kerana dollar Amerika itu sendiri mengisytiharkan: **Kepada Tuhan Kami Percaya.** Dan oleh itu mereka tukarkan 100 syiling emas tersebut (iaitu 100 aun emas) kepada dollar Amerika dan mendapat US$3500. Itu adalah pada tahun 1971. Mereka menyimpan wang tersebut dengan selamatnya. Ianya tidak boleh dilaburkan kerana datuk anda telah memberikan arahan yang spesifik tidak membenarkannya.

Pada tahun 1996, anda meminta wang anda tersebut dan mereka memberi anda dollar Amerika. Anda menyatakan yang anda mahukan wang yang telah datuk anda tinggalkan untuk anda. Mereka kemudiannya pergi menukarkan wang tersebut dengan emas, dan tentulah kepercayaan mereka kepada dollar Amerika masih berterusan kerana ia (dollar Amerika) yang mengisytihar: **Kepada Tuhan Kami Percaya.** Tetapi, amat memeranjatkan mereka, pasaran hanya memberikan mereka 8 keping syiling emas untuk US$3500 tersebut. Tragedi besar telah berlaku dalam jangkamasa 25 tahun tersebut. 92% kekayaan anda telah hilang. Kertas telah gagal dengan buruk sekali untuk berfungsi sebagai wang. Ia tidak berfungsi sebagai penyimpan nilai yang boleh dipercayai. Sebenarnya kerugian kamu itu adalah keuntungan orang lain. Penindas telah mendapat habuannya. Mereka telah merembat kekayaan kamu melalui penipuan. Itu adalah *riba.*

Wang palsu agak berbeza dengan wang yang sebenar. Wang yang sebenar mempunyai nilai yang tersimpan didalamnya, tidak kepada wang kertas. Nilai yang ada padanya hanyalah apa yang diberikan dan ditentukan kepadanya oleh kuasa pasaran. Nilai pasaran kepada wang kertas tersebut hanya akan bertahan selama mana dan hanyalah ke tahap mana permintaan keatasnya didalam pasaran. Permintaan adalah berdasarkan kepada keyakinan. Pasaran matawang sekarang ini telah dikawal oleh kuasa-kuasa spekulasi yang amat kejam, - kuasa-kuasa yang dijana oleh ketamakan yang tak terhingga dan tidak langsung mempunyai apa jua semangat kesetiaan atau patriotik. Apa sahaja yang secara seriusnya mengganggu keyakinan pasaran akan menyebabkan rempuhan spekulasi yang mana akan memenuhi ramalan oleh Nabi (saw).

Sebagai contohnya: Jika umat *Islam* menguasai kawalan keatas sumber-sumber minyaknya dan mengkehendaki eksport minyak mereka itu dibayar dengan emas dan bukannya dollar Amerika yang dibuat dari wang kertas yang palsu dan tidak boleh ditebus, akan terdapat kehilangan yang besar terhadap keyakinan kepada matawang kertas tersebut. Mengapakah ianya sedemikian? Wang kertas, plastik atau elektronik yang mana tidak boleh ditebus hanya mempunyai nilai ke tahap yang mana orang ramai bersedia untuk mengambilnya sebagai suatu yang mempunyai nilai. Apabila keyakinan orang ramai kepada matawang itu

menjadi goyah, nilainya akan jatuh. Permintaan untuk emas sebagai bayaran untuk minyak akan memberi kesan kepada keyakinan terhadap penggunaan matawang kertas. Kuasa-kuasa spekulatif dalam pasaran kewangan akan dengan tamaknya mengambil peluang itu untuk membuat keuntungan yang paling besar. Dan itu akan menyebabkan kejatuhan sistem kewangan antarabangsa palsu pada hari ini yang berlandaskan wang kertas yang tidak boleh ditebus. Kejatuhan wang ini yang mana sesuai digambarkan sebagai kecairan wang (*money melt-down*), akan menyaksikan jatuhnya kapitalisme yang berlandaskan *riba*. Mereka yang mempunyai wang yang sebenar akan terselamat sementara spekulator-spekulator akan berjaya mengeksploitasi kejatuhan tersebut dengan membuat keuntungan yang paling besar pernah diperolehi. Orang ramai akan kehilangan kekayaan mereka. Mereka akan terperangkap dengan kertas tak bernilai yang menyamar sebagai wang. Itu adalah 'holocaust' kewangan yang hanya menanti masa sahaja untuk berlaku. Dan ianya juga telah diramal oleh pihak lain selain dari Nabi (saw). Judy Shelton sebagai contohnya, telah menggunakan ungkapan: '*Money Meltdown*' sebagai tajuk buku yang amat bagus dikarang oleh beliau mengenai ekonomi kewangan antarabangsa.[6]

Kita tidak sepatutnya lupa, ataupun membenarkan dunia untuk melupakannya, kejatuhan dramatik yang tidak pernah berlaku kepada dollar Amerika pada 21 Januari,1980, apabila

nilai dollar berbanding emas jauh kepada $850 se aun! Pada tahun 1970 ianya adalah $35 seaun. Kejatuhan dollar Amerika itu berlaku atas kesedaran mendadak akan kejayaan revolusi *Islamik* anti-barat di Iran yang telah memberikan kawalan sumber minyak Iran yang banyak kepada kerajaan *Islamik* yang anti-sistemik. Kerajaan Iran adalah anti-sistemik kerana ia adalah berlandaskan dasar tidak sekular dan ia mencabar model masyarakat sekular dan corak dunia politik dan ekonomi tamadun sekular moden barat Eropah yang tidak bertuhan. **Penstabilan harga emas pada tahap sekarang ini adalah kesan dari kejayaan polisi-polisi yang mana telah diwujudkan untuk menyekat revolusi Islamik di Iran.**

Mengapakah revolusi *Islamik* di Iran mengancam kejatuhan sistem kewangan antarabangsa? Pakar-pakar didalam ekonomi kewangan antarabangsa hanya mendiamkan diri! Kuasa-kuasa spekulatif penindas yang menyebabkan kejatuhan itu malah lebih senyap lagi. Ini adalah kerana mereka menyedari akan ramalan Nabi (saw). Mereka telah takut jika ramalan itu hampir menjadi kenyataan. Sebenarnya itu bukanlah saatnya. Ia hanyalah kepulan pertama asap dari kebakaran yang mendatang.

Barangkali tidak terdapat medium lain yang mana melaluinya kebanyakan manusia telah terkena *riba* pada hari ini berbanding dengan melalui matawang kertas yang dikeluarkan oleh kerajaan korup yang tidak berakhlak. Matawang kertas pada

hari ini tidak lagi berfungsi sebagai resit-resit yang boleh ditebus dengan emas dan perak atau apa jua logam berharga yang telah diciptakan oleh Allah (swt) untuk berfungsi sebagai wang (antara lainnya). Matawang kertas keseluruhannya adalah kekayaan yang palsu dan sesungguhnya adalah penipuan. Dan transaksi penipuan yang merosakkan keseluruhan *pasaran yang bebas dan adil* adalah satu bentuk *riba*! Ianya menerusi penipuan matawang kertas yang berleluasa pada hari ini (yang mana ianya tidak boleh ditebus dengan sesuatu yang mempunyai nilai sebenar) dan juga menerusi hakikat bahawa pinjam dan meminjam dengan faedah menjadi asas kepada ekonomi kapitalis yang sekarang ini telah menguasai umat manusia, ramalan Nabi (saw) mengenai *riba* telah pun sekarang ini dipenuhi. Malah ianya telah pun terjadi dalam hayat kebanyakan mereka yang masih hidup pada hari ini:

> *Abu Hurairah telah melapurkan bahawa Nabi (saw) bersabda: Masanya akan tiba kepada umat manusia apabila tiada seorang pun yang tidak akan memakan riba, dan jika dia tidak memakannya sekalipun, wap (atau debu) itu akan sampai kepadanya.* [*Ahmad, Abu Daud, Nasai, Ibn Majah*]

Dunia Islam kebanyakannya masih lagi bebas dari *riba* dan matawang kertas palsu pada saat Khalifah Ottoman terhapus. Terhapusnya Khalifah pada tahun 1924 dan penggantiannya

dengan negara bangsa sekular keatas semua dunia Islam, telah membuka kepada kebanjiran besar-besaran kemasukan ekonomi kapitalis sekular barat yang jahat ini kedalam jasad ummah dan termasuklah kerosakan sepenuhnya pasaran bebas! Gerakan Islam perlu mengambil inisiatif, dimana sahaja apabila ianya mampu dilakukan, untuk cuba mengembalikan pasaran yang bebas, dan ini memerlukan pengembalian semula syiling emas dan perak sebagai medium pertukaran. Kita bukan sahaja perlu untuk mengingatkan kembali, tetapi juga memikirkan dengan seriusnya terhadap ramalan Nabi (saw) dibawah ini:

> *Miqdam bin Ma'adikarib telah berkata bahawa dia mendengar Pesuruh Allah bersabda: Masa pastinya akan datang kepada umat manusia apabila hanya dinar dan dirham sahaja yang akan digunakan.* [*Ahmad*]

Ini menunjukkan bahawa ramalan Nabi (saw) ini adalah suatu yang teramat penting yang mana keseluruhan sistem kewangan wang palsu dalam bentuk kertas, plastik dan elektronik pada satu hari nanti akan jatuh. Pada hari itu nanti, semua matawang kertas akan menjadi kertas yang tidak berguna.

Allah (swt) telah memberikan kita peluang, pada tahun 1973-1974 untuk menyedari akan hakikat penipuan wang kertas. Sehingga Ogos 1971 dollar Amerika boleh ditukarkan dengan emas, oleh kerajaan-kerajaan asing (menurut Perjanjian Bretton Woods), pada kadar $35 bagi setiap aun emas. Jika Arab Saudi

telah menjual minyak mereka sehingga tahun 1970 dan mengumpulkan sebanyak 35 billion dollar Amerika dari jualan tersebut, Arab Saudi tentunya mengetahui bahawa dollar Amerika yang telah dikumpulkan itu bernilai 1 billion aun emas. Arab Saudi mungkin telah memilih untuk tidak meminta dollar Amerika mereka ditebus dengan emas kerana percayakan kepada Perjanjian Bretton Woods.

Pada Ogos 1971 kerajaan Amerika Syarikat telah memungkiri janji mereka didalam Perjanjian Bretton Woods dan meninggalkan tanggungjawab mereka untuk menukarkan dollar-dollar itu dengan emas. Serta merta 1 billion aun emas Arab Saudi berkurangan. Pada akhir 1973, tentera Mesir telah menyerang Israel dan mendapat kemenangan pada peringkat awalnya. Kerajaan Amerika kemudiannya telah menyediakan laluan udara untuk membekalkan Israel dengan senjata canggih secukupnya untuk membolehkan Israel memenangi kembali peperangan tersebut. Dunia *Islam* bertindak balas dengan memboikot minyak kepada Amerika Syarikat. Ia telah memberikan kejutan besar kepada kapitalis pasaran saham dan nilai dollar Amerika telah jatuh dengan dramatiknya! Dari $35 dollar satu aun emas, ianya sekarang menjadi lebih dari $160.

Apakah harga yang perlu dibayar oleh pihak Saudi yang mengetuai boikot itu? Inilah harganya: Satu billion aun emas mereka dengan serta-mertanya meruap dengan kejatuhan dollar

tersebut. Semua yang tinggal hanyalah 220 million aun emas (berdasarkan nilai baru dollar iaitu $160 bagi setiap aun emas). Sebanyak 800 million aun emas telah meruap hilang. Pihak Saudi, dan dunia Islam perlu membayar harga yang lebih besar lagi apabila King Faisal (*moga Allah mengasihaninya*) telah dibunuh didalam operasi *Mossadic* dengan taktik yang sama seperti pengeboman World Trade Center, operasi menyengat yang telah dilancarkan untuk cuba menyenyapkan Shaikh buta yang tidak bersalah dari Mesir, Shaikh Omar Abd al-Rahman.

Pada Januari 1989, diketika revolusi Islamik di Iran, harga emas telah meningkat kepada $850 seaun. Ini bermakna dollar Amerika telah jatuh kepada US$850 sebagai nilai satu aun emas. Jika Arab Saudi telah menjual minyak dengan jumlah keseluruhan sebanyak bernilai 35 billion dollar pada tahun 1970 dan telah menganggap wang mereka itu mempunyai nilai 1 billion aun emas, mereka tersedar pada Januari 1989 dan mendapati bahawa 96% emas mereka telah lesap, dan 35 billion dollar mereka itu hanya boleh membeli 4% sahaja dari 1 billion emas! Ianya amat memeranjatkan bahawa mereka-mereka yang bergelar sarjana-sarjana *Islam,* pakar didalam perkara *riba,* tidak dapat mengenali *riba* didalam wang kertas (iaitu wang *fiat*).

Dollar Amerika sekarang ini diperdagangkan sekitar $380 untuk setiap aun emas. Pada pandangan kami jika dunia *Islam* berjaya mendapatkan semula kawalan keatas sumber minyaknya,

dan meminta agar minyak dibayar dengan emas, nilai dollar Amerika akan jatuh dengan teruknya, sepertimana yang telah berlaku pada tahun 1974 dan sekali lagi pada tahun 1989. Umat *Islam* sepatutnya tidak menunggu hari untuk bangun sedar bila mana realiti penipuan besar menjadi kenyataan melalui penggunaan wang kertas. Umat *Islam* sekurang-kurangnya patut kembali kepada penggunaan *wang yang sebenar.*

Akan tiba akhirnya, *Insyaallah,* kita akan berjaya untuk mengembalikan *Dar al-Islam* apabila *Imam al-Mahdi* muncul (atau, barangkali, sebelumnya) dan kemudian, didalam kawasannya (*Dar al-Islam*), kita perlu untuk mengembalikan wang yang sebenar kepasaran. Beberapa ahli saintis politikal dan ekonomi Amerika juga mempunyai matlamat yang sama. Mereka mahu mengembalikan integriti wang melalui perjanjian antarabangsa yang lain yang hampir sama dengan Perjanjian Bretton Woods. Secara peribadi saya percaya bahawa tahap moraliti masyarakat barat yang diperlukan untuk mengembalikan integri wang sudah tidak lagi wujud dikalangan mereka. Malah sebenarnya dunia telah menyaksikan kemunculan semula ekonomi yang penuh penipuan kaum Madyan yang ditentang oleh Nabi Shuaib (as). Baginda telah mengajarkan kepada mereka:

> *Wahai kaum sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya.*

Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata dari Tuhan kamu. Oleh itu, sempurnakanlah sukatan dan timbangan, dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia akan benda-benda dan perkara-perkara yang menjadi haknya; dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah menjadikannya (makmur teratur) dengan sebaik-baiknya ... [*Al-Quran, al-'Araf 7:85*]

Allah (swt) telah memusnahkan kaum Madyan dengan gempa bumi yang amat dasyat yang mana menyebabkan mereka mati didalam runtuhan rumah mereka. Dan Allah (swt) telah memberi amaran didalam *Surah al-Kahf* yang Dia akan melakukan perkara yang sama kepada dunia hari ini yang telah dicipta oleh kapitalisme berlandaskan *riba* yang penuh penipuan:

Dan sesungguhnya Kami akan jadikan apa yang ada di bumi itu (punah-ranah) sebagai tanah yang tandus. [*Al-Quran, al-Kahf 18:8*]

Hujah yang menyatakan faedah dibolehkan atas sebab inflasi adalah salah. Ianya juga teramat bahaya! Sarjana-sarjana yang memegang hujah ini membawa kesemua "biri-biri mereka yang tidak bersalah kemulut serigala-serigala". Kedua-dua "biri-biri dan gembalanya" perlu takutkan api neraka! Malah *Al-Quran* telah bercakap mengenai orang-orang yang telah disesatkan oleh pemimpin-pemimpin mereka yang mana, apabila mereka berada

didalam neraka, telah meminta Allah (swt) untuk memberikan dua kali ganda hukuman kepada pemimpin-pemimpin yang telah menyesatkan mereka itu:

> *Wahai Tuhan kami, mereka inilah yang telah menyesatkan kami; oleh itu berilah kepada mereka azab seksa yang berlipat ganda dari (azab) neraka.* [*Al-Quran, al-'Araf 7:38*]

Strategi untuk mengembalikan integriti wang dengan mengembalikan emas adalah strategi yang mana benar-benar boleh dijalankan hanya apabila umat *Islam* menguasai sesuatu negara, iaitu *Dar Al-Islam*. Salah satu sebabnya adalah kerana kebebasan untuk memiliki dan menyimpan ketulan emas boleh diambil, dan telah pun diambil dari rakyat oleh pihak kerajaan. Di Amerika Syarikat sebagai contohnya, kebebasan ini telah diambil oleh pemerintahan Presiden Roosevelt pada tahun 1933. Lincoln juga mengambilnya semasa Perang Saudara, dan ianya telah dua kali diambil sebelum perlembagaan Amerika Syarikat (US Constitution) ditandatangani.

Undang-undang menyita emas ini amat jelas. Semasa berlakunya krisis kebangsaan, ianya adalah salah untuk menjual, membeli atau 'menyorokkan' ketulan emas dalam apa jua bentuk. Ianya diperlihatkan melalui Perintah Eksekutif (Executive Order) dan boleh dijalankan dengan pantasnya seperti membekukan harta-harta didalam akaun simpanan.

Hukumannya, dibawah undang-undang Amerika Syarikat kerana melanggarnya adalah 10 tahun penjara, denda $10,000 atau kedua-duanya sekali!

Krisis kebangsaan mungkin suatu yang mudah sebagai contohnya kerajaan yang jatuh muflis. Mereka memerlukan wang untuk mengimbangi akaun kira-kira, untuk meneruskan dagangan luar dan sebagainya. Bagaimana ia menyelesaikan masaalah ini? Satu caranya adalah dengan mengambil semua harta bernilai yang ada, dan kemudian menilaikan ianya semula. Disini adalah contohnya.

Pada tahun 1933 pentadbiran Bank Simpanan Persekutuan (dibawah pentadbiran FDR) di Amerika Syarikat telah menyita semua emas milik persendirian. Kerajaan telah membayar $20.57 dollar bagi setiap aun emas. Pengumuman itu adalah kelihatan sebegini;

Pegawai Pos sila tampalkan di tempat yang mudah kelihatan.

James A. Farley,
Pegawai Pos Am.

DIBAWAH PERINTAH EKSEKUTIF PRESIDEN

dikeluarkan pada 5 April 1933,

semua orang dikehendaki untuk menyerahkan

PADA ATAU SEBELUM 1 MAY, 1933

semua syiling emas, ketulan emas, dan sijil-sijil emas yang sekarang ini dimiliki oleh mereka kepada Bank Simpanan Persekutuan, cawangan atau agensi, atau kepada bank yang ahli kepada Bank Simpanan Persekutuan.

Hukuman Jenayah Bagi Melanggar Perintah Eksekutif Denda $10,000 atau 10 Tahun Penjara, atau keduanya, seperti yang dinyatakan didalam Section 9 perintah berkenaan.

Setiausaha Perbendaharaan

Apabila emas telah dikumpulkan, kerajaan Amerika telah mengumumkan bahawa harga baru emas adalah $35 dollar bagi setiap aun, - pertambahan sebanyak 70%. Kerajaan Amerika telah menyelesaikan masaalahnya dengan menipu dan merompak kekayaan rakyat. Inilah yang dipanggil *riba*! Tiada kerajaan *Islam*, yang berfungsi menurut landasan undang-undang *Islam*, yang pernah menipu akan rakyatnya.

Dunia *riba* pada hari ini, dalam bentuk wang palsu, telah menyaksikan kembalinya zaman buruk sepertimana yang telah digambarkan didalam *Surah al-Kahf*. Terdapat anak-anak muda yang beriman kepada *Islam* dan yang mana telah di hukum dan ditindas oleh dunia yang tidak percaya kepada Allah (swt), dan yang melakukan *syirik* dengan menyembah selain dari Allah (swt). Dunia hari ini telah mencipta negara, perlembagaan, parlimen, mahkamah agung dan suruhanjaya keselamatan PBB dan sebagainya, sebagai kuasa yang paling utama berbanding Allah (swt). Oleh itu, seperti zaman didalam *Surah al-Kahf*, zaman ini juga adalah zaman *syirik*! Untuk mengekalkan keimanan mereka didalam *Islam*, anak-anak muda didalam *Surah al-Kahf* itu telah melarikan diri mereka kedalam gua yang mana Allah (swt), telah menidurkan mereka selama tiga ratus tahun (solar) atau lebih. Apabila Allah membangunkan mereka, mereka berasa lapar dan kelaparan itu membuatkan mereka menghantar salah seorang dari mereka untuk membeli makanan

(*halal*) dipasar. Tetapi apabila *Al-Quran* menyebut mengenai wang yang akan dibawa oleh pemuda itu untuk membeli makanan, *Al-Quran* menggunakan perkataan *wariqikum.* Walaupun perkataan ini biasanya difahamkan sebagai syiling perak, ianya berkemungkinan juga ini adalah petunjuk kepada *waraq* (wang kertas), menunjukkan bahawa *kemunculan wang palsu daripada kertas* (wang *fiat*) akan menjadi petanda kepada kedatangan kembali zaman buruk yang digambarkan didalam *Surah al-Kahf.* Dan Allah (swt) jualah yang lebih mengetahui!

Untuk merumuskan, wang palsu daripada kertas adalah *riba,* dan ia berfungsi sebagai cara utama dimana *rizq* (rezeki) daripada Allah (swt) adan kekayaan yang datang dari penat lelah manusia umat manusia itu telah ditipu.

Nota-Nota

1. Muhammad Asad, '*The Message of the Qur'an*'. Op. Cit. Nota kaki no. 35 kepada ayat 30:39.
2. Disebut oleh Misbahul Islam Garuqi didalam: '*Jewish Conspiracy and the Muslim World*', diterbitkan oleh pengarang di Karachi, 1967.

3. Milton Friedman, "Quantity Theory of Money" didalam '*The New Palgrave: Money*', ed. John Eatwell, Murray Milgate dan Peter Newman. New York: Norton, 1989. ms. 28.
4. Thomas Jefferson, '*Writing*', New York: Literary Classic of the United States, 1984. ms. 1391.
5. Disebut didalam Ron Paul dan Lewis Lehman, '*The Case for Gold: A Minority Report of the US Gold Commission*'. Washington, D.C.: Cato Institute, 1982. ms. 1.
6. Judy Sheldon, '*Money Meltdown: Restoring Order to the Global Currency System*'. The Free Press, NY. 1994.

5

Beberapa Tindakbalas Kepada *Riba*

Satu-satunya cara yang mana umat *Islam* boleh membebaskan diri mereka daripada pelukan *riba* beracun yang diamalkan pada hari ini, dan dapat menyelamatkan apa yang masih tinggal didalam keimanan mereka, adalah dengan melakukan usaha sepenuhnya untuk memenangi kawalan suatu kawasan atas nama *Islam,* lantas mengembalikan *Dar Al-Islam*. Oleh kerana *Dar Al-Islam* tidak lagi wujud dimana-mana pun didunia pada hari ini, umat *Islam* dari segi kehidupan masyarakat keseluruhannya, telah kembali kepada peringkat zaman Islam sebelum Hijrah.

Matlamat utama yang mana kesemua umat *Islam* perlu berusaha bersungguh-sungguh, adalah matlamat untuk melakukan perjalanan *sekali lagi dari Mekah ke Madinah*.

Sebaik sahaja umat *Islam* mendapatkan kawalan disesuatu kawasan dibawah nama *Islam,* langkah-langkah berikut perlulah diambil dengan segeranya untuk memerangi *riba*:

1. *Tiada transaksi melibatkan pinjaman untuk mendapatkan keuntungan (iaitu pinjaman dengan faedah) akan diterima sebagai transaksi yang sah. Oleh itu yang memberi pinjaman tidak boleh mendakwa peminjam untuk mendapatkan faedah dari pinjaman tersebut.*

2. *Apa jua transaksi kredit dengan harga yang tinggi dari harga pasaran, dan tanpa apa alasan untuk penambahan harga itu selain dari disebabkan pemberian kredit itu, tidak akan diakui sah.*

3. *Dinar emas dan dirham perak akan diterima sebagai wang yang sah (legal tender). Apabila itu berlaku, maka semua pekerja-pekerja dan semua jualan barangan, properti dan juga perkhidmatan berhak meminta agar mereka dibayar dengan emas dan perak dan bukannya dengan kertas, dan juga berhak untuk berunding kembali perjanjian supaya ianya berasaskan wang yang sebenar dan bukannya wang palsu daripada kertas itu. Kerajaan Islam itu sendiri akan menunjukkan contoh, dalam dagangan luar minyak sebagai contohnya, dengan meminta pembayaran dengan emas berbanding dollar!*

4. *Undang-undang perlulah menyediakan hukuman yang akan menjadi contoh yang mana dapat berfungsi dengan berkesan untuk mengelakkan mereka-mereka yang mungkin berniat mahu melanggar undang-undang penghapusan riba didalam ekonomi.*

Apabila bank-bank tidak lagi meminjamkan wang dengan faedah, mereka akan terpaksa melaburkan wang mereka didalam pasaran. Sebaik sahaja mereka melakukannya, ia akan memberikan faedah kepada pasaran atas kejujuran, integriti dan juga kepada kebijaksanaan perniagaan. Harga-harga barangan juga akan menjadi rendah.

Dengan memperkenalkan emas dan perak sebagai wang yang sah diperlakukan, akhirnya akan menyebabkan keruntuhan wang kertas, dan ini secara keseluruhannya akan memberikan kelebihan kepada golongan miskin kebanyakan walaupun mereka juga akan mengalami sedikit kerugian ataupun mungkin tiada langsung. Walaubagaimanapun ianya akan menjadi malapetaka yang sebenar-benarnya kepada golongan elit penindas yang tidak lagi boleh menambah kekayaan mereka dengan cara yang haram, dan mereka juga akan mengalami kerugian yang besar dari keruntuhan itu.

Hutang dan Ekonomi *Sunnah*

Sehinggalah masa umat Islam boleh mengembalikan semula *Dar Al-Islam,* terdapat keperluan untuk beberapa strategi efektif yang mana melaluinya bahaya *riba* ini dapat diminimakan. Terdapat banyak contoh didalam ekonomi *Sunnah* yang boleh digunakan untuk tujuan tersebut.

Umat *Islam* perlu diajar untuk menahan diri mereka dari terjebak didalam hutang kecualilah didalam kes-kes yang amat terdesak, dan jika mereka sudah pun terjebak didalam hutang mereka patut melakukan usaha sebaik mungkin untuk membebaskan diri mereka daripada hutang tersebut. Ini akan menyediakan perlindungan asas daripada satu bentuk *riba* yang paling banyak sekarang ini menjangkiti masyarakat *Islam* iaitu meminjam dengan faedah dari bank-bank dan juga institusi kewangan yang lainnya. Dalam proses mengembalikan ekonomi sunnah berkaitan dengan *hutang,* kita sebenarnya melakukan strategi yang berkesan dalam menangani *riba.* Jadi kita mulakan strategi itu dengan memulakan pendidikan mengenai *hutang* dan ekonomi *Sunnah.*

Masyarakat *Islam* diseluruh dunia hari ini perlu mengkaji, mengamal dan mengajar *hadis* Nabi (saw) berikut mengenai *hutang* yang mana teramat relevan. Bahan ini sepatutnya diterbitkan dalam bentuk risalah untuk disebarkan selepas *solat*

Jumaat. Khateebb untuk *solat Jumaat* perlu memberikan *khutbah* berkenaan subjek *hutang* dan *ekonomi Sunnah.* Risalah-risalah perlu juga dengan cetakan yang besar ditampal di papan-papan kenyataan *masjid* dan perlu juga diajar di *sekolah agama* dihujung minggu:

> *Aisha telah berkata: Pesuruh Allah pernah berdoa semasa solat dan menyebut: Ya Allah aku meminta perlindungan denganMu dari dosa dan dari menjadi seorang yang berhutang. Seorang telah bertanya kepadanya: Berapa kerap wahai Pesuruh Allah kamu meminta perlindungan dari menjadi seorang yang berhutang? Baginda menjawab: Apabila seorang lelaki itu berhutang dia bercakap tetapi berkata bohong, dan dia berjanji tetapi dia tidak menepati janjinya.* [*Bukhari*]

Nabi (saw) telah meminta perlindungan dari Allah (swt) daripada hutang, oleh itu, hutang dikenali sebagai suatu yang tidak baik. Hutang bukan sahaja merosakkan individu tetapi juga bangsa dan negara. Malah keseluruhan tamadun *Islam* hari ini telah diruntuhkan melalui hutang. Dan untuk ini kita perlu meletakkan kesalahan sepenuhnya kepada yang berhak, iaitu kepada mereka golongan birokrat dan teknokrat yang sekular, memegang ijazah-ijazah ekonomi dari universiti sekular barat, yang menjadi pengerusi kepada pengkhianatan ekonomi kepada seluruh dunia *Islam* dan juga kepada hampir kesemua golongan

manusia yang bukan Eropah. Kita juga perlu juga menyalahkan kepada raja-raja mereka, golongan bangsawan dan sebagainya, dan juga kepada kerajaan-kerajaan yang memerintah umat *Islam* pada hari ini bagi pihak (apa yang saya kenali sebagai) tamadun dominan *Yakjuj* dan *Makjuj* Eropah. Hutang beracun yang telah menyelimuti dunia *Islam* telah berlaku apabila tamadun Eropah berjaya menghapuskan *khilafat* (Khalifah) dan menggantikannya dengan kerajaan kecil *Yakjuj* dan *Makjuj* tempatan diseluruh dunia *Islam*. Mereka adalah *Yakjuj* dan *Makjuj* kerana mereka terdiri daripada golongan penindas elit dan pemerintahan mereka adalah untuk menjaga kepentingan mereka sendiri.

Sekarang ini terdapat tiga puluh dua negara yang diklasifikasikan oleh Bank Dunia sebagai negara berpendapatan rendah yang terbeban dengan hutang (*severely indebted low-income countries SILIC*). Negara-negara ini mempunyai kadar nisbah pembayaran hutang dengan keluaran kasar negara melebihi 80%, atau nisbah hutang berbanding ekspot yang melebihi 220%. Dua puluh lima daripadanya adalah di negara dikawasan sub-Saharan Afrika (negara yang terletak diselatan gurun Sahara), dan tepat sekali inilah bahagian dunia yang telah merasai dan berterusan merasai, penembusan yang paling mendalam dengan jangka masa yang paling lama kepada kerakusan penjajahan Eropah.

Gabungan keseluruhan hutang negara-negara ini berada dibawah jumlah $210 billion pada tahun 1994 yang mana adalah

empat kali ganda lebih tinggi berbanding pada tahun 1980. Pada tahun 1995 pembayaran balik sebanyak $16 billion perlu dilakukan, tetapi mereka hanya mampu membayar kurang dari separuh jumlah itu, dan baki tersebut dicampur pula dengan hutang tertunggak sebelumnya. Saban hari bilangan negara didunia ini dengan jumlah perbezaan antara hutang asal beserta tanggungjawab membayar faedah dengan kemampuan untuk membayar balik telah mencapai ketahap yang mana mereka tidak lagi mampu membayarnya. Jika negara-negara ini adalah individu, mereka dapat lari dari masaalah ini dengan memfailkan kebankrapan. Mereka akan dibebaskan dari beban hutang dan mempunyai peluang untuk memulakan kembali kehidupan mereka. Tetapi ini tidak wujud bagi umat manusia apabila mereka disusun atur sebagai negara moden. Perhambaan mereka sekarang ini telah lengkap. Ini adalah takdir yang akan melanda negara lain pula didunia ini.

Apakah yang telah diberikan oleh *Islam* sebagai panduan dalam menangani masaalah hutang?

> *Salamah telah melapurkan: Satu jenazah telah dibawa kepada Nabi untuk disolatkan jenazah keatasnya. Baginda bertanya: Adakah dia berhutang? Mereka berkata: Tidak! Jadi baginda pun menyembahyangkannya. Jenazah yang lain pula dibawa kepadanya dan baginda bertanya: Adakah dia berhutang? Mereka*

menjawab: Ya! Baginda menjawab: (Kamu) Sembahyangkanlah sahabat kamu. Abu Qatadah menjawab: Aku akan bayarkan hutangnya wahai Pesuruh Allah! Maka baginda pun menyembahyangkan jenazah itu. [Bukhari]

Abu Dharr telah berkata: Satu ketika aku bersama Nabi. Apabila baginda melihat gunung Uhud, baginda bersabda: Tidak ku inginkan (gunung ini) jika ianya ditukarkan kepada emas untukku, melainkan tiada apa yang tinggal daripadanya selepas tiga hari, kecuali satu dinar yang kusimpan untuk membayar hutang! [Bukhari]

Hadis ini juga membuktikan bahawa ekonomi *Sunnah* menolak penyorokan harta dan sebaliknya menggalakkan ianya dibelanjakan, - sebab itulah Nabi (saw) akan menghabiskan segunung emas itu dalam masa tiga hari. Apabila kekayaan disuntik kedalam ekonomi ia akan menguatkan ekonomi tersebut. Walaubagaimanapun membelanjakan itu patut mengikut *Sunnah,* dimana yang mudah dan kesederhanaan gaya hidup Nabi (saw) dikekalkan! Maka membelanjakan harta itu adalah untuk tujuan penghasilan sesuatu barangan dan bukanlah untuk dihabiskan begitu sahaja.

Abu Hurairah telah berkata: Pesuruh Allah bersabda: Ianya adalah satu tindakan yang zulm (kejam atau tidak

adil) seseorang dengan harta (yang cukup untuk membayar hutangnya) melengah-lengahkannya (dalam membayar balik hutangnya). [*Bukhari*]

(Jika terdapat keraguan mengenainya, kenyataan oleh Nabi (saw) ini berserta yang dibawah ini, akan menghapuskan apa jua keraguan bahawa seseorang yang berhutang perlu terlebih dahulu membayar hutangnya sebelum cuba untuk mengerjakan haji di Mekah).

Al-Sharid telah melapurkan bahawa Nabi (saw) bersabda: Melengahkan membayar hutang oleh seseorang yang mampu membayarnya memberikan hak untuk tidak menghormati dan juga menghukumnya. Ibn al-Mubarak berkata bahawa 'tidak menghormati' itu bermaksud yang mana kita boleh bercakap dengannya secara keras dan kasar, dan 'menghukum' bermaksud dia boleh dipenjara kerananya. [*Abu Daud, Nasa'i*]

Abu Qatadah telah memberitahu bahawa seorang lelaki berkata: Khabarkan kepadaku, Pesuruh Allah, jika aku terbunuh dijalan Allah dengan menunjukkan kesabaran, mencari ganjaran dari Allah, terus maju dan tidak mundur, adakah Allah akan menghapuskan dosa-dosaku? Baginda menjawab: Ya! Tetapi apabila lelaki itu

beredar baginda memanggilnya dan bersabda: Ya, kecuali hutang. Itu yang diberitahu oleh Jibrail. [*Muslim*]

Abdullah bin Amr telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Setiap kesalahan akan diampunkan kepada yang syahid kecuali hutang. [*Muslim*]

Abu Hurairah telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Roh orang yang beriman akan terikat kepada hutangnya sehinggalah ianya dibayar. [*Shafe'i, Ahmad, Tirmidhi*]

Abu Musa telah melapurkan bahawa Nabi bersabda: Dosa paling besar pada pandangan Allah, selepas dosa-dosa besar yang telah dilarang oleh Allah, yang mana seseorang itu boleh membawanya mengadap Allah adalah yang mana dia mati meninggalkan hutang tanpa meninggalkan suatu yang cukup untuk menebusnya. [*Ahmad, Abu Daud*]

Muhammad bin Abdullah bin Jahsh telah berkata: Semasa kami duduk di perkarangan masjid dimana jenazah diletakkan dan Pesuruh Allah juga duduk dikalangan kami, baginda telah mengangkatkan kepalanya kelangit dan melihat, dan kemudian menundukkan pandangannya dan meletakkan tangannya didahi dan berkata: Maha suci Allah! Maha suci Allah! Betapa

beratnya sesuatu telah diturunkan! Kami tidak berkata apa sepanjang hari dan malam dan tiada apa yang berlaku kecuali aman hingga ke pagi. Kemudian aku bertanya kepada Pesuruh Allah apakah perkara berat yang telah turun? Dan baginda menjawab: Ianya berkaitan dengan hutang. Demi Tuhan yang mana roh Muhammad ditanganNya, jika seorang lelaki terbunuh di jalan Allah dan kemudiannya hidup kembali, dan terbunuh lagi di jalan Allah dan kemudian hidup kembali, dan terbunuh lagi sekali dijalan Allah dan kemudian hidup kembali dan dia mempunyai hutang, dia tidak akan masuk kesyurga sehinggalah hutangnya dilunaskan. [*Ahmad*]

Hutang adalah suatu beban yang teramat berat yang mana Allah (swt) sendiri masuk campur bagi pihak orang yang berhutang agar dirinya dibantu:

Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui. [*Al-Quran, al-Baqarah 2:280*]

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan

amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang ... [*Al-Quran, al-Tauba 9:60*]

Saya sendiri mempunyai memori yang tidak boleh dilupakan, selepas kematian ayah saya pada tahun 1957, ibu saya telah terpaksa meminjam beberapa kali, dan beliau tidak selera untuk makan begitu juga untuk tidur lelap kerana risaukan kepada hutang tersebut. Ibu bapa kita dulunya sedemikian. Malah Amerika adalah sebegitu sebelum *bermulanya pembebasan, Yakjuj, Makjuj* dan *al-Masih al-Dajjal.* Kuasa-kuasa jahat ini telah berjaya merosakkan budaya kami dimana kita tidak senang dihati kerana hutang. Apabila manusia datang ke Amerika Syarikat dan menjadi sebahagian dari masyarakat disana, nilai-nilai yang teramat berharga itu amat mudah untuk hilang. Umat *Islam* perlu mengenali akan bahaya dan mengajar diri dan anak-anak mereka akan nilai-nilai yang terdapat didalam ekonomi *Sunnah*!

Shakespeare telah mengekalkan untuk kita nilai-nilai yang mana tamadun Eropah kedua-dua Barat dan Timur memegang-nya sebelum revolusi Amerika, Peranchis dan Bolshevik, yang kini telah melengkapkan perubahan mereka kepada masyarakat tidak bertuhan yang tidak mampu memelihara nilai-nilai

tersebut. Beliau berkata, sebagai contohnya, didalam Hamlet Lakonan 1, Aksi 2:

> Samada peminjam atau yang memberikan pinjaman,
> Hutang selalu akan menyebabkan hilangnya kawan,
> Dan meminjam itu melenyapkan perlahan-lahan akan penat lelah usaha.
>
> Atas semua ini, – adalah lebih baik untuk memiliki dengan usaha sendiri,
> Dan akan mendatang, sebagai malam dan siang,
> Kamu tidak akan bersalah dengan sesiapa.

Membantu Untuk Membayar Hutang Orang Lain

Masyarakat *Islam* diseluruh dunia sepatutnya memulakan dan mengelolakan projek-projek pendidikan umum bukan sahaja untuk memberi amaran kepada umat *Islam* mengenai bahaya besar untuk berhutang, tetapi juga untuk membantu golongan yang amat memerlukan bantuan untuk mengurangkan beban hutang mereka.

Oleh sebab itulah Nabi (saw) telah menggalakkan umat *Islam* untuk membantu membayarkan hutang saudara *Islam*nya yang tidak mampu membayar ataupun telah meninggal dunia tanpa dapat menjelaskan hutangnya:

Abu Said al-Khudri telah melapurkan bahawa Nabi memberi maklum balas apabila Ali ibn Abi Talib membayar hutang seorang Muslim yang telah mati dan meninggalkan hutang dengan bersabda: Moga Allah menebus bahagian kamu dari neraka sebagaimana kamu menebus bahagian saudara Muslim kamu! Tiada umat Islam yang membayarkan hutang saudaranya melainkan Allah memberikan bahagiannya di hari akhirat. [Sharh as-Sunnah]

Imran bin Husain telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah telah bersabda: Apabila seseorang mempunyai bayaran hutang yang perlu dijelaskan kepadanya oleh orang lain, dia akan diberi ganjaran sedekah untuk setiap hari yang mana dia membenarkan orang yang berhutang itu melengahkan pembayarannya. [Ahmad]

Sumarah telah berkata: Nabi bertanya: Adakah sesiapa dari puak-puak ini hadir? Tiada siapa yang menjawab. Baginda bertanya lagi. Tiada siapa menjawab. Kemudian baginda bertanya lagi. Kemudian seorang lelaki berkata: Saya disini wahai Nabi. Baginda bertanya: Apakah yang menghalang kamu dari menjawab dua kali (pertanyaan)? Aku mahu memberitahu kamu sesuatu yang baik. Sahabat kamu telah dihalang dari memasuki syurga kerana mempunyai hutang. Kemudian aku lihat

hutang tu telah dibayar (oleh kamu) dan tiada siapa yang tinggal untuk menuntut apa-apa darinya. [*Abu Daud*]

Jabir telah berkata: Nabi tidak akan menyolatkan jenazah seseorang yang mati dengan meninggalkan hutang. Satu jenazah telah dibawa dan baginda bertanya: Adakah dia mempunyai hutang? Mereka menjawab: Ya! Dua dirham, baginda bersabda: Solatkanlah sahabat kamu itu. Abu Qatadah berkata: Aku akan bayar hutang tersebut. Maka Nabi pun kemudiannya menyolatkannya. Apabila Allah mengurniakan penaklukan kepada Nabi, baginda bersabda: Aku lebih dekat kepada mereka yang beriman lebih dari diri mereka sendiri. Jadi jika ada sesiapa meninggal dunia dan meninggalkan hutang aku bertanggungjawab untuk membayarnya. Dan jika sesiapa meninggalkan harta itu adalah untuk pewarisnya. [*Abu Daud*]

Dalam proses mendidik dan menyakinkan umat *Islam* untuk berusaha membebaskan diri mereka dari hutang, dan didalam proses untuk membantu mereka melakukannya, program pendidikan komuniti kepada umat *Isla*m akan memberikan langkah berkesan dalam membebaskan mereka daripada *riba.*

Qardhasana

Membantu seseorang untuk membayar hutangnya boleh terdapat dalam dua bentuk. Yang memberi hutang boleh dibantu dengan bantuan atau pinjaman. Pinjaman pula boleh terdapat dalam dua bentuk: *dain,* iaitu hutang dengan tempoh jangka masa yang tetap untuk pembayaran balik (prinsipal tanpa faedah), dan *qard hasana,* iaitu hutang yang diberikan tanpa ada sebarang tempoh tetap untuk pembayaran balik (prinsipal tanpa faedah).

Al-Quran menyebut mengenai *dain* seperti berikut:

> *Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang (dain) yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) ... Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang (dain) yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah ...* [*Al-Quran, al-Baqarah 2:282*]

Al-Quran juga menyebut mengenai *qard hasana* (pinjaman ikhlas) didalam beberapa ayat. Walaupun rujukan itu adalah untuk memberikan pinjaman ikhlas kepada Allah (swt), (2:245, 5:12, 57:11, 57:18, 64:17 dan 72:20), istilah *qard hasan*a telah digunakan untuk menyatakan pinjaman yang mana diberikan

tanpa ada tempoh pembayaran yang tetap; ianya juga difahami bahawa jika siberhutang mengalami kesukaran untuk membayar balik pinjaman, hutang tersebut akan dihapuskan: Oleh sebab itu *qard hasana* merupakan pinjaman kebajikan.

> *Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan (ingatlah), Allah jualah Yang menyempit dan Yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan.* [*Al-Quran, al-Baqarah 2:245*]

Qard hasana yang dilakukan untuk membantu seseorang membayar *dain* juga adalah merupakan pinjaman kebajikan dan akan memberikan ganjaran yang berlipat kali ganda dari Allah (swt)!

Dalam Meminta Bantuan Dan Terjerumus Kedalam Hutang

Walaupun seseorang itu mungkin amat terdesak, seorang Muslim sepatutnya teragak-agak untuk mengambil pinjaman ataupun untuk meminta pertolongan:

> *Ibn Abbas telah melapurkan Pesuruh Allah telah bersabda: Jika seseorang yang kelaparan atau amat*

memerlukan dan dia menutupnya dari orang lain, akan adanya ganjaran dari Allah yang besar dan hebat kepadanya dari apa yang halal untuk bekalan bertahun-tahun. [*Baihaqi*]

Imran bin Husain telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Allah sayangkan hamba miskin Nya yang menahan dari meminta sedekah sedangkan dia mempunyai anak. (Apa yang saya fahami ini bermaksud: mereka yang menahan dari meminta sedekah sedangkan dia mempunyai anak yang kelaparan). [*Ibn Majah*]

Abu Kabsha al-Anmari telah berkata yang dia mendengar Pesuruh Allah bersabda: Terdapat tiga perkara yang aku bersumpah ianya benar, dan aku akan memberitahu kamu sesuatu yang lain sebagai peringatan. Tiga perkara yang aku bersumpah ianya benar adalah – harta seseorang itu tidak akan berkurangan disebabkan dia memberi sedekah, apabila seseorang lelaki itu telah melakukan kesalahan dan dia menanggungnya dengan sabar, Allah akan memberikannya lebih kehormatan disebabkan oleh itu, dan apabila seseorang lelaki membuka pintu kearah meminta sedekah, Allah akan membuka untuknya pintu kepada kemiskinan. Perkara yang aku ingin beritahu kamu yang mana kamu mesti ingat adalah ini. Dunia mempunyai empat jenis manusia,

lelaki yang Allah berikan harta dan ilmu pengetahuan yang mana dia takutkan Allah dan mengeratkan hubungan, segala ini dilakukannya untuk mendapatkan ganjaran dari Allah, lelaki ini berada didalam tempat yang paling baik sekali: lelaki yang Allah berikan ilmu pengetahuan tetapi tidak dengan harta, yang berkata dengan niat ikhlas jika dia mempunyai harta dia akan melakukan begini dan begini, maka ganjarannya adalah sama: lelaki yang Allah berikan harta tetapi tidak ilmu pengetahuan, yang mana dia bertindak dengan kejahilan, tidak takutkan Allah memerhatinya, atau menggunakannya untuk mengeratkan hubungan atau menanganinya dengan cara yang betul, lelaki ini adalah ditempat yang paling buruk: lelaki yang Allah tidak berikan harta atau ilmu pengetahuan, yang berkata jika dia mempunyai harta dia akan menggunakannya untuk melakukan orang sebegini-sebegini (iaitu seperti yang dilakukan oleh lelaki ketiga) dan berniat sedemikian, beban yang mereka tanggung adalah sama. [*Tirmidhi*]

Kesederhanaan Dan Ekonomi *Sunnah*

Umat *Islam* perlu dinasihati untuk mengamalkan kehidupan yang tidak keterlaluan, mudah dan sederhana yang merupakan asas ekonomi *Sunnah* dan ia bukan sahaja hanya membebaskan

diri mereka dari hutang atau *riba*, tetapi juga untuk membolehkan mereka menyimpan (wang). Jadi unsur utama didalam keseluruhan strategi terhadap *riba* adalah kemestian untuk menyemai cara hidup ekonomi *Sunnah* yang berkait dengan kehidupan yang mudah, sederhana dan tidak keterlaluan. Cara kehidupan sebegitu tidak mungkin bagi mereka yang mengambil sesuatu secara berlebihan, contohnya dari segi pemakanan yang berlebih-lebihan. Jadi *Al-Quran* memberi amaran, dengan kerasnya akan perbuatan sedemikian:

> *Serta Kami katakan: Makanlah dari benda-benda yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu, dan janganlah kamu melampaui batas padanya, kerana dengan yang demikian kamu akan ditimpa kemurkaanKu; dan sesiapa yang ditimpa kemurkaanKu, maka sesungguhnya binasalah ia.* [*Al-Quran, Ta Ha 20:81*]

> *... dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.* [*Al-Quran, al-Araf 7:31*]

> *Abu Hurairah telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Tuhanku telah memberikanku sembilan perintah – untuk ada perasaan takut pada Allah dikala sendirian dan juga dikhalayak ramai; untuk bercakap secara adil samada ketika marah dan ketika suka; untuk menunjukkan kesederhanaan ketika miskin dan ketika*

kaya; untuk menyatukan persahabatan dengan mereka yang telah terputus denganku; untuk memberi kepada mereka yang menolakku; untuk memaafkan orang yang telah bersalah kepadaku: diamnya aku dipenuhi dengan pemikiran; yang mana pertuturanku perlu penuhi dengan menyebut Allah; yang mana pandanganku sepatutnya menjadi satu teguran; dan aku perlu memerintahkan apa yang baik dan mulia. [*Razin*]

Nabi (saw) juga dilapurkan telah bersabda:

Setiap dari kita didunia ini tidak perlukan lebih dari bekalan sebagaimana pengembara membawa bersamanya didalam perjalanannya.

Berapa banyakkah, kita mungkin bertanya, yang telah dibawa oleh Pesuruh Allah (swt) selama hayat baginda?

Aisha telah berkata bahawa keluarga Nabi Muhammad (saw) tidak mempunyai cukup roti yang diperbuat daripada barli untuk memenuhi keperluan mereka untuk dua hari berturut-turut sehinggalah wafatnya Pesuruh Allah. [*Bukhari, Muslim*]

Sa'id al-Maqburi telah menyebut bahawa Abu Hurairah apabila dia lalu dihadapan beberapa orang yang sedang memanggang kambing biri-biri dan menjemputnya makan, beliau menolaknya dan berkata: Pesuruh Allah

telah meninggalkan dunia ini tanpa pernah memakan penuh roti barli. [*Bukhari*]

Anas berkata bahawa dia telah membawa beberapa roti barli dan lelemak tengik kepada Nabi yang telah memberikan baju perisainya kepada seorang Yahudi dan menerima beberapa bijirin barli untuk keluarganya. Penyampai itu melapurkan bahawa dia mendengar Anas berkata keluarga Muhammad tidak pernah menikmati dimalam hari satu sa gandum ataupun satu sa bijirin sedangkan dia mempunyai sembilan isteri. [*Bukhari*]

Umar telah berkata bahawa dia telah pergi berjumpa Pesuruh Allah dan mendapati baginda berbaring diatas tikar jerami tanpa ada kain diantaranya, dengan bekas jerami itu kelihatan dibadannya, dan menyandarkan dirinya dengan bantal kulit yang dipenuhkan dengan serat tamar. Aku berkata: Pesuruh Allah, berdoalah kepada Allah untuk mengkayakan umatmu, kerana Dia telah memberi kemewahan kepada orang-orang Persia dan juga Byzantine, sedangkan mereka tidak menyembah Allah. Baginda menjawab: Adakah itu yang kamu rasakan, Ibn Khattab? Mereka itu telah diberikan kebaikan terlebih dahulu didunia ini. Dalam versi lain: Adakah kamu tidak gembira yang mereka memilikinya

didunia ini dan kita pula dikemudiannya? [*Bukhari, Muslim*]

Mu'adh bin Jabal telah berkata bahawa apabila Pesuruh Allah menghantar beliau ke Yaman baginda bersabda: Berhati-hatilah dengan kehidupan mewah kerana hamba Allah tidak hidup dengan kemewahan. [*Ahmad*]

Ali telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Jika seseorang berpuas hati dengan sedikit nikmat dari Allah, Allah akan berpuas hati dengan hanya beberapa amalan baik daripadanya. [*Baihaqi*]

Ekonomi *Sunnah* Dalam Berbelanja

Ramai orang *Islam* bertanya: Jika kita tidak dibenarkan untuk meletakkan simpanan kami di dalam Simpanan Tetap atau Akaun Simpanan didalam bank, maka apa yang perlu kita lakukan dengan wang tersebut? Jawapannya adalah ia perlu dibelanjakan dan tidak disorokkan. Membelanjakannya pula mestilah seimbang dan produktif, - bukan untuk bermewah-mewah atau membazir. Apabila manusia membelanjakan kekayaan mereka untuk kebajikan, atau sebagai pelaburan, maka keseluruhan masyarakat dan ekonomi akan mendapat manafaat. Jika berbelanja adalah untuk menunjuk-nunjuk dan membazir

maka individu dan juga masyarakat akan rosak. Jadi *Al-Quran* menyatakan hamba Allah (swt) yang sebenar sebagai:

> *... yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.* [*Al-Quran, al-Furqan 25:67*]

> *Abu Dharr telah berkata: Satu ketika aku bersama Nabi. Apabila baginda melihat gunung Uhud, baginda bersabda: Tidak ku inginkan (gunung ini) jika ianya ditukarkan kepada emas untukku, melainkan tiada apa yang tinggal daripadanya selepas tiga hari, kecuali satu dinar yang kusimpan untuk membayar hutang!* [*Bukhari*]

Hadis ini mengajar mengenai ekonomi *Sunnah* yang mana tidak menggalakkan penyorokan harta dan sebaliknya menggalakkan ianya dibelanjakan, - sebab itulah Nabi (saw) akan menghabiskan segunung emas itu dalam masa tiga hari. Apabila kekayaan dibelanjakan ia akan disuntik kedalam ekonomi dan ini akan menguatkan ekonomi tersebut.

Allah (swt) mengutuk penyimpanan harta (iaitu harta yang tidak digunakan) dengan bahasa yang amat keras:

... Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan (didalam peti deposit dibank sebagai contohnya) emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu. [*Al-Quran, al-Tauba 9:34-35*]

Berbelanja bagaimanapun perlu dilakukan dengan cara *Sunnah* kehidupan peribadi Nabi yang mudah dan sederhana itu diamalkan! Oleh sebab itu berbelanja perlu ditujukan untuk tujuan penghasilan dan bukan untuk dihabiskan. Berbelanja juga adalah untuk tujuan-tujuan kebajikan. Ini tidak bermaksud seseorang itu tidak perlu berbelanja untuk dirinya atau pun keluarganya. Itu menjerumus kepada kebakhilan. *Al-Quran* mengutuk kebakhilan sebegitu. Mereka yang bertindak sedemikian akan di balas dengan kehinaan oleh Allah (swt) dan juga oleh masyarakatnya:

Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri. Iaitu

orang-orang yang bakhil dan menyuruh manusia supaya bakhil serta menyembunyikan apa-apa jua yang Allah berikan kepada mereka dari limpah kurnianya. Dan (sebenarnya) Kami telah sediakan bagi orang-orang kafir itu azab seksa yang amat menghina. [*Al-Quran, al-Nisa 4:36-37*]

Malah Nabi sebenarnya secara khususnya menggalakkan berbelanja untuk diri sendiri apabila baginda mengisytiharkan:

Allah suka untuk melihat kesan ganjaran-ganjaran Nya keatas hamba-hamba Nya. [*Tirmizi*]

Sebaliknya, seseorang tidak sepatutnya bermewah-mewahan dalam berbelanja untuk dirinya sendiri. Tidak sepatutnya berlaku pembaziran! Allah (swt) telah memerintahkan:

... dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya. [*Al-Quran, al-Isra 17:26-27*]

Terdapat banyak ayat-ayat *Al-Quran* dan juga *hadis* yang menegaskan pentingnya untuk makan makanan *halal* yang menyihatkan dan menahan sama sekali dari makan makanan yang *haram*, oleh sebab itu umat *Islam* perlulah berwaspada dalam memastikan pendapatan dan kekayaan juga adalah *halal*.

Malah, penyimpangan dari panduan ini adalah seperti mengikut jejak langkah syaitan, dan pastinya ia adalah jalan ke neraka:

> *Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.* [*Al-Quran, al-Baqarah 2:168*]

> *Jabir telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Daging yang membesar dengan apa yang haram tidak akan memasuki syurga, sebaliknya neraka lebih sesuai untuk semua daging yang membesar dari apa yang haram itu.* [*Ahmad, Darimi, Baihaqi*]

> *Abu Bakr telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Tiada tubuh badan yang telah diberi makan dengan apa yang haram akan memasuki syurga.* [*Baihaqi*]

> *Abu Tamima telah berkata bahawa Nabi (saw) bersabda: ... yang pertama akan menyebabkan seseorang itu rosak adalah perutnya, jadi jika sesiapa mampu untuk makan apa yang baik (halal) dia perlu melakukannya ...* [*Bukhari*]

> *Ibn Umar telah berkata bahawa jika sesiapa membeli satu pakaian dengan sepuluh dirham sedangkan satu*

(dirham) darinya itu diperolehi secara haram, Allah (swt) tidak akan menerima solat darinya selama dia memakainya. Dia kemudiannya meletakkan jari ditelinganya dan berkata: Lebih baik aku menjadi pekak jika bukan dari Nabi sendiri aku mendengarnya. [*Baihaqi*]

Abu Hurairah telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Masanya akan tiba keatas umat manusia bilamana manusia tidak akan lagi kisah samada apa yang didapatinya itu adalah dari sumber yang halal atau sumber yang haram. [*Bukhari*]

Pengeluaran Makanan

Dunia korporat ekonomi kapitalis tidak peduli akan nilai-nilai kehidupan. Mereka menyembah berhala keuntungan. Ini menjelaskan tingkah laku menjijikkan syarikat-syarikat tembakau. Ini juga menjelaskan sokongan yang telah diberikan kepada kerajaan kulit putih Afrika Selatan oleh dunia korporat kapitalis Eropah selama bertahun-tahun sedangkan pada masa yang sama umat manusia yang lain menentang *apartheid*! Ianya juga menjelaskan sokongan kepada Israel.

Dunia korporat sebegini tidak akan cuba untuk mencabar usaha menambahkan keuntungan (dalam penghasilan makanan)

melalui penggunaan baja-baja kimia, racun perosak, racun serangga, kejuruteraan genetik dan sebagainya. Malah susu telah dihasilkan dengan mengubah hormon-hormon pada lembu-lembu, begitu juga dengan hasil kejuruteraan genetik digunakan kepada makanan, ia akan mengubah komposisi makanan dan antara lain sebagai contohnya akan membawa kepada hilangnya agen pencegah kanser didalam makanan yang boleh mencegah kanser. Surat berikut kepada editor surat khabar Amerika Syarikat yang telah diterbitkan pada tahun 1994 mendedahkan:

> *Gen-Gen Menceritakan Mengapa Sesetengah Mendapat Kanser Sementara Yang Lain Tidak* (*Science Times*, 17 Mei) sedang dijejaki. Bukan sahaja terdapat petanda-petanda menunjukkan dimana terdapat peng-ubahsuaian DNA tertentu, tetapi terdapat juga analisa-analisa yang mungkin menunjukkan tahap kerosakan pada DNA. Mungkin terdapat juga agen pencegah kanser yang akan memperbaiki DNA yang telah rosak sebelum pembahagian sel lantas menghalang mutasi yang mungkin menyebabkan kanser.
>
> Mungkin kita akan dapati lebih banyak agen pencegah kanser secara semulajadi didalam makanan daripada apa yang dihasilkan di makmal-makmal.
>
> Carlyle Miller MD
> Presiden, institut Kajian Pencegahan Kanser, New York

Pengajaran yang didapati dari surat ini adalah kita patut hanya makan makanan yang tulin dan yang mana dihasilkan secara semula jadi. Tetapi cara penghasilan makanan secara semulajadi ini memerlukan tenaga kerja yang besar. Oleh sebab itu makanan yang dihasilkan dengan cara semulajadi lebih mahal untuk dihasilkan dan ini menyebabkan ianya semakin kurang. Perladangan secara korporat mengejar keuntungan melalui racun perosak kimia, kejuruteraan genetik dan sebagainya. Peluang telah terbuka dengan sendirinya kepada umat *Islam* untuk menceburkan diri dalam bidang penghasilan makanan yang tulin. Ianya adalah makanan yang dihasilkan dengan cara semulajadi iaitu perladangan organik. Pastinya ia akan lebih mahal untuk dihasilkan, tetapi ianya adalah makanan sihat yang akan mencegah kanser. Dengan membuatkan makanan sedemikian didapati untuk rakyat Amerika, dan mereka juga dapat menikmati makanan sedemikian, umat *Islam* dapat memajukan gerakan *Islam* di Amerika Syarikat melalui penghapusan salah satu sebab-sebab utama penyakit didalam masyarakat sekular moden.

Projek penghasilan makanan adalah peluang untuk umat *Islam* campur tangan atas nama *Islam*, agama yang semulajadi, untuk menghasilkan makanan yang tulin dan dihasilkan dengan cara semulajadi (iaitu perladangan organik). Makanan sedemiki-

an akan berfungsi sebagaimana yang dikehendaki oleh alam semulajadi:

i. sebagai sumber khasiat dan tenaga,

ii. sebagai penyembuh untuk sesetengah penyakit, dan

iii. sebagai pencegah penyakit seperti kanser.

Rakyat Amerika yang semakin terdedah kepada bahaya kanser (terutamanya kanser payu dara) akan memberi maklum balas dengan berterima kasih kepada umat *Islam* diatas projek sebegitu. Dalam proses melibatkan diri didalam negara tersebut dengan cara yang positif, umat *Islam* akan mencapai beberapa kejayaan dalam menangani imej negatif yang telah dipaparkan oleh media yang dikawal oleh Yahudi yang mana berterusan memaparkan imej yang buruk kepada *Islam* dan umatnya.

Pentingnya Penternakan Dan Penghasilan Makanan Dizaman Fitan

Abu Sa'eed telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Harta terbaik yang boleh dimiliki (iaitu dizaman fitan) adalah biri-biri yang boleh dibawanya ke kaki bukit dan dikawasan dimana hujan turun, melarikan diri dengan agamanya daripada pertikaian umum. [*Bukhari*]

Abu Bakra telah melapurkan bahawa Pesuruh Allah bersabda: Kegemparan akan muncul selepas munculnya kegemparan yang lain, dan kemudian akan terdapat tempoh berlakunya kegemparan yang mana seorang yang duduk lebih baik dari seorang yang berjalan, dan seorang yang berjalan lebih baik dari seorang yang berlari kepadanya. Apabila itu berlaku dia yang memiliki unta patut kekal dengan unta-untanya, dan dia yang memiliki biri-biri patut kekal dengan biri-birinya, dan dia yang mempunyai tanah patut kekal dengan tanahnya ... [*Muslim*]

Sila perhatikan hikmah yang besar didalam saranan ini. Apabila umat *Islam* bergiat untuk penternakan dan pengeluaran makanan ianya bukan sahaja memastikan untuk mereka makanan dan minumam yang berkhasiat, tetapi juga dengan makanan yang tidak tercemar dengan bahan kimia dan suntikan hormon dan sebagainya. Tambahan pula mereka yang hartanya adalah binatang ternakan dan tanah tidak akan dirompak melalui pengurangan nilai gaji yang diterima, iaitu pengurangan nilai yang berterusan wang keras berserta kenaikan harga yang berterusan.

Mereka tidak akan menjual semua binatang ternakan ataupun tanah, dan dengan itu kekayaan mereka akan dapat dikekalkan. Ianya mereka yang keringatnya dibayar dengan wang

kertas, atau mereka yang perlu menjualkan barangan atau harta mereka dengan harga yang semakin kurang, mereka inilah yang akan menjadi semakin miskin dan akhirnya terjerumus dengan hutang dan bekerja dengan gaji sebagai hamba. Orang lain akan hidup menikmati keringat mereka itu.

Pemilik-pemilik binatang ternakan dan juga tanah, yang berpegang kepada tanah mereka, bukan sahaja akan menafikn peluang golongan penindas elit untuk mengeksploitasi mereka tetapi mereka juga boleh menambah kekayaan mereka jika Allah Yang Maha Pemurah merahmati mereka dengan pertambahan binatang-binatang ternakan mereka.

Hikmah dalam saranan berpegang kepada tanah dan binatang ternakan juga terdapat didalam keraguan yang akan mendatangi semua mata pencarian yang didapati menerusi ekonomi yang telah cemar sepenuhnya. Apabila keseluruhan sistem menipu seorang individu, maka individu itu pula akan akhirnya terpaksa menipu yang lain untuk mendapatkan sumber pendapatannya. Dan inilah yang sebenarnya berlaku apabila perniagaan yang beroperasi dari pejabat yang tinggi kadar sewanya, sebagai contohnya, menggajikan lelaki yang bekerja sepenuh masa, gaji yang mana tidak cukup untuk menyara diri dan keluarganya. Apabila itu berlaku maka sistem itu telah berjaya dalam usahanya untuk merosakkan keimanan semua umat manusia.

Umat Islam yang membaca buku ini perlu berfikir secara serius mengenai menjual segala harta-hartanya dan membeli tanah ladang dan binatang ternakan dengan wang tunai yang diperolehi.

Cadangan Khusus

Kami sekarang ingin mencadangkan bahawa pekerja-pekerja *Islam* diseluruh dunia perlu mengkaji strategi untuk menubuhkan institusi kewangan, yang mungkin dinamakan *Syarikat Pelaburan dan Perniagaan Islamik.* Para pelabur mungkin boleh dijemput untuk melabur secara bulanan atau dengan suatu jumlah sekaligus. Matlamat kami sepatutnya adalah untuk membawa umat *Islam* dan wang mereka bersama untuk bergabung didalam perkongsian (*shirkah*). Perkongsian tersebut, dan semua perkongsian yang lain antara golongan yang beriman, akan dirahmati sendiri oleh Allah (swt) sebagai 'rakan kongsi' yang mana Allah (swt) akan berada didalam perkongsian tersebut selama mana rakan kongsi tidak menipu yang lain:

> *Abu Hurairah yang mendapatinya dari Nabi bahawa Allah, Yang Maha Besar dan Agung, berfirman: Aku akan menjadi pihak ketiga kepada dua rakan kongsi selagi mana salah seorang dari mereka tidak menipu yang lain, tetapi apabila dia menipu Aku akan meninggalkan*

mereka. [Abu Daud telah menyampaikannya dan Razin menambah: dan syaitan pun muncul. Hadis al-Qudsi.]

Pelaburan kemudian sepatutnyaa dilakukan dengan *dinar* emas dan bukannya dollar, dan *dinar* sepatutnya dikembalikan sebagaimana ianya ketika zaman Nabi (saw) iaitu syiling yang dibuat dari emas yang dicipta oleh Allah (swt) untuk digunakan sebagai matawang (dan juga kegunaan yang lain):

Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah ... [Al-Quran, al-Tauba 9:34]

Untuk berjaya dalam menawarkan kepada umat *Islam* alternatif kepada *riba, Syarikat-Syarikat Pelaburan dan Perniagaan Islamik* mestilah menarik penglibatan umat *Islam* pada skala yang besar. Telah terdapat beberapa usaha dengan niat baik umat-umat *Islam* di Amerika Syarikat untuk menubuhkan syarikat-syarikat pelaburan yang mana akan bebas dari *riba*. Usaha-usaha sedemikian tidak pernah berjaya dalam memberikan kesan yang jelas kepada masyarakat *Islam* kerana mereka mempunyai masaalah dalam pengkaedahan. Mereka tidak mengikuti kaedah yang diberikan didalam *Al-Quran* untuk berterusan memberi pendidikan mengenai perkara *riba,* tidak juga mereka berjaya untuk sampai kepada masyarakat *Islam* secara sepenuhnya untuk mengajak mereka berpaling dari *riba,* tidak juga mereka membentangkan hujah-hujah bahawa

perniagaan adalah alternatif kepada *riba*, dan jika perniagaan dilakukan secara jujur dan ikhlas, ianya mempunyai keupayaan untuk menunjukkan akan kelebihannya berbanding kapitalisme yang berlandaskan *riba*! Sesetengah syarikat-syarikat itu pula sebenarnya beroperasi dengan cara yang agak serupa dengan apa yang dipanggil Bank-bank *Islamik* yang mana disokong oleh sesetengah regim-regim di negara-negara *Islam*, yang takut dan mencari kelegaan daripada tekanan yang diberikan oleh *riba*.

Matlamat kita adalah untuk menarik penyertaan secara besar-besaran oleh umat *Islam* dalam usaha untuk menangani *riba*. Ianya hanya apabila semua umat *Islam* bersatu sebagai satu komuniti maka barulah kita boleh menahan wang dari pergi kepada bank-bank dan dapat mengumpulkan modal untuk menubuhkan apa yang akan menjadi alternatif kepada kapitalisme yang berlandaskan *riba*, iaitu perniagaan didalam pasaran yang bebas dan adil.

Ekonomi *Sunnah* pada hari ini adalah pelindung yang paling baik daripada *Dajjal* dan cara yang paling berkesan untuk menembusi hati-hati mereka yang telah ditindas didalam dunia moden ini dan kemudiannya dapat memenangi hati mereka untuk menerima *Islam*!

Walaubagaimanapun sebelum kita mahu mencuba untuk memberikan kepada saudara dan saudari *Islam* kita *Syarikat-Syarikat Perniagaan dan Pelaburan* (Islamic Business and

Investment Companies IBIC) sebagai langkah alternatif kepada pembentukan modal didalam sistem perbankan yang berlandaskan *riba,* dan untuk menyakinkan mereka untuk menerima alternatif tersebut, amat perlu untuk kita terlebih dahulu melakukan perkara berikut:

1. Menjelaskan kepada umat-umat Islam apa itu *riba*, dan apakah pelbagai bentuk yang mana *riba* boleh muncul dengan sendirinya,
2. Memberitahu mereka larangan terhadap *riba* didalam *Islam* dan balasan-balasan yang menanti mereka yang melibatkan diri didalam *riba,*
3. Menjelaskan kepada mereka, begitu juga kepada bukan *Islam* yang berminat, mengapa *riba* telah dilarang,
4. Menjelaskan kepada mereka peringkat demi peringkat proses yang mana melaluinya Allah (swt) dan Pesuruhnya (saw) menangani *riba* sehingga ianya dihapuskan secara menyeluruh didalam masyarakat *Islam.*
5. Menberi amaran kepada mereka bahawa kehadiran *riba* yang berleluasa di seluduh dunia pada hari ini adalah tanda hampirnya hari kiamat.

Apabila syarikat tersebut dapat ditubuhkan dan modal telah dikumpulkan melalui pelaburan, syarikat tersebut sekarang ini

dapat melibatkan diri dengan perniagaan. Semua rakan-rakan kongsi akan terlibat didalam perniagaan dan semua akan berkongsi keuntungan ataupun kerugian.

Komuniti-komuniti *Perniagaan dan Pelaburan Islamik* boleh juga menyalurkan modal-modal pelaburan kepada ahli-ahli perniagaan *Islam* dengan tujuan untuk menubuh ataupun memperkembangkan perniagaan. Daripada mereka meminjam daripada bank dengan faedah (*riba*) dan menanggung kesemua risiko (tanpa bank berkongsi apa pun risiko-risiko terlibat didalam perniagaan), ahli-ahli perniagaan tersebut boleh mempelawa IBIC untuk melabur didalam perniagaan mereka untuk jumlah (modal) yang jika tidaknya terpaksa mereka pinjam daripada bank. IBIC akan berkongsi operasi dan risiko-risiko kegiatan perniagaan bersama dengan ahli-ahli perniagaan *Islam*. Dan keuntungan yang jika sebaliknya digunakan untuk membayar faedah (*riba*) kepada bank, akan kemudiannya pergi kepada pelabur-pelabur *Islam*.

Sebagai tambahan, ahli-ahli perniagaan *Islam* akan terselamat dari terjerumus kepada *riba* dan juga kepada *hutang*!

IBIC akan bertindak sebagai kaedah yang mana melaluinya masyarakat *Islam* boleh mengumpulkan sejumlah modal yang boleh dilaburkan didalam projek-projek yang mana terlalu besar bagi ahli perniagaan *Islam* secara perseorangan, tapi merupakan peluang-peluang strategik untuk membawa kepada kebangkitan

Islam di Amerika dan juga diseluruh dunia. Contohnya adalah, projek besar-besaran pengeluaran makanan yang dibenarkan (*halal*) dan sihat (*tayyib*) yang mana mengikut syarat-syarat *Al-Quran* yang ketat.

Komuniti-komuniti *Perniagaan dan Pelaburan Islamik* sepatutnya juga ditubuhkan untuk memberikan umat-umat *Islam* institusi yang mana dengan melaluinya mereka boleh melaburkan wang simpanan mereka melalui pelaburan *mudaraba* (iaitu perkongsian terhad) dan menerima pendapatan / keuntungan yang *halal* dari pelaburan tersebut. Tidak akan ada lagi alasan bagi umat *Islam* yang meletakkan wang simpanan mereka didalam Akaun Simpanan dan Simpanan Tetap di bank, atau didalam transaksi spekulatif Pasaran Saham.

Cadangan Untuk Menubuhkan Syarikat Penerbitan *Islamik* Berdasarkan *Musharaka* Atau *Mudaraba*

Kami mencadangkan, untuk dipertimbangkan oleh usahawan-usahawan *Islam*, dimana sahaja sampainya buku ini, penubuhan Syarikat Penerbitan *Islamik* yang mana akan menerbitkan bahan bacaan yang strategik berkenaan Islam seperti buku mengenai larangan *riba* sebegini. Syarikat-syarikat penerbitan *Islamik* sedia ada takut untuk menerbitkan buku-buku *Islamik* yang menyerlahkan hakikat sebenar tujuan tamadun tidak bertuhan Eropah yang dominan dan perangnya terhadap *Islam*.

Buku-buku berkaitan *Islam* yang akan dihasilkan oleh syarikat penerbitan ini akan memenuhi keperluan tertentu, seperti berikut:

1. Mempertahankan *Islam* dan umatnya daripada serangan-serangan yang semakin meningkat yang telah dilancarkan oleh industri media dan penerbitan tidak bertuhan yang dikawal secara keseluruhannya oleh Yahudi;

2. Mengenalpasti *Islam* yang tulin dan lantas mempertahankan umat *Islam* dari dilencongkan oleh pentafsir-pentafsir *Islam* yang revisionis dan modenis. Buku terbaik, yang dapat menjalankan fungsi tersebut dengan tepatnya adalah hasil kerja dua jilid buku bertajuk: '*The Quranic Foundations and Structure of Muslim Society*' oleh *Maulana* Dr. Fadhlur Rahman Ansari (*moga Allah mengasihani beliau*);

3. Memperjelaskan *Islam* kepada dunia berpendidikan sekular moden dengan cara yang mana dapat menunjukkan keupayaan *Islam* untuk menyelesaikan masalah-masalah serius dan merbahaya yang melanda umat manusia (dan terutamanya masalah-masalah keluarga) pada hari ini;

4. Memperkenalkan *Al-Quran* dengan cara yang mana dengan secara keseluruhannya akan menunjukkan kepada

bukan *Islam* dan juga kepada golongan umat *Islam* sekular bahawa ianya adalah Kalimah Allah (swt), – malah tidak mungkin ianya selain dari Kalimah Allah (swt);

5. Menggunakan bandar yang mana terletaknya syarikat penerbitan ini sebagai markas untuk mengubah pemikiran golongan awam dalam usaha untuk mengekalkan keimanan mereka dan juga untuk mengembalikan *jama'a*h dan *Imam/Ameer* yang mana perlu ditaati;

Syarikat penerbitan sebegitu akan juga menjalankan fungsi yang teramat penting untuk memberikan ruang kepada sarjana-sarjana *Islam* tempatan untuk melakukan penyelidikan dan untuk menulis buku-buku yang teramat relevan terhadap cabaran-cabaran dikawasan itu. Tiada ruang sebegitu wujud pada hari ini. Syarikat penerbitan sebegitu boleh ditubuhkan sebagai usahasama komersial yang boleh menghasilan pulangan positif keatas pelaburan. Undang-undang tempatan perlu membenarkan usahasama sebegitu untuk ditubuhkan. Mungkin tidak lama lagi umat *Islam* tidak lagi memiliki kebebasan sebegini, oleh itu semasa kebebasan ini masih adalah ianya sepatutnya digunakan untuk menjalankan usahasama sebegitu.

Strategi Untuk Konfrantasi Umum

Selepas program pendidikan umum berjaya dilakukan, menggunakan golongan yang telah ditindas ini, yang mana telah berputik akan kesedaran dan keimanan (kesan dari pendidikan), patut menjadi langkah seterusnya didalam gerakan revolusi *Islam*. Golongan yang telah ditindas ini perlu dibangkitkan untuk terlibat didalam perjuangan secara besar-besaran untuk bebas dari penindasan ekonomi. Apabila perjuangan itu diketuai oleh umat *Islam*, ia akan membawa kepada kembalinya akan keagungan Allah (swt) disemua kawasan, dan itu adalah *Dar al-Islam*, dan penolakan dakwaan kedaulatan oleh negara-negara sekular moden.

Adalah, saya percaya, banyak yang kita boleh pelajari mengenai strategi mengerakkan golongan yang telah ditindas ini, daripada kejayaan yang dicapai oleh panggilan untuk perarakan sejuta orang yang ditindas ke Washington DC pada Oktober 1995. Golongan yang ditindas ini telah menyahut seruan Louis Farrakhan kerana beliau telah dilihat sebagai seorang yang mempunyai kredibiliti untuk membuat seruan sedemikian. Farrakhan, seperti Imam Khomeini, berdiri diluar sistem tersebut dan menentangnya! Dia tidak menjadi sebahagian daripada sistem tersebut. Tiada siapa selain beliau di Amerika yang mampu membuat seruan perarakan sejuta orang yang telah ditindas dan berjaya kerana tiada seorang pun, termasuk yang

kononnya digelar sebagai pemimpin-pemimpin *Islam,* telah berusaha untuknya ataupun telah mendapat kredibiliti sedemikian. Fidel Castro telah berjaya dalam perjuangannya terhadap penindasan di Cuba kerana golongan ramai yang ditindas menyahut seruan beliau. Mereka melakukannya kerana beliau juga tidak membentuk sebahagian daripada sistem tersebut, dan beliau telah menentangnya daripada luar.

Gerakan *Islam* tidak boleh mendapat kredibiliti yang diperlukan untuk berjaya mengerakkan orang ramai jika mereka berfungsi sebagai sebahagian daripada sistem politik yang dicipta dan dikekalkan oleh para penindas. Kami amat menghormati *Maulana* Abul 'Ala Maududi (moga Allah mengasihani rohnya) tetapi kami perlu membawa perhatian kepada kesilapan besar yang telah beliau lakukan apabila gerakan *Islamik* yang ditubuhkannya, iaitu *Jamaat-e-Islami* Pakistan, telah didaftarkan sebagai parti politik dan kemudiannya telah beroperasi didalam sistem politik Pakistan dalam usaha sia-sia untuk membawa perubahan mendadak kepada Pakistan. *Jamaat-e-Islami,* dan gerakan Islamik yang lainnya seperti *Tanzeem-e-Islami* (yang diketuai oleh sarjana *Islamik* tersohor, Dr. Israr Ahmad), perlu mendapatkan kredibiliti-kredibiliti tersebut yang akan membuat-kan mereka dilihat oleh golongan kebanyakan yang ditindas sebagai kuasa-kuasa yang mampu untuk membebaskan mereka

daripada penindasan. Kredibiliti-kredibiliti tersebut tidak dapat diperolehi tanpa perkara berikut:

1. Pegangan sepenuhnya kepada perintah Allah (swt) dalam larangan *Al-Quran* dalam hubungan kebergantungan, dan kepatuhan kepada golongan Kristian dan Yahudi [*Al-Quran, al-Maida 5:54*]. Ini bermakna bahawa kita, umat Islam mestilah tidak tunduk kepada tamadun dominan Judeo-Kristian barat dan mesti berhati-hati menjaga kebebasan kita dari dominasi dan pengaruh mereka. Keluarga diraja dan kerajaan Arab Saudi telah mengkhianati *Islam* dengan membawa tanah *Islam* Arab kepada hubungan "*client-state*" (bergantung dari segi ekonomi atau ketenteraan kepada negara yang lebih besar) dengan kuasa Judeo-Kristian barat. Salah satu kriteria yang mana dengannya kita boleh mengenali sarjana-sarjana *Islam* sebenar pada hari ini adalah mereka yang secara jelas menolak pengkhianatan yang telah dilakukan oleh regim Saudi ini, dan regim-regim lain yang mana pada hari ini mengawal dunia *Islam* bagi pihak tuan mereka daripada barat. Tamadun barat telah lama mengisytiharkan perang terhadap *Islam*. Allah (swt) bertindak balas didalam *Al-Quran* dengan memberi amaran:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuh kamu menjadi teman rapat, dengan cara kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita rahsia orang-orang mukmin) dengan sebab hubungan baik dan kasih mesra yang ada di antara kamu dengan mereka, sedang mereka telah kufur ingkar terhadap kebenaran (Islam) yang sampai kepada kamu ... [Al-Quran, al-Mumtahinah 60:1]

2. Melakukan perjuangan untuk membebaskan golongan yang telah ditindas sebagai keutamaan pertama mereka. Ini tidak akan dapat dicapai selagi mereka menjadi sebahagian daripada sistem politik dan ekonomi yang menindas tersebut. *Islam* tidak dapat dijalankan didalam sistem yang menindas.

3. Mendidik golongan yang ditindas supaya mereka akan memahami hakikat sebenar penindasan politik, ekonomi dan agama yang mana telah dilakukan terhadap mereka. Elemen paling penting didalam proses pendidikan ini adalah pendidikan mengenai *riba*.

4. Menentang, menolak dan mencabar pihak yang menindas, terutamanya mereka yang terlibat didalam penindasan ekonomi iaitu *riba*.

5. Menjalankan perjuangan bersenjata untuk membebaskan golongan yang telah ditindas didalam dunia *Islam* (selepas semua usaha secara aman telah dilakukan untuk tujuan tersebut tidak memberikan kesan.)

Perjuangan bersenjata tersebut untuk membebaskan golongan yang ditindas yang berada diluar dunia *Islam* tidak dapat dilakukan sehinggalah dunia *Islam* itu dibebaskan! Oleh itu strategi untuk gerakan *Islam* diluar dunia *Islam* adalah sama dengan apa yang telah digunakan di Mekah sebelum berlakunya *hijrah,* iaitu *penentangan secara pasif (senyap) dengan usaha yang bersungguh-sungguh dan sebaik mungkin untuk memastikan keimanan kepada Allah (swt) tidak rosak dan dimusnahkan.*

Jika sesiapa mempunyai keraguan mengenai kewajaran untuk melakukan perjuangan bersenjata untuk membebaskan diri dari penindasan *riba,* dia sepatutnya ingat kepada ayat *Al-Quran* terakhir yang telah diturunkan semasa hampirnya kewafatan Nabi (saw), dan telah diturunkan setelah Allah (swt) mengumumkan sempurnanya akan agama dan sempurnanya akan nikmatNya kepada mereka yang beriman, yang mana Allah (swt) dan PesuruhNya telah mengisytiharkan perang untuk tujuan tersebut!

6

Riba Dan *Dar Al-Harb*

Ramai umat *Islam* yang memberi maklum balas terhadap kuliah-kuliah mengenai *riba* dengan banyak soalan-soalan dan juga pemerhatian-penerhatian penting. Sesetengahnya mempersoalkan mengenai pendapat sesetengah *ulama* bahawa tidak terdapat *riba* di *Dar al-harb*. Apakah dia *Dar al-Harb*?

Allah (swt) telah memberitahu kita didalam *Al-Quran* bahawa seluruh dunia ini adalah milikNya (7:128). Allah (swt) kemudiannya juga memberitahu bahawa hamba-hambaNya yang taat akan mewarisi bumi ini (21:105). Apa yang diwarisi oleh mereka sebenarnya adalah tanggungjawab untuk mengekalkan keadaan *salaam* dimuka bumi, kerana Allah (swt) telah memerintahkan sedemikian (10:25). *Salaam* maksudnya aman, selamat dan menjauhi kejahatan. Keadaan *salaam* itu dicabuli apabila serangan keganasan berlaku, atau apabila manusia telah

ditindas atau dizalimi, dan mereka sendiri meratapi kelangit untuk dibebaskan dari penindasan. Dalam keadaan demikian Allah (swt) menjadikan ianya satu kewajipan bagi umat *Islam* untuk berjuang menentang penindasan dan untuk membebaskan golongan yang telah ditindas. Oleh kerana perkataan Arab untuk perang adalah *harb,* kawasan sedemikian (iaitu kawasan dimana umat *Islam* didalam peperangan) dikenali sebagai *Dar al-Harb.*

Tiada didalam *Al-Quran* atau pun hadis Nabi Muhammad (saw) yang membenarkan *riba* didalam *Dar al-Harb*! Didalam sekolah undang-undang Hanafi walaubagaimanapun, terdapat pendapat yang mana sekarang ini digunapakai dengan cara yang tidak berhati-hati dan amat merbahaya di Amerika Utara. Pendapat tersebut adalah bahawa *riba* dibolehkan di *Dar al-Harb.* Disini adalah bahagian yang berkaitan dari *Kitab al-Siyar al-Kabir* oleh *Imam* Muhammad al-Shaybani yang mana merupakan rujukan yang paling banyak digunapakai didalam falsafah perundangan Hanafi berkenaan *Undang-undang Negara Islam*:

> *764. Saya bertanya: Jika seorang umat Islam telah melakukan transaksi dengan seorang harbi (iaitu seseorang dari dar al-Harb) yang melibatkan faedah (riba), arak, atau bangkai (binatang), adakah kamu fikir bahawa transaksi sebegitu akan ditolak sebagai tidak sah?*

765. Beliau (Imam al-Shaybani) menjawab: Ya, jika ianya berlaku di Dar al-Islam. Jika ianya di dar al-Harb, ia tidak sepatutnya dianggap tidak sah, menurut pendapat Abu Hanifa dan Muhammad (b. Al-Hasan).

766. Saya bertanya: Mengapa? Kamu telah menyatakan bahawa jika seorang Islam memasuki Dar al-Harb, ianya dibolehkan kepadanya untuk untuk menjual bangkai dan mengambil dua dirham sebagai tukaran dengan satu.

767. Beliau menjawab: Ya, ianya dibolehkan untuk dilakukan ditanah mereka, tetapi tidak – seperti didalam situasi sebelumnya – didalam Dar al-Islam, dimana perundangan Islam diterima pakai keatas mereka dan dimana ianya adalah haram berbuat demikian, kecuali apa yang halal buat umat Islam. Jika (sebaliknya) umat Islam berada didalam Dar al-Harb didalam keadaan aman, ianya adalah dibolehkan untuknya memiliki hartanah daripada mereka menurut undang-undang mereka dengan persetujuan mereka, kerana perundangan Islam tidak dikenakan kepada mereka disana. Ini adalah pendapat Abu Hanifa dan Muhammad (bin al-Hasan). Walaubagaimana pun, Abu Yusuf berpegang kepada pendapat yang mana dia tidak akan membenarkan (seorang Islam untuk terlibat) transaksi didalam Dar al-

Harb yang melibatkan riba, arak, ataupun bangkai, dan dia menolak ianya. Tetapi Allah lebih mengetahui![1]

Malah jika ianya dipersetujui bahawa tiada *riba* diantara seorang *Islam* dan *harbi* didalam kawasan *Dar al-Harb,* kita masih akan mempertikaikan yang Amerika Syarikat bukanlah *Dar al-Harb* dan oleh sebab itu larangan tersebut tetap sah disana. Kami melakukannya atas sebab-sebab berikut:

Pertamanya sekali tidak akan ada *Dar al-Harb* tanpa adanya *Dar Al-Islam.* Dan tiada *Dar Al-Islam* yang wujud mana-mana didunia pada hari ini, malah tidak di Mekah ataupun Madinah! Ianya terlalu awal, pada zaman beliau, untuk sarjana terulung seperti Maulana Manazir Ahsan Gilani untuk melihat bahawa *Dar Al-Islam* telah berakhir dizamannya. Tidak juga Universiti Al Azhar nampak akan ianya apabila ia mengadakan Kongres Khalifah di Kaherah pada tahun 1926 untuk bertindak balas kepada penghapusan Khalifah oleh Turki pada tahun 1924.

Untuk membolehkan sesuatu kawasan itu dikenali sebagai *Dar Al-Islam,* umat *Islam* mestilah mempunyai kebebasan didalam kawasan tersebut, untuk patuh kepada kuasa agung Kalimah dan Undang-Undang Allah (swt). Dalam kata lain, *shariah* mestilah mempunyai kedudukan yang paling tinggi dari segala undang-undang lain yang ada didalam kawasan tersebut. Artikel 24 dan 25 piagam Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) sebagai contohnya, adalah bercanggah dengan syarat asas *Dar Al-Islam,*

kerana mereka memerlukan negara anggota untuk mengenali, sebaliknya, kuasa tertinggi Suruhanjaya Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu:

> Artikel 24:
>
> Dalam usaha untuk memastikan tindakan segera dan efektif oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, ahli-ahlinya memberikan tanggungjawab utama kepada Suruhanjaya Keselamatan untuk menjaga keamanan dan keselamatan antarabangsa, dan bersetuju bahawa dalam menjaga tugas-tugasnya dibawah tanggungjawab ini Suruhanjaya Keselamatan akan bertindak bagi pihak mereka ...
>
> Artikel 25:
>
> Ahli-ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bersetuju untuk menerima dan menjalankan perintah yang diputuskan oleh Suruhanjaya Keselamatan berdasarkan piagam semasa.

Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah ditandatangani pada 26 Jun 1945 di San Francisco, pada kemuncak Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Organisasi Antarabangsa, dan berkuatkuasa pada 24 Oktober 1945. Hanya beberapa sahaja negara-negara *Islam* yang bebas dari pemerintahan koloni pada

masa itu. Salah satu daripadanya adalah Arab Saudi, yang telah menandatangani dokumen ini.

Ini hanyalah satu contoh yang menunjukkan bahawa semua negara-negara *Islam* yang mana adalah ahli kepada PBB (seperti Iran dan Sudan, dan semua yang lainnya), telah terikat dengan perjanjian untuk tunduk kepada kuasa agung Suruhanjaya Keselamatan PBB, dan bukan kepada kuasa agung Allah (swt), ini tidak bertepatan dengan sifat-sifat paling asas kepada *Dar Al-Islam,* iaitu kuasa Allah (swt), yang sepatutnya paling tertinggi kepada umat-umat *Islam.*

Juga, untuk membolehkan sesuatu kawasan itu digelar *Dar Al-Islam,* hak-hak umat *Islam* perlulah dihormati didalam kawasan tersebut. Antara hak-hak tersebut adalah seperti berikut: Kebebasan untuk memasuki kawasan *Dar Al-Islam,* umat *Islam* tidak perlukan visa; kebebasan untuk tinggal di kawasan tersebut, dia tidak memerlukan permit penduduk; kebenaran untuk mencari nafkah hidup didalam kawasan tersebut, dia tidak memerlukan permit kerja; dan kebebasan untuk turut serta didalam proses politik (mengikut politik *Sunnah*) didalam kawasan tersebut, dia tidak memerlukan kerakyatan!

Tiada lagi negara *Islam* yang menghormati hak-hak tersebut, tidak Iran mahupun Sudan. Dan umat-umat *Islam* yang bodoh yang mana telah tenggelam didalam pemikiran nasionalisme

jahiliyah akan sebenarnya menolak usaha-usaha untuk mengembalikan hak-hak tersebut. Akan tetapi Komuniti Eropah telah meniru aspek *Dar Al-Islam* ini dan telah meletakkan kesemua hak-hak ini untuk kesemua rakyat-rakyatnya yang terdiri dari ahli negara-negara Komuniti Eropah (EC).

Untuk membolehkan sesuatu kawasan itu dikenali oleh umat *Islam* sebagai *Dar al-Har*b, ianya perlulah dinyatakan didalam pengisytiharan yang dikeluarkan oleh *Amir al-Mumineen.* Kali terakhir pengisytiharan sedemikian dilakukan adalah dalam tahun 1914 oleh *khalifa* (Caliph) di Istanbul. (Raja Saudi pada hari ini pernah sebelum ini mengisytiharkan *jihad* terhadap Israel. Beliau nampaknya sudah terlupa mengenainya). Sekali lagi pada tahun 1991 terdapat pengisytiharan *jihad* sebelum Perang Teluk, yang mana tercatit didalam sejarah buat pertama kalinya sebagai "*Jihad Yankee*" (jihad bagi pihak Amerika). Jika umat *Islam* mahu mengembalikan *Dar Al-Islam* dimana-mana sahaja didunia ini, umat *Islam* yang tinggal di kawasan tersebut perlulah melantik *khalifa* atau *Amir al-Mumineen.* Beliau, seorang *khalifa,* boleh (jika keadaan mewajarkan) mengisytiharkan Amerika Syarikat atau negara lain didunia sebagai *Dar al-Harb* menurut undang-undang perangan dan keamanan didalam *Islam.*

Apabila sesuatu kawasan dikenali sebagai *Dar al-Harb* maka umat *Islam* tidak dibenarkan untuk menetap dikawasan tersebut.

Jika mereka mempunyai perniagaan sementara disana yang perlu diuruskan, mereka perlu menyelesaikannya **dan dengan segera meninggalkan kawasan tersebut.**

Harbis (iaitu rakyat *Dar al-Harb*) adalah golongan yang mana semua umat *Islam* sedang berperangan dengan mereka. Oleh itu *harbi* boleh dibunuh oleh mana-mana umat *Islam* menurut undang-undang peperangan. Jika Amerika Syarikat adalah *Dar al-Harb* maka umat *Islam* dibenarkan oleh agama mereka untuk membunuh rakyat Amerika (iaitu *harbi*) menurut undang-undang peperangan. Walaubagaimana pun, seseorang *harbi* boleh memasuki *Dar Al-Islam* dengan selamat jika dia diberikan *aman* (jaminan keselamatan) oleh mana-mana lelaki atau wanita *Islam.*

Dan akhir sekali, harta benda milik seseorang *harbi* boleh dirampas oleh mana-mana Muslim menurut undang-undang peperangan. Ini termasuklah juga kepada harta rakyat Amerika Syarikat jika negara tersebut adalah *Dar al-Harb.* Keadaan tersebut sepatutnya memaksa umat-umat *Islam* di Amerika Utara untuk merenung sejenak sebelum mereka menerima mana-mana pendapat bahawa Amerika Syarikat adalah *Dar al-Harb* dan oleh itu dibenarkan kepada seseorang *Islam* untuk mengambil pinjaman dengan faedah disana, atau untuk menggunakannya untuk manafaat mereka melalui faedah yang dibayarkan kepada mereka!

Jika umat *Islam* menerima pandangan bahawa Amerika Syarikat adalah *Dar al-Harb*, dan masih lagi mahu mendapatkan atau mengekalkan kerakyatan atau penduduk tetap (*Green Card*) disana, pertamanya dia adalah hipokrit yang teramat nyata malah melakukan pengkhianatan terhadap *Islam*! Golongan *Islam* sebegini akan berdepan dengan akibat yang amat buruk di hari kiamat kelak kecuali mereka melakukan *tauba* dan berusaha untuk keluar dari *Dar al-Harb* secepat yang mungkin. Keduanya, kerajaan Amerika Syarikat berhak untuk menarik balik kerakyatan dan taraf penduduk tetap (*Green Card*) kesemua golongan tersebut dan menangkap atau menghantar mereka pulang.

Nota- nota

1. Majid Khadduri, *The Islamic Law of Nations.* Oleh *Shaybani Siyar* dengan pendahuluan, nota-nota dan tambahan oleh Majid Khadduri. The John Hopkins Press. Baltimore. Maryland. 1996. ms 173-4.

7

Riba dan Undang-Undang Keperluan

Hujah telah diberikan oleh sesetengah golongan bahawa undang-udang keperluan terdesak (*idtirar*) boleh digunakan dalam segi larangan keatas *riba* ini kepada umat-umat *Islam* yang menetap di Amerika Utara.

Apa yang dinyatakan oleh doktrin tersebut adalah *syariah* membenarkan, dalam keadaan-keadaan tertentu dimana perlaksanaan larangan *riba* akan menjadi tidak berkemanusian ataupun tidak adil. Sebagai contohnya, berkenaan larangan memakan khinzir, jika seseorang *Islam* itu didalam kebuluran dan satu-satunya makanan yang boleh dimakan untuk menyelamatkan nyawanya adalah khinzir, dia dibenarkan untuk memakannya, yang mana jika tidak adalah dilarang, ini dengan tujuan utnuk membolehkan dia terus hidup.

Al-Quran menyatakan perkara ini didalam beberapa ayat:

Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih) dan darah (yang keluar mengalir) dan daging babi (termasuk semuanya) dan binatang-binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah ... Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah dia memakannya), kerana sesungguhnya Allah maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [Al-Quran, al-Maeda 5:3]

Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi kerana sesungguhnya ia adalah kotor atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah. Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak mengingininya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhan mu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [Al-Quran, al-Anaam 6:145]

Dan tidak ada sebab bagi kamu, tidak mahu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama

Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya ada banyak yang menyesatkan manusia melalui hawa nafsu mereka yang tidak berasaskan pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang melampaui batas. [*Al-Quran, al-Anaam 6:119*]

Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. [*Al-Quran, al-Baqarah 2:173*]

Undang-undang keperluan terdesak berkenaan larangan keatas *riba* boleh diterima pakai di Amerika Utara hanyalah setelah komuniti umat *Islam* telah melakukan usaha bersama untuk menunjukkan bahawa cara hidup ekonomi alternatif boleh dilakukan, dan kemudian telah gagal didalam usaha tersebut. Umat *Islam* barulah dibenarkan untuk terlibat dengan *riba* jika dia telah menunjukkan wujudnya keperluan asas kehidupan yang

perlu dipenuhi dengan segera dan yang mana tidak dapat dipenuhi melainkan melalui *riba.* Apakah agaknya keperluan tersebut?

Kebanyakan golongan *Islam* di Amerika Utara yang terlibat didalam *riba* telah melakukannya dengan tujuan untuk membeli rumah yang mahu didiami oleh mereka. Jelaslah bahawa hujah mereka untuk mendapatkannya adalah tempat perlindungan, dalam bentuk rumah kediaman, adalah asas keperluan manusia. Golongan *Islam* tersebut sepatutnya merenung buat seketika kepada hakikat yang tidak boleh dinafikan bahawa mereka boleh menyewa rumah di Amerika Utara, dan rumah yang disewa juga boleh memenuhi keperluan untuk tempat perlindungan. Berjuta-juta golongan rakyat Amerika yang bukan beragama *Islam* juga tinggal didalam rumah sewa, - mengapa tidak orang-orang *Islam*? Malah tiada alasan sebenarnya untuk orang *Islam* terlibat didalam *riba* kerana tujuan membeli rumah untuk didiami apabila boleh untuknya menyewa akan rumah tersebut.

Hujah mungkin akan dibangkitkan oleh sesetengah bahawa terdapat jaminan yang besar dengan memiliki rumah berbanding dengan menyewa. Sudah tentulah itu adalah hujah yang baik. Dan ianya disebabkan oleh keperluan untuk memiliki rumah inilah yang mana telah dieksploitasi oleh ekonomi yang berlandaskan *riba* dengan menyebarkan sesungutnya yang berbisa. Malahan sebenarnya ianya jauh lebih sukar dan mahal

untuk memiliki rumah melalui pinjaman dengan faedah berbanding dengan menahan diri dari meminjam dengan faedah dan sebaliknya dengan menyewa atau membeli dengan perjanjian usahasama yang mana dengannya rumah dapat dimiliki pada akhirnya.

Apabila anda membeli rumah melalui pinjaman bank, anda membayar lebih kurang 30-40% lebih berbanding jika anda menyewa rumah yang sama dan, sambil menyewa , juga membeli dalam jangka masa yang sama, tanpa faedah, dengan jadual pembayaran yang sama (ditolak akan faedahnya) iaitu dalam bentuk perjanjian pembelian dalam bentuk *shirkah* (usahasama) dimana pembeli dan penjual akan menjalinkan satu bentuk usahasama, dimana melaluinya pembeli beransur-ansur mengambil alih ekuiti penjual sehinggalah dia mendapat pemilikan sepenuhnya.

Membeli rumah melalui pinjaman bank mempunyai beberapa kekurangan:

1. Umat *Islam* melanggari larangan mengenai *riba,*
2. Dia akan membayar lebih 30-40% berbanding melalui sewa dan beli melalui *shirkah,*
3. Dia akan terjebak didalam hutang jangka panjang. Sesiapa yang benar-benar mengkaji ekonomi *Sunnah* berkenaan dengan hutang akan memahami bahawa ianya

teramat bodoh dan merbahaya, disamping melanggari ekonomi *Sunnah,* bagi seseorang *Islam* itu untuk terjebak didalam hutang jangka panjang.

4. Kematian boleh berlaku pada bila-bila masa. Seorang *Islam* yang mati dan meninggalkan hutang (dan pinjaman bank adalah hutang), dan tanpa mempunyai cara untuk melangsaikan hutang tersebut, akan meninggal dunia didalam keadaan yang mana Nabi (saw) sendiri akan menolak untuk menyolatkan *salatul jenazah* keatas mayatnya!.

5. Seorang *Islam* yang meninggal dunia dengan hutang akan membebankan keluarganya dengan hutang tersebut. Jika isteri dan anaknya tidak mampu untuk menjelaskan bayaran bulanan, dan ianya selalu berkemungkinan, pihak bank akan merampas harta tersebut. Apabila itu berlaku bukan sahaja keluarga tersebut akan kehilangan rumah disaat mereka amat memerlukannya tetapi, lebih buruk lagi mereka akan ditipu keatas apa sahaja ekuiti yang mereka miliki keatas rumah tersebut. Bank-bank meletakkan peratus yang tinggi pada bayaran ansuran bulanan kepada pembayaran faedah. Dalam lima tahun pertama pinjaman selama dua puluh tahun untuk pinjaman $100,000 dengan ansuran katakanlah, $1000 sebulan, hanya $1000 daripada $12,000 bayaran tahunan

akan dikreditkan untuk pembayaran prinsipal asal yang dipinjam. Selepas lima tahun, dan selepas dia telah membayar $60,000 ansuran, hanya $5,000 sahaja yang akan dikreditkan keatas jumlah prinsipal asal yang dipinjam. Jadi dalam masa lima tahun, dia telah membayar $55,000 dalam bentuk faedah, disamping dia juga membayar cukai harta untuk rumah yang bukanlah miliknya yang sebenar (bank yang memiliki rumah tersebut), dia juga bertanggungjawab untuk penyelenggaraan dan baik pulih rumah tersebut, dia juga perlu membayar insuran keatas harta yang tidak dimilikinya (bank yang memilikinya). Dan dalam semua itu, pihak bank sekarang akan memberitahu isterinya yang sudah menjadi janda itu bahawa rumahnya itu (yang mana telah dirampas oleh pihak bank) akan dijual untuk bank mendapatkan kembali baki $95,000 yang masih ada dari pinjaman tersebut. Bank kemudiannya menjual rumah tersebut dengan harga lelongan $80,000 dan kemudian menuntut baki $15,000 dari pinjaman tersebut, – dan ini berlaku apabila keluarga tersebut telah membayar ansuran berjumlah $60,000 keatas pinjaman tersebut! Perkara ini masih berterusan berlaku.

6. Seorang *Islam* yang terjerumus kedalam hutang jangka panjang tidak akan dapat menunaikan hajinya dengan

> yakin bahawa *hajj*nya itu akan diterima oleh Allah (swt). Nabi (saw) telah mengisytiharkan bahawa adalah suatu tindakan yang *dhulm* (keji dan tidak adil) yang mana jika seseorang yang mampu membayar hutangnya (atau sebahagian dari hutang) untuk melengah-lengahkan dari membayarkan hutangnya.

Tetapi katalah seorang Muslim itu telah terpengaruh, dengan *fatwa* oleh sesetengah *Shaikh* yang sesat yang mana dibayar gajinya oleh kerajaan yang juga sesat, bahawa undang-undang keperluan terdesak ini boleh diterima dalam perihal memiliki rumah ini, dan dia dibenarkan untuk mengambil pinjaman bank dengan faedah dengan tujuan membeli rumah, persoalannya rumah yang bagaimanakah yang boleh dibelinya? Prinsipnya adalah seseorang itu sepatutnya memakan seminima yang mungkin akan daging khinzir untuk membolehkan dirinya terus hidup, jadi apabila prinsip itu digunakan dalam membeli rumah dia sepatutnya membeli rumah yang paling kecil dan paling murah untuk memenuhi keperluan untuk mendapatkan tempat perlindungan, akan tetapi umat *Islam* tidak melakukan-nya sedemikian!

Berapa kecilkah rumah jika ianya untuk memenuhi keperluan sebagai tempat perlindungan? *Al-Quran* telah memberitahu kita bahawa kita mempunyai model atau contoh terbaik dalam diri Pesuruh Allah (saw). Rumah yang mana

baginda sediakan untuk isteri-isteri bagainda, dan yang mana baginda sendiri tinggal didalamnya adalah agak kecil. Gambaran untuk mengetahui betapa kecilnya rumah baginda boleh dilihat dari hadis yang berikut:

> *Abu Salaam telah meriwayatkan bahawa Aisha, isteri Nabi berkata: Aku selalu tidur dihadapan Pesuruh Allah, dan kakiku adalah berdepan dengan kiblah baginda. Semasa sujud baginda akan menyentuh kakiku dan aku akan menariknya. Kemudian apabila baginda bangun aku akan meluruskannya (kakiku). Aisha menambah: Pada masa itu kebanyakan rumah tidak mempunyai lampu.* [*Bukhari*]

Keduanya, manusia tidak sepatutnya menjadi banduan kepada rumah-rumah mereka. Mereka sepatutnya boleh bergerak dimuka bumi Allah ini apabila mereka merasakan perlu untuk melakukannya. Maka, ada kalanya, seseorang memerlukan rumah yang mana boleh dibawa oleh dirinya kemana sahaja tempat yang mahu ditujui olehnya. Puak Indian Amerika telah tinggal dengan aman dan sentosa didalam khemah yang diperbuat dari kulit binatang. Barangkali ada yang akan bersungut bahawa ruangnya amat sempit, atau terlalu rapuh untuk kehidupan bertamadun, mari kita ingatkan kembali ayat didalam *Al-Quran* yang mana Allah (swt) berfirman mengenai rumah sebagai tempat untuk berehat dan mendapat ketenangan

dan kemudiannya Allah (swt) menyebut mengenai rumah yang diperbuat dari kulit-kulit binatang.

> *Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal; dan Ia menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternak: khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (di bawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti; dan (Ia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakannya) hingga ke suatu masa.* [*Al-Quran, an-Nahl 16:80*]

8

Kesimpulan

Kita hidup hari ini didalam dunia yang mana kebanyakan majoriti mereka yang membeli rumah atau kereta dan sebagainya, atau yang membayar yuran pengajian, melakukannya atas dasar pinjaman bank yang melibatkan pembayaran faedah (bunga atau *riba*). Kebanyakan mereka yang menggunakan kad kredit juga terlibat dengan hutang dan faedah. Malah saya tahu kes-kes dimana orang *Islam* mengambil pinjaman bank dengan faedah untuk menampung kos mengerjakan *haji*, atau lebih teruk lagi untuk mendirikan *masjid*!

Kebanyakan majoriti golongan berkenaan telah turut melabur simpanan mereka didalam pelaburan seperti simpanan tetap di bank-bank, bon dll yang mana memberikan pulangan faedah.

Apa yang kebanyakan mereka berkenaan tidak tahu, dan tidak akan tahu jika tidak kerana *Al-Quran* dan Nabi Muhammad (saw), bahawa setiap kali mereka meminjam wang dengan faedah, atau mengambil faedah yang dibayar oleh bank-bank keatas simpanan tetap mereka, mereka telah melakukan dosa yang lebih teruk dari memperkosa. Tambahan pula, mereka samada ditipu dan ditindas, atau bersama-sama menipu atau melakukan penindasan, atau menghalalkan sistem penindasan dan pengekspoitasian! Apabila mereka meminjam wang dengan faedah mereka menyokong sistem rompakan yang dihalalkan dan penindasan yang menyedut darah umat manusia. Oleh sebab itu mereka memikul tanggungjawab keatas keseluruhan sistem penyedut darah ini. Ini adalah suatu yang jelas kerana Nabi menyumpah keempat-empat, pengambil *riba*, pemberi *riba*, yang mencatitkan rekod-rekod transaksi dan dua saksi, dan telah mengisytiharkan bahawa kesemua mereka sama sahaja berdosa (*Sahih* Muslim).

Adalah tanggungjawab kita untuk menjelaskan perkara ini kepada mereka. Buku ini bertujuan membantu kita untuk melakukannya.

Sebabnya mengapa bilangan besar umat manusia tidak sedar akan larangan Allah mengenai *riba* (bunga atau faedah) ini adalah kerana kitab-kitab yang telah dihantar oleh Allah (swt) telah ditulis semula dan ditukar untuk mengubah larangan

berkenaan *riba*! Itu yang telah berlaku kepada Kitab Taurat yang telah diturunkan kepada Nabi Musa (as) dan Kitab Injil yang telah diturunkan kepada Nabi Isa (as).

Maka Allah (swt) menurunkan *Al-Quran* yang telah mengisytiharkan *riba* adalah *haram* (dilarang oleh Allah (swt)). Dan Nabi Muhammad (saw) telah menjelaskan bahawa semua yang terlibat didalam transaksi *riba* (samada sebagai peminjam, pemberi pinjaman, kakitangan pentadbiran, atau saksi-saksi kepada transaksi berkenaan) melakukan dosa yang teramat besar yang mana mereka akan dihukum dengan dasyatnya oleh Allah (swt). Nabi (saw) telah pun memberitahu kepada seluruh dunia bahawa baginda telah melihat manusia dineraka dengan perut bonjol dan lutsinar yang dipenuhi ular-ular. Baginda telah diberitahu bahawa mereka adalah manusia-manusia yang telah memakan *riba*!

Tidak kira samada mereka yang terlibat didalam transaksi-transaksi berkenaan beragama Kristian, Yahudi, Hindu, Budha, *Islam* separuh masa atau yang beragama lainnya, ianya tetap berdosa, dan mereka akan dibalas dengan dasyatnya. Ini adalah kerana Nabi Muhammad (saw) telah dihantar sebagai Nabi terakhir Allah (swt) kepada seluruh umat manusia, dan pedoman didalam *Al-Quran* ditujukan kepada seluruh umat manusia. Maka larangan *riba* berkaitan kepada semua rakyat Amerika, semua rakyat China, malah kepada seluruh umat manusia!

Kami telah memberikan butiran didalam buku ini, bahawa *Al-Quran* hanyalah sekadar mengembali dan mengesahkan semula larangan *riba* didalam kitab-kitab yang sebelum ini diturunkan kepada Nabi Musa, Nabi Daud dan Nabi Isa (as).

Sungguh besarnya dosa *riba* ini dan barangkali hanya beberapa dosa sahaja yang boleh dilakukan oleh manusia yang mana dosanya lebih besar daripada *riba*. Seperti dosa menyembah tuhan atau tuhan-tuhan selain dari Allah (swt), seperti berhala, atau mengatakan tuhan berjantina lelaki atau perempuan, atau tuhan yang muncul dalam bentuk manusia di Baitul Muqaddis atau di Chicago dll. Begitu jugalah dengan dosa berlagak sebagai tuhan dan mengubah dan menulis semula firman-firman Allah (swt) (seperti yang telah dilakukan kepada Kitab Taurat, Zabur dan Injil dalam perihal larangan keatas *riba*), dll.

Kajian kami terhadap perkara ini telah menunjukkan bahawa *riba* memberikan kelebihan dari segi ekonomi atau mendapatkan harta yang mana diperolehi melalui muslihat dengan cara yang tidak adil, - seperti menipu, rasuah, mengcemarkan pemerintah dengan mempengaruhi mereka agar memberikan kelebihan kepadanya, menipu didalam urus niaga, transaksi spekulatif, dan hidup diatas keringat orang lain dll.

Riba adakalanya mengambil rupa dalam bentuk sistem rompakan yang dihalalkan seperti sistem perbankan yang

berlandaskan faedah dan bunga, atau sistem kewangan yang berlandaskan wang palsu dalam bentuk kertas yang tidak boleh ditebus nilainya. Disebabkan oleh *riba* maka wang itu sendiri, yang mana pada asasnya adalah untuk menyimpan dan mengukur nilai dan juga sebagai medium pertukaran, telah ditukar ganti kepada suatu komoditi yang boleh diperdagangkan. Pasaran matawang, dan juga banyak lagi pasaran-pasaran yang lain, telah dengan bijaknya dimanipulasi supaya nilai wang kertas itu sendiri berterusan menjadi kurang. Dollar Amerika sebagai contohnya, telah kehilangan 92% daripada nilainya berbanding 25 tahun sebelum ini. Tidak ramai manusia yang sedar akan fakta ini. Setiap kali wang palsu ini hilang akan nilainya, orang ramai mengalami kerugian dan golongan elit penindas mengaut keuntungannya. Ini adalah *riba*!

Disebabkan oleh *riba* kekayaan telah disedut dari manusia kebanyakan dan tertumpu kepada golongan elit penindas global. Masyarakat akhirnya terpisah kepada golongan berada dan yang tidak. Kekayaan kemudiannya hanya berkitar dikalangan golongan yang berada sementara yang miskin telah dihukum dan dipenjarakan didalam kemiskinan yang berkekalan. Penindas-penindas ini kemudiannya akan berpindah ke kawasan perumahan yang terjaga keselamatannya untuk mengelak dari keganasan yang berlaku didalam masyarakat yang mana kekayaan mereka telah disedut. Tamadun Eropah telah pun menyaksikan

akan keadaan ini. Golongan penindas didalam tamadun Eropah telah meninggalkan sinagog-sinagog Yahudi-Eropah dan gereja-gereja Kristian-Eropah mereka, dan membiarkan ianya mati didalam kubur-kubur yang terletak ditengah-tengah bandar yang telah musnah disebabkan oleh *riba*.

Riba sedemikian ini adalah merupakan sebahagian daripada eksploitasi ekonomi dan penindasan yang telah dibolehkan melalui pencemaran pasaran yang bebas dan adil. Disebabkan oleh *riba,* satu bentuk baru perhambaan yang canggih telah mendatangi seluruh umat manusia. Dan tamadun Eropah berterusan menjadi tuan kepada hamba-hamba. Tuan-tuan kepada hamba yang paling utama sekali pada hari ini adalah golongan Yahudi yang merupakan penguasa kepada *riba.*

Didalam kapitalisme kekayaan perlu bertambah secara berterusan, baik samada dengan cara yang betul ataupun dengan cara yang salah. Tiada lain lagi selain *riba* yang mana memastikan pertambahan ini. Yang kaya bertambah kaya dan yang miskin semakin miskin. Didalam *Islam,* matlamatnya adalah untuk memastikan kekayaan berkitar didalam ekonomi dan tidak hanya kepada golongan yang kaya [*Al-Quran 59:7*]. Apakah perbezaan-nya?

Islam mengisytiharkan bahawa golongan yang ditindas berhak untuk menggunakan kekerasan dalam perjuangan untuk membebaskan diri dari apa jua bentuk penindasan, termasuklah

juga penindasan ekonomi! Tiada undang-undang yang boleh mengambil hak tersebut daripada mereka.

Hasil kerja ini telah mendedahkan pelbagai bentuk-bentuk *riba* yang menjadi kuasa paling memusnahkan dan sedang menjalankan fungsinya untuk mencemari dan merosakkan pasaran yang bebas dan adil. *Riba* sepatutnya dikenali sebagai sumpahan kepada perniagaan dan perdagangan, – dan secara sistematiknya memusnahkan manafaat kolektif yang diperolehi dari peniagaan dan perdagangan. Ketidakadilan yang terlibat kerana *riba* adalah teramat besar dan merbahaya. Ia memecahkan, sebagai contohnya, perpaduan dan tali persaudaraan didalam kehidupan masyarakat dan menghasilkan kebencian terhadap kumpulan tertentu, keganasan, huru-hara dll atau apa yang *Al-Quran* gambarkan sebagai *fitna*.

Riba yang berleluasa didunia pada hari ini mengesahkan lagi yang kita hidup sekarang ini dizaman *fitan* (penuh kejahatan) yang mana Nabi (saw) telah meramalkan sebagai zaman terakhir sebelum *qiyamah* (berakhirnya dunia). Bagaimanakan cara seorang Islam patut hidup didalam zaman *fitan*? Sahabat bernama Hudhaifa telah bertanya kepada Nabi (saw) mengenai zaman kejahatan (*fitan*) dan bagaimana kita patut hidup dizaman tersebut. Ini adalah jawapan baginda:

> *Diantara tanda-tanda hari kiamat sebagaimana yang telah digambarkan oleh Pesuruh Allah kepada sahabat-*

nya Hudhaifa, adalah seperti berikut: Manusia akan mengikut sunnah yang lain dari pada sunnahku dan memberikan panduan lain daripada panduanku, jadi kamu akan dapati daripada mereka suatu yang boleh diambil dan suatu yang perlu ditolak. Aku bertanya samada akan terdapatkah kejahatan selepas kebaikan tersebut dan baginda menjawab: Ya, akan terdapat manusia yang akan menyeru manusia lain ke pintu neraka jahanam dan mencampakkan mereka yang menyahut seruan mereka itu kedalamnya. Aku meminta Pesuruh Allah untuk menggambarkan mereka kepada kami dan baginda menjawab: Mereka adalah dari kalangan kita dan bercakap seperti kita. Aku bertanya apakah perintah yang akan diberikannya kepadaku jika ianya terjadi pada zamanku dan baginda menjawab: ***Kamu perlu setia kepada jama'at (iaitu komuniti golongan yang beriman) dan Imam (iaitu Ameer atau ketua kepada jama'at yang mana kuasa diberikan kepadanya melalui kaedah baiya'ah atau sumpah taat setia)(oleh yang demikian komuniti dan pemimpinnya akan hidup dalam kehidupan yang menurut Al-Quran dan Sunnah dan, oleh sebab itu, merekalah yang benar-benar mendapat pedoman).*** *Aku berkata: Jika tidak terdapat sebarang jama'at atau pun Imam? Baginda bersabda: Maka berpalinglah dari semua*

mereka yang firaq (iaitu kumpulan-kumpulan Muslim sesat yang mana, oleh kerana mereka telah gagal untuk untuk bersatu sesama mereka sebagai satu jama'at dengan Imam/Ameer yang mana kuasanya diwujudkan melalui baiya'ah, ditolak sebagai mahzab) walaupun jika kamu perlu menggigit (makan) akar-akar kayu sehingga mati mendahului kamu sementara kamu didalam keadaan sedemikian. [Bukhari, Muslim]

Maka oleh itu, perlindungan yang terbaik daripada *riba* yang boleh diambil oleh seseorang adalah untuk menjadi ahli kepada *jama'at* yang mana dipimpin oleh seorang *Imam* yang mempunyai ilmu pengetahuan akan *Din* dan memimpin *jama'ah* tersebut dengan menuruti panduan dan perintah *Al-Quran* dan *Sunnah*. Setiap orang perlu memberikan janji taat setia kepada *Imam* tersebut dan kemudiannya hidup menurut tatacara yang di kuat kuasakannya.

Moga Allah (swt), memberikan perlindunganNya daripada dosa besar *riba* kepada mereka yang mengikut nasihat Nabi (saw) untuk setia kepada *jama'ah* dan mentaati *Imam/Ameer*. *Ameen*! Dan moga Allah (swt) memaafkan sebarang kesilapan-kesilapan yang mungkin telah kami lakukan dalam menangani perkara yang penting dan amat sukar ini. *Ameen*!

Apendik

Soal Jawab Mengenai *Riba*

Soalan: *Adakah seorang Muslim dibenarkan untuk meletakkan wangnya didalam akaun simpanan atau simpanan tetap didalam bank?*

Jawapan: Tidak! Itu akan memberikan penambahan yang mana adalah faedah atau *riba*. Dan Allah (swt), dan Nabi (saw) telah melarang umat *Islam* dari memakan *riba*.

Soalan: *Adakah seorang Muslim dilarang dari membayar faedah (riba)?*

Jawapan: Ya! Samada faedah atas pinjaman untuk membeli rumah atau kereta, atau membayar yuran pendidikan tinggi, atau membayar faedah keatas kad kredit dll, umat *Islam* telah dilarang dari membayar faedah. Nabi (saw) melaknat keempat-empat dan menyatakan bahawa mereka sama sahaja bersalah, – yang menerima *riba*, yang membayar *riba*, yang merekodkan

transaksinya dan dua orang saksinya. Baginda menyatakan bahawa mereka sama sahaja bersalah.

Soalan: *Jika seorang Muslim telah terjebak didalam riba kerana membeli rumah, apakah yang boleh dilakukannya untuk patuh kepada perintah Allah (swt) dan PesuruhNya?*

Jawapan: Dia boleh jual rumah tersebut dan membayar balik pinjaman bank. Dia kemudiannya boleh tinggal didalam rumah sewa sehinggalah dia mampu untuk membeli rumah secara tunai. Jika harga rumah menjadi terlalu mahal dan dia tidak mampu untuk membelinya secara tunai maka dia sepatutnya mengikut *Sunnah* dan menerima seaadanya untuk hidup didalam rumah atau apartmen yang kecil yang mana boleh dibina atau dibeli tanpa perlu meminjam.

Atau dia boleh berusaha untuk menarik sejumlah pelabur-pelabur yang mana akan menyediakan wang untuk menyelesaikan pinjaman bank. Jika harga pasaran rumah tersebut adalah $100,000 dan dia berhutang kepada bank sebanyak $50,000, maka pelabur yang menyelesaikan pinjaman tersebut akan memiliki 50% pemilikan keatas rumah tersebut, dan dia sendiri memiliki 50%. Dia kemudiannya akan menyewa rumah tersebut dari usahasama itu tadi. Jika sewa rumah tersebut adalah $1000 sebulan, $500 akan

kembali kepadanya dalam bentuk pulangan kepada pelaburan itu tadi. Dia kemudiannya akan memasuki perjanjian kedua untuk membeli dari para pelabur akan ekuiti mereka didalam rumah tersebut menurut jadual pembayaran yang dipersetujui bersama. Setiap tahun walaubagaimana pun, akan terdapat penilaian baru mengenai nilai harta tersebut. Kesudahannya apabila dia membeli keseluruhan pegangan dari rakan kongsinya, dia akan menjadi pemilik keseluruhannya akan rumah tersebut.

Soalan: *Bolehkah seorang Muslim melabur didalam pasaran saham?*

Jawapan: Pertama sekalinya, apakah itu saham? Saham adalah sebahagian daripada syarikat; jika kamu membeli saham sesebuah syarikat, maka, kamu telah menjadi sebahagian dari pemilik syarikat. Kamu sekarang berhak untuk berkongsi untung dan rugi syarikat tersebut. Pelabur-pelabur mendapat pulangan dividen daripada saham-saham mereka. Mereka juga boleh mendapat keuntungan dengan menjualnya dengan harga yang lebih mahal lagi daripada harga yang dibelinya.

Pasaran saham didalam pasaran yang bebas adalah suatu institusi ekonomi yang sah dan menurut undang-

undang dan peraturan. Tetapi pasaran yang bebas sudah tidak lagi wujud didunia pada hari ini. Pasaran saham didalam ekonomi kapitalis telah dimasuki di segenap bahagiannya dengan *riba*; malah ia sebenarnya adalah sarang perompak dan pencuri. Spekulasi adalah kuasa pendorong utama didalam pasaran saham pada hari ini. Dan transaksi spekulatif adalah *riba*. Apakah itu transaksi spekulatif? Ianya adalah transaksi yang mana seseorang telah membeli suatu barangan dan menjangkakan harga akan naik. Apabila itu berlaku, dia akan menjualnya dan mendapat keuntungan. Ianya juga transaksi yang mana seseorang menjual dan menjangkakan harganya akan jatuh. Apabila ianya jatuh seseorang itu akan membelinya balik apa yang telah dijualnya dan mendapatkan keuntungan! Transaksi spekulatif tiada bezanya dengan perjudian. Seseorang *Islam* sepatutnya melabur didalam perniagaannya sendiri atau, jika tidak, melabur didalam perniagaan *halal* yang dimiliki dan dijalankan oleh seseorang, atau oleh sekumpulan mereka yang jujur dan mempunyai kebijaksanaan didalam perniagaan.

Pasaran saham pada hari ini beroperasi atas dasar mempunyai akses kepada maklumat. Sesiapa yang mendapat maklumat paling awal boleh mengeksploit-

kan maklumat tersebut dan membuat wang. Oleh itu salah satu kunci utama untuk berterusan mendapat keuntungan didalam pasaran saham adalah akses kepada maklumat dengan segera. Akses kepada maklumat ini lazimnya diperolehi menerusi rasuah dan atau diberikan oleh penaung. Ianya lantas menjadi maklumat dalaman. Maklumat dalaman dari maklumat rasmi kerajaan adakalanya diperolehi sebagai *quid pro quo* (benda yang diberikan sebagai balasan) untuk sumbangan kepada kempen politik semasa pilihanraya. Para pelabur yang jujur yang mana tidak mempunyai akses kepada maklumat dalaman tidak akan mempunyai peluang untuk berjaya didalam pasaran saham yang mana sebenarnya beroperasi melalui cara penipuan, maka oleh sebab itu ianya adalah *riba*!

Soalan: *Bolehkah seorang Muslim memiliki dan menggunakan kad kredit?*

Jawapan: Kad kredit adalah kad yang mana membenarkan pemiliknya meminjam sejumlah wang yang tertentu dalam satu jangka masa (selalunya sebulan). Jika pinjaman tersebut dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan itu maka pinjaman itu akan menjadi pinjaman tanpa faedah. Akan tetapi jika pinjaman tersebut tidak dibayar balik dalam jangka masa yang

ditetapkan maka faedah (*riba*) akan dikenakan keatas pinjaman tersebut. Seorang Muslim dilarang dari membayar faedah maka jika seorang Muslim itu dapat membayar habis kesemua hutang kad kreditnya tepat pada masanya, dan tidak perlu membayar faedah, mungkin dia akan menyatakan bahawa dia tidak melanggar hukum dalam menggunakan kad kredit tersebut. Tetapi fikirkan sebegini: Perjanjian tersebut yang mana seseorang ingin mendapatkan kad kredit adalah perjanjian yang memberikan peruntukan untuk *riba*. Perjanjian sebegitu adalah haram bagi seorang Muslim. Maka dengan membuat perjanjian tersebut seseorang telah terjebak didalam *riba*.

Bolehkah seseorang Muslim menerima pinjaman dengan syarat yang mana jika ia tidak dibayar sebelum tempohnya seorang itu perlulah meminum whiski? Tidak! Bolehkah seseorang Muslim menerima pinjaman dengan syarat yang mana jika ianya tidak dibayar sebelum tempohnya orang yang memberikan-nya pinjaman itu boleh meniduri isterinya? Tidak! Maka bagaimanakah mungkin seorang Muslim menerima pinjaman dengan syarat yang mana jika ianya tidak dibayar sebelum masa tertentu dia perlu akur untuk membayar *riba*?

Keduanya, apa yang membawa kepada *haram* ianya sendiri adalah *haram*. Mungkin seorang akan menunjukkan kemampuannya untuk membayar semua pinjaman kad kredit pada masanya, terdapat sembilan puluh sembilan yang tidak mampu, yang mana akan terjebak secara langsung dengan membayar *riba*. Untuk menerima kemungkinan tersebut adalah umpama seorang yang mengambil prinsip didalam kehidupan yang mana setiap seseorang itu hanya perlu menjaga dirinya sendiri dan yang lain tidak perlu dipedulikan. Seseorang *Islam* dilarang dari hidup didalam keadaan sedemikian.

Soalan: *Bolehkah seseorang Muslim itu mengekalkan akaun semasanya di bank?*

Jawapan: Pada pendapat saya – Boleh! Akaun semasa selalunya tidak membayar faedah. Walaubagaimana pun seseorang itu perlulah memastikan perkara ini dengan banknya. Walaubagaimana pun seseorang itu perlulah mengekalkan jumlah purata bulanannya melebihi dari jumlah yang diperlukan untuk membolehkan cek-cek yang dikeluarkan olehnya ditunaikan pada setiap bulan. Terdapat dua sebab mengapa ianya perlu sebegitu: Pertama, bank akan meminjamkan wang dengan faedah dari kamu dan oleh sebab itu kamu akan menyumbang

kepada (yang mana boleh dielakkan) sistem perbankan *riba*; Keduanya, wang kertas adalah *riba*, ianya akan jatuh pada satu hari nanti menurut ramalan Nabi (saw). Umat *Islam* sepatutnya mengambil langkah-langkah perlu untuk melindungi diri mereka daripada kejatuhan tersebut. Salah satu cara yang mereka boleh lakukan adalah dengan menyimpan jumlah matawang yang paling minimum dalam bentuk kertas. Saya berharap ianya akan berkemungkinan kepada kita untuk menghasilkan syiling emas dan perak pada satu hari nanti. Apabila iatu dilakukan maka matawang boleh disimpan dalam bentuk *dinar* dan *dirham*. Apabila kejatuhan berlaku, mereka yang menyimpan *dinar* dan *dirham* tidak akan mengalami kerugian!

Soalan: *Bolehkah seorang Muslim membelanjakan wang ribanya dengan memberi sedekah?*

Jawapan: Tidak! Apa yang haram bagi seorang Muslim adalah juga haram kepada saudaranya.

Soalan: *Bolehkah wang riba diberikan sebagai sedekah kepada masjid?*

Jawapan: Tidak! Sedangkan golongan jahiliyah Arab yang menyembah berhala-berhala tidak akan menerima

wang *riba* untuk masjid al-haram (apabila kaa'ba dibina semula sebelum kedatangan Islam.)

Soalan: *Jika wang riba tidak boleh digunakan untuk tujuan persendirian, dan jika ianyanya tidak boleh diberikan untuk kebajikan, apakah yang perlu kita lakukan kepadanya?*

Jawapan: Ini adalah jawapan saya kepada surat yang saya terima berkenaan perkara tersebut dari seorang saudara baru Islam yang telah membuat pelaburan sebelum memasuki *Islam* dan telah mendapat pulangan dari pelaburannya. Beliau ingin mengetahui samada wang yang diperolehinya adalah *riba* dan, jika ianya *riba,* apa yang patut beliau lakukan dengan hasil pelaburannya itu:

Saudari ....

Terima kasih kepada surat saudari. Ianya amat menyenangkan hati saya untuk melihat akan sifat takutkan Allah didalam surat saudari. Saya juga sungguh gembira bahawa buku kecil "*Pentingnya Larangan Riba didalam Islam*" telah memberikan kesan yang positif didalam perkembangan hidup saudari. *Alhamdulillah*!

Pelaburan saudari yang mana walaupun nilai keuntungan boleh turun-naik, tidak terdapat akan

kebarangkalian untuk mengalami kerugian. Transaksi sebegitu bukanlah *ba'i* (perniagaan atau perdagangan). Ianya adalah jelas *riba*! Oleh sebab itu kamu terlibat didalam satu dosa yang amat besar dan patut mengambil langkah-langkah untuk keluar darinya. Jika kamu melakukan dosa tersebut ketika didalam keadaan jahil, dan kamu kemudiannya mengambil langkah untuk memperbetulkan diri kamu sebaik sahaja kamu mempelajari mengenai dosa tersebut, maka kamu telah memenuhi salah satu syarat untuk keampunan dari Allah iaitu *tauba*.

Bagaimana kamu boleh membuang wang *riba* yang telah dikumpulkan melalui pelaburan? Pertamanya **ianya tidak boleh digunakan untuk kepentingan diri kamu.** Keduanya **ianya tidak boleh diberi kepada insan lain sebagai sedekah** kerana apa yang haram kepada kamu (*riba*) adalah haram juga untuk semua umat manusia.

Barangkali hanya satu sahaja kemungkinan yang terbuka untuk kamu (untuk membuang wang *riba* tersebut) yang mana juga meningkatkan peluang kepada kamu agar diampunkan oleh Allah ialah seperti berikut:

Musuh-musuh Allah sedang memerangi seluruh umat manusia, secara amnya, dan terhadap umat Islam khususnya, dengan menggunakan *riba.* Didalam keadaan peperangan ini yang kini wujud didalam kehidupan ekonomi umat manusia disebabkan oleh *riba,* **barangkali, mungkin,** dibolehkan untuk menggunakan wang *riba* untuk memerangi *riba*!

Jika kamu menerima pendapat kami kamu boleh menggunakan wang *riba* yang telah terkumpul melalui pelaburan kamu untuk mencetak buku mengenai *riba* untuk diedarkan secara percuma. Apabila manusia membaca buku-buku tersebut dan kemudiannya melakukan usaha untuk membebaskan diri mereka dari dosa besar *riba,* ianya berkemungkinan yang Allah akan mengampuni dosa besar kamu iaitu terlibat didalam *riba.* Dan Allah lebih maha mengetahui!

Ini hanyalah pendapat saya. Ianya juga adalah pendapat saudara Shaikh Imam Alfahim Jobe yang mana telah saya rujuk kepadanya berkanaan soalan ini. Kami mungkin betul. Kami juga mungkin salah. Dan Allah lebih maha mengetahui!

Yang benar,

Saudara Islam mu,
I.N.H.

Soalan: *Bolehkah seorang Muslim melibatkan diri didalam skim pemasaran piramid; iaitu kamu memasarkan barangan untuk sesebuah syarikat dan kamu mendapat komisyen dengan mendapatkan pelanggan? Atau masjid kamu mendapat komisyen dari usaha kamu mendapatkan pelanggan?*

Jawapan: Jika sasaran pelanggan adalah dengan dasar persahabatan, atau kerana perasaan setianya kepada *masjid* atau *Pusat Islam* dan sebagainya, maka keputusan yang dibuat oleh pelanggan tersebut untuk membeli sesetengah barangan (seperti melanggan kepada syarikat telefon jarak jauh) akan dibuat atas dasar pertimbangan yang tidak berpihak kepada pasaran yang bebas.

Sesuatu barangan sepatutnya bersaing didalam pasaran didalam keadaan persaingan yang bebas dan adil. Pengeksploitasian hubungan akrab, atau cinta seseorang kepada agama sebagai strategi pemasaran menunjukkan kecemaran akan pasaran yang bebas dan adil. Oleh sebab itu strategi pemasaran sebegitu merupakan salah satu bentuk *riba*.

Soalan: *Nabi telah meramalkan kejatuhan sistem kewangan antarabangsa yang berdasarkan wang kertas, plastik dan elektronik. Kita semua menggunakan wang kertas pada hari ini. Apa yang boleh kita lakukan mengenainya?*

Jawapan: Penyelesaian yang sebenar hanya boleh dilakukan apabila gerakan *Islam* mengambil kawalan sesebuah kawasan. Kerajaan *Islam* kemudiannya akan mengambil langkah yang mana akhirnya akan menghapuskan wang kertas. Kerajaan *Islam* akan menggubal undang-undang yang akan menjadikan **dinar emas** dan **dirham perak** sebagai wang yang sah diperlakukan (legal tender). Kerajaan *Islam* itu juga akan mengeluarkan syiling emas dan perak untuk kegunaan orang ramai. Apabila *dinar* emas dan *dirham* perak diberikan status sebagai wang yang sah diperlakukan (legal tender), akibatnya para pekerja sekarang ini akan meminta gajinya didalam bentuk wang yang sebenar dan bukan lagi wang tiruan (kertas).

Barang-barangan, properti, hartanah dan perkhidmatan akan menyaksikan penjual meminta wang yang sebenar keatas jualan-jualannya.

Penggunaan *dinar* emas dan *dirham* perak sebagai wang yang sah diperlakukan akan menyebabkan kejatuhan berterusan akan nilai wang kertas. Semakin tinggi

nilainya turun, semakin cepatlah jatuhnya wang tersebut, akan menyebabkan orang ramai dapat melihat kelebihan wang sebenar berbanding wang tiruan. Akhirnya wang kertas akan sendirinya jatuh dan apabila ianya berlaku, kerugian besar akan berlaku, bukan kepada orang ramai yang miskin, akan tetapi kepada golongan penindas elit.

Sehinggalah masanya wang yang sebenar dikembalikan sebagai wang yang sah diperlakukan (legal tender), umat *Islam* sepatutnya melindungi simpanan mereka dengan menyimpan emas dan perak dan bukannya wang kertas!